Volume IV
No. 1

Thursday
15th June, 1967

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA (SENATE)

OFFICIAL REPORT

FOURTH SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT OF MALAYSIA

CONTENTS

ANNOUNCEMENTS BY MR PRESIDENT—
Speech of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong [Col. 5]
Leave of Absence for the Honourable Tan Sri Ong Yoke Lin, P.M.N. [Col. 23]
ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 23]
MOTIONS—
Access to Parliament [Col. 41]
Committee of Selection [Col. 41]
The Yang di-Pertuan Agong's Speech (Address of Thanks) [Col. 42]
WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 128]
SPECIAL APPENDIX [Col. 139/140]

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH OOI THEAM HOCK, PENGUASA, IPOH
1968

MALAYSIA

DEWAN NEGARA (SENATE)

Official Report

Vol. IV | Fourth Session of the Second Dewan Negara | No. 1

Thursday, 15th June, 1967

The Senate met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

The Honourable Mr President, DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).

„ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Appointed).

„ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, P.J.K. (Negri Sembilan).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN AHMAD (Perlis).

„ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN, P.J.K. (Appointed).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N. (Penang).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDUL MANAP, P.P.N. (Malacca).

„ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Appointed).

„ PUAN BIBI AISHA BINTI HAMID DON, A.M.N. (Appointed).

„ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS (Kelantan).

„ DATO' JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).

„ TUAN AWANG DAUD MATUSIN (Appointed).

„ TAN SRI DATU TUANKU BUJANG BIN TUANKU HAJI OTHMAN, P.S.M. (Sarawak).

„ TUAN CHAN KEONG HON, A.M.N., S.M.S., P.J.K. (Appointed).

„ TUAN CHAN KWONG-HON, J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).

„ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Appointed).

„ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., J.P., Dato' Kurnia Indera (Appointed).

„ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Appointed).

„ TUAN GOH CHEK KIN, P.J.K. (Trengganu).

„ TUAN HOH CHEE CHEONG, A.M.N., J.P. (Pahang).

„ TUAN HONG KIM SUI (Appointed).

„ TUAN C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Appointed).

„ TUAN ANDREW JIKA LANDAU (Appointed).

„ TUAN KOH KIM LENG (Malacca).

„ DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).

„ DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Appointed).

„ TUAN LIM HEE HONG, J.M.N., J.P. (Appointed).

„ TUAN LIM JOO KONG, A.M.N., J.P. (Kedah).

The Honourable TUAN MOHAMAD ADIB BIN OMAR, P.J.K. (Trengganu).

„ DATU PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).

„ TAN SRI HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P. (Appointed).

„ TUAN HAJI MOHAMED SA'AID BIN HAJI ABU BAKAR (Appointed).

„ DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Appointed).

„ TUAN S. P. S. NATHAN (Appointed).

„ TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU (Sarawak).

„ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Appointed).

„ TUAN SAIDON BIN KECHUT, A.M.N. (Appointed).

„ DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA AL-HAJ, D.P.M.J., P.I.S.,
„ J.P. (Johore).

„ TAN SRI G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Appointed).

„ TUAN SYED AHMAD BIN SYED MAHMUD SHAHABUDIN, J.M.N., S.M.K., J.P. (Kedah).

„ TUAN SYED DARUS BIN SYED HASHIM (Perlis).

„ TUAN WILLIAM TAN, J.M.N. (Appointed).

„ TAN SRI T. H. TAN, P.M.N. (Appointed).

„ DATO' E. E. C. THURAISINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Appointed).

„ DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).

„ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Appointed).

ABSENT:

The Honourable the Minister without Portfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Appointed).

„ TUAN CHEAH SENG KHIM, J.P. (Penang).

„ TUAN GAN TECK YEOW, J.M.N. (Appointed).

„ NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Appointed).

„ RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY (Selangor).

„ DATO' S. O. K. UBAIDULLAH, D.P.M.S., J.M.N. (Appointed).

„ WAN MUSTAPHA BIN HAJI WAN ALI, S.M.K. (Kelantan).

„ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).

„ TUAN YEOH KIAN TEIK (Perak).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).

„ the Minister of Labour, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).

„ the Minister of Lands and Mines and Minister of Justice, TUAN HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).

„ the Assistant Minister of National and Rural Development, TUAN SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).

PRAYERS

(Mr President *in the Chair*)

ANNOUNCEMENT BY MR PRESIDENT

TITAH UCHAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG (HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH)

Mr President: Yang Berhormat Ahli[2] Dewan Negara, saya ingin hendak mema'alumkan kapada Majlis ini bahawa Majlis Dewan Negara telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-Dewan Parlimen, dan Duli Yang Maha Mulia dengan lempah kurnia telah membuat Titah Uchapan Baginda kapada kedua[2] Majlis Parlimen dan saya telah perentahkan supaya salinan Titah Uchapan itu di-bahagi[2]-kan kapada Ahli[2] Majlis dan akan di-chap dalam Parliamentary Debates.

"Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat dan Yang Berhormat Ahli[2] Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat:

Dalam masa dua belas bulan semenjak Beta menyampaikan uchapan kapada tuan[2] dalam majlis pembukaan penggal yang ketiga Parlimen dahulu beberapa peristiwa yang besar telah berlaku. Umpama-nya konferantasi yang berjalan sa-lama tiga tahun itu telah tamat dan suatu Perjanjian bagi memulehkan sa-mula Perhubongan antara Malaysia dengan Indonesia telah di-tanda tangani. Dan lagi kita telah memulehkan sa-mula perhubongan diplomatik dengan Filipina dan Pakistan. Oleh kerana kita tiada bermusoh[2]an lagi dengan negara[2] itu maka dapat-lah Kerajaan Beta menumpukan lebeh banyak lagi perhatian dan usaha-nya untok menyelesaikan masa'elah[2] mengenai masharakat dan ekonomi yang mesti di-hadapi untok memajukan negara.

Pada tahun yang lalu kita telah mula melaksanakan Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Kita telah menchapai kemajuan ekonomi yang memuaskan hati ia-itu keluaran hasil dan pendapatan orang sa-orang telah bertambah. Kerajaan dan pehak persendirian telah terus menerus menanam modal dengan banyak-nya untok menguatkan ekonomi Malaysia supaya lebeh banyak lagi barang[2] di-keluarkan, lebeh banyak lagi perkhidmatan[2] di-adakan dan lebeh banyak lagi peluang bagi ra'ayat Malaysia mendapat pekerjaan. Usaha[2] mengelokkan lagi kemudahan[2] pelabohan dan keretapi sedang di-jalankan. Badan[2] berkanun masing[2] terus menerus menjalankan tugas-nya yang penting.

Sementara pehak persendirian akan terus menerus menanam modal dengan bertambah banyak, usaha pembangunan oleh Kerajaan di-jangka akan di-jalan-kan dengan lebeh giat lagi dalam tahun 1967 daripada tahun 1966. Ranchangan[2] pembangunan kita sedang di-jalankan dengan lebeh giat lagi kerana Kerajaan Beta berusaha hendak menggunakan modal dan tenaga yang ada di-negeri ini. Ada-lah juga di-harapkan bahawa kita akan mendapat lebeh banyak lagi bantuan daripada negara[2] luar untok melaksanakan Ranchangan Malaysia Yang Pertama dalam tahun yang kedua. Kerajaan Beta telah menjalankan usaha[2] menerangkan kapada negara[2] yang menjadi ahli Kumpulan Penasihat Bantuan kapada Malaysia betapa mustahak-nya Malaysia mendapat bantuan dan sebagai hasil daripada usaha[2] itu, Kerajaan[2] Canada, Jepun, Belanda, Peranchis, Belgium, Britain dan Amerika Sharikat telah pun menawarkan pinjaman bagi membantu Malaysia. Malaysia juga telah mendapat tawaran bantuan bagi membena sa-batang jalan raya dari Timor ka-Barat di-Sabah, menghubongkan Jesselton dengan Sandakan. Sa-lain daripada itu perundingan[2] sedang di-jalankan dengan Bank Dunia bagi mendapat bantuan pinjaman bagi projek[2] besar saperti projek[2] parit dan taliayer dan mungkin juga untok projek[2] kemajuan tanah, pelajaran, bekalan ayer dan talikom. Akhir sa-kali kita sambut baik keputusan Kerajaan

Australia dan juga Kerajaan New Zealand hendak terus memberi bantuan² pertahanan dan juga bantuan² ekonomi kapada Malaysia. Satu Perwakilan Bantuan Pertahanan Australia baharu sahaja menamatkan lawatan-nya ka-Negeri ini bagi menetapkan chara² Kerajaan Australia boleh membantu kita hingga akhir tahun 1970. Kita menguchapkan berbanyak² terima kaseh bagi semua bantuan yang di-beri dan sikap persahabatan yang di-tunjokkan kapada kita.

Satu perusahaan yang baru yang akan memberi keuntongan yang besar kapada ekonomi Negara kita akan di-lancharkan, ia-itu perusahaan perkapalan kebangsaan. Perdana Menteri Beta telah pun mendapat akuan daripada Kerajaan Jepun untok memberi dua buah kapal sebagai bukti yang menunjokkan rasa muhibbah ra'ayat Jepun terhadap pendudok² Malaysia. Sebagaimana yang di-terangkan oleh Perdana Menteri Beta, pemberian ini bukan-lah merupakan satu bayaran ganti rugi, kerana kerugian² yang di-tanggong oleh ra'ayat jelata Negeri ini semasa peperangan dahulu tidak-lah dapat di-nilaikan. Dengan dua buah kapal ini dapat-lah di-mulakan perusahaan perkapalan kebangsaan bersama² dengan ra'ayat Negeri ini, dan juga negara² jiran yang akan tertarek hati untok masok champor bersama² dengan kita. Kerajaan Beta berharap bahawa dengan permulaan yang kechil ini, maka dapat-lah kita meletakkan satu asas yang tegoh untok maju ka-hadapan sa-langkah demi sa-langkah sa-hingga dapat-lah Negara kita mempunyai satu perusahaan perkapalan kebangsaan yang menchukopi bagi keperluan kita, kerana pada hari ini Negara kita terpaksa mengeluarkan wang sa-jumlah 275 juta ringgit pada tiap² tahun untok tambang menghantarkan hasil² perusahaan kita ka-negeri lain.

Kerajaan Beta sedang bersunggoh² menjalankan dasar membanyakkan puncha² ekonomi dengan lebeh mengutamakan usaha menanam kelapa sawit dan lain² tanaman, meluaskan perusahaan kayu kayan dan menambah kemajuan perusahaan.

Suatu perkara yang menggalakkan ia-lah dalam masa lima tahun yang lalu penggantian impot telah menchapai kemajuan yang besar dan telah banyak menolong kita berjimat membelanjakan wang di-negeri asing. Mulai dari sekarang Pusat Daya Pengeluaran Negara, Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan serta Yayasan Sukatan dan Darjah yang baharu di-tubohkan itu akan memainkan peranan yang bertambah penting bagi mengembangkan perusahaan.

Kerajaan Beta akan memperhebatkan usaha membaiki lagi keadaan ekonomi pendudok² luar bandar. Dengan menanam sa-jenis beneh padi baharu yang dinamakan padi Ria, keluaran padi akan bertambah kira² 1,200 gantang sa-ekar, ia-itu lebeh tiga kali banyak-nya daripada keluaran padi pukul rata pada sa-ekar di-Negeri ini. Dengan yang demikian dan dengan bertambah-nya sawah² padi yang di-tanam dua kali sa-tahun maka akan bertambah-lah pendapatan pendudok² luar bandar tiada berapa lama lagi. Undang² Persatuan Peladang² bagi menubohkan badan² berkuasa sendiri yang di-anjorkan oleh peladang² itu sendiri telah di-luluskan pada awal tahun ini. Tujuan-nya ia-lah hendak menjaga kepentingan peladang² itu sendiri. Beberapa ranchangan untok mengelokkan lagi pasaran padi yang di-jalankan oleh Lembaga Pasaran Pertanian Persekutuan telah juga di-mulakan. Banyak lagi tanah akan di-beri kapada pendudok² untok menanam getah, kelapa sawit dan lain² tanaman. Kerajaan Beta akan sentiasa melaksanakan langkah² supaya nelayan² akan bertambah chekap dan boleh mendapat ikan dengan lebeh banyak lagi. Langkah² permulaan bagi melengkapi perusahaan menangkap ikan dengan alat² moden telah di-jalankan. Sa-buah Jabatan Teknologi Makanan untok menjalankan penyelidekan berkenaan dengan memperoses dan mengetinkan makanan termasok ikan, sayor²an dan buah²an telah di-tubohkan.

Dalam lapangan pelajaran pula, Kerajaan Beta akan lebeh mengutamakan pelajaran latehan pekerjaan dan sedang bersunggoh² berusaha mengadakan guru² bagi berbagai² sekolah teknik di-Malaysia. Satu kejayaan yang besar telah di-chapai pada tahun yang lalu manakala penuntut² dapat mengambil pada kali yang pertama-nya Pepereksaan Sijil Persekolahan Tinggi dalam bahasa kebangsaan. Kerajaan Beta juga akan mendirikan sa-buah Maktab Tinggi atau Universiti Kolej di-Pulau Pinang dari wang pinjaman yang di-harap akan di-dapati dari Kerajaan Jepun. Beta perchaya Universiti di-Pulau Pinang itu kelak akan memberi peluang yang lebeh besar kapada penuntut² Negeri ini dari segenap gulongan untok mendapatkan pelajaran tinggi.

Dalam usaha menambahkan lagi kemudahan² perubatan dan kesihatan Kerajaan Beta telah dapat menchapai kemajuan terus menerus. Dasar mengadakan ranchangan rumah murah dalam tiap² bandar sedang di-jalankan dan Kerajaan Beta sedang giat mengkaji chadangan hendak menubohkan sa-buah Lembaga Kemajuan dan Perumahan Pusat yang akan menchepatkan lagi usaha mendirikan rumah bagi orang ramai dan juga chadangan hendak mengadakan suatu undang² yang membolehkan wang yang lain daripada wang Kerajaan di-gunakan bagi tujuan mendirikan rumah.

Dua hari dahulu satu lagi kemajuan telah terchatit dalam sejarah sistem mata-wang kita manakala wang Malaysia yang baharu telah di-keluarkan oleh Bank Negara Malaysia untok menggantikan wang Tanah Melayu yang di-keluarkan oleh Lembaga Surohanjaya Wang dahulu. Kerajaan Beta berasa amat sukachita kerana semua gulongan ra'ayat Negeri kita ini menaroh keyakinan terhadap wang baharu itu dan merasa bangga dengan-nya.

Satu Rang Undang² berkenaan dengan perhubongan perusahaan untok mengelokkan lagi undang² yang ada sekarang ini supaya terpakai di-seluroh Malaysia akan di-bentangkan dalam penggal Parlimen kali ini. Undang² Pekerjaan tahun 1955 akan di-pinda untok menambah kuat-kuasa-nya. Satu sekim Insuran Kebajikan Pekerja yang akan memberi faedah wang lebeh sa-kali ganda banyak-nya daripada jumlah yang di-untokkan sekarang ini kerana kechachatan hingga tiada boleh bekerja lagi dan kerana sa-saorang pekerja yang menanggong nafkah keluarga-nya mati akan di-lancharkan dalam tahun ini. Orang² sakit dan orang² bersalin akan juga mendapat bantuan daripada sekim itu.

Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia telah di-tubohkan pada penghujong tahun lalu bagi mengator kerja memindahkan buroh ka-Sabah. Sa-banyak 400 orang pekerja dan 264 orang tanggongan mereka telah pun di-pindahkan oleh Lembaga itu ka-beberapa buah ladang di-Sabah. Lembaga itu berchadang hendak menghantar lebeh kurang 1,200 orang pekerja dari Malaysia Barat ka-Sabah dalam tahun ini. Ada-lah di-harapkan bahawa usaha memindahkan pekerja² ka-Sabah itu bukan sahaja akan menambah bilangan pekerja² yang sangat kurang di-Sabah bahkan juga akan membantu memajukan ekonomi di-Negeri itu dengan lebeh chepat lagi.

Kerajaan Beta amat sedar bahawa hanya dengan mengadakan ranchangan² pembangunan yang besar dan tersusun, ekonomi Negeri ini tiada akan maju dan peluang² bagi ra'ayat mendapat kerja tiada akan bertambah, kechuali ranchangan² itu telah di-laksanakan dengan sa-penoh²-nya oleh pehak Kerajaan dan juga pehak persendirian. Semua ranchangan itu hanya dapat di-laksanakan jika perkhidmatan 'awam chekap dan jujor. Oleh hal yang demikian Kerajaan Beta sedang berusaha dengan segala daya-upaya-nya supaya alat pentadbiran bertambah chekap. Kemudahan² bagi melateh kakitangan² Kerajaan akan di-tambah lagi sa-telah di-tubohkan Bahagian Kemajuan Pentadbiran. Dalam pada itu tindakan sedang di-jalankan untok menyusun sa-mula pembahagian kakitangan² di-dalam semua Jabatan Kerajaan untok mengurangkan perbelanjaan

pentadbiran. Bahagian Penchegah Rasuah akan di-susun sa-mula dan di-jadikan satu bahagian yang berasingan dan di-lengkapi dengan sa-chukup-nya supaya dapat bahagian itu menjalankan tugas²-nya dengan sempurna. Dengan hal yang demikian, dapat-lah dengan seberapa yang boleh apa² perbuatan rasuah yang sedikit² wujud di-negeri ini di-chegah dan di-hapuskan.

Faham Komiunis dan gerakan sabersib maseh lagi menjadi satu anchaman yang besar kapada keselamatan Malaysia. Baru² ini anasir² ini telah melakukan gerakan keganasan dengan sechara berterang-terang di-Sarawak, dan juga meng-adakan beberapa gerakan tunjok perasaan di-Malaysia Barat dengan tidak ada sebarang sebab yang munasabah. Tindakan mereka itu telah menyebabkan timbul-nya pertemporan dengan pegawai² keamanan dan menyebabkan kerugian kapada ahli² perniagaan. Kejadian yang saperti ini berlaku juga di-beberapa tempat yang lain saperti di-Hongkong dengan sechara yang lebeh besar. Ada-lah di-dapati bahawa gerakan² yang mereka lakukan itu ia-lah dengan arahan atau perentah dari kuasa luar supaya timbul kekachauan dan huru-hara di-Tenggara Asia. Sunggoh pun bagitu Beta sangat-lah bergembira dan tertarek hati kerana gerakan ini tidak mendapat sebarang sokongan daripada ra'ayat Beta yang ta'at setia. Pasokan² keselamatan Malaysia pada masa ini ada-lah bertanggong-jawab dengan sepenoh-nya untok menjaga keselamatan Negara kita. Dengan ber-tambah-nya tanggong-jawab² keselamatan itu, maka mustahak-lah Kerajaan Beta membesarkan lagi bukan sahaja Pasokan Tentera Malaysia tetapi juga Angkatan Laut Malaysia dan Angkatan Udara di-Raja Malaysia.

Kerajaan Beta ada-lah berusaha menjalankan dasar luar negeri yang bebas ia-itu mengekalkan perhubongan yang baik dengan semua negara² sahabat di-dalam dunia ini. Dengan berasaskan kapada dasar hidup bersama, dengan aman dan damai, dengan benar² menghormati kemerdekaan dan kedaulatan negara² dan bekerjasama bagi faedah bersama, maka Malaysia pada tahun yang lalu telah mengikat pula tali persahabatan dengan beberapa buah negara lain dalam dunia ini.

Malaysia akan menyambut hari ulangtahun kemerdekaan-nya pada 31 hari-bulan Ogos tahun ini. Dalam masa sa-puloh tahun Negeri ini menchapai kemer-dekaan-nya beberapa kemajuan telah di-chapai untok mengadakan kema'amoran kapada ra'ayat negeri ini; dan maseh banyak lagi sedang di-ranchangkan untok menchapai kemajuan lagi. Dalam lapangan ekonomi, pokok² getah yang sudah tua telah di-tebang dan di-ganti dengan pokok² getah yang boleh mengeluarkan hasil yang banyak. Ranchangan² taliayer telah di-perluaskan dan beberapa kawasan tanah baharu telah di-buka. Kerja² untok ranchangan taliayer Sungai Muda telah pun di-mulakan, dan ranchangan² permulaan bagi ranchangan pembukaan tanah Jengka Tiga Segi telah pun di-buat; kedua² ranchangan ini ada-lah di-antara ranchangan² yang terbesar yang di-dapati di-seluroh dunia. Kerja² untok membaiki sistem pengangkutan dan perhubongan kita telah juga menchapai kejayaan yang chemerlang. Lapangan Terbang Antara Bangsa kita ada-lah di-antara lapangan² terbang yang terbaik, beberapa pengkalan baharu untok kapal² besar telah di-bena di-Port Swettenham, dan beberapa buah lagi sedang di-bena di-Butterworth. Susunan jalan² raya dan perhubongan telah banyak di-perbaiki dan di-perluaskan. Tenaga kuasa letrik kita telah juga ber-tambah, terutama-nya sa-bagai hasil daripada ranchangan haidero letrik di-Cameron Highlands, dan akan bertambah lagi sa-telah ranchangan Batang Padang siap kelak. Dalam lapangan masharakat, kejayaan² kita ada-lah menarek hati juga. Kemudahan² kesihatan telah di-perluaskan ka-kawasan² luar bandar. Dalam lapangan pelajaran, bilangan penuntut² yang telah bertambah ada-lah mena'jubkan walau pun di-bandingkan dengan negeri² lain. Sa-buah universiti baharu telah di-tubohkan dan sekarang ada sa-ramai empat ribu lima ratus orang penuntut dan bangunan² untok sa-buah fakulti perubatan dan rumah sakit latehan

pada masa ini ada-lah hampir² siap. Sabah dan Sarawak yang telah memasoki Malaysia dalam tahun 1963 sedang meni'mati faedah² dari ranchangan pembangunan kita yang besar. Sa-bagai chontoh-nya, pelajaran rendah perchuma telah di-laksanakan di-Malaysia Timor dan tiada beberapa lama dahulu suatu projek jalan raya yang besar telah di-siapkan yang menghubongkan Kuching dengan Sibu. Sa-lain daripada itu, kita telah mengadakan kemudahan² ekonomi dan sosial bagi ra'ayat di-kawasan² luar bandar dan kawasan² bandar yang memerlukan pertolongan. Kita sa-memang-nya boleh berbangga dengan kemajuan² yang telah kita chapai dalam lapangan² ekonomi dan sosial dan ranchangan² lain yang tiada dapat di-sebutkan satu persatu di-sini, ia-itu ranchangan yang telah memberi faedah kapada ra'ayat di-seluroh cherok rantau negeri ini.

Dalam beberapa tahun yang akhir² ini juga kita telah terpaksa menambah perbelanjaan keselamatan kita. Pada masa ini kita juga sedang menanggong beban kerana jatoh-nya harga getah dan bijeh timah. Oleh kerana hal ini dan juga oleh kerana beberapa hal yang lain maka kedudokan kewangan Kerajaan Persekutuan telah menjadi sukar hingga perbelanjaan berulang-ulang ada-lah melebehi hasil negara dan pada tahun yang lalu kita telah menghadapi kekurangan belanjawan dalam kira² berulang-ulang. Berbagai-bagai langkah untok menambah hasil telah pun di-jalankan. Lebeh banyak lagi perhatian sedang di-tumpukan kapada kehendak² perbelanjaan. Pada masa ini gaji dan pencher memakan belanja hampir empat puloh peratus daripada belanjawan biasa. Jumlah ini terlalu tinggi jika di-bandingkan dengan lain² perbelanjaan dan oleh yang demikian dasar Kerajaan hendak-lah menentukan supaya perbelanjaan ini tiada bertambah hingga beberapa tahun lagi sa-kurang²-nya. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan² Negeri dan semua badan berkanun hendak-lah berusaha mengurangkan perbelanjaan sa-dapat²-nya dan menentukan bahawa usaha² di-tumpukan bagi menjalankan projek² yang mendatangkan hasil sahaja. Kita hendak-lah memberhentikan sama sa-kali perbelanjaan yang tiada mendatangkan hasil kapada Negeri ini. Dalam segala lapangan usaha manusia, kita hendak-lah menambah lagi daya pengeluaran dan kechekapan sama ada dalam perusahaan orang ramai atau pun perusahaan bersendirian. Ini-lah sahaja chara-nya kita boleh menumpukan usaha yang chukup bagi menchapai kemajuan ekonomi dan sosial yang di-tuju dalam Ranchangan Malaysia kita Yang Pertama.

Semenjak merdeka kita telah menchapai kadar perkembangan ekonomi yang memuaskan hati dan dalam pada itu pula keadaan kewangan dan ekonomi kita terus menerus kukoh. Dalam keadaan kita sekarang kejayaan ini hanya boleh kekal jika kita berbelanja dengan sa-habis² jimat dan chermat. Kerajaan Beta tiada akan membenarkan keadaan kewangan kita yang kukoh itu di-khianati hingga kejayaan kita dalam hal ekonomi dan masharakat dalam masa sa-puloh tahun yang lalu menjadi sia². Negara kita, sa-bagaimana Kerajaan Beta juga, mesti-lah menempoh chabaran yang kita hadapi itu dengan chara yang munasabah. Kita mesti-lah memileh chara yang membawa kapada kemajuan serta kekukohan. Oleh hal yang demikian apabila sahaja telah kita pileh chara ini tiada-lah kita berbalek² lagi dan kita mesti-lah sanggup menanggong beban-nya.

Pada awal tahun ini Kerajaan Beta telah menjalankan satu kempen bagi menanam semangat kebangsaan dan perasaan chinta kaseh sayang ra'ayat Malaysia kapada negara Malaysia dengan menghormati lagu dan bendera kebangsaan. Beta berharap semua ra'ayat Beta kechil besar tua muda di-mana² juga hendak-lah sentiasa menghormati lagu dan bendera kebangsaan yang menjadi lambang kemegahan negara kita.

Beta berdo'a ka-hadzrat Allah yang Maha Kuasa mudah²an di-beri-Nya kita taufik dan hidayah dan di-tunjokkan-Nya Kerajaan dan ra'ayat Beta jalan yang membawa kapada keamanan, perpaduan yang baik dan kema'amoran."

The English Translation is as follows:

"Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of both Houses of Parliament:

During the twelve months since I last addressed you at the opening of the third session of Parliament, several significant events had taken place. The three-year confrontation had ended and an Agreement to Normalise Relations between Malaysia and Indonesia was signed. We have resumed diplomatic relations with the Philippines and with Pakistan. With the ending of hostilities, my Government will now be able to devote more of its attention and efforts on tackling the socio-economic problems in nation building.

Last year we began to implement the First Malaysia Plan. Satisfactory economic progress in increasing output and income per person had been achieved. Private and public investments to increase the capacity of the Malaysian economy in the production of more goods and services and to provide more employment opportunities for Malaysians were maintained at a high level. Improvements to port and railway facilities are being carried out. The various statutory bodies have continued to play their important respective roles.

While private investment will continue to increase substantially, the public sector development is expected to proceed at a more rapid rate in 1967 as compared with 1966. The implementation of our development plans in 1967 is being intensified by the recent efforts of my Government to mobilise internal resources. It is also hoped that foreign assistance will play a bigger role in the implementation of the second year of the First Malaysia Plan. As a result of efforts made to acquaint members of the Consultative Group with Malaysia's case for assistance, Canada, Japan, the Netherlands, Belgium, France, Britain and the United States have offered export credits to Malaysia. Malaysia has also received offers of grant assistance for the construction of an East-West road in Sabah, joining Jesselton with Sandakan. In addition, different stages have been reached in negotiations with the World Bank for loan assistance for such major projects as irrigation and drainage projects, and possibly for land development, education, water supply and telecommunications projects. Finally, we welcome the decisions of the Australian Government, and also of the New Zealand Government, to continue to extend defence as well as economic grant assistance to Malaysia. An Australian Defence Aid Mission has in fact just completed its visit here to determine in what ways Australia can assist us to the end of 1970. We are most grateful for all this assistance and the gestures of goodwill that have been extended to us.

A new industry which will greatly benefit our economy is to be launched, that is the national shipping industry. My Prime Minister had already received an assurance from the Japanese Government that it would give two ships as a gesture of the goodwill and friendship of the Japanese people towards the people of Malaysia. As my Prime Minister had already explained this gift is not a compensation for the losses suffered by the people of this country in the last war as such losses cannot be evaluated. With these two ships a national shipping industry can be launched with the participation of the people of this country and our neighbouring countries who may be interested in joining us in this venture. My Government hopes that with this small beginning we can lay a firm foundation and gradually progress step by step until our country possesses a national shipping industry which will fully serve our needs. At present we spend a sum of $275 million annually to transport our products to other countries.

My Government is actively pursuing a policy of diversifying Malaysia's economic base by placing greater emphasis on the planting of oil palm and other crops, the expansion of the timber industries and industrial development.

It is encouraging to note that during the last five years import substitution has progressed at such a rate as to have significantly contributed to the conservation of foreign exchange. The National Productivity Centre, the Federal Industrial Development Authority (FIDA) and the newly established Standards Institution of Malaysia will henceforth play an increasingly important role in the expansion of industrialisation.

In the rural sector, my Government will provide further impetus towards improving the economic welfare of the rural population. The introduction of padi Ria, a new variety, will increase the yield to about 1,200 gantangs per acre, which is three times that of the national average. This and the increase in the acreage of double-crop padi-fields will increase their income in the near future. The Farmers' Association Act providing for the establishment of self-governing bodies organised by the farmers themselves and devoted to the promotion of their own interests was passed early this year. Several padi-marketing improvement schemes by FAMA have also been started. More land will be made available for settlers for the planting of rubber, oil palm and other crops. My Government will continue to implement measures to increase the efficiency and output of fishermen. The ground-work for the modernisation of the fishing industry has been laid. A Food Technology Department for research in food processing and canning of foodstuffs including fish, vegetables and fruit has been established.

In the field of education, my Government will place more emphasis on vocational education and is actively pursuing the need to produce teachers for various technical schools in Malaysia. A significant achievement was witnessed last year when for the first time students could take the Higher School Certificate Examination in the national language. My Government will also establish a University College at Penang from the loan expected from the Japanese Government. I am convinced that the University at Penang will give a better opportunity to the students of this country from all walks of life to get higher education.

Steady progress in the improvement of medical and health facilities was maintained. The policy of introducing a low cost housing scheme in every town is being pursued and my Government is actively studying the proposal to establish a Central Housing and Development Authority which will speed up public housing and also a proposal to provide enabling legislation for use of non-Government funds for that purpose.

Two days ago, another milestone in the history of our monetary system was recorded with the issue of new Malaysian currency by Bank Negara Malaysia, our own Central Bank, to replace the Malayan currency issued by the Board of Commissioners of Currency. My Government is particularly pleased that all sections of our people have shown confidence and pride in the new currency.

A Bill on industrial relations aimed at improving the existing laws to cover the whole of Malaysia will be presented at this session of Parliament. The Employment Ordinance, 1955 will be amended to expand its scope. A Social Insurance Scheme which will provide cash benefits double those now being enjoyed for permanent disability and death of the breadwinner will be launched this year. The scheme will also cover sickness and maternity.

The Malaysian Migration Fund Board was established late last year to arrange for the transfer of labour to Sabah. So far, 400 workers and 264 dependants have been settled by the Board in various estates in Sabah. The Board intends to send about 1,200 workers from West Malaysia to Sabah this year. It is hoped that this migration of workers to Sabah will not only meet Sabah's severe labour shortage but will help to generate a more rapid economic growth in that State.

My Government is deeply conscious of the fact that ambitions and well-laid development plans by themselves cannot succeed in expanding the economy of the country or create additional employment opportunities to the people unless these plans have been fully implemented in all their details by both the public and private sectors. The successful implementation of all plans depends also on the existence of an efficient and honest civil service. My Government is therefore sparing no efforts to enhance the efficiency of the administrative machinery. Training facilities for civil servants will be increased with the establishment of the Development Administration Unit whilst action is underway to re-organise the staffing position in all Government departments to effect economies in administration. To ensure that the country is as completely free from corruption as possible the Anti-Corruption Agency will be re-organised as a separate unit and well-equipped to enable it to carry out its functions efficiently.

Communism and subversion remain a real threat to the security of Malaysia. Recently these elements openly carried out militant and violent activities in Sarawak and staged a number of demonstrations in West Malaysia for no valid reasons. Their acts resulted in clashes with the security forces and incurred losses to businessmen. Such incidents also occurred in many other places as in Hongkong on a greater scale. It is observed that the activities they carried out are controlled or directed by a foreign power in order to create trouble and disorder in South-east Asia. However, I am very glad that these activities do not get any support from my loyal subjects. At present the Malaysian Security Forces are responsible for the security of our country. As a result of the increase in responsibilities it is imperative for my Government to expand not only the Malaysian Armed Forces but also the Malaysian Navy and the Royal Malaysian Air Force.

My Government is pursuing an independent foreign policy of maintaining cordial relations with all friendly countries of the world. Based on the principles of peaceful co-existence, genuine respect for the independence and territorial integrity of States and co-operation for mutual benefit, Malaysia had, over the past year, extended further her ties of friendship with many other countries of the world.

On 31st August this year, Malaysia will be celebrating its tenth Merdeka anniversary. During this decade of independence, much has been achieved to bring material prosperity to the people of this country; and more have been initiated and are being planned to ensure further progress. In the economic field, old low-yielding rubber lands have been replaced with high yielding trees; more land has been irrigated and large new areas of land have been settled. Work has already started on the Muda River irrigation scheme, and considerable planning has been undertaken on the Jengka Triangle land settlement scheme, both of which are among the largest projects of their kind in the world. Great progress has also been made to improve our transport and telecommunications system. Our Kuala Lumpur International Airport is among the finest to be seen, new deep water wharves have been added to Port Swettenham, and are being built at Butterworth. Our network of roads and telecommunications has been considerably improved and radiate outwards. Our electricity generation

capacity has expanded considerably, particularly as a result of the hydro-electric scheme at Cameron Highlands, and will increase further with the completion of the Batang Padang Scheme. In the social field, the achievements have been equally impressive. Health facilities have been extended to the rural areas. In education, the increase in student enrolment has been remarkable even by international standards. A new university has been established which now has an enrolment of about 4,500 and a medical complex comprising a faculty of medicine and teaching hospital is now under completion. Sabah and Sarawak which joined Malaysia in 1963 have already begun to derive benefits from our massive development programme. For example, free primary education has been extended to East Malaysia and more recently a major road project has been completed linking Kuching and Sibu. In addition, we have provided economic and social amenities for the underprivileged in both the rural and urban areas. We can justifiably be proud of these economic and social developments and others too numerous to mention that have benefitted our people in all parts of the country.

Over these last few years we have had at the same time to increase our security expenditure. We are now also burdened by sharp reductions in the prices of our rubber and tin. For these and other reasons, the financial position of the Federal Government has now reached the stage where recurrent expenditure is outpacing revenue with the result that last year the budget was in deficit even on current account. This trend must be reversed. Various measures to increase revenue have already been introduced. Increasing attention is being focussed on expenditure requirements. At present, almost 40% of the ordinary budget is attributable to salaries and pensions. This percentage is too high by any standards and it must be the policy of the Government to ensure that this figure is not exceeded for the next few years at least. It is imperative that the Federal and State governments and all statutory bodies exercise maximum economies in expenditure, and ensure that resources are directed only into the financing of productive projects. There must be a complete elimination of expenditure that does not contribute to the productive capacity of the country. At the same time there must be a real increase in productivity and efficiency in all fields of human endeavour, in both the public and the private sectors. It is only in this way that we can afford to devote sufficient resources to bring about the economic and social progress aimed at in our First Malaysia Plan.

Since independence, we have achieved a satisfactory rate of economic growth while at the same time maintained financial and economic stability. This achievement can only be continued in our present situation if we practice rigorous financial discipline. My Government has no intention of allowing financial stability to be undermined and thereby bring to nought the economic and social achievements of the last 10 years. Our nation as much as the Government must be realistic in its approach to the challenge before us. The choice to be made cannot but be one in favour of progress combined with stability. There should, therefore, be no looking back once this choice is made, and we must be prepared to pay the price for it.

Early this year My Government has initiated a campaign to instil in the hearts of the people of Malaysia a sense of patriotism and love for Malaysia and respect for the national anthem and the flag. I hope that all my people, young and old, will always respect the national anthem and the nation's flag which are the symbol of our nation.

May Almighty God give us guidance and strength, and lead my Government and my people along the path to peace and unity, and towards greater prosperity with continuing stability."

THE HONOURABLE TAN SRI ONG YOKE LIN—LEAVE.

Mr President: Yang Berhormat Ahli[2] Dewan Negara, saya ingin memberi tahu Dewan ini ia-itu mengikut kuasa yang terserah kapada saya, saya telah mengizinkan Yang Berhormat Tan Sri Ong Yoke Lin, atas permintaan-nya sendiri, bagi berchuti panjang daripada menghadhiri Persidangan[2] Dewan ini.

PERTANYAAN[2] BAGI JAWAB MULUT

SEMINAR BERKENAAN DENGAN TARAF WANITA (MANILA—SEPTEMBER, 1966)

1. Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani bertanya kapada Menteri Luar Negeri kenapa-kah wakil Malaysia ka-Seminar yang di-anjorkan oleh Surohanjaya Taraf Wanita Bangsa[2] Bersatu di-Manila dalam bulan September tahun 1966 tiada hadhir di-Seminar itu.

The Minister for Welfare Services (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa Bangsa[2] Bersatu tidak ada menganjorkan Seminar berkenaan dengan Taraf Wanita pada bulan September tahun 1966 di-Manila sa-bagaimana di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi Bangsa[2] Bersatu telah menganjorkan satu Seminar yang bertajok "Seminar on measures required for the advancement of women with specific reference to the establishment of long-term programme", yang di-adakan pada 6hb Disember hingga 19hb Disember tahun 1966. Satu shor untok menghantar sa-orang wakil telah di-buat dan di-terima oleh Bangsa[2] Bersatu. Tetapi oleh sebab[2] yang tidak dapat di-pastikan beliau tidak dapat hadhir.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sa-benar-nya nama wakil dari Malaysia yang di-katakan menghadhiri Seminar tersebut telah pun sampai ka-Bangsa[2] Bersatu, apabila saya sampai menghadhiri meshuarat Surohanjaya Taraf Wanita Bangsa[2] Bersatu dalam bulan Februari yang lain, maka soal ini telah di-tanya kapada saya oleh pehak yang menguruskan Seminar di-Manila ia-itu di-atas anjoran Bangsa[2] Bersatu juga, saperti yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi. Jadi pehak saya tidak-lah dapat hendak memberi penjelasan, kerana apa dalam Seminar tersebut Malaysia telah di-undang dan telah pun menamakan sa-orang peserta, maka kerusi yang ada untok Malaysia itu di-dapati kosong di-Seminar di-Manila. Ini-lah yang saya minta penjelasan kapada pehak Kerajaan mengapa-kah sa-sudah di-namakan sa-orang peserta tetapi lepas itu nampak-nya tidak ada apa[2] dan akhir-nya Malaysia tidak serta di-dalam Seminar tersebut.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Nama peserta ini ia-lah Che' Maznah binti Puteh dan daripada sa-orang Nazir Sekolah[2] Bahagian Timor, Malaysia Barat. Sebab-nya beliau tidak dapat hadzir dalam Seminar tersebut ia-lah kerana persediaan pemergian-nya telah tidak dapat di-sediakan dalam masa yang di-hadkan.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya juga agak merasa tidak dapat hendak memberikan jawapan kerana Permanent Representative untok Malaysia di-United Nations di-New York pun nampak-nya tidak dapat memberi jawapan dalam soal ini. Jadi saya harap-lah pehak Yang Berhormat Menteri dapat kira-nya memberi penjelasan di-mana-kah hilang atau pun tidak dapat-nya urusan[2] ini di-teruskan, ada-kah dapat pehak Kementerian Luar Negeri atau pun oleh kerana surat[2] yang di-tentukan tidak menerusi Kementerian Luar Negeri. Ini sahaja untok penjelasan kerana di-soal dalam perkara ini.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang telah saya nyatakan tadi persediaan pemergian-nya telah tidak dapat di-ishtiharkan dalam tempoh yang di-hadkan. Jadi ini berma'ana ia-itu masa-nya tidak chukup sama ada kita dapat perkara ini terlambat atau pun segala urusan tidak dapat di-adakan.

Tan Sri Haji Mohamed Noah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sadikit mengikut jawapan yang di-beri oleh Menteri yang berkenaan tadi "Kerana persediaan itu tidak chukup masa hendak di-sediakan". Boleh-kah Menteri menerangkan kapada Majlis ini apa[2] dia persediaan yang di-kehendaki?

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, persediaan[2], di-antara lain[2], ada-lah untok urusan apa yang patut dia punya tugas di-sana, dan juga segala urusan perjalanan—urusan perjalanan dan sa-bagai-nya.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, siapa-kah yang memileh peserta[2] ini ka-seminar itu, ada-kah Kerajaan atau badan[2] wanita di-Malaysia ini.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Minta ulang balek, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Siapa-kah yang memileh wakil[2] ka-Seminar itu—Kerajaan atau badan[2] wanita di-Malaysia ini?

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang telah saya di-beri tahu ia-itu wakil ini ia-lah Che' Maznah binti Puteh, Nazir Sekolah[2] bahagian timor, Malaysia Barat. Jadi kalau-lah Kerajaan bagi tahu nama ini—ia-itu si-polan, jadi berma'ana sudah tentu-lah pada pendapat saya ini di-pileh oleh Kerajaan.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, apa-kah qualification peserta wakil itu yang boleh menjadi peserta dia chuma pas tinggi-kah, dia mahu ada pegang jawatan yang tinggi-kah dalam kumpulan wanita atau apa qualification-nya.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jikalau kita hendak hantarkan sa-saorang itu untok menjalankan satu[2] tugas ia mesti-lah ada pandangan pada pandangan kita dan mahir dalam perkara ini.

Puan Bibi Aisha binti Hamid Don: Tuan Yang di-Pertua, tetapi sedar-kah pehak Kementerian yang berkenaan bahawa ada orang yang telah pergi ka-Manila pada masa itu, ia-itu bulan September tahun 1966 dahulu.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Ini sahaja pada pendapat saya kita kata tidak ada orang yang pergi.

Puan Bibi Aisha binti Hamid Don: Soalan tambahan, tahu-kah Kementerian yang berkenaan bahawa ada orang yang telah pergi pada masa itu.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tidak ada.

Tuan Saidon bin Kechut: Tuan Yang di-Pertua, kesilapan yang telah berlaku ini boleh-kah Menteri yang berkenaan menerangkan bahawa taraf wanita Malaysia kita jatoh dengan sebab tidak ada persiapan.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Saya tidak fikir bagitu.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Pertanyaan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sa-benar-nya bagi menyambong lagi soalan rakan saya Yang Berhormat Puan Bibi Aisha, pehak Majlis Kebangsaan Pertubohan Wanita ada menghantar sa-orang wakil dan kami mendapat bantuan daripada salah satu badan kebajikan untok tambang pergi ka-sana dengan harapan wakil kami ini dapat dudok, sa-benar-nya kami tidak-lah tahu bahawa non-governmental organisation tidak boleh menghantar wakil, itu pun tidak apa-lah, tetapi malang-nya wakil yang kami hantar tidak dapat dudok—seat ada tetapi kosong, ini-lah yang sangat mendukachitakan pehak kami dan pehak Duta kita di-Filipina tidak dapat berbuat apa[2] dalam soal ini sa-hingga dapat membolehkan Puan Helen Tan yang di-hantar oleh Majlis Pertubohan Wanita di-negeri ini supaya dapat-lah mengisi seat yang kosong tetapi sampai-lah akhir seat ini kosong juga dengan tidak ada siapa pun yang membenarkan Puan Helen Tan dudok di-situ kerana Puan Maznah binti Puteh telah ter-chatit nama-nya sa-bagai wakil Malaysia.

Ini saya suka menyampaikan kapada perhatian Kerajaan, jadi tidak-lah boleh pehak Duta di-Filipina mencharikan jalan supaya Puan Helen Tan dudok di-tempat seat yang kosong itu.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi perkara itu saya hendak-lah kenyataan terlebeh dahulu ia-itu notice.

SOALAN[2] MENGENAI HAL[2] WANITA DI-NEGERI INI

2. Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani bertanya kapada Menteri Luar Negeri kenapa-kah Kerajaan enggan menjawab soalan[2] mengenaï hal ehwal wanita negeri ini yang di-hantar oleh Bangsa[2] Bersatu yang menghendaki keterangan yang berkenaan bagi di-masokkan ka-dalam laporan[2] yang di-gunakan sa-bagai kertas kerja oleh Surohanjaya Taraf Wanita Bangsa[2] Bersatu.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan yang kedua ini saya harap Ahli Yang Berhormat itu lebeh tepat lagi apabila beliau menyentoh apa yang di-katakan soalan[2] mengenaï hal[2] wanita di-negeri ini. Kerana menjawab soalan[2] yang di-hantar oleh Bangsa[2] Bersatu termasok soalan mengenaï hal[2] wanita di-Malaysia, ada-lah satu kerja yang menghendaki kerjasama di-antara Kementerian[2] dan perkara ini telah di-uruskan dengan sa-berapa yang boleh.

Mithal-nya soalan berkenaan dengan hal ehwal wanita di-dalam pekerjaan mereka, sama ada dengan Kerajaan atau tidak telah pun di-uruskan dan jawapan[2]-nya di-hantar apabila Bangsa[2] Bersatu meminta-nya dalam tahun 1958, 1959 dan tahun 1966.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Pertanyaan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka-lah hendak bertanya lebeh lanjut kapada pehak Kerajaan hanya baharu tahun ini-lah Kerajaan dengan barangkali saya berulang alek ka-Kementerian Luar Negeri, baharu-lah nampak pertanyaan yang telah di-hantar oleh Setia-usaha Agong Bangsa[2] Bersatu kapada pehak Kementerian Luar Negeri yang telah di-hantar di-dalam kira[2] bulan November yang lalu, tetapi di-masa[2] yang sudah dalam semua laporan[2] yang saya tengok, kechuali dalam satu laporan sahaja mengenaï Nationality of Married Women, ini sahaja yang ada di-beri-tahu satu paragraph di-dapati Kerajaan Malaysia untok menjawab soalan[2] yang di-kemukakan oleh Bangsa[2] Bersatu. Soalan[2] ini suka-lah saya menegaskan bagi pehak Yang Berhormat Menteri tadi ia-itu soalan[2] yang mengenaï kemajuan wanita di-negeri ini. Mithal-nya, satu report berkenaan dengan wanita[2] yang telah dapat dudok di-dalam National Assembly atau pun Parlimen di-tiap[2] negara yang menjadi ahli Bangsa[2] Bersatu, maka kalau saya tidak salah, di-dalam negeri ini daripada tahun 1955 lagi daripada Puan Halimaton telah dudok dalam Parlimen kita, tetapi bila di-tengok dalam senarai negara[2] yang ada mempunyaï Ahli[2] Parlimen maka Malaysia juga tidak terchatit, bagitu-lah di-dalam laporan[2] yang lain. Jadi sama ada Kerajaan menjadi ahli dalam Surohanjaya Taraf Wanita soalan[2] ini tetap di-kirim oleh Bangsa[2] Bersatu kapada semua negara[2] yang menjadi ahli-nya. Jadi ini-lah yang saya minta penjelasan mengapa-kah di-masa[2] yang sudah tidak ada pehak Kerajaan menghantar sa-barang laporan kemajuan untok di-masokkan dalam laporan[2] yang di-buat oleh Setia-usaha Agong Bangsa[2] Bersatu.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, saya telah beri tahu ia-itu kita telah menjalankan ikhtiar[2] dan daya usaha untok menjawab segala laporan dan permintaan daripada Bangsa[2] Bersatu. Boleh jadi pada masa[2] yang sudah Ahli Yang Berhormat sa-umpama Ahli Yang Berhormat itu tidak ada di-sana, jikalau pada masa yang akan datang ini kita berharap-lah, kita akan chuba berikhtiar apabila di-kehendaki satu[2] perkara daripada Bangsa[2] Bersatu, kita akan berikhtiar-lah memberi jawapan-nya.

Tan Sri Haji Mohamed Noah: Tuan Yang di-Pertua, mengikut soalan yang ada di-atas ini, (nombor dua ini) mengatakan Kerajaan enggan menjawab soalan[2]. Saya hendak tahu ada-kah betul Kerajaan "enggan" atau tidak memberi jawapan. Saya belum dengar lagi jawab-nya.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, saya telah beri tahu ia-itu kita telah menghantar jawapan[2] yang di-minta oleh Bangsa[2] Bersatu dahulu tahun 1958, 1959, 1966. Jadi jikalau enggan ma'ana-nya kita segan tak mahu tetapi ini kita sudah pun menjawab-nya dan bukan-lah perkara pada pendapat Kerajaan bukanlah betul dia enggan.

KEJAYAAN DAN KEMAJUAN PUSAT LATEHAN PERKAPALAN (MARA) DI-LIMBONGAN KAPAL, KUALA TRENGGANU

3. Tuan Saidon bin Kechut bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

(*a*) sa-jauh mana kejayaan dan kemajuan yang telah di-chapai sa-takat ini oleh Pusat Latehan Perkapalan MARA di-Limbongan Kapal, Kuala Trengganu;

(*b*) berapa bilangan pelateh[2] yang lulus sa-bagai pembena dan tukang kapal yang mahir dari pusat itu;

(*c*) ada-kah limbongan ini maseh di-gunakan untok melateh anak[2] negeri dalam seni membena dan membaiki kapal.

Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Sulaiman bin Bulon): Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) hingga hari ini limbongan MARA di-Kuala Trengganu telah membena sa-banyak 173 boat[2] besar dan kechil untok kegunaan beberapa Jabatan Kerajaan.

(*b*) Sa-ramai 51 orang tukang kayu di-negeri Trengganu telah di-lateh membuat boat di-limbongan MARA semenjak limbongan itu di-mulakan. Kebanyakan daripada mereka itu telah pun di-ambil bekerja sa-bagai tukang[2] di-limbongan itu untok membena motor[2] boat. Limbongan itu tiada mengeluarkan apa[2] sijil kapada mereka yang telah mendapat latehan itu tetapi ada memberi surat[2] akuan yang menyatakan bahawa mereka itu telah menerima latehan di-limbongan itu.

(*c*) Limbongan ini maseh di-gunakan untok melateh anak[2] negeri dalam segi membena dan memperbaiki kapal. Pada masa ini sa-ramai 16 orang pelateh sedang mengikut latehan di-limbongan MARA, 5 daripada-nya telah mula berlateh dalam bulan Ogos tahun 1965 dan 11 lagi dalam bulan Mach tahun 1966.

Tuan Saidon bin Kechut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah ranchangan Kerajaan hendak meluaskan lagi taraf pelateh[2] yang ada di-limbongan ini untok mengeluarkan bilangan yang lebeh besar lagi bilangan[2] makenik membuat kapal dan membaiki kapal ini dengan chara di-beri tauliah[2] atau pun kepujian[2] yang lebeh tinggi.

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, ada ranchangan yang sa-umpama itu dan sudah pun di-majukan.

Tan Sri Haji Mohd. Noah: Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun ada kata-nya ranchangan, tetapi nampak-nya orang makin kurang. Pada mula[2] beratus, tetapi hanya tinggal 16 orang sahaja sekarang. Saya hendak tahu mengapa pula kalau ranchangan hendak di-besarkan hari ini, tetapi berlateh itu di-kurangkan lagi?

Yang kedua, saya hendak bertanya, kerana apa tiada mengeluarkan sijil kapada orang yang sudah lulus dalam latehan itu?

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, sebab pun tidak bagitu banyak di-adakan pelateh[2] kerana mengikut peruntokan yang di-berikan dan juga kerana di-fikirkan limbongan itu tidak bagitu dapat menjayakan pada mula-nya saperti mana yang saya katakan tadi ada ranchangan baharu yang akan di-buat dan harus limbongan ini akan dapat di-bena sa-mula dan di-majukan lebeh pesat daripada yang sudah[2].

Tentang sijil ini buat sementara ini ada-lah akuan sahaja di-berikan tetapi saya perchaya-lah yang MARA akan

membuat saperti mana yang telah di-buat, memberikan sijil[2] yang di-perlu itu dan saya perchaya-lah sa-lepas ini akan dapat di-buatkan.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Saya hendak bertanya Menteri, ada-kah perahu[2] yang di-buat 133 itu mempunyai nilai kalau di-bandingkan dengan perahu[2] yang di-buat oleh company[2] lain. Ada-kah Kerajaan chukup puas hati kata elok-lah, chantek-lah ya'ani comparable-lah dengan yang di-buat oleh company[2] lain.

Tuan Sulaiman bin Bulon: Sekarang ini apa yang telah kita jalankan itu ada-lah sa-taraf dengan company[2] yang lain[2] bahkan kita akan membuat lebeh baik daripada itu apabila kita telah dapat pakar[2] dari Jepun di-bawa kamari.

Wan Sulaiman bin Wan Tam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, surat[2] akuan yang telah di-berikan itu ada-kah di-gantikan dengan sijil[2].

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, saperti mana yang saya katakan tadi, kita akan fikirkan bila kerja telah di-jalankan dengan sapenoh[2]-nya.

Tuan Saidon bin Kechut: Satu pertanyaan lagi yang saya ingin mendapat kenyataan yang tegas daripada Menteri yang berkenaan ia-itu ada-kah benar pelateh[2] yang ada di-limbongan kapal ini tidak sa-bagai pelateh yang di-kehendaki pada tujuan yang sa-benar-nya tetapi ia-lah di-jadikan sa-bagai buroh sahaja kerja-nya di-limbongan ini.

Tuan Sulaiman bin Bulon: Pelateh[2] ini memang-lah hendak di-jadikan buroh dalam limbongan ini sebab mereka itu pada mula-nya tidak dapat latehan mana[2] pun dan kalau pun kita hantar ka-luar mungkin mereka itu tidak di-terima di-lain tempat dengan sebab itu terpaksa-lah MARA yang mengambil mereka itu sa-bagai buroh dalam limbongan ini.

LEMBAGA PEMULEHAN DAN PENYATUAN TANAH PERSEKUTUAN

4. Tuan Saidon bin Kechut bertanya kapada Menteri Tanah dan Galian:

(*a*) apa-kah kejayaan dan kemajuan "Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Persekutuan" semenjak ia-nya di-tubohkan untok mengambil aleh ranchangan[2] pemulehan tanah yang terbengkalai dan gagal dari Kerajaan[2] Negeri;

(*b*) berapa luas kawasan dalam tiap[2] Negeri yang telah di-ambil aleh oleh Lembaga ini;

(*c*) apa-kah sebab[2] ranchangan[2] yang telah di-uruskan oleh Kerajaan[2] Negeri gagal; dan

(*d*) sama ada Kerajaan[2] Negeri berkuasa ka-atas lembaga ini.

The Minister of Lands and Mines (Tuan Haji Abdul Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang di-Pertua, semenjak ia-nya mula bertugas pada bulan Oktober tahun yang lalu Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara telah menjalankan siasatan dan membuat segala persediaan untok menjalankan tugas[2]-nya dan pada masa ini sedang di-jalankan bagi memulehkan sa-mula tiga kawasan ranchangan pinggir sa-bagai ranchangan perchubaan sahaja atau Pilot Project. Dengan pengalaman yang di-dapati kelak daripada ranchangan[2] perchubaan ini, Lembaga ini berikhtiar pada tahun hadapan bagi memulehkan segala tanah[2] ranchangan pinggir yang berkehendakkan bantuan yang di-fikirkan akan memberi faedah kapada peserta[2]-nya.

Jawapan kapada (*b*) pula ia-lah sahingga sekarang ini tiga kawasan dalam tiga buah negeri telah di-ambil aleh oleh Lembaga ini dengan persetujuan pehak berkuasa Negeri yang berkenaan. Kawasan[2] ini ia-lah saperti berikut:

Negeri Pahang dalam daerah Temerloh, Ranchangan Tanah Pinggir Gong—kawasan-nya 936 ekar. Di-Negeri Sembilan Kuala Pilah ranchangan tanah Pinggir Ayer Hitam luas-nya

1761 ekar. Di-Negeri Perak, Batang Padang, ranchangan tanah pinggir Rasau (A) kawasan-nya 583 ekar. Jumlah semua-nya 3,280 ekar.

Jawapan kapada (*c*) ia-lah sebab[2] ranchangan yang telah di-luluskan oleh Kerajaan Negeri tidak bagitu memuaskan hati ada-lah banyak. Tetapi sebab[2] yang terkemuka sa-kali atau yang penting sa-kali ada-lah saperti yang akan saya terangkan ini.

Ranchangan di-Ayer Hitam Kuala Pilah, dua sebab yang besar ia-lah jalan[2] masok ada-lah sangat burok dan jalan[2] dalam ranchangan ini tidak di-jaga dengan baik oleh peserta[2]. Sebab yang kedua ladang[2] tidak di-jaga dengan baik dan tidak di-taroh baja.

Di-Bayai, Kuala Pilah, pula ada tiga sebab yang besar. Di-Kuala Pilah ada dua ranchangan, ada tiga sebab yang besar. Jalan[2] masok ada-lah burok dan jalan[2] dalam ranchangan ini tidak menchukupi. Sebab yang kedua kawalan tidak menchukupi dan ini di-buktikan dengan pertama sa-kali lebeh kurang 747 ekar tidak di-kahwinkan atau pun *bud grafted*. Kedua-nya pokok[2] getah tidak di-taroh baja saperti yang di-kehendaki.

Sebab yang ketiga ladang[2] getah tidak di-jaga dengan baik oleh kerana peserta[2] terpaksa menchari makan di-tempat[2] lain, ini menyebabkan ketinggalan.

Ranchangan di-Perak, Kampong Rasau (A) tiga sebab yang besar ranchangan[2] itu tidak memuaskan hati. Pertama jalan[2] masok ada-lah burok dan jalan dalam kawasan tidak menchukupi. Kedua kechuaian oleh peserta[2] untok menjaga ladang[2] mereka dengan chukup. Ketiga kawalan yang tidak berkesan.

Dalam ranchang Sungai Gong pula ada dua sebab yang besar. Pertama ranchangan ini untok 146 peserta, tetapi mereka tidak lagi di-pileh. Yang kedua tanah tiada di-ukor tiada ada kemajuan sa-lepas kawasan ini di-terangkan dan di-bakar dalam tahun 1962 di-sebabkan kesulitan timbul dalam kemajuan ranchangan ini.

Jawapan kapada (*d*) ia-itu yang akhir sa-kali Kerajaan[2] Negeri tidak berkuasa atas Lembaga ini tetapi oleh kerana perkara mengenai tanah itu ada-lah di-dalam kuasa tiap[2] Kerajaan Negeri, maka Kementerian saya dan Lembaga Kemajuan Tanah ini yang bekerja dengan tiap[2] Kerajaan Negeri. Saya suka juga mengambil kesempatan di-sini menerangkan ia-itu kalau tidak dalam tahun ini pada awal tahun yang akan datang kita akan menjalankan satu ranchangan yang lain lagi dalam Negeri Pahang.

Tan Sri Haji Mohamed Noah bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Menteri yang berkenaan menerangkan, nama Pengerusi Lembaga ini dan berapa orang ahli[2]-nya dan berapa kali yang dia sudah meshuarat sa-lama ini dan sudah-kah dia membuat laporan. Kalau sudah di-buat, ada-kah chadangan laporan[2] itu akan di-bentangkan dalam Parlimen ini?

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Pengerusi-nya Enche' Ma'aruf bekas Setia-usaha Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Ahli[2]-nya saya lupa dan ada di-sebut dalam Lembaga itu termasok sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat ya'ani Tan Sri Fatimah. Ada pula wakil[2] daripada peladang[2] getah yang lain. Lembaga ini telah mengadakan beberapa meshuarat sa-kurang[2]-nya sa-kali dalam masa sa-lepas daripada Lembaga ini berjalan tiap[2] bulan meshuarat, ada meshuarat di-adakan, sa-takat ini saya belum lagi menerima laporan kerana Lembaga ini baru sahaja menjalankan tugas ini. Sa-benar-nya dalam tahun ini untok membaiki sa-mula itu pun memuleh tanah pinggiran yang baru yang saya sebutkan tadi. Apabila laporan[2] itu ada kelak tidak ada tersebut di-dalam Undang[2] Perlembagaan itu bahawa laporan Lembaga itu akan di-bentangkan di-dalam Parlimen. Jadi faham saya apa yang telah saya bacha sahaja harus saya salah di-sini bagaimana pun jikalau ahli[2] Yang Berhormat sa-kalian menghendaki laporan[2] daripada Lembaga ini daripada satu masa ka-satu masa Kementerian saya sedia memberi arahan supaya laporan itu di-buat untok pengetahuan umum.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Didalam tiga kawasan yang gagal ini adakah benar atau tidak sebab[2] yang besar perkara itu ia-lah kerana kurang atau tidak chukup bantuan yang di-berikan oleh negeri dengan di-bandingkan daripada yang di-berikan kapada Lembaga FLDA, ada-kah itu sebab yang benar.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Saya rasa tidak, ranchangan FLDA tidak dapat di-samakan dengan Ranchangan Tanah Pinggir; konsep Ranchangan Tanah Pinggir ini berlainan sa-kali daripada konsep Ranchangan FLDA. Konsep Ranchangan Tanah Pinggir ia-lah peserta[2] itu sendiri bekerja, berusaha, di-dalam masa mereka ada kelapangan untok menanam dan menjaga kawasan[2] ini. Kerajaan Negeri memberi bantuan mithal-nya baja dan lain[2]. Jadi tidak-lah sebab yang di-katakan oleh Yang Berhormat itu memberi satu sebab yang besar, yang betul, yang telah mendatangkan ranchangan[2] ini tidak bagitu memuaskan hati. Sa-benar-nya di-beberapa kawasan saya telah menerima laporan ada-lah pula satu dua peserta[2] yang nakal itu dapat baja, baja itu di-jual ka-kedai lain tidak di-buboh di-dalam kawasan, ini dia penyakit. Jadi saya suka mengambil kesempatan di-sini untok menegaskan ia-itu jikalau peserta[2] yang kebanyakan terdiri daripada bumiputera dalam negeri ini dalam ranchangan tanah pinggir ini mahu kemajuan daripada Kerajaan, mereka sendiri mesti-lah berusaha untok menjayakan ranchangan[2] ini, jangan-lah semua-nya itu berharap kapada Kerajaan sa-mata[2], kita sudah bagi baja, kita sudah bagi tanah dan mereka sendiri pula mesti berusaha bersunggoh[2] jangan-lah baja sudah dapat di-jual ka-kedai China nanti.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Saya yang susah sa-kali saya fikir perkara itu ia-lah tidak chukup bantuan kalau chuma di-bagi baja sahaja—di-bagi pokok tanam, sebab orang susah hendak buboh baja pokok dia hendak makan apa, saya fikir ia-lah bantuan itu tidak chukup itu sebab Kerajaan boleh memikirkan bagaimana boleh memberi lebeh sadikit bantuan daripada yang telah di-beri, mudahan[2] dapat di-beri.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Apa dia rupa bantuan yang di-kehendaki oleh Yang Berhormat itu dan di-mana dia pula ranchangan-nya yang di-katakan kerana beri bantuan itu tidak menchukupi—ranchangan ini telah gagal. Jikalau Yang Berhormat itu dapat memberi butir yang jelas kapada saya, saya boleh siasat lagi perkara ini, chuma bantuan yang saya katakan tadi kita nampak-nya Yang Berhormat kurang mengerti konsep dalam Ranchangan FLDA dan Ranchangan Tanah Pinggir ini. Ranchangan Tanah Pinggir ini tidak-lah Kerajaan memberi bantuan saperti dalam ranchangan FLDA yang mana di-jalankan oleh Lembaga dengan sa-penoh[2]-nya.

Tuan Syed Ahmad bin Syed Mahmud Shahabudin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Lembaga pemulehan ini mengenakan apa[2] sabelum di-ambil aleh Ranchangan Tanah Pinggir itu sa-umpama-nya sharat[2] di-kenakan, habis segala tanaman[2] yang ada atau sa-bagai-nya.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Maksud tanaman[2] itu ia-lah pokok getah? Tidak, jikalau ranchangan pilot project ini kita memperbaikkan lagi ranchangan ini kita tidak mesti, saya fikir, gagal 100%, chuma ranchangan ini-lah yang habis[2] burok tidak memberi puas hati. Ini kami hanya menjalankan pilot project kita hendak mencharikan jalan bagaimana chara dia boleh ranchangan ini di-perbaiki jadi dalam ranchangan yang ada ini tidak perlu pokok getah yang sudah di-tanam semua-nya di-hapuskan. Barangkali ada satu dua pokok atau tiga empat pokok yang di-fikirkan patut di-chabut atau pun di-tebang dan di-ganti dengan tanaman yang lain.

Tuan Saidon bin Kechut: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah saya dapat satu ketegasan daripada Menteri yang berkenaan ia-itu satu[2]-nya sebab kegagalan ranchangan tanah pinggir ini oleh sebab kurang perhati-nya pehak

Kerajaan mengadakan ranchangan ini, mithal-nya, tanaman getah, tetapi di-kawasan tanah yang berbatu[2] tanah yang sudah mati, tanah yang tidak menasabah lagi di-buat untok ber-chuchok tanam.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Getah, saya telah mendengar, Tuan Yang di-Pertua, boleh di-tanam di-mana sahaja tanah, saya belum lagi mendengar satu tanah yang mati—yang tidak hidup. Menteri Kewangan sa-orang daripada pakar dalam ranchangan ini berpendapat, ia boleh tanam getah di-mana tempat sahaja dalam ranchangan tanah pinggir yang telah di-jalankan oleh Kerajaan sa-takat ini tetapi tidak boleh di-katakan satu apa pun yang boleh di-katakan mati tidak sesuai untok di-tanam. Saya mengaku bahawa ada daripada beberapa ranchangan tanah pinggir ini yang agak jauh daripada tempat tinggal atau tempat peserta[2] itu bekerja. Ini menjadikan satu sebab maka mereka itu tidak menjalankan tugas mereka dengan sempurna dan ini saya telah terangkan tadi, di-dalam jawapan saya bagi ranchangan di-Bayai. Sebab yang ketiga ia-lah ladang[2] getah tidak di-jaga dengan baik oleh kerana peserta[2] terpaksa menchari makan di-tempat[2] lain, ini menyebabkan satu kegagalan atau satu daripada sebab-nya mereka dudok jauh, barangkali empat atau pun lima batu daripada tanah-nya. Jadi perkara yang mesti kita ingat kalau kita hendak chari tanah pinggir yang hampir sangat dekat rumah itu susah sangat-lah, mesti-lah ada juga dalam ranchangan itu jauh sadikit daripada rumah tempat peserta[2] itu tinggal atau pun daripada tempat peserta[2] itu bekerja sa-tiap masa.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Mengikut Menteri tadi, ada tiga ranchangan yang sudah di-ambil sa-mula untok di-buat pilot project supaya menghidupkan sa-mula ranchangan itu. Boleh-kah Menteri beri tahu sa-chara lebeh kurang bagaimana-kah chadangan Kerajaan hendak memperelokkan chara-nya itu supaya hidup sa-mula.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Jadi kalau Yang Berhormat itu hendak tahu; "seeing is believing"—kata orang Inggeris, saya chadangkan dia pergi sama[2] dengan Pengerusi satu hari tengok, pergi tengok macham mana chara-nya ranchangan ini. Kalau saya sebut satu persatu chara peserta menyangkol, membersehkan kawasan dan lain[2] itu barangkali tidak memuaskan hati Yang Berhormat.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya bagini: Saya bertanya bukan-lah sahaja kapada saya yang hendak tahu, tetapi kapada semua Dewan ini hendak tahu. Jadi, saya minta rengkas chara yang hendak perelokkan, hendak tambahkan lebeh, ada-kah hendak beri baja lebeh-kah, hendak beri pokok lebeh-kah, hendak beri tambah duit lebeh-kah, itu chara—bukan chara kerja.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Memberi pokok lebeh dapat membaiki-nya, kita beri pokok lebeh. Jikalau memberi baja lebeh boleh memperbaiki, kita beri baja lagi. Jikalau hendak beri wang baharu lebeh masok dekat pokok getah itu, boleh mengelokkan pokok itu lagi, kita beri wang baharu itu lebeh.

Tuan Syed Ahmad bin Syed Mahmud Sahabudin: Ada-kah boleh di-beri wang bantuan kapada peserta[2] yang mana satu daripada puncha kelemahan itu ia-lah dari sebab peserta[2] itu kekurangan mata pencharian?

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Bagi Ranchangan Tanah Pinggir, tidak. Kita maseh lagi ikut concept yang lama ya'ani atoran yang telah di-setujui oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, tetapi dalam Lembaga ini sendiri yang menjalankan tugas[2] untok memperbaiki ranchangan ini, maka apa yang di-jalankan oleh Lembaga ini sekarang lebeh kurang hampir[2] sama dengan apa yang telah di-jalankan oleh F.L.D.A. sekarang ya'ani bila mana yang boleh peserta[2] itu sendiri di-ambil untok bekerja di-situ.

Tuan Saidon bin Kechut: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sadikit ia-itu mengikut penjelasan Menteri yang berkenaan tadi, duit[2] baharu ini boleh di-masokkan beberapa banyak hendak bagi di-pokok getah itu, bagaimana agak-nya chara kita hendak masok, ada-kah macham baja juga kita masokkan duit baharu itu dalam pokok getah?

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Itu kena tanya-lah kapada Yang Berhormat Senator yang di-hadapan sini.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, penerangan Menteri yang berkenaan kerana satu daripada sebab gagal-nya, kata dia, ada pokok[2] getah sa-hingga hari ini belum di-kahwinkan, di-mana-kah kesilapan, maka perchantuman pokok getah itu, barangkali ini-lah, ada-kah kesilapan kapada peserta, atau pun kapada pegawai[2] yang menguruskan?

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Ini penjelasan butir yang saya tidak dapat saya nyatakan di-sini. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu mahu lagi penjelasan-nya, saya boleh mengarahkan Pengerusi Lembaga yang berkenaan ini untok berhubong dengan dia. Biasa-nya dalam perkara yang saperti ini, boleh jadi saya salah di-sini, peserta itu pun salah sadikit, orang dudok jaga pun salah sadikit, sama[2] salah sadikit.

KENAIKAN GAJI BAGI MATA[2] TAMBAHAN

5. Tuan Saidon bin Kechut bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

(*a*) ada-kah Kerajaan sedar bahawa 300 orang "Mata[2] Tambahan" (E.P.C.) di-Malaysia Barat tidak mendapat apa[2] kenaikan gaji sunggoh pun ada di-antara mereka yang telah berkhidmat sa-lama lebeh daripada 20 tahun, tidak saperti "Mata[2] Biasa";

(*b*) sama ada tanggong-jawab "Mata[2] Tambahan" ini sama dengan tanggong-jawab "Mata[2] Biasa", dan, jika sama, kenapa-kah ada bedza membedza ini;

(*c*) ada-kah Kerajaan menimbang menambahkan gaji dan menaikkan pangkat mereka, memandang kapada khidmat[2] dan jasa[2] mereka.

Tuan Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, menjawab pertanyaan:

(*a*) di-Malaysia Barat ada sa-ramai 363 orang anggota polis tambahan. Tidak-lah tepat jikalau di-katakan mereka tidak pernah menekmati kenaikan gaji. Tangga gaji mereka telah di-semak pada 1hb Januari, 1952 dan 1hb Januari, 1955 dan pada 1hb Mach, 1956 tangga gaji mereka telah di-naikkan kapada $107; $113; $115 hingga sampai $141.50 sa-bulan.

(*b*) Tugas dan tanggong-jawab anggota polis tambahan ini ada berbedza dan berlainan sa-kali daripada anggota polis biasa. Anggota polis biasa menjalankan tugas mengekalkan keamanan, menchegah dan mengawasi jenayah dan menjalankan tangkapan[2] ka-atas pesalah[2] sementara anggota polis tambahan pula ada-lah di-ambil bekerja khas untok menjadi, pertama, menjadi pelayan di-mess[2], menjadi buroh kasar di-setor[2] polis dan menjadi anak[2] perahu.

(*c*) Sementara menunggu keputusan pengkajian gaji Pegawai[2] Bahagian IV, anggota[2] polis tambahan di-beri elaun tetap sabanyak $12.50 sa-bulan. Tidak-lah apa[2] peluang kenaikan pangkat antara anggota polis tambahan.

ESTABLISHMENT OF A WOMEN'S BUREAU

6. Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani asks the Minister of Labour to state what action Government has taken on the recommendation on the establishment of a Women's Bureau submitted by the National Council of Women's Organisations to the Ministry of Labour.

The Minister of Labour (Tuan V. Manickavasagam): Mr President, Sir, this matter is still under consideration. My Ministry is now engaged in reorganising the Employment and Research Sections and any plans for a Women's Bureau will quite obviously have to await the completion of this exercise. The need for some attention to the special problems of women at work is appreciated, but how we could do this will have to await outcome of this reorganisation. With a view to building up our capacity to deal with women's problems, we have already recruited a number of women officers in the department.

MOTIONS

ACCESS TO PARLIAMENT

Tan Sri T. H. Tan: Mr President, Sir, I beg to move,

That the Senate orders the Inspector-General of Police to take care that during the present session of the Senate the passages through the streets leading to this Senate be kept free and open and that no obstruction be permitted to hinder the passage of Senators to and from the Senate, and that no disorder be allowed in the passages leading to the Senate, and that there be no annoyance therein and thereabouts; and that the Clerk to the Senate do communicate this order to the said Inspector-General aforesaid.

Dato Y. T. Lee: Mr President, Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the Senate orders the Inspector-General of Police to take care that during the present session of the Senate the passages through the streets leading to this Senate be kept free and open and that no obstruction be permitted to hinder the passage of Senators to and from the Senate, and that no disorder be allowed in the passages leading to the Senate, and that there be no annoyance therein and thereabouts; and that the Clerk to the Senate do communicate this order to the said Inspector-General aforesaid.

COMMITTEE OF SELECTION

Tan Sri T. H. Tan: Mr President, Sir, I beg to move,

That, in pursuance of paragraph (1) of Standing Order 70, a Committee consisting of the President of the Senate as Chairman and the following Senators, be appointed to serve as the Committee of Selection:

1. Tan Sri T. H. Tan.
2. Nik Hassan bin Haji Nik Yahya.
3. Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya.
4. Dato' Y. T. Lee.

Dato' Y. T. Lee: Mr President, Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That, in pursuance of paragraph (1) of Standing Order 70, a Committee consisting of the President of the Senate as Chairman and the following Senators, be appointed to serve as the Committee of Selection:

1. Tan Sri T. H. Tan.
2. Nik Hassan bin Haji Nik Yahya.
3. Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya.
4. Dato' Y. T. Lee.

THE YANG DI-PERTUAN AGONG' SPEECH

Address of Thanks

Tuan Saidon bin Kechut: Dato' Yang di-Pertua, saya bangun memohon untok menchadangkan—

Bahawa suatu uchapan yang tidak sapertinya di-persembahkan kapada Ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyi-nya:

"Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli[2] Dewan Negara Malaysia di-dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu uchapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara menguchapkan berbanyak[2] shukor dan terima kaseh kapada Ka-bawah Duli kerana Titah Uchapan Ka-bawah Duli pada masa membuka Penggal Yang Ke-empat Parlimen Yang Kedua."

Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi[2] penghargaan dan terima kaseh serta perasaan bangga atas uchapan ka-bawah Duli Baginda Yang di-Pertuan Agong kapada Dewan ini pada hari sa-malam. Sunggoh pun titah uchapan itu di-sampaikan dengan sa-chara rengkas tetapi kemas dan dapat mengandongi dasar dan tujuan perjalanan Kerajaan Baginda pada hari ini dan pada masa yang akan datang. Saya berharap pada masa yang akan datang, dengan izin Allah, dapat-lah saya mendengar lagi titah Baginda sa-bagai saorang Raja yang di-kasehi oleh ra'ayat.

Berhubong dengan titah uchapan Baginda yang telah menyatakan dengan tegas tentang hasrat dan keinginan Kerajaan Baginda hendak menyelesaikan masaalah ekonomi dan masharakat untok memajukan negara, perkara ini, rasa saya, telah berkali[2] dinyatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang sa-patut-nya pada pendapat saya menjadi ingatan dan panduan kapada seluroh ra'ayat yang ta'at setia dan chintakan kapada negara untok bertekun, tabah dan sabar bagi memikul tanggong-jawab bersama dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda.

Tetapi, Dato' Yang di-Pertua, malang-nya saya sunggoh berasa tertarek hati dengan kejujoran dan keikhlasan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda walau pun Duli Yang Maha Mulia menjalankan pemerentahan dengan adil dan saksama kerana kepentingan ra'ayat dan negara tetapi sa-sunggoh-nya saya berasa kesal dan dukachita memandangkan maseh ada-nya gulongan[2] mahu pun terdiri daripada wakil[2] ra'ayat sendiri, pemimpin[2] parti siasah, pemimpin[2] kesatuan[2] buroh atau pun kesatuan[2] sekerja dan dari kalangan orang[2] persaorangan yang sentiasa menunjokkan perasaan tidak puas hati kerana di-dorong sa-mata[2] oleh perasaan nafsu, tamak dan haloba tidak mahu berperasaan jujor dan ta'at setia, sengaja tidak mahu insaf dan sedar bahawa Kerajaan Yang Maha Mulia Baginda sedang memikirkan, sedang menjalankan dan sedang berusaha dan berikhtiar hendak menjadikan negara Malaysia ini shurga untok mereka sakalian.

Sa-bagai mithal-nya saya dapat membuktikan dengan selayang pandang bagaimana ada-nya sa-tengah[2] pehak sentiasa menchari jalan dan menggunakan kesempatan yang ada pada mereka. Walau pun mereka di-beri penghargaan dan penghormatan sa-tengah[2]-nya dengan bintang[2] dan gelaran[2] oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, mendapat jawatan[2] yang tinggi di-dalam negara ini, mendapat tempat yang istimewa dalam kalangan masharakat, tetapi mereka maseh tetap dengan pendirian mereka yang dengki dan khianat yang sentiasa juga sanggup hendak mementingkan diri sendiri, sanggup merendah[2]kan dan menjatohkan nama baik Kerajaan kita di-dalam dan di-luar negeri, mahu menimbulkan kekeliruan dan keraguan kapada ra'ayat jelata dan mahu menimbulkan huru-hara. Ada di-antara mereka yang konon pemimpin[2] besar ra'ayat Malaysia tetapi apa yang saya tahu masharakat di-negeri asal-nya sendiri tidak sudi menerima-nya. Ia bermastautin dan di-terima di-bumi Malaysia ini ada-lah dengan limpah ihsan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda tetapi kerana dasar yang— tidak menyedari untong, mereka[2] bersikap pepat di-luar runching di-dalam atau harapkan pagar, pagar makan padi. Memang sudah sewajar-nya-lah mereka[2] yang bersikap pepat di-luar runching di-dalam atau harapkan pagar, pagar makan padi. Memang sudah sewajar-nya-lah mereka[2] yang bersikap demikian di-biarkan merengkok dalam tahanan sa-lama[2]-nya sa-belum ra'ayat Malaysia sendiri memberikan hukuman yang sa-berat[2]-nya.

Dato' Yang di-Pertua, gulongan[2] atau puak[2] yang saya sebutkan gerak langkah-nya sangat di-sangsikan dan perlu di-awasi ini sangat bijak-nya menjalankan peranan dalam satu[2] masaalah yang timbul di-dalam dan di-luar negara kita. Sa-bagai chontoh dapat saya berikan ia-itu satu daripada-nya soal yang dapat mengelirukan ra'ayat Malaysia sendiri pada hari ini oleh gulongan[2] yang saya sebutkan tadi ia-lah dengan berkechamok-nya atau pergolakan perjuangan di-antara Arab dan Israel di-Timor Tengah. Kalangan[2] daripada beberapa parti politik yang saya tahu sendiri menyatakan kapada ra'ayat, ra'ayat yang berugama Islam khas-nya, ia-itu Kerajaan Malaysia tidak sama sa-kali menyokong perjuangan ra'ayat Arab di-Timor Tengah. Soal-nya ia-lah hendak menjatohkan nama baik Kerajaan kita dari kalangan[2] ra'ayat yang tertentu. Menurut apa yang saya sendiri tahu dan semua pejuang[2] politik tahu ia-itu masaalah Kerajaan Malaysia dengan negara Israel ia-itu kita sendiri dapat kenyataan yang tegas daripada Kerajaan, daripada Perdana Menteri, daripada

Timbalan Perdana Menteri, menyatakan sa-hingga di-hari ini ia-itu Kerajaan Malaysia ada-lah menyokong perjuangan Arab dan mengutok apa yang di-katakan tertuboh-nya negara Israel, negara bunika daripada Amerika dan British dan yang menjadi soal pokok ia-lah pelarian orang² Arab dari bumi Israel sendiri—bumi Jerusalem sendiri—ia-itu tanah tumpah darah mereka. Soal ini-lah yang memeningkan kepala dan soal ini-lah yang menimbulkan perselisehan yang tidak berhabis²an disekitar dunia Arab oleh kerana ra'ayat Arab sendiri mempunyai hak di-tanah ayer-nya tersingkir dan terusir menderita oleh kerana tertuboh-nya negara Yahudi yang telah mencheroboh di-tanah ayer mereka.

Saya rasa di-antara pemimpin² parti politik yang menjalankan di'ayah, memfitnahkan dan chuba mengelirukan kedudokan Kerajaan dalam perkara di-Timor Tengah ini ada-lah satu perkara yang tidak bertanggong-jawab dan ini-lah saya katakan sa-tengah² daripada mereka ini ada-lah orang² yang menjadi pengkhianat terhadap kejujoran Kerajaan dan keikhlasan Duli Yang Maha Mulia Baginda.

Dato' Yang di-Pertua, satu perkara lagi berkenaan kenaikan harga beras dan barang² keperluan harian ia-itu sa-tengah² daripada pemimpin² yang ada di-Malaysia ini menyatakan kapada ra'ayat jelata bahawa dengan sebab kechuaian, dengan sebab tidak bagitu teliti-nya Kerajaan, maka naik-lah harga² beras, maka naik-lah harga barang² keperluan sa-hari². Ini ada-lah kelemahan Kerajaan dan Kerajaan yang ada pada hari ini patut di-salahkan. Bagaimana saya sendiri tahu bahawa kenaikan harga beras dan kenaikan harga barang² keperluan harian ada-lah berlaku bukan sahaja di-negara kita tetapi berlaku di-seluroh dunia dan kejadian² ini, menurut apa yang telah di-sampaikan, ia-lah dengan sebab timbul-nya benchana² alam yang ada di-serata dunia, mithal-nya, di-pukul ribut, mithalan-nya, kenaikan bah dan banjir dan berbagai² lagi mala petaka yang telah menjahanamkan tuboh²an atau tanam²an, dan di-dalam soal ini tentu-lah kita dapat memikirkan bagaimana pehak² yang saya katakan, gulongan² pemimpin² parti siasah atau pun orang² persaorangan yang menchari kesempatan sentiasa menggunakan peluang² bagi merendahkan dan mengechil²kan tanggong-jawab Kerajaan dan di-dalam soal kenaikan harga beras dan barang² keperluan harian ini bagi pehak Kementerian Perusahaan dan Perdagangan sendiri ada-lah menjalankan usaha dan tanggong-jawab-nya dengan sa-baik²-nya bagi menchari jalan mengatasi kesulitan² dan bagaimana yang kita tahu baharu² ini pehak Kementerian Perusahaan dan Perdagangan menjalankan geraklangkah yang chuba dengan sa-chara tegas supaya perkara² yang tidak di-ingini kapada ra'ayat jelata ini dapat di-perbaiki dengan chara meminta kerjasama daripada semua pehak yang berkenaan. Saya mengharapkan supaya pehak Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan akan dapat juga-lah menchari jalan yang sa-baik²-nya bagi menyenangkan hati ra'ayat dalam soal² kenaikan harga barang² ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan lagi ia-itu sa-bagai chontoh sa-bahagian daripada puak² yang saya sebutkan ini ia-lah terdiri pula daripada kalangan kesatuan² buroh. Bagaimana yang kita semua tahu bahawa pehak kesatuan² buroh atau kesatuan² sekerja yang ada di-Malaysia pada hari ini tidak habis² nampak-nya soal² hendak mengadakan kerja mengikut peratoran, kemudian yang akhir-nya sakali melancharkan gerakan² mogok. Pemogokan² di-jalankan oleh sabahagian besar daripada kesatuan sakerja ada-lah banyak yang menyenggong dan banyak merosakkan kepentingan ra'ayat jelata di-negara ini sendiri. Bagi pehak saya sendiri tentulah tidak hendak mengkongkong atau hendak mengeluarkan pendapat yang hendak menentang sa-ratus peratus gerakan² kesatuan buroh. Tetapi apa yang saya kesalkan dalam gerakan² kesatuan² sekerja pada hari ini menjalankan tektik pemogokan sa-chara besar²an bukan-lah dengan tujuan yang sa-benar²-nya kerana kepentingan kaum buroh sahaja atau pun kepentingan kaum buroh sa-ratus peratus tetapi malah ada tujuan² udang di-sa-balek batu dan bagi sa-saorang yang rapat

dengan persatuan atau perjuangan kaum pekerja ini, saya dapat beberapa kenyataan dan bukti[2] bahawa ada latar[2] belakang yang menjadi tujuan kapada kesatuan[2] sekerja yang di-monopolikan oleh pemimpin[2] kesatuan sekerja yang tidak bertanggong-jawab dan biasa-nya kesatuan[2] sekerja menjalankan gerakan yang lichin untok mengorbankan kesatuan[2] sekerja yang lebeh kechil daripada-nya.

Mithal-nya dalam satu[2] tuntutan kalau kesatuan[2] sekerja di-dalam satu[2] jabatan ada jabatan yang bergaji hari, ada jabatan yang bergaji bulan, pehak yang bergaji bulan kedudokan yang lebeh lumayan tetapi mereka inilah selalu melulukan segala tindakan[2] untok mengadakan tunjok perasaan mogok kerja menurut peratoran dengan menchari jalan bagaimana hendak menarek sokongan daripada pehak[2] kesatuan[2] kerja yang kechil yang sabilangan besar daripada-nya mereka ini tidak tahu bahawa apa-kah dasar perjuangan kesatuan sekerja ini. Mereka di-beri galakan dan dorongan semangat dengan mengatakan ia-itu tuan[2] semua akan di-bela daripada gaji sekian akan di-naikkan lipat ganda sekian maka mereka[2] ini terburu[2] turut-lah segala ranchangan yang di-anjorkan oleh pemimpin[2] kesatuan sekerja. Walhal di-dalam tuntutan mereka pehak kesatuan[2] yang lain terpenchil dan tidak dapat langsong tindakan[2] yang di-kehendaki menurut dasar dan kesatuan sekerja untok membela kaum sekerja seluroh dan di-antara pemimpin[2] kesatuan sekerja ini pula yang saya tahu ada menchari kesempatan menanggok di-ayer keroh ia-itu mithalan-nya sa-orang pekerja saperti amah[2] yang ada di-Terendak Camp, ada pemimpin[2] kesatuan sekerja sendiri menuntut wang bayaran bulanan sekian[2] lain daripada bayaran yuran bulanan dan wang[2] ini telah lesap entah berapa puloh ribu yang telah di-pungut. Saya rasa dalam beberapa jangka waktu yang telah lalu di-dalam menyebut kechurangan ini, sa-bahagian daripada pemimpin[2] kesatuan sekerja ini bukan daripada orang[2] yang menjadi ra'ayat Malaysia sendiri yang berulang alek mendapat bahan, mendapat bantuan, membuat perhubongan dengan dunia luar yang hanya untok menjalankan tektik[2] hendak beradu kekuatan dengan Kerajaan dengan tujuan supaya Kerajaan kita pada hari ini lemah dapat di-kechiwakan-nya dan sa-harus-nya dapat di-hanchorkan dengan kekuatan kesatuan[2] sekerja.

Dato' Yang di-Pertua, dalam masaalah kesatuan sekerja ini juga saya maseh ingat lagi sa-belum merdeka dahulu gaji sa-orang buroh hanya $2.24 sen sahaja, kemudian apabila kita telah menchapai kemerdekaan dan Kerajaan kita pada hari ini memegang tampok kuasa negara Malaysia, maka dengan serta-merta gaji sasaorang buroh telah di-naikkan berjumlah $3.16 sen, kemudian di-naikkan lagi menjadi $4.00. Rasa saya kalau hendak di-perjuangkan tentu-lah bagi pehak orang[2] yang berpendapatan kechil, buroh[2] gaji hari yang hidup menderita yang konon-nya di-istilahkan sa-bagai ra'ayat Marhain'is tetapi apa yang menjadi galakan sekarang orang yang bergaji besar, yang bergaji tiga empat ratus, tujoh lapan ratus pun berjuang juga menutut gaji lagi. Kalau tidak dapat, work to rule, kalau tidak dapat tunjok perasaan, picket, kalau tidak dapat terus mogok. Tetapi di-dalam soal pemogokan, bagaimana yang saya katakan tadi, hak asasi kaum pekerja memang tidak dapat hendak di-nafikan kerana ini ada-lah dasar demokrasi yang di-jalankan oleh negeri ini. Dan apa yang menjadi soal sekarang pada sa'at[2] yang akhir ini tindakan kesatuan[2] sekerja di-jalankan dengan sa-chara melulu, dengan sa-chara tidak memandang ka-belakang dan ka-hadapan, memikirkan bagaimana-kah akibat-nya akan datang terhadap kapada negara dan ra'ayat. Bagi pehak Kerajaan, saya rasa di-dalam soal menghadapi kenyataan ini patut-lah daripada sekarang mengadakan ranchangan[2] tegas bagaimana yang saya sendiri tahu bahawa di-dalam persidangan Dewan yang berhahagia ini, di-dalam Dewan Ra'ayat akan di-kemukakan satu Bill berhubong dengan ranchangan[2] hendak mengatasi kedudokan tindakan kesatuan sekerja yang samakin mengancham negara dan Kerajaan kita ini.

Sa-bagai chontoh, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan lagi bahawa di-antara gulongan[2] pemimpin[2] kesatuan sekerja ini juga mungkin mempunyaï kaki-tangan daripada Jabatan[2] Pendaftar Kesatuan Sekerja kerana di-antara pemimpin[2] Kesatuan Sekerja ini dapat berhubong rapat dengan sa-chara bekerjasama menjalankan dasar tindakan yang sama sahaja nampak-nya dengan kemahuan[2] yang ada bagi memperkechil dan menekan sa-suatu kesatuan sekerja yang lain. Saya ingin menyatakan peristiwa yang berlaku baharu[2] ini ia-itu saya sendiri telah mengetuaï satu rombongan daripada pemimpin[2] salah satu kesatuan sekerja menjumpaï Menteri Buroh sendiri ia-itu menyatakan bahawa sa-suatu yang timbul, yang sulit, yang harus di-atasi dan boleh di-usaha dan di-selesaikan hanya oleh Kementerian yang berkenaan sahaja, maka oleh sebab itu saya sendiri bersama[2] dengan Ketua[2] Kesatuan Sekerja ini menjumpaï Yang Berhormat Menteri Buroh dan Yang Berhormat Menteri Buroh sendiri menyatakan dia akan menyelesaikan sendiri perkara ini tetapi malang-nya baharu[2] ini juga ia-itu sa-telah Menteri Buroh meninggalkan negeri ini keluar negeri maka pehak Jabatan Pendaftar Kesatuan Sekerja sendiri memberikan keputusan sa-chara kilat ia-itu memberi keputusan mu'tamad bahawa Kesatuan Sekerja itu di-batalkan pendaftaran-nya dengan meninggalkan peranan yang telah di-utuskan oleh Menteri Buroh sendiri. Perkara ini telah pun saya sampaikan dan perkara ini akan di-ulang lagi balek kerana pada hari ini saya nampak dari semenjak beberapa hari baharu-lah Yang Berhormat Menteri Buroh kita balek dan perkara ini akan di-ulang sa-mula dan ini-lah apa di-katakan chontoh[2] bagaimana sa-suatu pehak yang lama dalam Kesatuan Sekerja sendiri menjalankan teknik tekan-menekan ia-itu jatoh menjatoh-kan dan apa yang mengkhuatirkan saya. Kesatuan[2] Buroh, Kesatuan[2] Sekerja, yang benar[2] jujor dan ikhlas bertanggong-jawab dalam soal kepentingan ra'ayat dan negara dari segi kepentingan mereka sendiri juga, maka gulongan[2] yang jujor ini tertindeh dan akan menjadi korban dalam perjuangan Kesatuan Sekerja yang lebeh besar yang tidak bertanggong-jawab. Jadi dengan sebab itu saya ingin menyentoh perkara ini supaya pehak Kerajaan menjalankan pengawasan yang lebeh mendalam dan kira-nya dapat di-adakan sa-suatu jalan yang lebeh lekas bagi mengatasi anchaman[2] yang tidak di-sukaï oleh ra'ayat dan mana[2] Kerajaan sa-kali pun.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya timbulkan di-dalam uchapan terima kaseh saya kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda ini ia-lah masaalah Kesatuan Guru[2]. Masaalah Kesatuan Guru[2] pada hari ini menjalankan kerja[2] menurut peratoran dan menjalankan pemogokan mungkin pemogokan ini akan berjalan dengan sa-chara langsong atau sa-chara tidak langsong, tetapi bahang[2] kenyataan tegas yang telah di-beri bahawa tindakan[2] yang lebeh hebat akan di-ambil oleh Kesatuan Guru[2]. Apa yang menjadi persoalan pada saya pada hari ini ia-lah pada masa yang telah sudah guru[2] ada-lah di-anggap sa-bagai bapa, guru[2] di-anggap sa-bagai pemimpin dan guru[2]-lah yang menjalankan peranan yang penting dalam soal pendidekan dan pelajaran. Tetapi pada hari ini saya nampak walau pun barangkali tindakan[2] guru[2] ini yang berasa tidak puas hati mungkin ada juga sadikit sa-banyak kebenaran tetapi dengan chara mengambil sa-suatu tindakan yang boleh merosakkan kepentingan pelajaran dan kepentingan pendidekan dan merosakkan taraf guru[2] itu sendiri sa-bagai bapa dan sa-bagai pemimpin, maka saya rasa guru[2] pada hari ini bukan-lah sa-bagaimana guru[2] yang pada asas-nya menjadi bapa, menjadi pemimpin, tetapi boleh saya katakan guru[2] yang lebeh memimpin tembolok-nya sendiri untok kepentingan perut-nya.

Dato' Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di-dalam soal kesatuan guru[2] dan guru[2] yang menjalankan tindakan ini, ia-itu pada masa beberapa zaman yang silam kita nampak kalau guru[2] yang ada di-tanah ayer kita ini naik basikal burok, naik motokar burok, motakar pun tidak ada naik basikal burok, hendak dapat basikal Raleigh pun payah—kalau guru[2] hendak marah pun biar-lah saya bertanggong jawab.

Di-negara[2] lain sa-hingga pada hari ini guru[2]-nya tidak memperdulikan sangat kepentingan kebahagiaan mereka, mereka maseh berjalan kaki, maseh naik basikal burok tetapi guru[2] kita rasa-nya di-Malaysia ini alhamdulillah, pada saya memandangkan payah hendak menchari sa-orang guru pun tidak ada kenaikan kenderaan pada hari ini. Dan dari segi kesatuan sekerja, bagaimana yang saya katakan tadi, sahingga Budak Pejabat pun hari ini tidak ada naik basikal lagi.

Apa yang saya ingin timbulkan dalam masaalah ini ia-lah yang pertama sa-kali kita harus memerhatikan bagaimana-kah untong nasib kaum tani dan kaum nelayan yang pendapatannya tidak lebeh, hetong panjang, pada sa-bulan $35. Di-antara mereka sabahagian besar-nya makan kanji atau makan bubor sa-kali sa-hari. Dan daripada gulongan masharakat kita pula berapa banyak yang tidak mempunyai pekerjaan yang telah masok ka-dalam barisan[2] atau pergerakan[2] yang salah yang mengancham keselamatan negara kita. Kapada mereka ini-lah, kapada masharakat kita yang saya katakan ini-lah, yang sa-patut-nya tiap[2] perjuangan masharakat kita dari segi pertubohan siasah, social, kebajikan, apa saja bukan sahaja dengan pandangan Kerajaan sahaja yang di-harapkan tetapi tiap[2] sa-orang memikirkan soal, sa-jumlah besar daripada ra'ayat kita sendiri yang hidup lebeh menderita daripada mereka[2] yang pada hari ini ada yang mendapat empat hingga lima ratus sa-kurang[2]-nya dua tiga ratus pun ada juga. Walau pun keadaan ini maseh belum lumayan, belum memuaskan, akan tetapi sa-bilangan besar lagi masharakat dan ra'ayat kita hidup menderita terutama-nya kaum nelayan, dan kaum tani bagaimana yang saya katakan.

Memandangkan tidak ada-nya pertimbangan peri kemanusian ini saya tidak teragak[2] lagi pada menimbulkan masaalah ini untok menarek perhatian Kerajaan, bahawa pada hari ini terutama sakali guru[2], apa yang nampak ia-lah penghormatan tentang taraf sabagai bapa dan pemimpin telah hilang dan ada di-antara anak[2] sekolah kita telah menchabar guru[2] kita sa-bagai guru[2] yang tidak patut di-berikan penghormatan lagi. Dan mungkin akan timbul pertentangan di-antara ibu bapa dengan puak guru[2], di-antara kesatuan sekerja dengan majikan[2]. Puak yang ini lebeh mementingkan soal negara daripada mementingkan kepentingan diri sendiri. Maka sa-lagi Kerajaan tidak menjalankan langkah yang tegas dan agak segera maka pertentangan[2] fahaman dan pendapat yang boleh menimbulkan kekasaran dan perbuatan[2] yang tidak di-ingini akan lebeh dalam dan lebeh luas jurang-nya yang akan menimpa di-masa yang akan datang. Dengan sebab itu saya ingin menyentoh perkara ini untok menarek perhatian semua gulongan daripada masharakat kaum pekerja, masharakat guru[2], supaya mengambil satu tindakan dengan memikirkan tanggong-jawab yang lebeh kapada kebahagiaan dan keselamatan semua ra'ayat kita yang ada di-Malaysia ini. Dato' Yang di-Pertua, ini-lah gulongan[2] yang saya dapat gambarkan sa-bagai orang[2] yang tidak mementingkan kepentingan negara.

Ada sa-gulongan besar daripada guru[2] yang tidak bertanggong-jawab ini yang berterangan menunjokkan angkoh-nya tidak mahu menghormati lagu kebangsaan. Dalam titah uchapan Duli Yang Maha Mulia Baginda menyentoh perkara ini. Tujuan mengadakan Minggu Perpaduan ia-lah kerana hendak menarek perasaan ra'ayat supaya menghormat lebeh dahulu lagu kebangsaan dan bendera kebangsaan kita supaya dengan ini timbul-lah semangat perpaduan, semangat bertanggong jawab.

Dato' Yang di-Pertua, saya berasa malu ia-itu sa-telah mendengar pengishtiharan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-padang Selangor Club baharu[2] ini, seluroh negara menjalan dan patoh kapada apa sahaja ranchangan yang telah di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda ini untok kepentingan ra'ayat bersatu-padu dalam soal kepentingan negara. Tetapi sahingga di-hari ini ada sa-gulongan besar lagi ra'ayat jelata yang apabila lagu kebangsaan ini di-bunyikan didalam majlis[2] atau achara[2] yang ter-

tentu bagi pehak orang[2] ra'ayat kita yang ta'at setia yang bangun menghormati lagu kebangsaan ini malu kita menengok ia-itu orang[2] yang tidak mahu menghormati-nya memersenda[2]kan dan mengetawakan tiap[2] sa-orang yang bangun menghormati lagu kebangsaan. Bukan sahaja mereka tidak mahu menghormati tetapi sa-balek-nya mempersenda[2]kan. Ini satu perkara yang patut saya katakan biadab di-dalam kejadian[2] beberapa perkara di-ingini yang saya rasa bukan sahaja Kerajaan patut menyerukan supaya tiap[2] ra'ayat menghormati lagu kebangsaan ini, tetapi sudah sampai masa-nya Kerajaan mengambil satu tindakan yang tegas supaya orang[2] yang tidak mahu menghormati lagu kebangsaan, tidak mahu patoh kapada apa sahaja arahan[2] yang di-keluarkan demi kepentingan kebaikan negara kita ini, orang[2] ini di-chap orang[2] tidak ta'at setia, orang[2] yang tidak di-kehendaki di-bumi Malaysia ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya rasa telah sampai-lah masa-nya Duli Yang Maha Mulia Baginda dan Kerajaan Malaysia mengkaji dengan sa-penoh-nya kesempurnaan untok membasmi anasir[2] yang biadab ini dengan membuat satu keputusan mengenakan hukuman yang sa-berat[2]-nya kapada mereka, ia-itu kalau mereka yang mengambil kera'ayatan Malaysia, kera'ayatan-nya hendak-lah di-luchutkan dan mereka di-hambuskan ka-negeri asal-nya. Kalau mereka bumiputera pula biar-lah mereka di-tahan merengkok dalam penjara sa-hingga mereka bertaubat. Bagi mengawasi perkara ini, saya minta supaya Kerajaan memberikan perhatian yang sa-penoh[2]-nya terhadap perkembangan[2] yang berlaku dari anasir yang tidak bertanggong jawab ini, mithal-nya dalam satu[2] perarakan tunjok perasaan, pehak[2] Polis telah pun menjadi korban di-baling botol, di-baling batu dan ada kereta kenderaan yang di-rejam dengan sa-chara kasar dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang di-Pertuan Agong sa-malam dalam uchapan-nya mengatakan tunjok[2] perasaan ini separoh daripada separoh-nya tidak ada tujuan langsong, chuma hendak menunjokkan kekuatan, dan saya sendiri menimbulkan perkara ini, Dato' Yang di-Pertua, dengan mengharapkan Kerajaan supaya memberikan kuasa penoh kapada pasokan bersenjata kita, terutama kapada pasokan Polis di-Raja, Reserve Unit, supaya bertindak dengan sa-chara tidak ada halangan dan tidak ada ragu[2] lagi terhadap anasir[2] yang mengancham keselamatan negara ini, dan dengan chara yang demikian saya perchaya mereka[2] yang berhutang akan membayar, yang berpiutang akan menerima, supaya mereka mendapat tindakan atau balasan yang setimpal dengan perbuatan mereka yang tidak bertanggong jawab.

Dato' Yang di-Pertua, dalam menyampaikan uchapan terima kaseh saya dalam Dewan ini di-atas titah uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, saya mengambil peluang menyentoh beberapa perkara yang saya rasa penting untok di-kemukakan melalui Dewan yang berhahagia ini, ia-itu satu ia-lah soal kesulitan pengangkutan bagi anak[2] sekolah, walau pun barangkali pertanyaan ini akan di-jawab sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Di-dalam kawasan bandar Kuala Lumpur ini terutama-nya sa-kali kalau kita berjalan di-kawasan[2] Kampong Baharu, di-kawasan[2] Kampong Dato' Keramat, di-kawasan[2] kampong[2] yang anak[2] pergi ka-sekolah pada sa-belah pagi dan balek pada sa-belah petang. Kita nampak di-tempat[2] menunggu bas bertaboran anak[2] sekolah kita yang pada pagi hendak pergi terkejar[2], bas lalu, bas datang, tetapi anak[2] kita tak di-beri naik bas. Dan pada masa hendak balek patut sampai ka-rumah pukul 6.30 sa-lewat[2]-nya, ada yang sampai pukul 8.00 sampai pukul 9.00. Saya telah menjalankan penyiasatan di-atas perkara ini dan saya dapati memang sa-bahagian daripada pemandu[2] bas di-kawasan[2] kota dan kakitangan kenderaan bas tidak mahu mengambil anak[2] sekolah dan ada yang mengeluarkan perkataan[2] kesat. Saya dukachita mengatakan apabila saya menjalankan penyiasatan dalam satu kompeni bas yang besar di-kawasan ibukota ini ia-itu bagi sa-tengah pehak pekerja bas ini mengatakan yang melakukan kekasaran itu bukan daripada

gulongan kami orang[2] lama tetapi adalah orang[2] baharu yang terdiri sabahagian besar-nya daripada bekas pasokan keselamatan sendiri-nya yang dapat bekerja, berkhidmat dalam company bas ini.

Saya sendiri mendengar perkataan[2] kasar yang di-keluarkan terhadap anak[2] yang hendak menaiki bas ka-sekolah. Jadi saya rasa kechewa benarlah kalau dari segi guru[2]-nya sudah tidak ada pertimbangan yang sa-chara saksama terhadap nasib anak[2] dan pelajaran, maka company bas ini pula satu daripada penchubaan yang menghalang ganti untok memusnahkan kebahagiaan, kemahuan dan keinginan anak[2] yang hendak melanjutkan pelajaran ka-sekolah dan perkara ini sangat membimbangkan ibu bapa. Sabelah pagi tertunggu puteh mata memandangkan, patut anak sampai ka-sekolah pukul 7 tetapi pukul lapan belum dapat naik bas. Masa balek-nya pula patut sampai pukul 7 malam, pukul sembilan malam belum sampai. Bila di-turut maseh ada lagi tertegak[2] di-tempat perhentian bas. Bila di-tanya, "Kerana apa?" "Bas tidak mahu berhenti, kalau berhenti tidak mahu ambil kita orang." Jadi apa-kah sebab-nya masaalah ini timbul?

Ada pertanyaan[2] yang di-hadapkan kapada saya konon-nya kerana apa-kah sa-telah kemerdekaan ini baharu timbul masaalah ini, kalau ada bas company Melayu pula dia bertanya kapada saya, kerana apa-kah bas Melayu sahaja yang timbul perkara ini, bas[2] company lain tidak ada? Tetapi soal-nya apa yang saya nampak memang benar-lah barangkali anak[2] Melayu yang selalu menjadi korban di-korbankan oleh orang Melayu sendiri, ia-itu daripada company[2] bas Melayu sendirilah yang menjalankan tindakan[2] yang tidak bagitu menyenangkan terhadap anak[2] kita yang hendak pergi ka-sekolah dan balek ka-sekolah. Apa yang menjadi pengharapan saya dalam menimbulkan perkara ini supaya perkara ini Kerajaan dengan melalui Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kita akan dapat mengadakan satu sistem atau peratoran bagaimana mengutamakan anak[2] kita pergi ka-sekolah dan balek ka-sekolah dengan tidak menghalang atau menyusahkan anak[2] kita supaya mereka tidak bosan dalam menuntut pelajaran.

Dato' Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin timbulkan ia-itu berhubong dengan perhubongan yang hendak di-adakan oleh Kerajaan Indonesia dengan Malaysia dalam soal perhubongan diplomatic. Saya sendiri pernah mendengar beberapa penganjor[2] Indonesia yang datang ka-mari, terutama yang akhir[2] sa-kali dengan Yang Berbahagia Dato' Hamka atau Pak Hamka kita yang baharu mengunjongi Malaysia pada hari ini. Bila di-tanya bila-kah perhubongan diplomatic di-antara Indonesia dengan Malaysia ini hendak di-adakan? Dia akan menjawab, "Siapa sahaja penganjor Indonesia yang datang sa-chepat mungkin". Dan Pak Hamka lebeh tegas lagi, "ayam sudah berkali[2] berkokok," kata dia, "tunggu fajar sahaja menyinsing". Sa-olah[2] harapan kita mungkin barangkali besok perhubongan diplomatic antara Malaysia dan Indonesia akan di-adakan sa-mula.

Tujuan kita dan saya sendiri menimbulkan perkara hendak mengadakan perhubongan diplomatic dengan sachara segera ini ia-lah kerana memikirkan kesenangan[2] yang akan dapat di-jalankan di-antara dua buah negeri yang berjiran dan bersahabat dengan sa-chara yang lebeh tegas dan lebeh menimbulkan banyak munafa'at. Tetapi saya rasa, saya agak berperasaan dukachita sadikit bila saya sendiri menuntun talivishen, saya tidak pergi ka-Jakarta menengok permainan[2] Thomas Cup, timbul perkataan[2] dan perbuatan[2] yang saya rasa jangankan menengok lapangan tempat permainan itu, menengok talivishen itu pun gerun juga kita. Semangat kita pun kadang[2] naik juga walau pun perhubongan diplomatic ini hendak di-adakan dengan sa-berapa segera. Kerana apa-kah keadaan ini boleh timbul dan saya rasa ini-lah satu[2]-nya chara[2] yang patut kita fikirkan di-antara dua buah negeri ini sa-benar[2]-nya hendak menchari jalan kebaikan dan hendak mengadakan perhubongan persahabatan sa-chara muhibbah—hendak-nya perkara[2] yang demikian tidak-lah timbul dalam sa'at ini.

Dengan sebab itu-lah saya katakan, kalau boleh, perhubongan diplomatic antara kedua buah negeri ini hendaklah di-segerakan. Apabila ada-nya perhubongan diplomatic ini, maka senanglah segala kesulitan[2], segala perasaan[2] yang timbul boleh di-baiki dan di-atasi dengan sa-chara lebeh tegas dan lebeh segera untok kepentingan dan kebahagiaan kedua[2] negara.

Dato' Yang di-Pertua, saya rasa di-dalam uchapan saya untok memberikan terima kaseh di-atas titah uchapan Duli Yang Maha Mulia Baginda ini ia-lah saya sampaikan dengan perasaan jujor dan ikhlas dan saya sendiri mengharapkan dengan seruan sa-muga Duli Yang Maha Mulia Baginda akan panjang umor-nya, sehat wal'afiat dan dapat memerentah negara Malaysia ini zaman berzaman selamat sejahtera sa-lama[2]-nya. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. (*Tepok*).

Dato' Y. T. Lee: Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong.

Mr President: Majlis ini di-tanggohkan sa-lama 10 minit.

Sitting suspended at 11.25 a.m.

Sitting resumed at 11.40 a.m.

(Mr President *in the Chair*)

Debate resumed.

Dato' Y. T. Lee: Mr President, Sir, I have great pleasure in seconding the Motion now being debated by this Honourable House, "That an humble Address be presented to His Majesty for the Gracious Speech from the Throne on the opening of the Fourth Session of the Second Parliament".

Mr President, Sir, undoubtedly the brightest event of the past twelve months during His Majesty's reign was the signing of an agreement with Indonesia to resume normal relations and thus ending the three-year old confrontation. The resumption of diplomatic relations with the Philippines and Pakistan is also a great event. His Majesty also mentioned that as a result of efforts made, the following countries, Canada, Japan, the Netherlands, Belgium, France, Britain and the United States, have offered export credits to Malaysia. Apart from this, Malaysia has also received offers of grant assistance for constructional works in East Malaysia. Negotiations with the World Bank for loan assistance for major projects are also under way. Continued assistance from the Australian and New Zealand Governments for defence and economic grant assistance to Malaysia is also greatly welcomed.

The changeover to the new currency proceeded without a hitch. This goes to show that the general public has complete confidence in the new notes. The Malaysian dollar is fully backed and internationally it is regarded as a very strong currency. Mr President, Sir, more so now His Majesty has called on the nation to economise and step up production. His Majesty said that there must be a complete elimination of expenditure that does not contribute to the productive capacity of the country, at the same time there must be real increase in productivity and efficiency in all fields of human endeavour in both the public and private sectors. It is the only way that we can afford to devote sufficient resources to bring about the economic and social progress aimed at in our First Malaysia Plan.

Mr President, Sir, I have repeatedly in this Honourable House, in fact at every Budget meeting, stressed that an austerity campaign be introduced, so that this country can be self-sufficient. Now, more than ever, this problem has become very pressing and in the light of present world situation, a start should be made immediately.

Mr President, Sir, it is not my intention here today to deal at length on His Majesty's Gracious Speech. There are however certain salient features affecting the citizens of our country which I wish to refer to. The most significant event that occurred last week was the outbreak of hostilities in the Middle East. When nations belonging to different ideological groups, encouraged by big powers, harboured their grudges for too long escalation into open warfare was inevitable. This has happened in the Middle East. Though the hostilities

came to a stop after four days of fighting, the problems of the region are far from being resolved; in fact, they have become more complicated. One big power has cut off relations with one of the contestants with the demand for its restoring territories occupied by it during the fighting. The Suez Canal is still closed to international shipping. The local sharemarket came to a complete stand-still when war started in the Middle East. The closure of the Suez Canal sent prices of foreign goods spiralling and this also brought about a parallel rise in the prices of materials produced locally. Freight rates were also raised. Had the war continued it would have had disastrous effect on the local market, but we are not out of the woods yet. The dangerous situation in the Middle East has not yet been defused. So long as it remains in this state, and so long as shipping is not guaranteed safe-passage through the Suez Canal, prices of goods in Malaysia will not come down. Furthermore, shortages of certain goods may be expected. The Middle East debacle has its repercussions not only in Malaysia, but in other Asian countries as well.

Mr President, Sir, there are already hints from the Far East, Gulf of Aden, and Red Sea Ports Conference and the Far East Freight Conference that due to the deteriorating situation in the Middle East, it is likely that the Shipping Conferences may introduce a surchage, and the surchage is not to be less than 10 per cent. It has brought to the surface the dependence of this country on the ships of foreign nations for our exports and imports. This shipping monopoly has given freedom to the shipping companies to raise their freight rates whenever they like. It is conservatively estimated that this country has to pay about $275 million annually to the shipping companies to keep our commerce going. The foreign shipping lines will willingly carry our raw materials needed by the industries of their countries, but they are not so willing to be carriers of our manufactured goods abroad, since they are conditioned to carry the manufactures of their respective countries to the world's markets. The high freight rates charged by them will make it difficult for our goods to compete in foreign markets against theirs.

Mr President, Sir, having due regards to the smooth flow of our goods carried by ships, I am rather perturbed to hear of the monopolistic tendency of world shipping conferences. Such shipping conferences are acting detrimental to the interests of this country and according to a study of this matter and observations made, the following facts have been brought to light:

(1) At present cargo owners are forced to ship only in vessels belonging to Conference members.

(2) Freight rates are fixed at random and without due consideration to the interests of the cargo owners.

(3) With the present practice, cargo owners are not permitted to choose ships outside the Conference members.

(4) Discrimination and heavy penalties for so called breach of contract.

Mr President, Sir, in the light of these the Government should make further investigation, and strong measures should be brought to shipping companies to readjust the present exhorbitant freights. While on this subject I must mention and give full credit to Tunku, our Prime Minister, who has recently suggested that Malaysia should start a shipping line of her own and no time should be lost on setting up this project. If we procrastinate further, we may miss the boat. Undoubtedly the establishment of a Malaysian shipping line is one and the only way of bringing down freight rates which would be of beneficial interest to all citizens of this country. It is the question of helping ourselves first before we ask somebody else to help us.

Mr President, Sir, the concept of ASA was brilliant and the formation of it four years ago was acclaimed as a great achievement in this part of the

world. At the same time this achievement has unfortunately brought in dejection and jealousies from certain countries who do not wish to see the success of ASA. It is of primary importance that to achieve the success which it deserves, the three members should deal first with the more pressing problems and leave some of the grandiose schemes to a later stage. The conferences that are held from time to time should deal with specific problems and see to it that the implementation of such schemes are carried out at the earliest possible moment. The years of talks and discussions on the question of liberalisation of trade among ASA countries may soon see the fruits of their labour. At the Manila Conference at the end of last month a draft agreement with a provisional list of goods for free circulation from each country was agreed to, which is a healthy sign that at last some concrete measures have been brought up for implementation. The Manila Conference, which produced the draft agreement and the provisional list of goods for each country to suggest as free trade items for consideration by the other two, was suggested and agreed to at the Bangkok Conference in December last year. The list from Malaysia includes meat for infants, meat soups, palm oil, soya beans, sauce, canned fish, mushroom sauce, canned vegetables and water-paints. The Filipino list is as follows: crude coconut oil, abaca rope, textile fabrics of local fibre, embroidery, medicinal and pharmaceutical products, glycerine, handicraft and paint ingredients, and items on the Thai list are maize, gypsum, fish, sauce and Thai silk.

Mr President, Sir, we all agree that it is not a very impressive list but it is gratifying to note that a start has been made and however small the beginning may be it will gain momentum as time goes on. As was expected, the lists of the three countries for free trade cannot be impressive for the simple reason that none of the ASA countries would suggest items which would jeopardise domestic production. Not for that matter will any item be suggested by any country when it has such an item already in production. Perhaps in the light of these difficulties, it might pay to try out some new ventures yet untouched by any of the ASA countries. For instance, the ASA shipping line. As shipping is a new venture in this country and as the other two members of ASA are not in any way established maritime powers, it would add to our mutual interests if we pool resources to get this venture going. As trade is the life line of any country, future conferences of ASA should seek ways and means to put trade between the ASA countries on a more liberal basis. This concept will eventually lead to a sort of common market among nations in this region.

Mr President, Sir, a great deal has been written about tourism and a great amount of time has been spent on this subject. The main object is to induce more people to travel about in this region to foster good relationship among the people of this region, while the other is to get more foreign exchange. But I am flabbergasted to note that although visa fees were waived between the ASA countries, the procedures of obtaining it are as cumbersome as before. The stories I have heard from Malaysians going to the Philippines and encountering various obstacles at the other end are not conducive to achieving the objects of ASA. Again, while on this subject, I might mention that a friend of mine took four days to get a simple visa for Bangkok. Mr President, Sir, please note I am not in any way blaming the clerks or officials concerned. They are only carrying out their duties. It is the system that is outmoded. The free flow of persons within the ASA countries is as important as the liberalisation of trade. It would be well advised if an item on this could be included in the next ASA meeting. Two aims could be achieved. First, tourism will automatically be improved; and the other, the unnecessary inconvenience caused to tourists and business people will be eliminated. It is of great interest to note that no visas are necessary when Malaysians visit the United Kingdom, France or Italy. If arrangements such as this could be arranged between

Malaysia and certain European countries, it is all the more necessary that similar arrangements should be made between members of the ASA countries.

Mr President, Sir, it is heartening to note that the General Services Administration of the United States made an announcement at the end of last week that beginning July 1st this year disposal of excess rubber from Government stockpile would be cut from 120,000 tons to 70,000 tons. Under this modification, stockpile releases will be limited to 17,500 tons instead of the originally planned disposal of 30,000 tons per quarter. Sir, this is indeed good news for Malaysia. The cut in stockpile sales came as a result of concerted protests from Malaysia, both from Government quarters and the private sector. It is still fresh in my memory, and to be precise, it was on the 16th of May this year that a big protest meeting was held at the Selangor Chinese Chamber of Commerce. Immediately after the meeting, as Acting Chairman I gave the following press release:

"The big release of excess natural rubber from the American stockpile is in direct conflict with the American policy that South East Asian countries should be stabilised so that they can act as a bulwark against Communism. But her action in this case by releasing large quantities of stockpile rubber on the market and thereby depressing the price of natural rubber, does not at all help Malaysia in the least. While, on the one hand, she pours billions of dollars into Vietnam to fight Communism, on the other hand, she closes her eye to a nation which has so far proved to have the best economy in this region. Her action will certainly not win friends for her or influence anybody towards the American way of thinking. Surely America does not want Malaysia to go the way of other non-democratic countries. America will lose the friendship of the Malaysian people by persisting in carrying out her present policy and that she will have herself to blame if Malaysians were compelled to take strong measures to protest against her present policy".

Not long ago I pointed out to the American Ambassador in a private conversation and in fact just before the G.S.A. announcement, that this little gesture on the part of the American administration to cut further the annual release of her stockpile of natural rubber will cost America practically nothing at all, yet it will contribute tremendously towards the stability of our economy. I am happy to note that America has at last seen the logic of our protest and that she has cut the release by 50,000 tons. A great deal has been written about assisting developing nations by developed nations and this is one of the best ways for America to show to the world that she is not only propagating the good points of democracy but is at the same time performing deeds for the uplift of underdeveloped and developing countries.

Mr President, Sir, one has heard too often the proceedings of the United Nations and their high-sounding doctrines that developed nations are out to help underdeveloped and developing countries to achieve self-sufficiency. Unfortunately, Sir, in the light of present world practice, this is not the case. This has brought great dissatisfaction among underdeveloped and developing countries. I just quote two simple examples to substantiate my statement. Pre-war, one could buy a decent motor-car for $2,000 but today a similar type of car would cost round about $8,000—the price has gone up by about 400 per cent. The price of rubber is kept below the 60-cent mark today, whereas pre-war the price of rubber was much higher. As time goes on the richer countries become richer and richer, but on the other hand underdeveloped and developing nations will find it most difficult to balance their budgets.

Mr President, Sir, this is an opportune moment for the United Nations to play a vigorous part in narrowing the gap between the rich countries and the developing countries and America must take a lead in the United Nations and show to the world by deeds that she is the champion of democracy. She must not let this opportunity slip by. Lip service alone is not sufficient.

Mr President, Sir, the Malaysian Chinese Association is launching a "good citizenship campaign". It is very important to the wellbeing of our nation that the people should know what this term means. At a recent

Malaysian Chinese Association assembly, the Minister of Finance and President of the Malaysian Chinese Association spoke most frankly on this matter as affecting Malaysian citizens of Chinese origin. In a multi-racial society, such as ours, the acquisition of citizenship through birth or by naturalisation has its obligations. Many people take citizenship for granted without paying heed to their obligations. Hence authorities have to exhort citizens day in and day out to respect our national anthem and our national flag. To the people of other nations, these exhortations seem rather queer. Every nation takes for granted its people's national pride and their respect for their anthems and flags. But Malaysians seem to be the exception. This lack of national feeling on the part of a large number of Malaysians is a matter of concern to the Government. Some people have advocated making disrespect for our national anthem and flag an offence punishable by law. If such a law were passed it would be an ever-lasting reflection on the loyalty of a large number of our citizens. The loyal citizens will not tolerate such a state of affairs. For this reason they must support this campaign. Malaysia cannot afford to continue being an immigrant society with an immigrant outlook. Independence and the conferment of citizenship on residents of non-indigenous ancestry ought to do away with the immigrant outlook. It is a privilege that should be highly valued. Thus the Malaysian Chinese Association's campaign to make Malaysians realise the value of the need to the nation of its having good and loyal citizens does not apply to citizens of Chinese origin alone, it applies to all those who call Malaysia their own country. Malaysia is no longer the country for people who become citizens just to make their piles and then shed their Malaysian citizenship to return to their ancestral homeland to enjoy the wealth they have garnered here. That was the practice during the colonial times, but it should be stopped now. Good citizens are not those people who remit their earnings to their ancestral homelands either through the normal channels or the black-market. They cannot be good citizens who have not severed their ties abroad. Good citizens are not people who have two homelands. This double-life led by some citizens is making a mockery of their citizenship and this leads to the question of trouble-makers.

In recent weeks rallies and demonstrations were held to create trouble and embarrass the Government. These trouble-makers seize on any pretext to create public disorder and civil commotion. Mr President, Sir, there is a hidden pattern in this trouble-making. Constant demonstrations by such persons can have insidious reprecussions. They give the impression that something is wrong with our Government. Minor grievances are magnified to discredit the authorities. To make it appear spontaneous, they get their gangs to start demonstrations in several parts of the country. When strikes occur in foreign countries, these trouble-makers still ferment strikes here. When certain countries have their own internal troubles, the subversives in this country will react by starting some more troubles. These tactics are aimed at erroding the loyalty of certain types of people here, so that the underground movement can gain recruits to their cause to overthrow the Government. The "good citizenship campaign" is necessary to strengthen the faith of citizens in this country. This country will stand or fall on the loyalty or lack of it on the part of its citizens. If they want to neutralise the efforts of the subversives to undermine our society, our citizens must be made to realise what "good citizenship" means. It is up to them to fashion the type of society they want by willing to shoulder a responsibility as good citizens. They should also raise their children to be good citizens. Not many countries in South-East Asia are enjoying the peace, political stability and prosperity which Malaysia is enjoying. If this happy state of affairs is to continue this country must have more good and loyal citizens and not the Jekyl and Hyde type.

Mr President, Sir, I beg to second the motion (*Applause*).

Tan Sri Haji Mohd. Noah bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil peluang berchakap membahathkan Uchapan Di-Raja. Saya berharap apa[2] yang saya chakapkan mendapat perhatian daripada pehak Kerajaan sunggoh pun masa saya berchakap ini tidak ada sa-orang pun daripada pehak[2] Kementerian.

Perkara yang saya hendak chakapkan atau saya tumpukan ia-lah bahagian ekonomi negara kita, bagaimana yang ada di-dalam Titah uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada pagi sa-malam. Perkara[2] yang besar yang pertama dan yang sangat[2] mustahak sa-bagai perkembangan ekonomi ia-lah sa-buah Kerajaan yang stable lagi chekap dan kedudokan mata wang yang tegap dan kukoh. Jika kedua[2] perkara ini tidak ada, maka tidak ada wujud keperchayaan dan dengan hal yang demikian perkembangan ekonomi tidak akan berjalan dengan lanchar-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak merasa ragu[2] lagi bahawa Kerajaan kita sa-sunggoh-nya stable dan chekap sunggoh pun kelemahan[2] ada sekarang di-dapati di-dalam jentera pentadbiran, tetapi kelemahan itu sekarang mendapat perhatian daripada pehak Kerajaan dan dengan masa yang chukup kita tentu-lah dapat mengatasi segala[2]-nya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubong dengan mata wang ringgit Malaysia, sa-sunggoh-nya taraf mata wang kita itu ada-lah di-antara yang paling kokoh dan tegap kedudokan-nya di-dunia. Chuma empat hari yang lalu sahaja, Malaysia telah mengeluarkan mata wang yang baharu sa-bagai mata wang negara kita. Saya berasa yakin bahawa dengan kebijaksanaan dan kechekapan mereka yang bertanggongjawab terhadap pengelolaan-nya maka kedudokan mata wang dan taraf-nya akan terus tegap dan kokoh di-dunia. Saperti yang telah saya jelaskan mula[2] tadi, bagi menjamin suatu perkembangan ekonomi, ia-lah kedudokan taraf dan nilaian mata wang yang kokoh lagi tegap. Taraf dan nilaian wang kita telah pun menghapuskan sistem lembaga mata wang yang ketinggalan zaman, ya'ani—"out of date currency board", dan telah di-gantikan dengan suatu sistem mata wang yang baharu.

Hampir kesemua[2] negara yang merdeka yang maju telah menggunakan sistem ini dan kita telah mulai menjalankan sistem yang baharu ini. Bagaimana pun, hendak-lah di-ingat mulai dari sekarang, keluaran wang kita akan kita keluarkan dan kita kelolakan sendiri. Oleh yang demikian kita hendak-lah berhati[2] benar dan kawalan[2] yang ketat mesti-lah di-adakan supaya hanya jumlah wang yang benar[2] di-kehendaki sahaja di-keluarkan. Kerana pemereksaan automatic tidak akan ada lagi bagaimana yang ada di-dalam sistem yang lama itu. Mithal-nya mengeluarkan wang berlebehan[2] bagai hendak menghadapi belanja tambahan kapada suatu peruntokan yang tidak chukup akan mudah sa-kali membawa turun-nya harga mata wang itu di-kalangan antara bangsa. Dan sama sa-kali tidak akan mendatangkan apa[2] faedah kapada perkembangan ekonomi negara kita. Dari sekarang, Tuan Yang di-Pertua, segala[2]-nya adalah di-tangan kita, dan tanggong-jawab yang besar ada-lah terletak di-bawah kawalan Bank Negara Malaysia kita. Segala ketegohan yang mereka lakukan terhadap perkara ini akan memberikan kesan[2] kapada perkembangan ekonomi negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah beberapa kali menyatakan dalam Dewan ini, jika kemajuan di-lapangan perusahaan, ya'ani "industrial development", mahu di-teruskan dalam keadaan yang benar[2] terjamin maka suatu badan kemajuan perusahaan, ya'ani "Industrial Development Agency", hendak-lah di-adakan di-bawah suatu lembaga yang bergerak sa-mata[2] kerana ini. F.I.D.A. sekarang telah di-tubohkan dan kita berasa untong kerana mempunyai sa-orang pengarah yang dynamic untok mengendalikan-nya akan tetapi beliau hendak-lah di-beri sa-banyak[2] galakan untok menjalankan tugas[2]-nya.

F.I.D.A. sa-sunggoh-nya berkehendakkan banyak wang untok melaksanakan ranchangan[2]-nya dan peruntokan

yang di-minta hendak-lah di-tunaikan dengan segera. Dan dari sini-lah Bank Negara Malaysia boleh memberikan bantuan[2]-nya dengan kawalan yang wajar terhadap wang ringgit kita supaya memberi keuntongan yang akan menegapkan kedudokan Bank Negara itu sendiri dan keuntongan itu boleh-lah di-salorkan kapada F.I.D.A. melaluï Bank Negara demi kemajuan perkembangan perusahaan. Wang pertarohan dari bank[2] perniagaan di-Malaysia yang di-simpan dalam Bank Negara itu boleh juga di-salorkan kapada peruntokan bagi F.I.D.A. kerana usaha dan kemajuan negara kita. Sa-tengah daripada simpanan[2] wang negara saperti yang di-sebutkan tadi boleh juga di-salorkan untok faedah pertanian dan peladang[2] dan ini berkehendakkan penubohan satu badan atau perbadanan yang bergelar "Agricultural Credit Corporation," kerana satu masaalah yang besar yang di-hadapi oleh peladang[2] pada hari ini sa-bagai hendak memajukan kehidupan mereka ia-lah peruntokan wang yang di-kehendaki pada ketika[2] yang tertentu dengan bayaran yang sesuai. Jika kita betul[2] hendak menolong peladang[2] kita mesti-lah adakan perbadanan ini bagaimana yang telah di-buat di-negeri[2] yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memajukan pertanian di-negeri kita, saya berani berkata bahawa kita terlalu lambat, ya'ani "slow", dalam ranchangan memperbagaikan programme tanaman kita, ya'ani "Agricultural Diversification". Mengapa kita bagitu lambat? Walhal negeri[2] saperti Thailand, Formosa, dan South Korea, sangat maju dalam ranchangan mereka memperbagaikan programme tanaman[2] mereka. Sekarang kita mesti-lah mengimport pada hari ini lebeh kurang 800 juta harga barang[2] makanan daripada negeri luar, yang berma'ana, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu 25% daripada jumlah besar barang[2] yang di-masokkan di-dalam negeri kita ini dan ini menunjokkan ada salah-nya di-mana[2], jika di-ingatkan bahawa negeri kita ini negeri yang ekonomi-nya bergantong kapada pertanian. Sekarang mesti-lah kita kaji sa-mula ranchangan pertanian kita dan teruskan usaha memperbagaikan tanaman[2] dengan bersunggoh[2].

Saya beri satu mithal di-sini, Tuan Yang di-Pertua, lebeh kurang 10 tahun dahulu, Formosa mengeluarkan sadikit[2] pisang, tetapi apa yang kita lihat hari ini? Formosa mengeluarkan pisang bagi ekspot sa-banyak $50 juta harga pisang pada tiap[2] tahun. Demikian juga Thailand lebeh kurang lima tahun sahaja dahulu keluaran jagong daripada Thailand terlalu sadikit tetapi apa sudah jadi hari ini? Thailand mengeluarkan jagong bagi ekspot sabanyak 1 juta tan pada satu tahun.

Negeri kita ini, kita ada orang yang chukup. Apa yang tidak ada pada kita ia-itu organisation dan semangat bekerja atau "drive". Kita mesti-lah hadapi masaalah[2] ini dari sekarang jika kita hendak memajukan pembangunan ekonomi negara kita ini. Jika tidak dilaksanakan, kita akan dapati pada satu masa kelak satu masaalah yang lebeh besar di-hadapi oleh Kerajaan ia-itu masaalah yang di-katakan *"Balance of Payment"*. Kita tidak boleh harap crisis di-mana[2] dalam dunia supaya harga getah dan timah negeri kita ini boleh melambong tinggi-nya.

Tuan Yang di-Pertua, baharu[2] ini ada *"military crisis"* di-Timor Tengah. Apa yang kita rasaï bagi negeri kita ini, Tuan Yang di-Pertua, yang pertama menunjokkan terang kelemahan ranchangan pertanian kita, dan yang kedua, ahli[2] perniagaan telah mengambil kesempatan pula menaikkan harga barang[2] keperluan saperti beras, minyak dan lain[2] yang menyebabkan kesusahan kapada orang[2] yang miskin di-dalam kampong[2] dan sa-tengah[2]-nya di-dalam bandar[2] juga.

Saya mengalu[2]-lah Menteri Perdagangan dan Perusahaan yang telah bertindak kemudian daripada jerit pekek daripada orang ramai dengan memaksa ahli[2] perniagaan menaroh tanda harga[2] barang keperluan di-kedai masing[2]. Pada saya, ini hanya-lah ubat sementara sahaja. Kalau sa-orang sakit, ini

pada saya, ubat-nya yang sementara. Ubat yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah negeri kita ini sendiri mesti mengeluarkan barang[2] keperluan itu dengan banyak-nya, kerana hendak mengawal ahli[2] perniagaan yang tidak bertanggong-jawab bukan-lah mudah. Ini berkehendakkan orang[2] yang betul[2] berkelayakan, *"Well trained Officers"*, dan ranchangan[2] yang tertentu. Pendek-nya Kementerian Perdagangan dan Perusahaan mesti-lah ada satu pasokan yang boleh di-gelarkan *"Price Control Task Force"* yang boleh memereksa terkejut atau *"sudden check"*. Kita tidak mahu melihat muka pegawai[2] daripada Jabatan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dalam surat[2] akhbar. Baharu[2] ini ada saya bacha dan saya tengok gambar[2] mereka kerana itu akan menunjokkan ahli[2] perniagaan tahukan muka[2] orang itu.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, pada akhir-nya saya suka-lah hendak berchakap sadikit satu perkara yang besar yang saya fikir mustahak dalam pandangan saya, dan saya harap dapat perhatian daripada Menteri yang berkenaan mudah[2]an dapat jawapan. Saya hendak berchakap dalam bahasa Inggeris.

Sir, this takes me to a rather important field of economic policy planning where not much thinking has so far been made in this country. Malaysia has to formulate its prices and income policy to facilitate accelerated economic development and to raise real national output. Of course, I wish to warn, Sir, that a detailed formulation of such a policy is fraught with difficulties, and it calls for utmost co-operation and collaboration of the trade union organisations and the employers federation. A joint declaration of intent by both parties should precede discussions about such details as the criteria for judging whether changes in prices and wages are in the national interest, the norms for wage increases and so on, which form the crux of an income policy. A properly drawn up policy would encourage and lend a sustained attack on obstacles to efficiency whether on the part of the management or workers and to strive for the adoption of more rigorous standards of performance at all levels. Both the trade unions and manufacturers association should accept a national policy to keep increase in wages, salaries and other forms of income in line with increased national output. Consideration should be given for the establishment of a watchdog machinery by the Government and the unions and the management to undertake to co-operate with the Government in endeavouring, in the face of practical problems, to give it effective shape. This machinery should keep a continuous watch on the general movement of prices and on money incomes of all kind and to examine particular causes in order to advise whether or not the behaviour of prices or wages, salaries or other money incomes is in the national interest. The national interest has to be defined and protected after consultation with the management and unions. Sir, it may be worth while sending a team of local experts to the United Kingdom, which is the first country in the free world to think on these lines, to study the method adopted by the United Kingdom Government on this issue. Thank you *(Applause)*.

Puan Bibi Aishah binti Hamid Don: Dato' Yang di-Pertua, saya bangun pada hari ini ia-lah untok memberikan sokongan dengan hati yang ikhlas daripada saya kapada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah di-buat pada hari sa-malam pada kedua[2] Dewan ini.

Dato' Yang di-Pertua, bagi kita ra'ayat Malaysia yang dudok dalam tanah ayer kita ini memang-lah sangat bergembira mendengar ia-itu di-dalam Titah Seri Paduka Baginda kapada kedua[2] Dewan, kita merasa sunggoh bangga ia-itu umpama-nya saperti tidak ada apa[2] masaalah langsong kapada negara kita, jadi semua-nya berbunyi baik belaka. Jadi kalau-lah kita chontohkan dalam perkara itu sudah memang-lah sa-bagai sa-orang Raja yang memerentah dalam negeri kita ini memang-lah mengemukakan benda[2]

yang baik. Tetapi dalam pada itu, Dato' Yang di-Pertua, keadaan[2] kegelisahan yang berlaku dalam negeri ini tidak patut sangat-lah kalau hendak kita lupakan ia-itu satu perkara yang mudah di-lupakan bagitu atau pun perkara yang boleh kita diamkan bagitu sahaja ia-itu dalam hal[2] yang telah di-bangkitkan oleh saudara[2] Yang Berhormat di-dalam Dewan ini patut-lah menjadi perhatian yang berat kapada pehak Kerajaan kita. Kerana Kerajaan kita akan menghadapi banyak lagi chabaran[2] di-dalam negara kita sendiri.

Dato' Yang di-Pertua, saya tidak-lah mahu menyentoh perkara[2] yang besar[2] macham itu tetapi di-dalam Titah Seri Paduka Baginda itu banyak menyentoh berkenaan dengan soal Kerajaan kita telah membelanjakan hampir 40% daripada wang negara kita membayar gaji[2] pegawai kerajaan. Jadi dengan chara ini-lah maka nampak-nya Kerajaan kita menghadapi masaalah ia-itu kerana hendak menambahkan pegawai[2]-nya tidak dapat lagi Kerajaan kita meneruskan, dan berhubong dengan perkataan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa elok sangat-lah bagi pehak Kementerian[2] yang ada hari ini dudok bersama[2] ia-itu sama[2] memerah otak bagaimana Kerajaan kita boleh mengatasi segala kelemahan[2] yang ada pada Kerajaan kita. Kerana yang saya dapat tahu Kerajaan kita harus bertumpu kapada ekonomi negara kita.

Pada hari ini, kita dapat tahu bagaimana kata penchadang dalam uchapan terima kaseh tadi, ia-itu Yang Berhormat Tuan Saidon bin Kechut, mengatakan, bahawa negara kita akan berbaik sa-mula mengadakan perhubongan diplomat dengan Indonesia hanya tinggal menunggu masa sahaja lagi. Tetapi yang terkilan pada hati saya ia-lah berkenaan dengan negara tertangga kita yang paling dekat sa-kali ia-lah Singapura. Singapura dengan Malaysia nampak-nya tidak ada kemungkinan yang kita boleh berbaik sa-mula jadi walau pun di-usahakan oleh pehak Kerajaan nampak-nya makin renggang, makin jauh, antara Kerajaan kita dengan Singapura, bagitu juga perbuatan oleh pehak Kerajaan Singapura kapada pendudok[2] Malaysia yang bekerja di-Singapura ini makin sa-hari makin terasa bagi pehak Kerajaan kita.

Mithal-nya macham pegawai[2] polis yang sa-banyak 427 orang di-halau bagitu sahaja dengan tidak ada sabarang jaminan dari pehak Kerajaan Singapura langsong. Rasa terima kaseh mereka itu di-masa negara itu menghadapi anchaman konfrantasi atau pun sa-masa dharurat tidak terbayang langsong daripada pehak Singapura kapada Kerajaan kita.

Maka buat saya, saya rasa sudah tentu mendapat sokongan daripada semua Ahli[2] Dewan, sudah sampai masa-nya pula bagi pehak Kerajaan kita mengambil satu sikap yang lebeh tegas lagi ia-itu kalau-lah pehak Singapura boleh menunjokkan sikap mereka bagitu di-dalam keadaan Kerajaan hendak mengatasi soal ekonomi negara kita harus Kerajaan memikirkan satu jalan ia-itu kalau Singapura boleh hidup dengan pelabohan bebas-nya, Singapura hanya mengharapkan bahan[2] mantah daripada negara kita dan sampai-lah masa-nya, rasa saya, elok-lah kita mengadakan satu pelabohan pula di-negeri Johor—di-Johor Baharu yang memang sudah bersesuaian sangat kalau untok lalu lintas kapal[2] itu patut kita pechahkan tambak Johor itu. Selat Teberau itu patut kita pechahkan baharu-lah rasa saya boleh Kerajaan kita mengatasi masaalah[2] ekonomi yang di-hadapi negara kita sendiri. Selat Teberau telah di-jadikan oleh pehak penjajah British dahulu dengan tujuan bahawa sampai beratus tahun, beribu tahun sa-kali pun nama Malaysia kita atau Malaya pada masa itu hendak berdiri atas kaki sendiri, hendak mengharapkan akan barang dagangan daripada luar negeri sudah tidak munkin timbul, kalau pun kita mengadakan ranchangan pelabohan yang besar dermaga ayer dalam di-Butterworth atau pun kita adakan juga pelabohan[2] yang besar di-Port Swettenham, masaalah ini tidak akan dapat kita atasi.

Hanya, rasa saya, elok-lah bagi pehak Kementerian Perdagangan dan Kementerian Pengangkutan patut kita bersama[2] dudok memerah otak kita,

bersama[2] kita bekerja bagaimana mengatasi masaalah ini dan saya rasa patut sangat kalau pehak Kerajaan mengambil initiative yang tegas ia-itu memechahkan Selat Teberau itu jadikan pelabohan bebas di-situ baharu-lah hasil-mahsul negara kita dapat kita salorkan dengan baik. Kalau kata lalu lintas kapal[2] yang mengharapkan singgah di-pelabohan Singapura dapat di-salorkan menerusi tanah besar kita ia-itu Malaysia ini dan itu satu-lah chara[2]-nya bagaimana kita dapat mengatasi soal[2] penganggoran, perburohan dalam tanah ayer kita kalau-lah keluaran anak[2] kita daripada bangku sekolah pada tiap[2] tahun yang menganggor sa-banyak 400,000 orang banyak-nya, hanya jaminan yang telah di-beri oleh pehak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, sa-banyak 20,000 orang sahaja yang dapat bekerja, peratus-nya sangat rendah sakali.

Jadi masaalah[2] macham ini-lah yang patut Kerajaan kita memikirkan dengan lebeh jauh, dengan lebeh dynamic lagi daripada membiarkan masaalah macham ini berulang[2] kali-lah di-bahath, berulang[2] kali di-harapkan oleh negara kita daripada satu masa ka-satu masa.

Menyentoh pula tentang soal anak[2] kita yang keluar daripada sekolah, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masaalah yang di-hadapi oleh penuntut[2] kita daripada sekolah menengah kebangsaan ada-lah menjadi satu masaalah yang besar sa-kali. Kalau hendak di-katakan hampa pendirian mereka, kita mengatakan sa-besar[2] hampa sakali. Kerana anak[2] kita telah didorongkan pergi ka-sekolah[2] menengah kebangsaan keluar-nya mereka daripada sekolah[2] menengah kebangsaan kita tidak ada jaminan pekerjaan kalau mereka itu, kalau-lah di-perbandingkan dengan anak[2] yang keluar daripada sekolah[2] menengah jenis kebangsaan. Jadi sa-lagi tidak ada jaminan nilai bahasa kebangsaan kapada negara kita daripada pehak Kerajaan atau daripada pehak sa-barang Kementerian, maka sudah tentu keluar anak[2] kita daripada sekolah menengah tadi hanya menjadi, ma'af kalau saya mengatakan, "budak sepak kertas yang berpelajaran" hanya dapat menganggor menunggu daripada satu pejabat kapada satu pejabat mengharapkan belas kasehan pada pehak majikan[2] untok mengambil mereka itu bekerja di-dalam pejabat[2] mereka itu sendiri dan saya rasa ini ada-lah satu perkara yang patut bagi pehak Kerajaan menentukan, kalau penentuan bahasa kebangsaan akan di-gunakan sa-luas[2]-di-dalam masa ia-itu 3 bulan daripada sekarang daripada 1hb September, 1967 ini, maka sudah tentu bagi pehak Kerajaan kita ada masa lagi untok sedia menghadapi perkara[2] yang bagitu. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masaalah[2] yang di-hadapi oleh oleh Kerajaan kita bukan-lah dapat hanya mengatakan dengan mudah ini hanya menghadapi kekurangan perbelanjaan negara sahaja.

Satu perkara yang saya hendak menyentoh ia-lah berkenaan dengan soal jabatan yang mana kalau di-katakan hendak bekukan tentang gaji pegawai[2] kerajaan kita tadi ia-itu satu perkara yang sangat tidak puas hati kapada sa-genap gulongan masharakat hari ini ia-lah satu pejabat yang saya rasa mempunyai tanggong-jawab yang sangat besar terhadap negara kita ia-lah Pegawai[2] Pendaftaran ia-itu "Registrar of Birth and Death". Satiap hari di-dalam masharakat kita, sa-tiap masa kalau kita kajikan masaalah[2] orang yang bagini timbul dan perkara ini memang telah jadi satu masaalah yang besar juga. Kerana di-dalam soal pendaftaran sa-hinggakan anak[2] yang mana telah dewasa umor dua belas tahun ka-atas mereka hendak mengambil kad pengenalan, soal ejaan di-masa mereka mendaftarkan anak[2] mereka sa-masa lahir dahulu dengan kerana ibu bapa tidak mengambil berat atau pun bagaimana chara berhubong antara pehak keluarga dengan pehak pendaftaran tidak bagitu selaras, maka sudah timbul kesulitan ia-itu anak[2] itu tidak akan mendapat pula kad pengenalan-nya kerana ejaan nama-nya tidak betul, bin-nya juga tidak betul. Kalau di-katakan Jusoh telah di-ejakan dengan Jusat, jauh sakali. Ini terdapat hari[2] dalam masharakat. Sa-orang laki[2] yang bernama, mithal-nya, katakan-lah Bibi bin Abas,

jenis-nya di-bubohkan perempuan terpaksa bawa orang tua ini dengan tidak sedar bahawa dia ia-lah orang perempuan. Salah perkara macham ini berlaku hari[2] dan banyak pula, bahkan beratus[2], anak[2] yang tidak dapat masok sekolah apabila sampai umor masok sekolah oleh kerana sijil beranak mereka itu tidak betul dan ada juga yang kehilangan, ada yang kebakaran dan berbagai. Kalau yang di-katakan kebakaran sampai 6 tahun saya pernah berjumpa perkara[2] yang bagini. Sampai macham ini sampai tiga empat inchi tinggi surat perutusan antara keluarga itu dengan pehak pendaftaran, berkali[2] utus surat tidak berhenti[2] akhir tidak jumpa juga, lima orang anak-nya tidak dapat masok sekolah oleh kerana tidak mempunyai sijil beranak.

Saya hairan kalau-lah si-bapa itu tidak dapat memberi tarikh yang tepat kapada pehak pendaftaran mengatakan ia di-lahirkan pada tahun sekian, bulan sekian, hanya hari sahaja yang tidak kebetulan terpaksa mengambil masa sampai 6 tahun tidak dapat di-betulkan. Itu anak sa-orang, apa hal kalau rumah dia terbakar. Enam orang anak, sijil beranak sudah hilang jadi bagitulah keadaan-nya sa-hingga sampai anak itu sudah berumor 10 tahun tidak dapat masok sekolah. Ini ada-lah satu perkara yang saya rasa pehak Kerajaan kita telah mengeluarkan gaji yang bagitu banyak untok membiayai pejabat[2] yang bagini. Kalau sa-kira-nya kerja[2] di-dalam pejabat[2] yang bagini telah dapat di-abaikan bagitu lama, masaalah[2] yang bagini di-timbulkan daripada satu masa ka-satu masa, oleh kerana banyak juga yang saya dapat tahu anak[2] yang kadang[2]-nya hendak mengambil pereksa L.C.E. di-dalam tahun itu oleh kerana kad pengenalan-nya tidak berbetulan, sijil beranak-nya juga ejaan-nya tidak berbetulan, akhir-nya perkara hendak mengambil pepereksaan L.C.E. pada tahun ini akan menjadi tergendala.

Ini-lah masaalah[2] yang saya nampak yang menyentoh keluarga di-dalam tanah ayer kita dan perkara macham ini tidak patut-lah sangat di-biarkan bagitu sahaja, dan saya rasa tidak-lah ada perkara yang banyak lagi yang saya kemukakan, hanya saya juga, sabagaimana Yang Berhormat saudari saya Che' Aishah Ghani, rasa sunggoh kesal, ia-itu bagi pehak Kementerian kita tidak dapat memberi satu jawapan yang memuaskan hati kami berkenaan dengan apa kita katakan wakil wanita kita di-dalam sidang menentukan hak wanita ia-itu daripada Bangsa[2] Bersatu di-Manila dahulu. Jadi perkara[2] yang macham ini sangat senang di-atasi oleh satu[2] pehak Kementerian terutama sa-kali pehak Kementerian Luar Negeri. Macham kami bagi pehak kaum[2] wanita yang ada dalam tanah ayer kita ini, telah berusaha ia-itu kita telah menubohkan Majlis Kebangsaan Pertubohan[2] Wanita hampir empat tahun daripada hari ini—empat tahun yang lepas, ia-itu kami telah berusaha dengan berbagai[2] chara. Kalau berkenaan dengan menentukan nasib taraf wanita dalam negeri kita juga, Majlis Pertubohan Kebangsaan Pertubohan Wanita tadi telah menghantarkan beberapa memorandum kapada Kerajaan kita sampai hari ini belum ada satu ketegasan atau pun jaminan daripada pehak Menteri[2] atau pehak Kementerian yang bersangkutan terhadap tuntutan[2] kami.

Dato' Yang di-Pertua, kalau hendak kita bandingkan, hendak kita sabarkan kedudokan kaum[2] wanita dalam negeri kita ini, kadang[2] tidak dapat kita sabarkan. Boleh pehak Menteri kita mengatakan, oh! kita ada mempunyai pemimpin[2] wanita dapat mereka itu pergi menyampaikan apa yang telah di-usahakan oleh pehak Kerajaan terhadap ra'ayat jelata negeri ini, tetapi kadang[2] sampaikan wakil kita yang hendak pergi ka-Manila telah dihantar oleh pertubohan yang di-akui yang di-anggotai oleh sa-belas buah pertubohan[2] wanita dalam Majlis Kebangsaan Pertubohan Wanita tadi, menghantar sa-orang wakil-nya ka-Manila. Kata-lah pehak Kementerian kita berurus dengan sa-orang daripada Malaysia Timor, kalau orang itu tidak dapat di-hantar bagi pehak Majlis Pertubohan Kebangsaan Wanita, bukan-lah menghantar dengan sa-chara bersendirian; kita telah menghubongi bagi pehak Kementerian Luar Negeri. Kita juga telah membuat report[2]-nya

yang berguna untok kita kemukakan dalam Majlis itu. Tidak patut-lah antara satu pertubohan dengan pehak Kementerian tidak ada penegasan langsong, jaminan juga tidak dapat di-adakan. Kalau wakil kita telah dapat pergi menjejakkan kaki-nya di-Manila sampai pehak Duta kita sendiri tidak berani bertanggong-jawab dalam perkara ini, hanya tinggal kerusi yang kosong sahaja di-Seminar Menentukan Hak[2] Wanita bagi pehak negara Malaysia.

Jadi dalam perkara ini-lah, Dato' Yang di-Pertua, saya rasa walau pun telah di-bangkitkan oleh Yang Berhormat saudari saya tadi ia-itu Puan Aishah Ghani, patut juga saya sentoh dalam perkara ini, ia-itu kalau di-katakan pehak[2] kaum wanita kita tidak bekerja, kami juga telah berusaha dan kami juga mengharapkan sadikit sabanyak biar-lah di-hormati oleh pehak Kerajaan kita tentang usaha kami kaum[2] wanita yang sama[2] ingin berdiri sama tinggi dengan wanita[2] dengan negeri[2] lain yang telah maju dalam dunia ini.

Jadi dengan itu-lah sahaja, Dato' Yang di-Pertua, yang dapat saya lafadzkan sa-patah dua kata dalam Dewan kita yang berbahagia pada hari ini. Sekian, terima kaseh.

Tuan Amaluddin bin Darus: Dato' Yang di-Pertua, sa-malam atau kelmarin kita telah sama[2] mengikuti titah uchapan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mana pada hari ini satu uchapan terima kaseh atau satu usul terima kaseh pada uchapan itu telah di-buat di-dalam Dewan kita ini dan sedang di-bahathkan.

Pada saya, Dato' Yang di-Pertua, uchapan yang ringkas yang telah di-buat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan hujongan khas yang panjang yang di-kembarkan bersama[2] pada kita, ada-lah menunjokkan betapa kedudokan negara kita ini dalam banyak hal dalam keadaan yang agak menchemaskan, terutama di-dalam soal kewangan dan yang kedua dari segi anchaman dalam negeri atau bahaya subversive daripada kegiatan[2] kominis yang telah memulakan tindakan-nya dan menunjokkan belang-nya kembali.

Dato' Yang di-Pertua, saya sukachita hendak mengambil peluang untok berchakap dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan kedudokan negeri ini tentang kewangan. Yang tentu-nya kapada kita satu perkara yang baharu dalam soal kewangan ini. Mulaï dua hari yang sudah kita mempunyaï wang baharu, akan tetapi dari sudut lain, kedudokan kewangan kita agak menyulitkan sa-hingga satu perkara yang belum pernah kita dengar sungutan pehak Kerajaan menimbulkan soal 40% daripada hasil negara di-bayar kapada gaji[2] dan bayaran bersara. Pada kali ini-lah di-dalam uchapan titah Duli Yang Maha Mulia sudah pun di-timbulkan dan juga di-sentoh di-dalam uchapan-nya bagaimana kita kurang wang atau payah sadikit hendak mendapatkan bantuan[2] atau pinjaman daripada luar negeri.

Masaalah yang di-hadapan kita sekarang ini ia-lah masaalah meneruskan pembangunan negara kita sedangkan wang pinjaman yang di-harap[2]kan daripada negeri[2] luar nampak-nya terlalu terbatas sa-kali bagi kita mendapatkan-nya. Mithal-nya, Dato' Yang di-Pertua, untok mendapatkan pinjaman dari Bank Dunia bagi melaksanakan projek taliayer di-negeri Kelantan, Projek[2] Taliayer Kemubu, ada-lah memakan bagitu lama masa-nya untok mendapatkan persetujuan dan kesanggupan dari pehak Bank Dunia sahingga pada akhir-nya sa-telah Kerajaan Kelantan membenarkan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan ikut sama dalam rombongan Kerajaan Malaysia pergi ka-Amerika bagi merundingkan dan meyakinkan mereka atas kebolehan dan kesanggupan dan penting-nya projek taliayer itu, baharu-lah beberapa waktu ini kita mendapat khabar yang Bank Dunia telah sanggup memberikan pinjaman sa-banyak $30 million bagi memulakan Ranchangan Kemubu itu.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam uchapan titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, nampak-nya telah tidak menyebutkan mengapa

negara kita ini berada di-dalam keadaan saperti ini sulit untok mendapatkan pinjaman bagi melaksanakan projek[2] dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama yang bagitu banyak. Yang saya maksudkan dengan pertanyaan mengapa ia-lah tidak di-sentoh-nya sebab[2] yang boleh di-katakan kesilapan[2] kita sendiri yang kalau di-sentoh hal[2] saperti itu merupakan "correction" arti-nya kita membetulkan diri kita sendiri dan mengakuï sa-tengah[2] daripada kesilapan pemborosan wang kita yang telah kita pinjam daripada luar dan dalam negeri lebeh daripada $3,000 juta yang terpaksa di-bayar oleh ra'ayat negeri ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, projek[2] akan datang sudah tentu-lah terlalu banyak yang mesti di-selenggarakan dan kita berhajat kapada banyak wang akan tetapi pemborosan yang telah kita jalankan sa-lama ini dalam perkara[2] yang tidak mengembalikan keuntongan untok membayar balek kapada pinjaman[2] luar itu menyebabkan perhetongan ahli[2] ekonomi di-luar negeri kita, sa-kali pun kita mengakuï kita bagitu stable tetapi mereka itu membuat perhetongan yang chukup bagi memenohkan sa-barang permintaan[2] kita untok mendapatkan pinjaman lagi. Yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan terpaksa bertindak untok mengurangkan perbelanjaan[2] di-mana yang perlu sa-hingga, saya dapat tahu, kesulitan kewangan ini menjadikan Jabatan Kerja Raya, mungkin Jabatan yang di-katakan Jabatan Kerja Raya, Jabatan yang tahu membelanjakan wang bagi ayer sa-lama ini sekarang telah terpaksa menjimatkan dengan sajimat[2]-nya. Kalau dahulu dengan satu indent dapat di-orderkan satu peti atau satu tong screw masok dalam setor tetapi sekarang indent itu hanya di-keluarkan untok beberapa screw yang akan di-pakai pada waktu itu bukan satu tong untok di-masokkan ka-dalam setor, bagitu-lah chara-nya untok berjimat. Jadi jika Kerajaan Persekutuan bagitu sulit dalam kewangan maka Kerajaan[2] Negeri pun tentu-lah sulit juga dalam kewangan. Kalau Kerajaan Persekutuan merasa sakit di-dalam soal kewangan maka Kerajaan[2] Negeri, saperti yang di-katakan oleh Bekas Menteri Besar Johor ia-itu Kerajaan Johor, Negeri Johor, mithal-nya sa-orang janda yang kaya kahwin dengan sa-orang laki[2] yang menghisap darah, maka demikian-lah Kerajaan[2] Negeri yang lain sa-lain daripada Johor pun termasok Kelantan sendiri arti-nya merasa betapa tarekan negeri[2] itu dalam Perjanjian Federation yang telah membawa hasil mahsul negeri[2] itu kapada Kerajaan Persekutuan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak mengulas dalam perkara ini terlalu panjang tetapi saya mahu Kerajaan Persekutuan mengambil rasa tanggong-jawab yang penoh di-atas kesulitan semua negeri[2] saperti yang di-fikirkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi kesulitan mengatasi kesulitan-nya sendiri itu dengan penoh rasa tanggong-jawab dan berperi kemanusiaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya katakan saya tidak mahu memanjangkan tetapi saya suka menarek perhatian sa-kali lagi, beri-lah pertimbangan kapada kedudokan kewangan negeri[2] dengan penoh rasa tanggong-jawab dan berperi kemanusiaan saperti yang sedang di-fikirkan oleh Kerajaan Perikatan terhadap kedudokan kewangan Kerajaan Pusat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, sukachita saya hendak pergi dalam perkara kedudokan di-dalam negeri kita ini mengenaï subversive element—anasir[2] subversive—yang memang benar[2] mengancham negeri kita. Kedudokan negeri kita dan pergolakan politik di-luar negeri kita ini tidak dapat di-pisahkan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada pergolakan politik Tenggara Asia ini khas-nya dan dunia ini 'am-nya. Maka berita[2] yang mengatakan kegiatan[2] kominis di-Utara Thailand di-samping berita[2] yang sa-lama ini telah kita ikuti kegiatan kominis, saki baki kominis di-Malaya, yang bergerak di-Utara Tanah Melayu atau di-Selatan Thailand itu sendiri menyebabkan Kerajaan mesti-lah berhati[2] lebeh[2] lagi di-dalam menchegah daripada timbul sa-mula keganasan kominis yang akan mengancham perdamaian dan keharmonian di-dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang sabenar bahaya mengancham negeri kita ini ia-lah kerana kita memikirkan bahawa persoalan menghadapi kominis ini saperti yang di-uchapkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri, di-Australia baharu[2] ini ia-lah dengan jalan memajukan ranchangan luar bandar, membahagikan itu, membahagikan ini, kemudahan[2] kapada ra'ayat dan itu satu[2]-nya chara yang dapat menyelamatkan negeri kita daripada bahaya kominis.

Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, itu hanya satu daripada beberapa chara yang patut di-buat bagi menambah pendapatan hidup ra'ayat bagi membaiki keadaan ra'ayat yang di-tinggalkan oleh kesilapan zaman penjajah tetapi bukan itu-lah satu[2]-nya ubat untok menyelamatkan negara dan ra'ayat daripada bahaya kominism. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kominism ia-lah merupakan satu dasar atau ideology, satu ism yang menchengkam ka-dalam jiwa manusia dan mempengarohi manusia di-banyak bahagian di-dalam dunia ini bagi menjadi pengikut mereka yang setia, apa-tah lagi dalam pertentangan keras yang maseh berlaku di-dalam negeri[2] bekas penjajahan khusus-nya maka kesuboran kominis itu dengan diam atau dengan terang satu perkara yang di-ketahui ramai dan satu perkara yang di-faham bersama.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya satu langkah atau chara untok menahan perkembangan kominism baik merupa dari segi fahaman-nya yang sedang meresap atau merupakan kegiatan[2] keganasan yang mungkin akan lahir, hendak-lah di-jalankan berdasarkan unsur[2] faham dan keyakinan manusia atau memberi kapada manusia unsur[2] keyakinan hidup yang lebeh baik dari apa yang dapat di-beri oleh ajaran kominism itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pengajaran yang saya maksudkan ia-lah pengajaran berugama yang mendalam, memberi pengajaran ini dan di-titek beratkan pengajaran ugama itu dalam soal[2] kemasharakatan. Sa-barang ikhtiar yang hendak memisahkan pembentokan masharakat di-luar daripada pengajaran ugama akan memusnahkan segala usaha untok menyelamatkan kita dan negara kita daripada bahaya kominis. Langkah[2] memperbaiki taraf hidup ra'ayat yang di-usahakan oleh Kerajaan kita, walau pun bersunggoh[2], tidak chukup untok menolong kejayaan kita bagi menghapuskan fahaman kominis apatah lagi dengan keadaan kedudokan kewangan Kerajaan kita di-masa[2] yang akhir ini lebeh[2] lagi tidak menolong. Maka oleh kerana itu langkah yang membawa kapada ra'ayat kita ini berugama hendak-lah di-ambil dengan chara yang lebeh pesat. Dalam uchapan saya ini, saya tidak mahu mengajar bagaimana Parti Perikatan patut berbuat sebab sudah banyak saya menyuarakan pada masa yang lalu dan pada kali ini saya hanya mahu mengatakan Kerajaan hendak-lah mengambil langkah[2] yang lain kapada membawa masharakat ini kapada masharakat yang berugama yang lebeh tegas dengan pendidekan dan sa-bagai-nya supaya mereka itu terjauh daripada bahaya[2] kominism.

Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua satu perkara yang penting di-perhatikan oleh Kerajaan ia-lah filem[2], buku[2] dan sa-bagai-nya hendak-lah Kerajaan mengawasi dengan betul[2] supaya jangan membawa keruntohan kapada keyakinan batin manusia saperti yang terjadi sekarang ini. Jika runtoh kekuatan batin manusia terutama bagi umat berugama di-dalam negeri ini, baik apa ugama sa-kali pun, maka sa-tiap kali runtoh itu itu-lah lorong kapada kemasokan anasir[2] tidak bertuhan di-dalam kalangan ra'ayat negeri kita ini.

Mr President: Persidangan ini di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 sa-belah petang.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

(*Sitting resumed at 2.30 p.m.*)

(Mr (Deputy) President *in the Chair*)

THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH

Address of Thanks

Debate resumed.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai menyambong uchapan saya yang di-buat sa-belum di-tanggohkan Meshuarat pada pagi tadi, saya telah menyebutkan berkenaan dengan bahaya Communism yang mana dasar yang di-jalankan oleh Kerajaan sa-bagai satu[2]-nya yang di-megahkan oleh Kerajaan dapat membedong faham Communism itu ia-lah dengan pembangunan luar bandar. Saya telah menegaskan, itu bukan-lah satu[2]-nya jawapan, tetapi itu hanya satu daripada jawapan yang mesti di-lakukan. Apa yang perlu ia-lah membawa masharakat manusia ini kapada ugama yang saya telah tegaskan pula tadi, saya katakan saya tidak hendak mengajar Kerajaan bagaimana patut mereka berbuat, kemudian saya sentohkan soal bagaimana berlelusa-nya buku[2], film[2], baik di-panggong[2] atau di-talivishion sendiri yang di-kelolakan oleh Kerajaan dapat kita melihat beberapa perkara yang tidak menguntongkan kapada pembangunan national. Di-sana ada pertunjokan[2] yang membawa kapada keruntohan moral, demikian pula daripada buku[2] yang tersebar mengikut keterangan kawan[2] saya yang dapat membacha bahasa China, di-dalam majallah[2] dan buku[2] China juga soal[2] sex ma'lah lebeh hebat daripada apa yang terdapat di-dalam pembachaan buku[2] bahasa kebangsaan.

Berchakap bagi kepentingan negara kita ini, tidak-lah terikat kapada kepentingan buku[2] Melayu atau buku[2] China tetapi keselurohan-nya termasok buku[2] apa jua yang di-import daripada Amerika dan England. Kerajaan harus bertanggong-jawab menyelamatkan bangsa ini daripada runtoh dengan menyekat kemasokan[2] buku[2] atau majallah[2] yang tidak membena moral manusia, tetapi menghanchorkan moral manusia. Perchaya-lah jika Kerajaan tidak dapat menyekat atau tidak mahu berusaha ka-arah menyekat kemasokan buku[2] atau film[2] yang membawa kapada keruntohan moral, akan tiba-lah satu ketika keruntohan umat ini dan boleh jadi dari keruntohan itu kerana tidak ada-nya akhlak dan moral atau yang saya maksudkan dengan perkataan saya tadi, dari sudut Communism, akan timbul-lah kekosongan di-dalam jiwa manusia. Kekosongan di-dalam jiwa manusia daripada berugama oleh tarekan[2] daripada film[2] dan buku[2] yang membawa soal[2] sex dan jenayah yang menyebabkan angkatan muda bertambah rosak dan tidak memikirkan apa[2] melainkan kesenangan hidup yang berpoya[2] yang sekarang memang bagitu-lah keadaan kita saperti yang di-nyatakan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri kapada sa-buah majallah *Newsweek* atau *Reader's Digest*. Di-dalam masa konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia, ra'ayat Malaysia senang-lenang, boleh berpoya[2], boleh makan angin, boleh joli di-keberet[2] arti-nya penoh dengan nafsu sex dan itu-lah conclusion atau kesimpulan daripada kenyataan Tunku Abdul Rahman, ra'ayat Malaya chukup mewah dan chukup puas berpoya[2] walau pun konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia sedang berjalan. Itu melambangkan betapa kehanchoran moral masharakat Malaya yang bakal datang masa-nya kehanchoran umat dan negara ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, manusia itu hidup-nya dengan akhlak, kalau manusia tidak mempunyai akhlak dan tidak tahu membataskan di-antara satu dengan lain, dan kita pula membanggakan itu mengikut pengajaran al-Qur'an, kitab ugama Islam yang menjadi ugama rasmi negeri ini, manusia yang saperti itu yang telah melampaui batas bukan sahaja saperti binatang, malah lebeh daripada binatang itu sendiri. Hidup manusia ini mesti mempunyai akhlak bagi membena masharakat yang baik, membena negara yang baik. Kalau sa-kira-nya runtoh-lah akhlak itu maka terdedah-lah kita kapada segala macham yang boleh membawa kapada akibat yang burok, baik dari sudut Pegawai Kerajaan dengan rasuah[2]-nya, mahu pun dari segi orang[2] lain dengan keliaran[2]-nya macham[2] yang boleh membawa tidak akan ada keamanan di-dalam negeri ini.

Keamanan tentang harta benda daripada tipuan atau kechurian atau rompakan, keamanan daripada sosial masharakat ia-itu terutama-nya bagi kaum perempuan yang hari ini kita nampak surat khabar boleh di-katakan hari[2] mendedahkan keburokan[2] yang berlaku di-dalam masharakat kita tentang memperkosakan perempuan oleh laki[2] yang ganas. Maka ini semua-nya sadikit barangkali daripada apa yang banyak berlaku di-dalam negeri kita ini yang sedang menjadi[2]. Maka kalau sa-kira-nya kita mahu keamanan, keamanan dalam arti kata yang sabenar[2]-nya bukan sahaja aman dari jenayah, yang jenayah itu banyak di-negeri kita ini, gangstar di-sana, gangstar di-sini, kidnap di-sana, kidnap di-sini, tetapi aman dari segala rupa bermaksud ia-lah perempuan aman dari gangguan laki[2], barang yang di-letak aman daripada kechurian, rumah yang di-kunchi aman daripada pechah atau rompakan dan ini-lah aman yang di-katakan dan aman ini mesti-lah datang-nya daripada hati manusia dahulu. Sebab hati yang telah rosak, hati yang telah kachau, yang telah jahanam, itu-lah yang menyebabkan timbul kekachauan di-dalam masharakat Malaysia ini. Jadi atau Kerajaan mengabaikan ini, maka Kerajaan-lah yang sa-benar[2]-nya chara *indirect* menggalakkan dan menimbulkan segala[2] kekachauan di-dalam masharakat yang akan membawa ke-runtohan kapada bangsa dan negara ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perhatian Kerajaan kapada pembangunan umat ini maseh berat sa-belah. Ini nyata sa-kali ia-itu umat manusia ini berpasang[2] laki[2] dan perempuan, tetapi pembangunan-nya oleh Kerajaan. Kerajaan kapada laki[2] lebeh banyak, tetapi kapada perempuan terlalu kurang. Bahkan apa yang di-bangkitkan oleh Ahli[2] Dewan Negara pada pagi tadi menunjokkan betapa Kerajaan telah tidak bagitu memandang tinggi kapada kemajuan perempuan atau kaum wanita di-dalam tanah ayer kita ini.

Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun yang akan di-katakan oleh laki[2] dengan perasaan kelaki[2]an, tetapi pada hakikat-nya dari segi kemanusian, satu bangsa yang tidak menghormatkan kaum perempuan bangsa itu tidak akan mendapat tempat yang maju dan layak di-dalam dunia ini. Perhatilah kapada sejarah manusia di-dalam dunia ini dari dahulu dan perhati-lah kapada sejarah manusia yang sedang berjalan sekarang ini, puncha[2] keruntohan tiap[2] negeri ia-lah sa-sudah mereka itu hinakan kaum perempuan dan mengabaikan pendidekan kaum perempuan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mahu Kerajaan ini mengambil peranan yang penting dalam masaalah ini dengan memperbanyakkan peluang[2] pendidekan kapada perempuan bakal menjadi ibu[2] yang boleh menyelamatkan bangsa ini dengan pendidekan ibu[2]. Di-dalam ajaran Islam, ibu itu-lah yang paling tinggi sebab dia-lah guru yang pertama yang mendidek anak[2]-nya dari rumah dan kemudian daripada itu perempuan itu-lah pula yang akan menjadi sa-orang isteri yang baik dan apabila ada isteri yang baik yang saperti kata pepatah Inggeris *"a good wife makes a good husband"*. Kalau kita mahu melihat satu yang baik kita harus membena dari sekarang ini sasuatu yang baik kalau Kerajaan sendiri memandang dengan perasaan bukan dengan pengetahuan ia-itu penghinaan terhadap perempuan itu, berarti penghinaan terhadap kebangsaan dan nation sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, biar-lah saya sentoh dalam perkara[2] ini sa-chara umum kerana Kerajaan Perikatan kalau mahu buat dengan kuasa yang ada di-tangan-nya, dia sudah boleh membangunkan bangsa ini menjadi satu bangsa yang chukup kuat. Tetapi bagaimana sa-kali pun, Tuan Yang di-Pertua, mesti-lah di-mulai daripada dasar pelajaran kita sendiri.

Pelaksanaan dasar Pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, sangat menyedehkan kita oleh kerana penyata yang telah di-buat dengan nama penyata Razak dan kemudian berubah di-katakan Laporan Abdul Rahman Talib sampai sekarang belum benar[2] memberi kesan kapada kita semua. Saya berulang[2] membacha

Penyata Rahman Talib, saya nampak apa yang di-amalkan oleh Menteri Pelajaran sekarang ini ada-lah jauh daripada matlamat yang di-maksudkan daripada Penyata Rahman Talib itu sendiri. Khusus-nya di-dalam pelaksanaan bahasa kebangsaan, yang sapatut-nya dalam tahun 1962 dahulu semua sekolah rendah telah pun menggunakan bahasa kebangsaan di-kelas pertama bagi sekolah[2] yang bukan sekolah kebangsaan ia-itu sekolah jenis kebangsaan. Tetapi pelaksanaan itu tidak berlaku sa-hingga hari ini pun belum tentu bila akan berlaku.

Dalam pelaksanaan yang lain pula value atau nilai ekonomi terhadap mereka yang keluar dari sekolah kebangsaan itu sudah umum mengetahui dan kerana itu kekechewaan ra'ayat terhadap dasar pelajaran, hakikat yang sa-benar-nya terhadap Kerajaan Perikatan, sudah meluap[2] oleh kerana itu tidak-lah hairan kalau sa-kira-nya timbul satu usul daripada Kesatuan Guru[2] Sekolah Kebangsaan sendiri dengan alasan[2] yang makbul, yang dapat di-terima akal, dan di-terima oleh meshuarat agong bahagian kesatuan itu menuntut supaya di-tukar semua sekolah[2] kebangsaan ini daripada menggunakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar kapada menggunakan bahasa Inggeris sa-bagai bahasa pengantar.

Saya perchaya apa yang di-kemukakan oleh persatuan guru[2] ini ada-lah satu kenyataan menyindir[2], bukan-lah hakikat yang sa-benar mengingini bahasa Inggeris berdaulat akan tetapi ini penyataan kechewa dan hampa daripada guru[2] Sekolah Melayu, Sekolah Kebangsaan, dan daripada masharakat Melayu yang mengharapkan kedaulatan bahasa kebangsaan dalam negeri-nya sendiri. Usah-lah Menteri Pelajaran kita hendak berdolak-dalek mengatakan chadangan itu merupakan satu chadangan memutarkan jarum jam kebelakang. Saya perchaya Menteri Pelajaran itu pun faham bahawa apa yang di-sharahkan oleh pehak guru[2] itu tidak bermaksud hendak memutarkan jarum jam kebelakang akan tetapi Menteri Pelajaran itu-lah sendiri yang telah memutarkan jarum jam-nya kebelakang. Saya merasa sa-bagai sa-orang Menteri yang bertanggong jawab jika sa-kira-nya ia merasa sudah sa-benar-nya dia tidak berjaya untok mempengarohkan orang sa-keliling-nya bagi melaksanakan Penyata Abdul Rahman Talib yang sa-benar telah gagal dalam pelaksanan-nya, ada lebeh baik-lah menurut jalan yang terbuka sa-bagai sa-orang gentleman meletakkan jawatan-nya daripada Kementerian itu dengan itu ada orang lain yang berpeluang untok meneruskan peleksanaan dasar pelajaran yang telah di-persetujukan bersama beberapa tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi perkara ini akan bertambah panas, dalam satu foram yang baharu[2] ini di-adakan di-Kuala Lumpur, Setia-usaha Parlimen daripada Kementerian Kewangan pun telah teragak[2] untok menjawab segala soal yang di-kemukakan dalam majlis foram baharu[2] ini di-dalam soal ini, dan ini-lah satu kenyataan yang tidak boleh Kerajaan mengelak, dan chuba hendak berlindong di-balek lalang sa-helai.

Tuan Yang di-Pertua, kesedehan kita atas kelemahan Kerajaan sudah lama kita bayangkan. Sa-bagai Pembangkang tidak-lah membangkang melulu tetapi saya berchakap bagi kepentingan negara sebab kita mengatakan hakikat negara kita ini demokrasi dan di-dalam negara demokrasi Kerajaan Perikatan itu ia datang, daripada Parti Perikatan tetapi ia ada-lah pemerentah bagi negara Malaysia maka dari itu dia kerajaan kita kerajaan ra'ayat negeri ini semua.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Dewan sa-bagai sa-orang anggota Dewan, kita telah memperkatakan sa-suatu bagi kepentingan negara kita dan Kerajaan patut mendengar dan itu-lah membukti bahawa suara ra'ayat itu di-dengar dan fikiran ra'ayat mesti di-hormati. Tetapi malang-nya Kerajaan telah menganggap tiap[2] yang di-keluarkan oleh Pembangkang itu sa-bagai pengachau semata[2] maka mengakibat kita kerugian di-dalam perjuangan kebangsaan kita. Sampai hari ini kita tidak mendengar dari pada pehak Kerajaan

Perikatan, bila-kah semua sekolah[2] jenis kebangsaan ini akan di-hapuskan sebab tidak ada orang buat dalam dunia ini: ada sekolah kebangsaan, ada sekolah jenis kebangsaan, tidak ada orang buat dalam dunia ini dan saya telah pernah mengatakan perkara ini bahawa jalan bagi membentok to be a united Malaysian Nation saperti yang di-harapkan oleh Inggeris "to be a united Malayan Nation" dahulu yang di-lanjutkan oleh pehak Kerajaan Perikatan sekarang ini tidak ada yang lain melainkan satu sekolah, satu achuan, baharu keluar satu jenis kueh. Kalau sekolah-nya berasingan maka timbul-lah pertentangan yang akan kekal dalam masharakat Malaysia yang akan datang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya Kerajaan tidak harus ragu[2] lagi, awal tahun hadapan hendak-lah di-jadikan satu matalamat Kerajaan mewujudkan pelaksanaan bahawa kebangsaan dalam semua darjah[2] di-sekolah apa yang di-katakan sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan yang kemudian dalam tempoh beberapa tahun semua sekolah Jenis Kebangsaan akan bertukar menjadi sekolah berbahasa kebangsaan belaka. Dengan itu saya bermaksud sekolah Inggeris mesti-lah di-tutup, tidak ada sekolah Inggeris dan tidak ada tempat bagi sekolah Inggeris di-dalam negeri ini, tidak ada tempat bagi Kerajaan dan tidak ada hak bagi Kerajaan bagi melaksanakan satu polisi memberi bantuan kapada sekolah[2] missionary christian yang menjalankan per-sekolahan-nya dengan bahasa per-antaraan bahasa Inggeris, tetapi tidak bererti saya tidak mahu bahasa Inggeris di-ajar di-dalam sekolah[2] di-negeri ini. Bahasa boleh di-ajar dalam sekolah ini sa-bagai satu mata-pelajaran dan bagitu juga bahasa[2] lain boleh di-ajar sa-bagai satu mata-pelajaran jika di-fikirkan perlu. Kerana sa-bagai satu negara yang pendudok-nya berbagai rupa, berbagai keturunan dan kedudokan dunia kita ini yang bagini sempit dalam mana beberapa jam sudah dapat kita sampai ka-London, beberapa jam kita sudah dapat sampai ka-New-York dan akan datang hanya beberapa waktu yang lebeh sengkat kita akan dapat men-chapai dalam satu tempat ka-suatu tempat dalam dunia yang bagini maju maka pergaulan manusia sudah tentu-lah akan bertambah banyak dan bahasa[2] itu ada-lah alat yang menghubongkan antara satu bangsa dengan satu bangsa yang lain, maka bangsa Malaysia yang akan di-wujudkan daripada sekarang ini harus merupakan satu bangsa yang mana daripada mereka ada yang mengerti berbagai bahasa daripada kalangan manusia di-dalam dunia ini.

Apa salah-nya kalau orang[2] berketurunan Melayu, sa-lain daripada belajar bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris kemudian meneruskan pelajaran dalam bahasa China, apa salah-nya kalau sa-orang keturunan China, sa-bagai ra'ayat Malaysia yang ta'at setia melupakan pelajaran bahasa China tetapi mengambil pelajaran bahasa Melayu dan Inggeris, sa-bagai bahasa yang di-wajibkan di-dalam sekolah[2] negeri ini dan mempelajari bahasa Tamil atau mempelajari bahasa Jerman dan sa-bagai-nya. Kita mahu orang[2] Malaysia menggunakan berbagai bahasa tetapi kita tidak mahu di-salorkan saloran[2] yang membawa kapada akibat pertentangan ra'ayat Malaysia dengan ra'ayat Malaysia sendiri saperti apa yang sedang di-laksanakan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang di-laksanakan oleh Kerajaan Perikatan hari ini dengan terus terang saya katakan, ini-lah dasar takut titek lalu tumpah. Dasar Kerajaan Perikatan yang mahu kehamornian di-antara pendudok negeri ini, dasar yang saya boleh kata takut titek lalu tumpah. Menitek satitek takut sangat tetapi akan tiba satu ketika tumpah semua sa-kali. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, betulkan-lah kesilapan ini bagi membena satu keadaan yang baik di-Tenggara Asia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukachita hendak mengambil peluang berchakap dalam soal dasar luar negeri kita. Dalam Uchapan Titah Seri Paduka Baginda, telah menyentoh betapa baik-nya tahun ini dan bertuah-nya kita tahun ini kerana wujud-nya per-hubongan Diplomat dengan Filipina kembali dengan Pakistan dan wujud perdamaian dengan Republik Indonesia.

Tetapi kita dengan Filipina kita maseh belum selesai dan di-antara kita dengan Indonesia tentu ada sa-suatu yang belum beres. Kalau tidak perhubongan Diplomatic di-antara kita dengan Indonesia sudah boleh di-pulehkan, kerana bukan kita yang memulehkan maksudnya Indonesia yang mesti memulehkan. Tetapi mengapa Indonesia yang tadinya telah mengatakan, kami sedia tidak payah menunggu pilehan-raya di-Sarawak chukup dengan pilehan-raya di-Sabah di-jalankan akan mengakuï dan akan mengadakan hubongan diplomatic dengan Malaysia, tiba[2] sa-telah keluar satu kenyataan daripada Pengerusi Surohanjaya Pilehan-raya kita, bahawa pilehan-raya di-Sarawak akan di-tunda pada tahun hadapan. Indonesia pula mengeluarkan kenyataan mengatakan perkara itu akan di-tunggu lagi sampai selesai pilehan-raya di-Sarawak. Saya fikir ada banyak sebab[2], Tuan Yang di-Pertua, yang menyebabkan pemulehan diplomatic antara Indonesia dengan Malaysia. Barangkali pada hemat saya perhubongan kita dengan Australia yang lebeh kental, yang lebeh rapat daripada Indonesia sendiri di-dalam soal pertahanan, boleh menyebabkan sa-suatu yang di-fikirkan oleh Indonesia.

Saya mengikuti perkembangan yang berlaku apabila pehak Inggeris yang telah lama kita ketahuï tidak lagi merupakan kuasa besar yang benar[2] dalam dunia ini, bahkan kuasa yang menang perang tetapi lumpoh apabila sudah perang, terpaksa menarek tentera[2]-nya di-Timur Suez, maka mulaï berlaku kejadian penarekan sadikit demi sadikit dan saya dalam uchapan perbahathan Budget yang lalu telah menyebutkan bahawa peluang kedatangan Menteri Peperangan Inggeris untok memberitahu perkara menarek keluar tentera[2] Inggeris ini harus di-gunakan oleh Malaysia bagi merundingkan soal pembatalan Perjanjian Pertahanan antara kita dengan Inggeris yang di-dalam-nya membenarkan tentera Australia dan New Zealand ikut menyertaï tentera[2] Inggeris di-Malaya atau Malaysia sekarang ini bagi kepentingan Commonwealth—yang sabenar-nya bagi kepentingan SEATO.

Jadi kata saya peluang itu mesti di-gunakan untok merundingkan supaya di-batalkan perjanjian yang di-buat sabagai sharat kemerdekaan kapada kita, sebab saya perchaya tentera Inggeris di-tempatkan di-negeri kita ini bukan bagi muslihat kita, tetapi bagi muslihat mereka sendiri dan ini di-sedari oleh semua politician, termasok-lah Menteri[2] Kerajaan Perikatan sendiri, tetapi mengapa kita mahu menipu diri kita sendiri dan tidak mahu kita menyelesaikan problem ini. Apabila tentera Inggeris telah nyatakan menarek diri daripada daerah ini kenyataan[2] yang di-keluarkan oleh pehak Kerajaan kita dan lawatan Tun Haji Abdul Razak ka-Australia membuktikan betapa kita maseh berharap dan bergantong bulat[2], kapada kekuatan bangsa lain yang jauh-nya beribu[2] batu daripada kita, bagi mempertahankan daerah kita ini dan ini di-perhatikan oleh orang dalam negeri ini, dan di-perhatikan oleh orang luar daripada negara kita. Bagaimana pandangan orang[2] luar erti-nya wujud-nya tentera Inggeris di-dalam negeri kita merupakan satu chara penjajahan Inggeris yang di-teruskan sa-sudah terpaksa di-beri kemerdekaan kapada negara[2] yang telah berkeras[2] mahu kemerdekaan, tetapi dia menwujudkan apa yang di-katakan penjajahan chara baharu atau nekolim saperti yang di-istilahkan oleh orang[2] Indonesia dahulu dengan chara yang saperti itu. Tidak satu sen pun kepentingan[2] pemodal[2] Inggeris yang menjajah kita dahulu rugi dengan kemerdekaan kita dan malah lebeh banyak modal[2] yang di-tanam di-negeri kita ini yang konon-nya kata kita bolehlah buroh[2] kita bekerja, yang menganggor dapat kerja, tetapi bagi dia ia-lah peluang untok menchedok kekayaan negeri ini bagi kepentingan negara-nya sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, semua-nya di-perhatikan oleh dunia terutama negara[2] yang sedang membangun. Saya perchaya dasar politik Indonesia saperti yang kita lihat selalu berjaga[2], maseh, di-dalam keadaan asal—neutral—tidak ka-kanan atau ka-kiri erti-nya dia sedang menjaga daripada keadaan bahaya[2] yang telah pun di-rasaï akibat permainan politik oleh

Soekarno yang mahu menjadi hero di-dalam perjuangan politik international. Tetapi bagaimana pun kedudokan di-dalam negeri itu sendiri dan keadaan yang menyebabkan timbul perubahan itu ia-lah daripada hasutan[2] negeri sahabat-nya sendiri, ia-itu Kerajaan Communist China yang menyebabkan Indonesia itu berhati[2] di-dalam politik luar negeri-nya dan di-dalam negeri. Jadi kerana itu sikap kita dalam menghadapi bahaya yang satu[2]-nya kita ketahui bahaya yang akan datang ia-lah bahaya Communist China, maka sikap kita lebeh mendekati kapada negeri Australia, negeri kulit puteh, daripada berdekat dengan Indonesia sendiri, sudah tentu-lah sikap itu merugikan kita dan dalam jangka panjang tidak akan menguntongkan perjuangan kebangsaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu ia-lah persesuaian di-antara kita dengan negara[2] di-Tenggara Asia ini mesti-lah di-chari sa-hingga bertemu kapada titek pertemuan yang benar[2] bagi kepentingan kita semua. Sebab Australia yang merasa berkepentingan hendak meletakkan tentera[2]-nya di-sini, dia bukan sahaja berjuang untok Australia, untok kepentingan tanah ayer Australia tetapi bagi kepentingan Inggeris juga. Jadi kalau sa-kira-nya orang[2] Australia mahu mati di-tanah ayer bangsa Melayu, di-tanah ayer Malaysia kita ini, mengapa orang[2] lain tidak sanggup mati, kalau dia lebeh dekat sa-bagai jiran kita sa-belah rumah.

Jadi ini semua-nya, Tuan Yang di-Pertua, mesti di-fikirkan oleh Kerajaan Perikatan yang memerentah hari ini supaya keadaan di-kawasan Tenggara Asia ini dapat di-tenangkan dan kemudian itu dapat di-chantumkan menjadi satu kekuatan yang chukup kuat bagi mengawal keadaan yang sedang berkembangan dengan pesat-nya oleh ada-nya gerakan[2] subversive daripada anasir[2] yang Tunku Perdana Menteri pun dalam sa-hari dua ini mengatakan mereka itu menerima arahan[2] daripada luar.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya kalau Kerajaan Perikatan dapat membebaskan pendirian-nya dalam soal ini sudah tentu-lah keadaan di-kawasan Tenggara Asia ini dapat di-kemaskan dan apabila wujud perpaduan negeri[2] Tenggara Asia saperti yang sedang di-susun sa-mula.

Sa-lain daripada ASA ini, satu keadaan akan dapat di-wujudkan yang membolehkan kita melaksanakan berbagai[2] perkara yang lebeh besar dan kepentingan[2] yang lebeh baik bagi kita seluroh-nya. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sa-hingga ini semua-nya dalam kabor[2] dan saya juga tidak mahu membuat telahan[2] yang akan merugikan kepentingan kita di-dalam politik. Kita itu ma'ana-nya negara kita walau pun di-perentah oleh Perikatan, tetapi saya mengharapkan supaya Kerajaan Perikatan berhati[2] benar dalam perkara ini, sebab tenaga[2] yang tidak ingin kapada kuasa penjajahan itu maseh wujud dan maseh mahu melihat pengaroh penjajahan seluroh-nya terkikis daripada semua negara bekas penjajah.

Kita lihat satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang tidak di-sentoh sama sa-kali dalam Uchapan Titah ia-lah soal yang berlaku di-Timur Tengah. Satu perkara yang sangat gempar ia-itu pencherobohan Israel terhadap negeri[2] Arab. Pehak kita sa-hingga hari ini tidak pernah memberikan sa-barang keterangan yang dapat di-pegang, kechuali keterangan yang di-berikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak di-dalam Rapat Umum UMNO di-Pekan yang bertanya, "ada-kah Tan Sri Syed Ja'afar Albar sudah mendaftarkan diri-nya sa-bagai sukarelawan untok peperangan di-pehak Arab" dan menyatakan, kita mengalu[2]kan erti-nya boleh-lah orang kita hendak masok sukarelawan; itu tidak dapat di-pertanggong jawab dan ini tidak dapat di-pegang apa-kah lagi apabila balek Tunku Perdana Menteri yang membuat kenyataan lain dengan sendiri-nya membunoh kenyataan yang samar[2] daripada Timbalan Perdana Menteri. Kenyataan Tunku Perdana Menteri hanya merayu supaya jangan kuasa besar champor tangan, hanya membayangkan kenyataan harapan supaya hak Arab itu terpelihara, tetapi ini semua-nya tidak dapat di-pegang, tidak dapat di-pertanggong jawabkan

dan ini-lah yang sa-benar-nya kelemahan sikap Kerajaan kita di-dalam menghadapi sa-suatu yang dzalim di-dalam dunia ini.

Sa-bagai sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat, kita mempunyai hak dan tempat dalam negara ini untok memperkatakan sa-suatu yang hak dan benar. Jadi di-mana-kah dudok-nya Kerajaan kita di-sa'at pertentangan yang hebat yang berlaku di-Timur Tengah baharu[2] ini? Kita tidak dapat berpegang di-mana yang sa-benar-nya kedudokan Kerajaan kita. Jawapan yang sa-benar-nya dalam masaalah ini, Kerajaan kita tidak-lah boleh berselindong[2] untok menyatakan sokongan bulat dan mutlak kapada perjuangan orang[2] Arab yang telah di-tindas, bukan di-tindas oleh kerana perang empat hari, bahkan kerana bumi Palestine itu sendiri ada-lah hak kepunyaan Arab. Itu-lah sebab-nya PAS berkali[2] chuba membawa usul di-Dewan Ra'ayat meminta di-tarek balek pengakuan terhadap Israel, mengakui wujud-nya Israel itu sudah tidak betul, tetapi Kerajaan sampai hari ini tidak menarek balek pengakuan-nya terhadap Israel erti-nya Kerajaan kita mengakui wujud-nya Israel satu perompakan, satu perampasan hak satu bangsa yang di-buat sa-lepas ada-nya Atlantic Charter.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, peperangan yang berlaku di-Timor Tengah yang nyaris[2] akan menjadi perang dunia yang ketiga ia-lah sa-suatu yang sengaja di-timbulkan oleh Inggeris dan Amerika atau Amerika dan Inggeris. Jadi jawapan yang sa-benar-nya kapada kenyataan kita kalau benar[2] kita boleh menunjokkan kita ini ikhlas kapada bangsa Arab atau, dengan lain perkataan, ikhlas dari segi kemanusiaan ia-lah menyatakan sokongan yang sa-jelas[2]-nya dan bertindak memperbaiki hal ehwal kita di-antara kita dengan Amerika dan Inggeris.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, masaalah yang penting dalam soal ini ada-lah jelas ia-itu pehak barat ingin menguasai kekayaan minyak di-Timor Tengah itu yang di-punyai oleh bangsa Arab. Jadi semua negara[2] Arab yang mengeluarkan minyak, kalau tidak silap ingatan saya hasil yang di-dapati oleh sharikat[2] barat sa-tiap hari £48 million sterling pada satu hari dan hasil yang di-dapati oleh negara[2] Arab yang memberi minyak kapada sharikat[2] asing itu hanya £108,000 sterling. Jadi bangsa Arab yang mempunyai bumi yang mendatangkan minyak kapada barat hanya mendapat hasil kapada negara mereka £108,000 sterling sahaja tetapi bangsa[2] barat mengambil kekayaan minyak di-bumi Arab mendapat keuntongan satu hari £48 million sterling. Jadi ini-lah sikap yang tidak adil dan tidak hairan-lah kalau British dan Amerika mahu mengekalkan kedudokan Israel di-dalam dunia Arab dan mahu berpechah belah sa-sama Arab bagi muslihat kepentingan kuasa barat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah terjadi itu telah terjadi tetapi itu ada-lah round awal satu permulaan yang belum berakhir. Pusingan kedua akan datang satu peperangan yang tidak dapat di-elakkan di-Timor Tengah dan kemusnahan Yahudi, Israel, serta dengan Inggeris dan Amerika akan berlaku. Demikian telah di-janjikan beribu[2] tahun dahulu oleh nabi orang[2] Islam.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, semua ini akan berlaku chuma kita yang mesti menentukan sikap kita ini. Kerajaan Malaysia yang mengakui Islam sabagai ugama rasmi yang mempunyai sifat[2] kemanusiaan dalam membela soal apartheid saperti di-Afrika Selatan berchakap dalam soal[2] Rodhesia dan sabagai-nya hendak-lah tegas dalam masaalah yang besar ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya sulit benar bagi Kerajaan Perikatan untok mendzahirkan kemahuan-nya, kalau ada pun, sebab kedudokan kita di-dalam tanah ayer kita ini memang terikat betul[2] terikat mutlak kapada kepentingan barat, dengan kerana itu apa arti-nya kemerdekaan? Kemerdekaan politik bagi satu bangsa tidak mempunyai arti apa[2] jika kemerdekaan ekonomi tidak ada, ini-lah bokti-nya. Tidak ada-nya kemerdekaan ekonomi menyebabkan kita merasa sangat sulit untok menyuarakan fikiran dan pendapat kita dengan bebas. Apalah lagi dalam tanah ayer kita pula wujud lagi kebudayaan[2] barat yang

menyebabkan sangat susah bagi bangsa kita dalam menentukan sikap-nya kerana mental-nya sendiri pun di-pengarohi oleh apa yang di-sebutkan kebarat²an.

Tuan Yang di-Pertua, kebangkitan satu bangsa itu hendak-lah di-wujud-kan di-atas kemerdekaan yang sa-benar²-nya dan kewajipan pemerentah ia-lah menjadikan bangsa kita satu bangsa yang merdeka dan mengerti betul² hal² kemerdekaan dan tahu men-jaga diri kita sendiri dan mensesuaikan dalam pergolakan dunia international baharu-lah dapat di-hormati oleh orang kita ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memang kita ketahui dalam uchapan² Menteri² pada satu ketika pernah mengeluarkan perkataan² tentang Arab, negeri Arab yang tidak ada fail. Dan ini tentu-lah menjadikan image kita rosak. Jadi, Tuan, Yang di-Pertua, ini hendak-lah di-betulkan. Di-betulkan semua-nya sa-kali supaya keadaan itu dapat di-perbaiki dalam soal luar negeri, kalau tidak perkataan yang mengatakan kita bebas tidak boleh di-terima oleh sa-siapa pun.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya sukachita menarek perhatian Kerajaan supaya menjadikan satu polisi baharu. Kita chuba menjadikan satu masa Parlimen bersidang untok mem-binchangkan dasar luar negeri. Bukan-lah Kerajaan² besar sahaja dalam dunia ini kerana ada kepentingan² peredaran ekonomi mereka harus di-binchangkan soal politik luar negeri, tetapi Kera-jaan² kechil pun, dalam dunia yang telah menjadi kechil begini patut meng-adakan perbahathan khusus mengenai polisi luar negeri dan pada masa itu-lah kita dapat memperkatakan sa-suatu yang tepat dalam soal politik luar negeri kita dan Menteri² pun ada, tidak saperti sekarang ini Menteri sa-orang pun tidak ada, apa yang hendak kita chakap. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, supaya kita adakan satu dasar ia-itu kita mengadakan betul² perbinchangan bagi Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara membinchangkan politik luar negeri kita.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sadikit lagi saya suka hendak menarek perhatian Dewan kita ini ia-lah soal Kerajaan telah luluskan, ia-itu mengambil sa-bahagian hak Surohan-jaya Perkhidmatan 'Awam di-beri kapada Ketua Pejabat. Dengan ini sa-benar-nya telah merosakkan kebebasan dengan apa yang di-maksudkan Suro-hanjaya Perkhidmatan 'Awam itu di-wujudkan. Arti hak ketua² pejabat yang bagitu besar di-beri sekarang ini tentu-lah dengan niat Kerajaan untok me-lihat pentadbiran yang lebeh chekap, akan tetapi satu perkara yang mesti kita insaf paksaan dan tekanan biasa-nya tidak menolong bagi menchapai chita² kita. Dasar yang lemah-lembut tetapi penoh tanggong-jawab itu-lah yang dapat menarek perhatian pegawai² kapada perkhidmatan sa-kuat²-nya bagi kepentingan negara kita ini. Tidak shak lagi, Tuan Yang di-Pertua, negara ber-kehendakkan pegawai² yang ikhlas dan rajin bekerja dengan tidak menulis ter-lalu banyak di-dalam fail² dan ber-timbun² fail-nya tetapi kerja yang betul berkesan ia-lah lebeh banyak bekerja daripada menulis. Memang betul itu yang kita kehendaki sekarang. Tetapi ketua² pejabat yang di-beri hak untok menentukan itu, siapa-kah mereka itu? Mereka itu yang sekarang ketua pejabat, mendapat hak untok menentukan nasib orang yang di-bawah mereka, siapa mereka itu. Apa yang wujud pada kita sekarang ini ia-lah warisan dari zaman penjajahan, ya'ani dasar penjajahan yang lama itu membuatkan semangat orang² kita bekerja sa-bagai satu ikhtiar menchari makan. Sadikit sa-kali pegawai yang saya pernah berjumpa mempunyai rasa benar² bekerja untok bangsa dan negara. Tuan Yang di-Pertua, kerana itu-lah saya bertanya siapa-kah mereka? Sebab orang yang menjadi ketua pejabat sekarang ini pun orang yang dahulu-nya berkhidmat di-dalam penjajah juga.

Jadi kalau kita mahu perubahan bukan-lah ketakutan yang di-tanamkan akan tetapi tauladan mesti di-buat. Arti-nya tiap² Menteri mesti mem-buktikan kesanggupan mereka bekerja lebeh banyak bagi pembangunan negara kita ini. Tetapi Menteri kita macham Yang Berhormat Tan Sri Sardon, Menteri Pengangkutan, lebeh banyak terbang di-udara keluar negeri. Menteri

Pelajaran kita lebeh banyak bersharah membuka sekolah yang sekolah itu bila di-buka guru-nya tidak chukup, alat² sains dan lain²-nya pun tidak ada. Polisi pelajaran tidak berjalan. Chuma yang saya lihat berkesan dalam gerak langkah Menteri², kechuali Perdana Menteri dia di-atas sa-kali ia-lah kegiatan yang di-buktikan oleh sa-orang manusia yang bernama Tun Haji Abdul Razak yang telah memberi betul² tenaga-nya kapada negeri ini dengan penoh semangat untok membangun negara kita ini di-samping beberapa Kementerian lain dia telah membuktikan kesanggupan-nya untok bekerja dan kalau semua Menteri² boleh melakukan bagini, maka akan malu-lah pegawai² kita apa-tah lagi kalau selalu di-tekan² bahawa pembangunan mahu pengurbanan pegawai² yang telah dapat gaji beribu² tentu-lah malu, dan malu itu-lah menyebabkan orang mahu, tidak mengkhianati kepentingan nasional.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan dasar menekan² dan menakut²kan, bagi saya sa-bagai orang Pembangkang melihat satu sahaja, arti-nya Kerajaan menghendaki pegawai Kerajaan ini semua-nya pro Kerajaan Perikatan—itu yang kita nampak. Dia mahu menekan sa-siapa juga pegawai Kerajaan mesti tundok kapada Kerajaan Perikatan—itu sahaja. Sebab memanglah telah di-lakukan daripada sa-kechil² sampai sa-besar²-nya sekarang ini.

Ini tidak-lah menguntongkan. Mereka mungkin tidak mahu menyokong PAS—itu tidak menjadi soal, tetapi jika orang menyokong parti lain ditekan tidak bererti-lah demokrasi. Tiap² warga negara memegang jawatan kerajaan dia boleh menjadi anggota parti politik mana pun juga kechuali dia orang legal, orang² Jabatan Legal atau dalam tentera, dia boleh menjadi anggota parti politik tidak perlu dihalang pemerentahan Inggeris di-tanah ayer kita ini dahulu ada yang menjadi Pesurohjaya Tinggi negeri kita bukan orang Conservative Parti yang memerentah, tetapi orang Parti Buroh. Jadi bagitu-lah yang sa-harus-nya kita buat di-dalam negeri kita ini sa-sudah kita merdeka bukan churiga-menchurigai dan tekan menekan satu sama lain. Tetapi amalan yang di-buat oleh Parti Perikatan hari ini saya tidak nampak ada sa-suatu yang baik melainkan hendak menjadikan semua orang menyokong Kerajaan Perikatan dan menekan ra'ayat yang tidak mahu menyokong dasar Kerajaan Perikatan. Barangkali baik pada Kerajaan Perikatan tetapi saya berchakap bukan kerana kepentingan Parti saya, Parti Pembangkang, saya berchakap bagi kepentingan negara ini sendiri negara ini menghendaki lebeh daripada itu kesunggohan Menteri² itu-lah yang kita kehendaki, kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak akan dapat sa-suatu yang baik. Jadi kalau Menteri² pun berpoya², kalau Menteri pula berseronok bergembira di-sana, apa-kah arti chakap yang mengatakan kita mahu berkorban, bekerja kuat untok tanah ayer, tetapi dia lebeh banyak lagi berpoya² daripada yang lain. Kita boleh berjumpa Menteri kita dalam Cabaret tempat berdansa, pergi ka-Bukit Bintang Park, Menteri kita datang menari di-sana. Jadi kalau macham ini bagaimana kita meminta kehormatan daripada pegawai² bawah, bukan dengan menekan² pegawai Kerajaan.

Kemudian sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, memang ada kesulitan² yang di-timbulkan oleh tenaga² buroh di-dalam negeri kita ini. Tenaga² ini walau bagaimana pun saya tidak mahu meletakkan dia satu saperti yang selalu Kerajaan gunakan semua siapa juga yang membuat sa-suatu yang tidak diperkenani oleh Kerajaan lantas di-tudoh pengaroh kominis atau pun ejen kominis atau pun sa-bagai-nya sa-hingga PAS sendiri pun apabila bertindak, berchakap, bersharah yang tidak setuju dengan Kerajaan Perikatan di-tudoh-nya kominis juga—kita tidak mahu. Saya mahu meletakkan kegiatan buroh yang mengancham kedudokan negara sekarang ini kapada dua. Ada yang gelisah oleh sebab² mereka sendiri dan ada yang di-usahakan oleh kegiatan² kominis bagi maksud politik kominis.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan harus menghadapi kaum buroh, kerana buroh² ini bukan buroh yang

tidak terpelajar, tetapi buroh yang terpelajar dan harus di-hadapi mereka itu dengan chara cherdek bukan dengan chara tudoh-menudoh dan sa-bagainya.

Mithal-nya kegelisahan guru[2]. Kegelisahan guru[2] di-dalam negeri kita ini yang dahulu-nya sadikit sekarang sudah mengalami menjalar sampai kapada guru[2] sekolah kebangsaan. Soal-nya berkisar kapada masaalah gaji, soal-nya berkisar kapada masaalah perumahan. Ya, memang betul dan benar. Gaji di-dalam perkhidmatan guru ini bermacham[2] chara, kelulusan-nya bermacham[2] kelulusan, itu semua-nya dasar pelajaran Kerajaan sendiri. Kebolehan mengajar di-atas subject[2] (perkara[2]) yang hendak di-ajar mengikut syllabus sama sahaja. Tetapi ada orang dapat gaji lebeh dan ada pula yang dapat kurang, sedangkan kalau di-suroh mengajar dia boleh mengajar. Ini ada-lah perbedzaan[2] yang sengaja di-buat[2]. Apa yang di-kehendaki sekarang ini mengadakan satu persamaan atau kelayakan dan meletakkan guru[2] itu di-tempat yang menasabah, kalau patut mengajar Sekolah Menengah, Sekolah Menengah dan patut Sekolah Rendah, Sekolah Rendah dan kemudian itu bagi gaji yang sama tentu tidak senang juga mereka itu telah merasa dia terlalu tinggi kerana kelulusan-nya tinggi, tidak senang, itu soal lain tidak semua dapat di-puas hatikan. Soal rumah ada-lah satu perkara yang mesti di-fikirkan. Tetapi dasar Kerajaan kita, Sekolah mesti buat sampai $300,000, $250,000 mesti buat batu, rumah guru tidak ada, alat pelajaran tidak chukup dan sekolah itu tidak sempurna, tetapi sekolah itu tersergam besar, itu polisi Kerajaan. Dalam keadaan kemiskinan kita ini jangan kita malu[2] untok membuat sekolah papan, memakai chat puteh chukup untok 25 tahun akan datang sa-hingga, kita develope negeri kita ini mengeluarkan hasil negeri kita yang banyak baharu dapat kita gantikan bangunan itu satu demi satu dengan bangunan[2] batu yang mahal. Sekarang ini perlu sekolah dan guru[2] kerana guru merupakan sa-bahagian pemimpin Malaysia. Bagaimana sa-orang guru yang dudok 15 batu daripada tempat sekolah, kemudian pergi mengajar di-satu tempat 15 batu daripada tempat yang dia tinggal, sewa rumah berpuloh[2] ringgit dan tambang perjalanan mesti di-bayar oleh mereka. Sudah sa-patut-nya-lah Kerajaan mengadakan rumah bagi mereka dan ini satu perkara yang patut di-buat kerana guru[2] itu sentiasa di-tukar[2] sampai di-merata cherok kampong.

Bagitu juga rawatan sakit, patut di-beri layanan, sa-bagai sa-buah negeri yang ma'amor Kerajaan patut memberi layanan tetapi Kerajaan telah menanggohkan perkara ini sa-hingga di-wujudkan pula satu Surohanjaya baharu hendak menyiasat lagi. Itu yang menimbulkan keadaan yang bermacham[2]. Jadi kalau Kerajaan telah bermusoh, berbalah atau berkelahi dengan guru[2] sendiri akibah-nya ra'ayat yang menanggong. Kerajaan boleh berkeras dengan mendapat simpati ibubapa dan ra'ayat tetapi alasan[2]-nya harus ada pula untok ra'ayat memerhatikan apa yang sedang di-jalankan oleh Kerajaan. Tetapi ra'ayat juga bimbang korban yang akan terjadi kapada anak[2] mereka, anak saya juga ada, yang akan menerima akibat. Jadi Kerajaan harus bersedia untok menghadapi masaalah ini dengan penoh timbang rasa. Lain-lah dalam menghadapi gulongan[2] yang di-ketahui ada anasir[2] kominis betul[2] di-belakang mereka.

Saya minta Kerajaan bertindak tidak segan[2] menghanchorkan akar[2] lalang itu sa-kali. Bukan lalang sahaja mesti di-potong tetapi akar[2] lalang yang mesti di-chabut semua sa-kali sebab negara kita benar[2] dalam bahaya. Tetapi Kerajaan kadang[2] nampak terlalu baik, terlalu murah, kadang[2] pada tempat yang tidak menasabah saperti orang[2] PAS, Tok-'Alim[2] di-tangkap, jadi serba salah kita memikirkan bagaimana pelaksanaan yang di-jalankan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai penutup uchapan saya, saya tertarek dengan uchapan Seri Paduka Baginda kelmarin yang mengatakan di-antara beberapa pembangunan[2] yang akan di-buat ia-itu satu jalan raya menyambongkan timor dengan barat.

Tetapi jalan raya yang menyambongkan timor dengan barat itu bukan di-Malaya. Tetapi yang menyambongkan Timor dengan Barat, di-Sabah—erti-nya Jesselton dengan Sandakan. Sedangkan di-Malaya sudah senyap, sudah diam. Apa yang di-perlukan sekarang ia-lah pembangunan jalan raya yang menghubongkan pantai timor dengan pantai barat di-Malaya ini satu perkara yang tidak boleh di-anggap tidak apa atau di-biar[2]kan dahulu. Sebab dari segi pertahanan negara kita ini sangat penting. Sa-batang jalan raya yang dapat di-ronda dengan baik yang menghubongkan pantai timor dengan pantai barat di-Malaya ini. Sa-lain daripada itu hasil[2] negeri, macham di-Kelantan, hasil[2] bumi di-Kelantan itu kalau-lah Kera-jaan Perikatan menarek semua niat[2]-nya untok mengepong terus negeri Kelantan dari segi ekonomi supaya Ke-lantan itu jatoh, kalau niat yang burok itu di-tarek dan di-beri peluang foreign capital masok di-sana itu untok develop hasil yang bagitu banyak semua dapat di-angkat ka-pelabohan Pulau Pinang dan Kelantan pun untong, Kerajaan Perikatan yang tengah sakit tenat tidak ada duit ini pun dapat hasil juga bersama[2]. Tetapi kerana ada niat yang burok untok melihat Kerajaan PAS itu jatoh biar-lah hasil negeri tidak dapat maka semua ranchangan telah di-rentikan bagitu saja, timbul ranchangan hendak membuka satu pelabohan baharu di-antara Kuala Trengganu dengan Kuantan. Barangkali ada baik, tetapi kalau-lah jalan raya pantai timor dan barat ini di-buat, soal membuang-kan wang untok membangun satu pe-labohan di-satu kawasan yang alam-nya tidak bagitu mengizinkan di-buat satu pelabohan di-pantai timor ini dapat di-selamatkan. Erti-nya kalau kita membuangkan wang untok membangun pelabohan di-Chendering mithal-nya di-Trengganu, pelabohan-nya bagaimana pun terpaksa di-gali salama[2]-nya kerana keadaan pasir yang sentiasa mentohor-kan laut di-kawasan ini. Jadi itu hanya membazir, ada lebeh baik jalan raya di-buat dengan menggunakan pelabo-han Pulau Pinang dan hasil penge-luaran di-Jengka, negeri Pahang, boleh di-bawa ka-pelabohan Port Swetten-ham dan ini tidak merugikan. Lain-lah kalau Segenting Kra di-potong oleh Kerajaan Siam, satu pelabohan patut di-buat bagi kepentingan Malaya, Malaysia Timor, Malaysia Barat ini, tetapi bukan-nya di-Trengganu, mesti daerah yang paling dekat dengan Segenting Kra yang di-potong, kalau di-potong oleh Thailand, itu mesti di-buat di-Kelantan walau pun beberapa mahal belanja-nya, tetapi untok seka-rang belum bagitu mustahak kita menchurahkan wang untok membuat pelabohan di-kawasan pantai timor. Apa yang perlu ia-lah jalan raya dan apa yang perlu-nya ia-lah membuang niat[2] untok memblockade ekonomi Kelantan supaya dengan itu Kerajaan Kelantan dapat hidup tidak minta[2] lagi kapada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Pusat juga dapat menampong hasil[2] negeri oleh kerana alam di-negeri Kelantan pada dzahir-nya kalau kita katakan seluroh Tanah Melayu seka-rang ini Kelantan maseh anak dara di-dalam kekayaan hasil bumi. Perak sudah dekat hendak habis, Kelantan maseh memendam kekayaan bumi yang kekayaan bumi itu harus di-buka bagi kepentingan negeri dan kepentingan Kerajaan Pusat sendiri tetapi niat burok Kerajaan Pusat itu hendak-lah di-tarek sa-mula.

Jadi saya minta atas nama kema-nusiaan satu[2] yang tidak mahu orang lakukan kapada kita jangan-lah kita lakukan kapada orang. Sekian, terima kaseh.

Tan Sri T. H. Tan: Mr President, Sir, in rising to support the motion before the Senate, I wish merely to deal with a few salient points in the speech of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong.

For some years past Government has consistently laid emphasis on the threat of communist subversion. This threat is described as a real menace. In His Majesty's own words:

"Communism and subversion remain a real threat to the security of Malaysia. Recently these elements openly carried out militant and violent activities in Sarawak and staged a number of demonstrations in West Malaysia for no valid reasons. Their acts resulted in clashes with the security

forces and incurred losses to businessmen. Such incidents also occurred in many other places as in Hongkong on a greater scale. It is observed that the activities they carried out are controlled or directed by a foreign power in order to create trouble and disorder in South-east Asia".

Mr President, Sir, further elaboration of this is given in the special Appendix to His Majesty's Speech, in paragraph 93 and 94, which, with your permission, I will read. Paragraph 93 says:

"In East Malaysia it is evident that the Peking orientated Sarawak Communist Organisation has penetrated a major portion of the fabric of Sarawak Society and has made advanced preparations for a protracted guerilla war. The position in this State is, in many ways, approaching the state of affairs which existed in Malaya in the early days of 1948".

Again, Sir, in paragraph 94 it says:

"In West Malaysia militant and violent forms of Communist United Front activity have emerged, directly controlled and coordinated by the Communist Party of Malaya from the Malaysian-Thai Border".

Sir, apart from taking military measures to meet this menace, I suggest that Government should seriously consider economic measures. Let us face the fact that Peking poses the greatest threat to our national security. I say it is wrong to strengthen Peking's economic position and thereby bolster her war potential by continuing to buy to the extent of some three hundred million Malaysian dollars of goods each year from Communist China. A section of opinion thinks that it is in the interests of our people to enable them to buy the cheapest possible irrespective of source. I say this is only true up to a point: we cannot afford to buy the cheapest if by doing so we are strengthening our enemy and allowing Communist subversion through economic means to threaten our national security. Surely, Sir, our national security must be our prime consideration. I suggest that a system of import control be introduced aimed at minimising and eventually eliminating the threat of subversion from Communist China through economic means, such as the sale in Malaysia of under-cost manufactured goods, thus gaining in political psychology what the Communists are obviously losing in dollars and cents.

New thinking on the threat of Communist subversion, particularly from Communist China, is needed and I plead, Sir, with the Government that it is needed most urgently. Tied up with the problem is our foreign policy. I cannot agree more that our foreign policy must pursue an independent line, and I quote, "maintaining cordial relations with all friendly countries of the world". I know of one country, at least, that has gone out of its way to be friendly but which has received anything but friendly reciprocation from us. For instance, one of that country's Ambassadors wanted recently to call at Kuala Lumpur for a few days and a low level official of ours refused to call him by his proper designation in the overnight visa issued to him after very much arguments. Our official refused to state that Ambassador's country by name which even the United Nations has readily recognised for so many years past. Supposing the position was reversed, would Malaysia be happy to be called by any other but its official name? How will anyone of our Ambassadors feel if he is not even accorded his diplomatic rank by a so-called friendly country. There is definitely something wrong somewhere. I cannot believe, Sir, that Malaysia as a nation is capable of being spiteful and disrespectful to her friends. I hope the Government will look into this complaint and will not irritate and snub those whose only intention to us is based on the principles, I quote. "of peaceful co-existence, genuine respect for the independence and territorial integrity of states and co-operation for mutual benefit". If we mean to be friends with others, let us not merely say so. Sir, I plead, let us behave accordingly. If not, let us say that we are not friends. We know where we stand and we know what the others stand for.

Mr President, Sir, His Majesty's Address contains one other point to which I would like to draw public attention, and that is the introduction shortly of a system of social security, which is going to bring tremendous good, particularly to the working class of this country. We have heard much

about social security over the last few years. I remember I myself had a hand in drafting the manifestos of several general elections for the Alliance Party, and social security was very much in our mind. Now at last social security is coming into being, and I would like to congratulate the Government on this very important step, not merely because it has been taken now, two years before the next general election, but because it is going to bring general good to the people irrespective of whether they belong to the Alliance Party or not.

Mr President, Sir, there is one other point which I would like to draw attention to and that is this question of the new industry which has been described by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong. It is clear that a country like Malaysia with its long coastline, with its international trade, must have a shipping line of her own. Something like 26 million tons of goods are shipped from Malayan ports, largely through Singapore, and if we could make a saving in freight of just $10 per ton, it would mean a saving of $260 million to this country. The saving can be effected in several ways—it can be effected by establishing a national shipping line, or it could be done through negotiation with the various Conferences—but as far as I know, Conferences of shipping, like the cartels of various other industries, are doomed; it is time they were wiped out of existence. These Conferences are usually formed by European shipping interests, very few are subscribed to by Asian shipping interests but largely by the European shipping interests, and it is a pity that these Conferences should take every opportunity of more or less sucking the blood of a small country like Malaysia, which is trying to establish itself economically on a sound basis.

I would like here to take the opportunity briefly of explaining about the two ships which were promised by Japan during our negotiations in Tokyo not so long ago. I was a party to that negotiation and I would like to say here that, as mentioned by the Honourable the Prime Minister, the grant of these two ships has nothing to do with the claims arising from the atrocities during the last War, or even from the claims of the Associated Chinese Chambers of Commerce. It must be clearly stated here that this grant is purely a sort of an atonement by the Japanese for what they did during the last War. As far as damage is concerned, they had paid it through war damage compensation, and we were told when we were in Tokyo that in 1951 at a conference in San Francisco the British Govrenment, then the colonial sovereign power in our country, agreed to waive all our rights to further claims for reparations or any other claim of any other sort from Malaysia. There we were really stamped because we found that we were left without any legal basis of claim; and further more, whether it is correct or wrong in international law, we were told that a law limitation has barred our claim since no claim could be brought up in any court of law after a period of six years. Nevertheless, we found ourselves in a position where we could not press our claim from a legal point of view. What remained, therefore, was to fall back on the Tunku's ingenuity and on his diplomacy and out of that we were able to get a grant of something like $25 million with which to start a national shipping line. But starting a national shipping line is probably easier said than done. We cannot possibly have two ships to run a national shipping line in the hope of carrying 26 million tons of produce. It is quite obvious, therefore, that Malaysia must seek the co-operation of other neighbouring countries, possibly Thailand, even the Philippines, or some other country within our area, so that with the ships in the pool we shall be better able to recover as much as possible of the freight which we are now spending and which is going into British and other European pockets. I think our Prime Minister has made a tremendous success of his mission to Tokyo and I for one would like, on behalf of the Chambers of Commerce, to thank him for his great leadership during the negotiations.

Mr President, Sir, there is one little thing which I would like to add to and that is there is some mention here about a sense of patriotism and love for Malaysia and respect for the national Anthem and the flag. I should have thought that such a reference would have been totally unnecessary in a Speech from the Throne. The fact that it is necessary shows clearly that there is still a section of our community, who do not give the necessary respect to both our anthem and to our flag. To such people I would like to say that they should go to a neighbouring country, which I visit very often and where I have witnessed personally how the crowds would set upon certain people who refused to stand up when the national anthem was played or who refused to stand to attention when the national flag was flown. We have tremendous democracy in this country, and so have they democracy in that particular country too. Perhaps, our fault is that we suffer from too much democracy.

Mr President, Sir, the Speech from the Throne was a very inspiring one, and I would like to join my colleagues in this House in expressing our thanks to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong. (*Applause*).

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Mr President, Sir, I wish to join my colleagues in giving our thanks to His Majesty for his Gracious Speech from the Throne. After reading through his Speech and after hearing all the speeches of my colleagues here, I find that there is only one very important theme that has run through all that long Speech. The theme is that we are paying more than is necessary for administrative services in this country. In other words, we are filling space to kill time.

Sir, we are spending 40 per cent of our income for administrative purposes only, and that is recurrent expenses—every year it will be going on. I think within 10 years we will have no money to spend on recurring expenses unless we can give efficient service with less expenses. There are many ways of doing it. It is unnecessary to say here, but I should think it is high time that Government had a special committee to go into this matter. Personally, I have seen so many cases in which money has been spent and nothing has been done.

There is a potential of physical and intellectual energy in this country, a potential that we are trying to solve, that is, we have graduates from many universities abroad who are not being properly employed and whose degrees have not been recognised in this country yet. The Government has set up a committee to go into this matter, but still, we see in this report that the committee is sitting only to evaluate the value of the qualifications. I do not think it is right that we should, as a new nation, lose this physical and intellectual potential, which should be the life-blood of this country. I have read the reports, Sir, of many of the Auditor-General's remarks about all the States, how they have mis-spent the money, how funds which have been allocated to certain Heads have been spent on certain other Heads. I have read from the reports that our rural development, thought to be such a success, is actually not such a success. There are places in which lalang, weeds, have grown over those areas in respect of which we have spent millions and millions of dollars. That is not my observation, that is the observation from the Auditor-General's Reports, and the attention of Government should be drawn to this—that we are spending money from which we do not get productive returns. The Government says that now we must be spending money to get productive returns, but we are not getting it.

When this rural development problem came up, it was the suggestion of a Professor from Harvard University. I was then a Memebr of the Executive Council of the State of Kedah, and I was asked to attend a lecture by this Professor. So, after he had given his talk, I asked him one very simple question. I said: "Professor, may I ask you one simple fact about this rural development? What will happen to the village after you have developed it? What will become of the inhabitants

of this village? Will the village improve or deteriorate? Will the inhabitants come to town with good road developments, and all that? Will the employable youths be coming to town for employment or will they be staying in the village to develop their rural areas?" He said this: "I do not know. We have not solved the problem yet in America". Now, we have found out this: in certain areas in our rural villages, we find that the young men are coming to town to make a living and the villages are left with old people. That has happened to every part of the world not to Malaysia alone but to rural development in every part of the world. How are we going to bring the town to the village so that the people who are there will still stay in the village and improve the village? Now the problem has been reversed. A young man staying in a village now wants a Honda Cub to come to town; he wants the amenities of the town; he wants to go to the cinema; if he wants to buy a bit of clothing, he goes down to the town. And the fathers have been complaining to us. One father said: "Before rural development I can keep some money in my house to improve my house. I can improve my kampong; I can improve my attap house; but now I have not got any money. All the money has been taken by my children to come to town to see cinema and so on. If I do not give them money, they quarrel with me". Now, Sir, we must think of ways and means to prevent the sapping of money from the village to the town and prevent the young people, who should be developing the villages and helping the old people to live a better life, from coming to town to be gangsters, to be spenders, and to crowd the town, instead of helping the villagers.

Sir, there are lots of things that could be done. There are lots of things that could be done to improve the economic condition of this country. Recently I have received from the bank this note—this is a $10 bill—but it has no birth date—no birthday, Sir. At least, as a collector, I would like to have a birthday on my note so that I know when it was born.

Dato' E. E. C. Thuraisingham: I have put the date. (*Laughter*)

Dato' Dr Cheah Toon Lok: It was supposed to be born on 12th June, 1967, but it has no birthday. For a collector, this note has no value. We must have a date, so that we know when it was printed, when the second printing is coming, and when the third printing is coming. It may be the practices of the world—now we are accepting the practice of the world. It may be a good practice, I do not know. But, we know this one fact: if you have no date, you could print as many notes as you can and it will be like banana notes. So, I suggest, that at least if not for ourselves. at least for the sake of this dollar bill, let us give it a birthday, so that we know when it was printed.

Now, regarding the remarks made by some of our Senators about the Office of Birth and Death and so on, I would like to bring up a point: it is a minor point it is a very important point to the citizen, and it is this: one case came up before me where a parent asked me to solve the problem, because the Identity Card Office would not give an identity card to a child who was registered as a girl when at birth "she" was a boy, and now his name is different. Now, the Birth Certificate office says to the boy who wants an identity card: "You have been registered as a girl, now you say you are a boy. You are not this person, you are a girl and you are not a boy". So, all these problems keep coming up, and there are cases in which the mother was registered as the father and the father was registered as the mother. Sir, I say, our Administration must be efficient. I do not say it is not efficient, but I say it must be more efficient. If you spend less time in golf, you have more time for work, because after 4.30 p.m. I have heard a lot of my friends say: "Come, let us have an engagement in golf". All of them saying that are in high office. Of course, I like them to play golf, but please give us proper administration first before you play golf.

Now, the problem of juvenile delinquency. We have so many students coming out from school—I believe them are about 20,000 students coming out a year demanding work. Have the Ministers in charge, or the authorities in charge, thought of the problem of the future of these 20,000 students? Can we blame them if they start to rob, become gangsters, when they have no money to spend, no job to find? It is a social fault of the elders, who have no planning for the future, the fault of parents, who have not set a good basis for the improvement of the future—20,000 every year, it goes on adding and adding. How are we going to control these youthful delinquents? We cannot. It is impossible, unless we have a special body set up to see how to improve the conditions of the students, how to give them work, what to do and the rest of it. It is up to the Government to do it. It is a very important task. I had a patient who came up to me saying "I have no money to pay you doctor". I asked, "What is the matter?" And he replied, "I just passed the cinema hall and a 16 year old boy came and snatched my hand bag. I had only $16 in the ,hand bag. So, there is nothing left". I said, "Why did you not report to the Police?" He said, "If I were to report to the Police, they will ask me for my name and this and that, and I will have wasted hours and I am a sick man and I have got to see you". There you are—if you encourage a boy to rob once, he will be robbing twice, three times and so on. Where are we? What type of society are we building up in Malaysia?

Sir, our objective is to build up a Malaysian nation. How can we build up a Malaysian nation when our flag is not respected or even our national anthem is not respected? The people are supposed to be Malaysians, but how can we build up a nation when we think in different terms, our ideas are different, and the ways and behaviour are different? We must bring in somehow, somewhere, sometime, all of them together, so that they could think as good Malaysians. It is high time we have a body to correlate all this.

Just now I heard from my Honourable colleague, Tan Sri Haji Mohamed Noah how to adjust our economic set up. I agree with him absolutely that it is necessary to correlate our earnings with the wage earnings of the workers, so that the unions would not grumble and there will be no strikes in this country. It is high time that such an economic set up were made. We have got to use the grey matter in our brains. Young men are brilliant, but they have no patience—not like us; we old people will do things slowly with patience and will achieve what we set out to do. I hope that the Government will listen to the wise advice of my learned colleague.

Now, we, as is the policy of the Government, are to be neutral in Africa. I think even in the war between Israel and the Arab States, we should be neutral. We know that the fighting takes place there, because somebody wants the oil from the Middle East. Oil is so important to the existence of a nation now. There is a big nation that wants to control the oil in the Middle East. The war is not a war between Israel and the Arab States. The war is a war for the control of the oil in the Arab States, and few people realise it—they think they want Palestine, they want this they want that—but actually the basic fact is that for years one nation has been trying to get the oil, and as that nation cannot get it they started a war in Vietnam, and they started wars everywhere; and now they started a war in the Middle East. So, I think our policy is the correct policy: take a neutral stand in all these matters and we should not interfere until we are powerful enough in the fight of other nations.

The other day, Sir, I had a letter from the Railway Department asking me to send a card for a report of the Railway Administration. I sent in a card and I got the Annual Report of the Railway Administration. Of course, as usual it loses millions of dollars.

The most important point about the report is that the report is for the year 1964—it is not for 1965, 1966 or 1967. A railway administration in any other part of the globe is a profitable administration. If the Government cannot run another administration like that and it loses millions of dollars every year, make it into a limited public company, having Government shares in it, and let the private sector with brains run the administration for the Government—that is turn it into a public company with Government control, with 51% of the shares owned by Government and we should make millions out of it. I know why the Government loses on the railway, but it is very difficult for me to tell how the Government loses, because I will be in very unpleasant position to tell it. We know why the Government loses. The Government is bound to lose as long as it goes on like this. Because it is paying more for its earnings, it must lose.

I do not think the Speech from the Throne is very complete, but anyway we shall thank His Majesty for the Speech. However, I wish to remind the Government that a lot of things have been left out in the Speech, and if I were to prepare the Speech, which, of course, I did not do, I think I could talk for days and days on the things that we have left undone. But I hope the Government will look into a few very important things that we have now. In order to have a proper administration, we should use the intellectual and physical energies of the young graduates from the universities the degrees of which have not yet been recognised; the railway administration, if it is not efficient, should be made into a public company with 51% shares held by the Government and 49% shares subscribed to by the public and it should be run on a profitable basis; and, most important of all, make a nation of our country and make everyone in this country know and respect our national anthem and our flag. If the Government can do this, it has succeeded in its job. Thank you.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri adalah untok menyertai rakan[2] saya yang telah pun beruchap sa-belum saya iaitu menyatakan uchapan terima kaseh terhadap Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah bersama[2] di-dengar oleh kedua[2] Dewan ini pada hari sa-malam.

Pehak diri saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah akan mengulangi balek apa[2] perkara yang telah di-binchangkan oleh beberapa orang ahli Dewan daripada pagi tadi kerana pada pendapat saya boleh di-katakan dari seluroh bahagian telah pun di-binchangkan: walau bagitu di-dalam Kementerian Pelajaran suka-lah saya mendatangkan satu shor atau pun usul kapada pehak Kerajaan supaya menjadikan urusan rumah tangga sa-bagai satu mata pelajaran yang di-pelajari di-sekolah[2]. Saya membawakan perkara ini kapada Dewan ini ia-lah kerana memandangkan pada hari ini pelajaran urusan rumah tangga, baik yang berupa masakan atau menjahit atau pun juga potong-memotong baju (dress making) dan sa-bagai-nya, tidak-lah di-ajar di-sekolah[2], mungkin ada juga sekolah[2] yang mengadakan mata pelajaran saperti itu tetapi tidak-lah sa-bagai satu dasar Kerajaan hendak menggalakkan urusan rumah tangga ini sa-bagai mata pelajaran bagi kanak[2] perempuan di-sekolah[2].

Rasa saya, Dato' Yang di-Pertua, ini ada-lah satu perkara yang penting kerana dalam lawatan saya ka-negeri German dahulu saya telah nampak bagaimana Kerajaan German memberi galakan yang sa-luas[2]-nya kapada kanak[2] perempuan supaya mereka di-majukan di-dalam bidang urusan rumah tangga ini kerana pelajaran akedamik itu bukan-lah untok semua orang dan kalau-lah kita hendak mengharapkan wanita[2] negeri ini menjadi suri rumah tangga yang baik, maka tentu-lah pelajaran urusan rumah tangga ini patut-lah di-pentingkan dan di-pelajari di-sekolah[2].

Pada pendapat saya tentu-lah kita tidak boleh sa-mata[2] menggantongkan harapan kalau ada pun satu, umpamanya, Taman Latehan MARA yang ada di-Lornie Road itu sahaja yang boleh

mengajar urusan rumah tangga ini kerana pada pendapat saya kalau-lah mata pelajaran urusan rumah tangga tidak di-galakkan di-sekolah, maka nampak-lah lagi anak[2] gadis pada masa ini, saya bimbang dan saya kechewa, mereka banyak yang tidak pandai memotong baju dan banyak yang tidak pandai memasak dan tidak pandai menjahit dan ini-lah juga satu perkara yang rasa saya orang laki[2] di-negeri ini sendiri nanti akan merasa rugi.

Oleh kerana itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah pehak Kerajaan kalau mengambil perkara ini sa-bagai satu perkara yang patut di-beri pertimbangan dan di-beri fikiran janganlah hendak-nya apa yang suara[2] datang dari Dewan ini hanya hilang bagitu sahaja dan saya faham Menteri[2] yang berkenaan pun tidak ada dudok pun di-dalam Dewan ini malah saya harap supaya pehak[2] yang berkenaan dapatlah kira-nya menchatitkan perkara ini supaya beri-lah pertimbangan yang sapatut-nya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya menyentoh dalam Titah Uchapan Seri Paduka Baginda ada menyebutkan juga langkah[2] Kerajaan hendak membasmi atau pun menchegah rasuah atau pun *corruption.* Saya mengalu[2]kan langkah ini walau pun kalau di-bandingkan negeri kita dengan sa-tengah[2] negeri lain keadaan rasuah ini barangkali belum lagi di-pandang sa-bagai satu perkara yang telah berjalan bagitu dahshat tetapi malang-nya ada perkara[2] yang barangkali, rasa saya sangat-lah rumit untok menjalankan hendak membasmi rasuah ini, untok menjalankan-nya. Mithal-nya ada berbagai[2] chara rasuah di-berikan kapada pehak yang berkenaan. Kalau-lah rasuah itu di-beri berupa cheque atau pun berupa duit tetapi ada rasuah berupa wanita[2] jelita, ada rasuah berupa pemberian motokar ada juga rasuah yang berupa membayar bill di-kedai[2] dan sa-bagai-nya dan ada juga jenis rasuah ia-itu dengan membeli teket[2] loteri yang menang maka teket loteri yang menang itu yang di-berikan kapada yang hendak menerima rasuah itu. Jadi perkara[2] sa-umpama ini patut-lah di-ambil perhatian oleh Kerajaan supaya badan penchegah rasuah yang baharu ini dapat-lah kira-nya benar[2] menjalankan tugas mereka bagi serba-serbi-nya jika rasuah berjalan di-negeri ini.

Saya tahu tempat[2], beberapa buah pejabat Kerajaan, kalau kita hendak hulor duit memang tidak di-terima-lah, Dato' Yang di-Pertua, tetapi chara rasuah berjalan saperti yang saya sebutkan tadi berbagai[2] perkara. Jadi patut-lah perkara macham itu juga di-masokkan dalam buku[2] chatitan pegawai[2] yang hendak menchegah rasuah ini.

Dato' Yang di-Pertua, ini bukan-lah kali yang pertama saya berdiri dalam Dewan ini untok membawakan soal[2] kepinchangan social atau pun soal[2] yang di-hadapi oleh kaum wanita di-negeri ini. Saya dukachita kadang[2] kalau-lah saya bacha keselurohan Titah Uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu, saperti yang telah di-sebutkan oleh rakan[2] saya tadi, sangat-lah lichin dan elok sa-olah[2] tidak ada-lah masaalah[2] yang timbul di-negeri ini. Tetapi, Dato' Yang di-Pertua, saya terpaksa berchakap berterus-terang di-Dewan ini masaalah[2] social ada-lah masaalah[2] yang penting yang patut di-ambil perhatian berat oleh Kerajaan.

Kalau kita hanya menumpu kapada pembangunan ekonomi dengan tidak ada pembangunan social, maka rasa saya pembangunan itu tidak akan berjalan dengan lanchar, tidak akan berjalan dengan hidup, dengan baik, kerana sa-bahagian ra'ayat negeri ini yang terdiri dari kaum wanita maseh lagi menderita kerana kepinchangan social atau pun tidak mendapat ke'adilan social. Ke'adilan social yang saya maksudkan ini, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah kita tahu di-negeri ini kaum wanita yang terdiri dari berbagai bangsa maka suka-lah saya hendak menyentoh tentang *Family Law* di-negeri ini.

Kita telah tahu, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu tentang undang[2] keluarga *Family Law* untok wanita[2] itu ada-lah di-serahkan kapada Kerajaan[2] Negeri.

Maka pehak saya pada hari ini tidaklah hendak menyentoh apa-kah Kerajaan[2] Negeri telah buat atau pun telah atorkan untok menentukan nasib wanita[2] Melayu di-negeri ini tetapi apa yang saya ingin berchakap pada hari ini ia-lah untok mengusulkan kapada pehak Kementerian Ke'adilan supaya di-buat satu undang[2] baharu atau pun *Special Law* berkenaan dengan *maintenance* ia-itu berkenaan dengan hal nafkah bukan-lah untok hanya orang[2] yang bukan Islam tetapi meliputi juga wanita[2] yang berugama Islam.

Saya tidak menyentoh di-dalam Dewan ini soal perkahwinan atau soal pencheraian, tetapi hanya saya menyentoh satu sahaja ia-itu berkenaan dengan *maintenance* dan hak nafkah, sama ada nafkah isteri atau pun nafkah anak. Perkara ini saya bawa, Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah dengan pengalaman sa-hari dua tetapi dengan perkara[2] yang saya alami sendiri macham mana beberapa orang wanita Melayu telah datang kapada saya meminta supaya kira-nya mereka dapat perbelanjaan daripada suami[2]. Malang-nya, Dato' Yang di-Pertua, perkara[2] ini berhasil dengan kekechewaan kerana sa-bilang kali-lah wanita ini pergi ka-Mahkamah Shariah ia-itu berjumpa dengan Tuan Kadhi, bukan-lah saya mengatakan yang Tuan Kadhi tidak menjalankan kewajipan[2]-nya, mereka menjalankan, tetapi malang-nya Mahkamah Shariah yang ada di-dalam State atau pun di-dalam Negeri[2] tidak ada *law enforcement*, ma'ana-nya ia tidak boleh menjalankan sa-suatu kalau-lah hukuman[2] yang di-jatohkan oleh pehak Mahkamah Shariah tidak di-jalankan atau di-ikuti oleh orang yang berkenaan.

Oleh kerana itu-lah berkali[2] saya di-nasehatkan supaya membawa perkara ini kapada Magistrate Court supaya di-jadikan *civil case* tetapi malang-nya ini pun berakhir dengan kegagalan dan ada-lah satu bukti, satu wanita yang tidak payah-lah saya sebutkan nama-nya hingga saya menulis surat kapada Yang Berhormat Tun Tan Siew Sin minta-lah Yang Berhormat Tun Tan Siew Sin menggunakan kuat-kuasa-nya sa-bagai Menteri Kewangan, suroh memberi kuat-kuasa, memberikan ketua pejabat memotong gaji yang berkenaan kerana kebetulan suami itu bekerja di-pejabat Kerajaan.

Malang-nya bila-lah salinan surat yang ada pada saya ini, saya siasat lagi kapada pehak Jabatan yang berkenaan, maka pehak Jabatan yang berkenaan pun tidak tahu-menahu dan tidak ada pula dapat salinan surat sa-macham yang di-beri kapada saya. Akhir-nya hal[2] yang sa-macham ini hilang di-tengah jalan sahaja dan berani-lah saya berkata dalam Dewan ini bahawa pehak Mahkamah Magistrate pun tidak-lah dapat menolong dengan banyak dalam soal ini kerana wanita[2] yang di-bawakan perkara-nya kapada Mahkamah Magistrate itu memerlukan wang dan sa-bagai-nya.

Oleh kerana itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, dengan rasa kesedaran, insaf, melihatkan penanggongan[2] kanak[2] yang di-tinggalkan oleh bapa[2] yang tidak bertanggong-jawab ini-lah saya mendatangkan usul dalam Dewan yang mulia ini supaya pehak Menteri Ke'adilan dapat-lah kira-nya mengadakan satu undang[2] maintenance ia-itu special law berkenaan dengan ini untok semua wanita[2] di-negeri ini, tidak kira ugama dan tidak kira apa juga ia-itu satu untok semua orang. Saya mendatangkan tuntutan ini bukan-lah hendak mengechil[2]kan kuasa[2] yang telah di-berikan kapada Negeri[2] di-atas soal ugama tetapi memandangkan kapada kepentingan negara ini kerana rasa saya soal nafkah ini ada-lah soal hak ekonomi satu[2] orang ia-itu apa jadi-nya kanak[2] yang bagini banyak yang kadang-kali bukan-lah ibu-bapa-nya bercherai tetapi sa-mata[2] kerana bapa telah tersangkut hati dengan wanita[2] lain di-luar, maka mereka tidak mahu pulang ka-rumah dan anak[2] pun di-tinggalkan bagitu sahaja dengan tidak chukup perbelanjaan, maka apa-tah hal-nya anak[2] ini akan maju dalam pelajaran kalau perkara[2] yang macham itu berlanjutan[2] dari satu masa ka-satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang suka juga saya menarek perhatian Kerajaan bukan-lah tentang soal gaji sama sahaja tetapi ia-lah baharu[2] ini saya mendapat tahu ia-itu

pegawai[2] wanita yang dudok dalam Division I, kalau-lah pegawai[2] laki[2] di-benarkan mereka yang di-namakan privilege leave ia-itu pergi melawat keluar negeri boleh membawa isteri tetapi malang-nya kalau wanita[2] yang dalam Division I ini kalau mereka hendak membawa suami tidak-lah di-benarkan. Kerajaan tidak memberi peluang yang sa-macham ini kapada suami kechuali kalau suami itu bekerja dengan Kerajaan. Jadi saya tidak nampak-lah chara mana perkara[2] macham ini berlaku di-negeri kita kerana apa rasa saya elok-lah pada hari ini Kerajaan mengambil satu penegasan meletakkan atau menyatakan sa-chara rasmi di-mana-kah letak taraf kaum wanita di-negeri ini boleh senang-lah pehak wanita[2] di-negeri ini, kalau-lah mithal-nya mereka hendak bekerja dengan Kerajaan sa-patut-nya kalau mereka di-kurangkan privilege kurangkan pula-lah sharat[2] bekerja dan sa-bagai-nya. Tetapi kalau sa-masa mereka mendudoki sekolah atau mendudoki Universiti mereka juga menempoh ujian[2] yang sama macham kaum laki[2] juga tetapi dalam soal mereka, mithal-nya, hendak keluar dunia, hendak melawat keliling dunia macham yang di-buat oleh pegawai[2] Division I itu, maka mereka tidak dapat hendak membawa suami. Jadi ma'ana-nya terpaksa-lah tidak dapat mengambil apa[2] kesempatan atau pun peluang[2] yang di-beri kapada pegawai[2] Division I.

Saya berchakap bukan-lah kerana sentimen sa-bagai sa-orang wanita sakali[2] tidak, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya rasa di-atas dasar ke'adilan patut-lah perkara ini di-timbangkan sahalus[2]nya oleh Kerajaan supaya dapat-lah kita melahirkan satu landasan atau pun satu chara supaya dapat-lah kita melihat jangan-lah ada gulongan[2] wanita yang mereka merasa mereka tidak tahan lagi oleh kerana kepinchangan[2] yang berlaku dalam masharakat dan kerap-kali kita dengar mereka[2] itu ada yang lari keluar dari ugama Islam dan sa-bagai-nya.

Jadi ini-lah, Dato' Yang di-Pertua, soal[2] masharakat ini patut-lah juga di-ambil berat oleh Kerajaan tidak-lah sahaja kita menuju kapada kejayaan ekonomi tetapi kejayaan social juga atau pun soal[2] masharakat yang sa-macham ini patut-lah di-atasi oleh Kerajaan sa-bagai pehak yang bertanggong-jawab di-negeri ini.

Akhir sa-kali, Dato' Yang di-Pertua, pada keselurohan Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu saya menguchapkan tahniah kapada pehak Kerajaan kerana sunggoh pun getah murah beras mahal, tetapi nampak-nya pehak Kerajaan maseh dapat lagi mengekalkan ekonomi yang stabel dan bagitu juga politik yang stabel. Saya tidak-lah bermaksud hendak beruchap panjang di-dalam Dewan ini pada petang ini kerana hari pun sudah petang dan sakali lagi-lah saya menguchapkan terima kaseh di-atas Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baharu[2] ini kita telah dengar. Terima kaseh..

Mr (Deputy) President: Any more Honourable Members to speak?

(No Honourable Senator stood up)

Ada-kah Yang Berhormat Menteri hendak menjawab uchapan[2] yang telah di-buat oleh Ahli[2] Yang Berhormat itu tadi?

The Minister for Welfare Services (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Tuan Yang di-Pertua, saya telah bersama[2] mendengar uchapan[2] yang telah di-buat oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dalam Dewan Negara ini. Pada keselurohan-nya saya bagi pehak Kerajaan menguchapkan terima kaseh di-atas sambutan yang baik yang telah di-buat oleh Ahli[2] daripada Rumah ini sa-lain daripada Ahli daripada Parti Pembangkang tadi.

Saya dapati Ahli daripada Parti Pembangkang itu memang-lah sa-bagai sa-orang Pembangkang, sama ada betul atau tidak betul, dia mesti membangkang dan dia telah mengambil peluang, saya perhatikan daripada pagi tadi ia-itu berkenaan dengan soal meshuarat di-Manila tadi dan dia chuba mengambil peluang ini menggunakan supaya menarek kaum wanita menyebelahi pehak PAS ini, tetapi saya rasa pehak kaum wanita tidak-lah akan terpengarohi oleh pujok rayu beliau itu.

Beliau juga telah menyatakan berkenaan dengan Dasar Pelajaran Rahman Talib dan Dasar Pelajaran Razak dan saya rasa dasar pelajaran ini memang di-jalankan oleh Kerajaan dari sa-masa ka-samasa akan tetapi sa-bagai satu dasar yang lengkap sudah tentu-lah akan mengambil masa yang panjang untok memenohkan kehendak[2] dasar itu. Saya yakin dan perchaya matlamat yang di-tujukan oleh Kerajaan dalam dasar pelajaran ini ada-lah supaya mendaulatkan bahasa kebangsaan dan juga memberi satu economic value kapada bahasa kebangsaan sabagaimana kita mula memerhatikan daripada masa sekarang ini ia-itu apabila pada 1hb September nanti Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal, sudah tentu-lah segala urusan[2] Kerajaan akan di-jalankan dalam bahasa kebangsaan ini dan tiap[2] kakitangan Kerajaan mesti-lah mengetahuï dan menjalankan urusan-nya menerusi bahasa kebangsaan ini. Ini sudah tentu-lah menjadikan bahasa kebangsaan itu sa-bagai bahasa yang ada economic value.

Sa-lain daripada itu Ahli wanita yang baharu berchakap tadi mengeshorkan supaya Kerajaan bersama[2]-lah bukan sahaja memerhatikan tentang ekonomi negeri ini akan tetapi daripada pehak social. Perkara social ini ada-lah meliputi beberapa perkara sa-umpama, kesihatan, pelajaran, perkhidmatan kebajikan dan sa-bagai-nya. Dan mengikut apa yang kita tahu ia-itu perkara social ia-itu akhlak itu ada-lah di-bawah Kementerian saya sendiri—Kementerian Kebajikan 'Am, dan banyak mana yang boleh yang ada mengikut Perlembagaan dapat kita jalankan dan kita pun sekarang sedang menguruskan beberapa perkara tetapi ada beberapa perkara sa-umpama yang di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat yang baharu berchakap tadi ia-itu belum ada lagi kerana ugama ini ada-lah di-bawah Kerajaan satu[2] negeri dan tiap[2] Raja di-satu[2] negeri itu ada-lah berkuasa daripada segi ugama dalam negeri masing[2] tetapi apa yang di-rayukan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-itu ada anak[2] dan ibu[2] yang di-tinggal oleh suami[2] yang bagitu bagini dan saya harap-lah perkara ini Kerajaan, dimana yang boleh, Kerajaan akan mengambil perhatian dan ingatan. Sekian, terima kaseh.

Dato' J. E. S. Crawford: Dato' Yang di-Pertua, I rise to support all Honourable Members who have already spoken on the vote of thanks to His Majesty for his Gracious Speech from the Throne yesterday. I will not continue very long Sir, (*Laughter*) because I think the hour of adjournment is now here, but I fully support all the Members, or rather the majority of them, who have already spoken and I wish to thank His Majesty for the Gracious Speech from the Throne yesterday. Thank you, Sir. (*Applause*).

Dato' Dr Cheah Toon Lok: May I ask the Minister, who replied just now, what about my suggestion of making the Malayan Railway a public company? He has not replied to what I said.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Saya ingat tentang perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-itu supaya di-jadikan Jabatan Keretapi satu Jabatan Public Company. Jadi perkara ini pada pengetahuan saya belum ada lagi ranchangan sa-umpama itu akan tetapi Pentadbiran Keretapi maseh berjalan saperti biasa dan jika-lau ada satu perkara yang sa-macham itu dalam perhatian Kerajaan tentu-lah akan di-beri tahu kelak.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Why should the report be for 1964? Reports for 1965 and 1966 have not been given yet; I received only the 1964 report—the latest report is for 1964. Three years reports have not been given. I want to know the reason why.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Ahli Yang Berhormat itu bertanya sa-bagai satu soalan, tulis-lah satu soalan oral pada masa yang akan datang.

Dato' J. E. S. Crawford: Mr President, Sir, on a point of clarification. I do not think the Honourable Member Dato' Dr Cheah Toon Lok meant a public company. The Railway at the moment is a corporation sole and I think the proposal of Government is to

make it a corporation aggregate, not a public company. Could the Minister give clarification on that, Sir?

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Belum ada lagi ranchangan yang saumpama itu yang saya tahu.

Tan Sri T. H. Tan: Mr President, Sir, with your permission, I beg to move that the Senate shall now stand adjourned until 10.00 a.m. on Monday, the 26th of June, 1967. I understand that there are a number of questions for oral answers on the Order Paper, but as we have no Bills yet from the Lower House, it is proposed that we take this action and answers to the oral questions will be given at some later stage.

Dato' Y. T. Lee: Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tan Sri G. Shelley: Mr President, Sir, as I understand it, there are more speakers to speak on the Motion of Thanks before the House, so it is rather premature to close the debate.

Tan Sri T. H. Tan: Sir, I think you did give the opportunity to the other Members to speak when you asked whether there were any other speakers. Somehow nobody rose and that was why the Minister was asked to reply.

Mr President: That is right. Are there any more Members who wish to speak on His Majesty's Speech? Otherwise, I shall have to adjourn the House until the 16th. I am waiting for an answer.

Dato' E. E. C. Thuraisingham: I wish to speak, Sir, but I do not want to be interrupted. It is half past four and according to the Standing Rules and Orders the House should adjourn until tomorrow.

Tan Sri T. H. Tan: Mr President, Sir, I beg to withdraw the motion.

Mr (Deputy) President: Ahli[2] Yang Berhormat, Persidangan ini di-tempohkan hingga pukul 9.30 pagi esok.

Sitting adjourned at 4.35 p.m.

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS

MINISTRY OF AGRICULTURE AND CO-OPERATIVES

"Sawahs" in Sarawak

1. Tuan Andrew Jika Landau asks the Minister of Agriculture and Co-operatives to state the prospects of large scale planting of high-yielding "Malinja" seedlings in the "Sawahs" in Sarawak.

The Minister of Agriculture and Co-operatives (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): The State Department of Agriculture has carried out trials on the yield of Malinja under Sarawak conditions and the results have been rather disappointing. Some 300 varieties of padi are now under trial by the Research Branch including a considerable number from West Malaysia and four varieties are currently recommended as being likely to give the higher yields under Sarawak conditions. Sarawak padi planters would be well advised therefore to try one of the following: Acheh 62, Serendah Kuning, Lasak or Siam 29. When better varieties are available as a result of current research padi planters will be informed.

Assistance to Padi Planters

2. Tuan Andrew Jika Landau asks the Minister of Agriculture and Co-operatives to state what encouragement or assistance are being given to padi farmers in Sarawak.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Assistance to Padi Planters in Sarawak is given through the assistance to Padi Planters scheme which helps both wet and hill padi farmers. For wet padi the scheme helps padi planters to drain and develop suitable land. After survey and layout by the Department of Agriculture has been made, tools, water gates and a cash subsidy are provided to encourage work on a communal basis. The maximum total value of assistance is $75 per acre and only smaller areas (up to 300 acres per scheme) are attempted. It is estimated that drainage and water

control can increase yields considerably above the usual 250 gantangs from unimproved land. A total of 362 schemes covering 22,796 acres have been improved since 1964. The application of a subsidy of 10 lbs of Ammophos fertilizer per acre to hill padi farmers has resulted in the increased yield from approximately 150 gantangs per acre to 220 gantangs per acre. In the first 2 years some 150 and 200 tons of fertilizer was given free but in 1966, 250 tons were sold at half cost price. Eventually the whole cost is to be borne by the farmer when he realises its value. Sufficient fertilizer has been issued to cover one quarter of the state acreage.

MINISTRY OF COMMERCE AND INDUSTRY

Barter-Trade

3. Dato' J. A. Angian Andulag asks the Minister of Commerce and Industry to state, with the ending of Indonesian Confrontation whether it is now possible for barter-traders in Pensiangan to acquire goods in Tawau through Indonesian waters, as was the practice before Confrontation and whether it is now possible for Sabah traders to export timber and other forest products from Pensingan to Tawau across the border with Indonesia.

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun): The procedure for the resumption of the overland border trade between Malaysia and Indonesia has been agreed to in an exchange of letters on 26th May, 1967. Under the procedure, movements of goods across the two territories shall be subject to the existing laws, rules and regulations in force in each territory and must be channelled through Border Control Centres to be designated by the authorities of both countries. As soon as these Border Control Centres are established, barter-traders in Sabah can resume their bartering activities.

Peratoran untok menyambong samula perniagaan melaluï sempadan Malaysia dan Indonesia, telah pun dipersetujuï menerusi pertukaran surat[2] pada 26hb Mei, 1967. Mengikut peratoran itu semua urusan[2] membawa barang[2] perniagaan di-antara kedua[2] wilayah itu, ada-lah terta'alok kapada undang[2] dan peratoran[2] yang maseh di-kuatkuasakan di-negeri masing[2], dan mesti-lah di-uruskan menerusi Pusat[2] Kawalan Sempadan, yang akan di-jalankan oleh pehak[2] yang berkuasa bagi kedua[2] negeri tersebut. Sa-baik[2] sahaja Pusat[2] Kawalan Sempadan itu di-tubohkan, pedagang[2] tukar barang di-Sabah boleh-lah menyambong samula perniagaan mereka itu.

MINISTRY OF EDUCATION

Form IV Classes

4. Dato' J. A. Angian Andulag bertanya kapada Menteri Pelajaran sama ada Kerajaan sedar bahawa Sabah 'am-nya dan daerah[2] pendalaman di-Sabah khas-nya tidak mempunyaï chukup Darjah X (Tingkatan IV) walau pun di-Sandakan dan di-Jesselton, kelas[2] malam telah di-adakan untok darjah[2] tersebut; dan jika sedar, adakah Kerajaan akan mengambil langkah[2] yang sa-wajar-nya untok memperbaiki keadaan itu.

Menteri Pelajaran (Tuan Mohd. Khir Johari): Ada 21 buah sekolah yang mempunyaï kelas[2] Tingkatan IV, 6 daripada sekolah[2] ini terletak di-kawasan[2] pendalaman (Interior Districts). Dalam tahun 1967 semua murid[2] yang layak mengambil pepereksaan masok ka-Tingkatan IV dan ingin menyambong pelajaran mereka di-Tingkatan IV telah di-masokkan ka-dalam kelas[2] itu.

Kelayakan yang di-perlukan untok memasoki Tingkatan IV ia-lah lulus dalam pepereksaan Sabah Junior Certificate sekurang[2]-nya mendapat Pangkat II.

Dalam tahun 1967 kelas[2] pelajaran lanjutan telah di-buka untok membolehkan mereka[2] yang tidak berkelayakan memasoki Tingkatan IV menyambongkan pelajaran mereka. Penuntut[2] yang telah kandas dalam pepereksaan Junior Certificate atau yang telah lulus pepereksaan itu dengan mendapat hanya Pangkat III telah memasoki kelas[2] tersebut. Ahli

Yang Berhormat itu barang kali memikirkan mengapa tidak dapat di-adakan sa-buah kelas yang saperti itu di-Keningau dalam kawasan pendalaman (Interior Districts). Sebab[2]-nya ia-lah, oleh kerana chuma 8 orang penuntut sahaja yang berdaftar berbanding kapada 15 bilangan yang sekurang[2]-nya yang mesti di-adakan.

There are in Sabah 21 schools with Form IV classes and of these 6 are in the Interior Districts. In 1967, all pupils who qualified for Form IV entrance and wished to continue their studies were admitted to Form IV classes.

The qualification for entry into Form IV is a pass in the Sabah Junior Certificate of at least Grade II standard.

In 1967 Further Education Classes have been opened to enable those not qualified for Form IV to continue their studies. These are attended by students who have failed the Junior Certificate or passed with only Grade III. The Honourable Member may have in mind the failure to form one such class in Keningau in the Interior. This was because only 8 candidates came forward and the minimum number under the regulations is 15.

MINISTRY OF HEALTH

Dental Officers

5. Dato' J. A. Angian Andulag bertanya kapada Menteri Kesihatan sama ada Kerajaan akan menimbangkan untok menghantar sa-orang Pegawai gigi (*a*) ka-daerah pendalaman di-Keningau yang mempunyai hanya tiga orang pegawai perubatan sahaja untok menjaga lebeh kurang 28,000 orang pendudok[2] yang kebanyakan-nya sangat[2] memerlukan rawatan gigi (*b*) ka-Jesselton dan ka-Sandakan, dimana pendudok[2]-nya miskin dan tiada mampu membayar bayaran[2] yang dikenakan oleh doktor[2] gigi private.

Menteri Kesihatan (Tuan Bahaman bin Samsudin): Soalan ini biasa-nya ditujukan kapada Dewan Undangan Negeri Sabah, oleh sebab Sabah ada Menteri Kesihatan-nya sendiri dan soal Kesihatan ada-lah masaalah negeri sa-hingga tahun 1970. Walau bagaimana pun, saya akan beri tahu kapada Y. B. Ahli itu, kerana masaalah kekurangan Pegawai[2] Pergigian ini bukan-nya aneh di-Negeri Sabah sahaja tetapi juga di-Malaysia dan sa-bahagian besar negara[2] di-dunia.

This question should normally be taken up in the State Assembly in Sabah as Sabah has its own Minister of Health and health is a State subject until 1970. However, I wish to point out to the Honourable Senator that this problem is related to the scarcity of trained Dental Officers, a situation which is not peculiar only to Sabah but also to Malaysia and indeed in many parts of the world.

MINISTRY OF LAND AND MINES

Selantik Coal Mines

6. Tuan Andrew Jika Landau asks the Minister of Lands and Mines to state the prospects in terms of labour employment of opening up of the proposed Selantik Coal Mines situated along the Simanggang Road in Sarawak.

The Minister of Lands and Mines (Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): There has been no agreement reached as yet between the Sarawak State Government and the Company which was given permission to investigate the coal deposit at Silantek, regarding the issue of a Mining Lease. If agreement is not reached by 30th September, the State Government will be free to entertain application from any other interested company. Therefore, it is not possible at present to state the prospects in terms of labour employment as requested by the Honourable Member.

MINISTRY OF NATIONAL AND RURAL DEVELOPMENT

Bank Bumiputra

7. Tuan Andrew Jika Landau asks the Minister of National and Rural Development to state why Bank Bumiputra has not been established in Sarawak.

The Minister of National and Rural Development (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussain): The question of establishing a branch of the Bank Bumiputra in Sarawak is still under investigation by the Bank.

Ranchangan[2] Pembangunan Luar Bandar

8. Datu Pengiran Mohamed Digadong Galpam bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar boleh-kah beliau melawat ka-Sabah untok memereksa perlaksanaan ranchangan pembangunan luar bandar.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussain: Saya memang sentiasa membuat lawatan ka-negeri[2] di-dalam Malaysia ini termasok-lah Sabah, bagi melihat sendiri perlaksanaan ranchangan[2] pembangunan negara dan luar bandar.

MINISTRY OF AGRICULTURE AND CO-OPERATIVES

European Agricultural Officer

9. Datu Pengiran Mohamed Digadong Galpam bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama bolehkah Pegawai[2] Pertanian Eropah yang ada sekarang di-Sabah di-ganti dengan orang[2] Malaysia.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Boleh. Apabila Pegawai[2] Pertanian Eropah menamatkan tempoh perkhidmatan yang di-janjikan kapada mereka sa-lepas Hari Malaysia.

Di-bawah Perkara 57 (2) dalam Perlembagaan negeri Sabah pegawai[2] yang berikut boleh di-benarkan bersara:

Pengarah Pertanian sa-belum 1969
Timbalan Pengarah Pertanian sa-belum 1973
5 jawatan "Tingkatan 'A'" sa-belum 1973

dengan mendapat pampasan.

Malahan dua orang pegawai[2] Eropah telah memberi notis hendak bersara dalam tahun 1967.

The Minister of Agriculture and Co-operatives (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Yes. When the European Agricultural officers have completed the guaranteed period of service offered them after Malaysia Day.

Under Article 57 (2) of the Sabah Constitution it would be possible to retire:

The Director of Agriculture before 1969
Deputy Director of Agriculture before 1973
5 Division "Scale 'A'" before 1973

with compensation.

In fact two European officers have given notice to retire in 1967.

MINISTRY OF EDUCATION

Educational Programmes in Sabah

10. Datu Pengiran Mohamed Digadong Galpam bertanya kapada Menteri Pelajaran:

(1) berapa banyak wang di-jangka akan di-belanjakan kerana pelajaran di-Sabah oleh Kementerian-nya sejak tertuboh-nya Malaysia hingga tahun 1970;

(2) bila perlaksanaan Ranchangan Malaysia di-tamatkan di-Sabah;

(3) berapa bilangan sekolah[2] rendah dan menengah Kerajaan—

(*a*) yang telah di-bena, dan

(*b*) yang akan di-bena hingga tahun 1970;

(4) berapa orang daripada guru[2] yang berkhidmat di-Sabah sekarang ini terdiri daripada—

(*a*) Peace Corps,

(*b*) anak negeri Sabah, dan

(*c*) orang asing.

Menteri Pelajaran (Tuan Mohd. Khir Johari):

(1) Dengan sebab soalan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu memerlukan butir[2] jawapan yang lengkap maka dapat-lah saya mengemukakan jawapan itu pada ketika ini. Ma'alumat yang di-kehendaki itu akan di-beri kapada Ahli Yang Berhormat manakala sahaja di-dapati butir[2] yang berkenaan.

(2) Berhubong dengan Ranchangan Malaysia, Ahli Yang Berhormat itu mengetahuï bahawa perkara ini telah di-kemuka dan di-terima oleh kedua[2] Dewan Parlimen. Mengenaï ranchangan pelajaran di-Sabah semua-nya akan di-laksanakan saperti mana yang telah di-ranchangkan.

Mohamed Khir Johari:

(1) As the question posed by the Honourable requires detail answers it is not possible for me to reply at this stage. The required information will however be conveyed to the Honourable Member when the relevant facts and figures have been obtained.

(2) As the Honourable Member is aware the Malaysia Plan was tabled and adopted by both Houses of Parliament. As far as educational programmes in Sabah are concerned they will be implemented accordingly as planned.

MINISTRY OF TRANSPORT

Licences for Motor-Vehicles

11. Datu Pengiran Mohamed Digadong Galpam bertanya kapada Menteri Pengangkutan berapa banyak (*a*) lesen[2] motokar dan lori (*b*) lesen[2] teksi, yang di-keluarkan sa-takat ini di-Sabah kapada (i) anak negeri Sabah, (ii) bukan anak negeri Sabah.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Mengikut Penyata Jawatan-kuasa Kerajaan antara Kerajaan tahun 1962 bagi Malaysia, kuasa berkenaan dengan pengeluaran lesen[2] kenderaan yang membawa penumpang[2] dan barang[2] di-Negeri[2] Borneo ada-lah terserah sa-penoh-nya ka-atas Kerajaan[2] Negeri di-sana sa-lama 10 tahun sa-lepas Hari Malaysia. Oleh kerana kuasa mengeluarkan lesen[2] teksi di-Sabah terletak ka-atas Kerajaan Sabah, maka Ahli Yang Berhormat itu sa-patut-nya mengarahkan pertanyaan-nya kapada Kerajaan Negeri Sabah.

The Minister of Transport (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): According to Report of Inter-Governmental Committee 1962 for Malaysia, the power regulating issue of licences to vehicles for carriage of passengers and goods in Borneo States is delegated fully to State Governments there for 10 years from Malaysia Day. As the authority to issue taxi licences in Sabah is vested with the Government of Sabah, the Honourable Member should therefore direct his question to the State Government of Sabah.

MINISTRY OF HOME AFFAIRS

Police Force

12. Datu Pengiran Mohamed Digadong Galpam bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

(1) berapa ramai anggota Pasokan Polis di-Sabah—
  (*a*) pada masa wujud-nya Malaysia
  (*b*) sekarang;

(2) berapa bilangan—
  (*a*) bumiputra Sabah
  (*b*) orang Eropah,
dalam Pasokan Polis.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussain):

1(*a*) Jumlah anggota ia-lah 1,567 orang pegawai[2] dan anggota[2] biasa.

(*b*) Jumlah anggota ia-lah 2,845 orang pegawai[2] dan anggota[2] biasa.

2(*a*) 2,453 bumiputra Sabah, dan 3 Pegawai[2] Bertauliah dan 16 orang Inspektor[2] yang di-pinjamkan dari Malaya.

(*b*) 23 orang[2] Eropah.

2. Jawatan[2] yang kosong dalam perjawatan Polis Sabah ada-lah saperti berikut:

(i) 10 Pegawai[2] Bertauliah
(ii) 9 Inspektor[2] dan
(iii) 331 Anggota[2] biasa.

Kesukaran mendapat chalun[2] yang mempunyaï kelulusan yang layak dari Sabah ia-lah sebab mengapa pengambilan orang[2] ka-dalam Pasokan Polis Sabah sa-bagai anggota[2] biasa tergendala.

The Minister of Home Affairs (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussain):

1(*a*) A total establishment of 1,567 officers and men.

(*b*) A total establishment of 2,845 officers and men.

2(*a*) 2,453 natives of Sabah, and 3 Gazetted Officers and 16 Inspectors on loan from the Malayan component.

(*b*) 23 Europeans.

2. There is a vacancy in the establishment of Sabah component of the following:

(i) 10 Gazetted Officers

(ii) 9 Inspectors and

(iii) 331 constables.

Lack of candidates from Sabah with the required minimum qualification is the reason that holds back recruitment of constables.

PRIME MINISTER'S DEPARTMENT

Natives of Sarawak

13. Tuan Andrew Jika Landau asks the Prime Minister to state:

(*a*) whether Government officially recognizes the natives of Sarawak and Sabah, such as the Sea Dayaks, Land Dayaks, Malays, Kayan, Kenyah, Kadazans, etc., as being "Bumiputras" and

(*b*) whether they are entitled to enjoy the facilities of the Bank Bumiputra.

Perdana Menteri:

(*a*) Yes.

(*b*) As ordinary commercial bank, the facilities and services of Bank Bumiputra will be available to all persons regardless of their racial groupings as long as they are able to comply with the normal requirements of commercial banks as a whole.

Expatriate Officers

14. Datu Pengiran Mohamed Digadong Galpam bertanya kapada Perdana Menteri, bila-kah Pegawai[2] Eropah di-Sabah akan di-ganti dengan anak bumiputra Sabah.

Perdana Menteri: Menurut sharat[2] dalam Laporan Jawatan-kuasa Kerajaan antara Kerajaan tahun 1962, pegawai[2] Dagang bangsa Eropah yang berkhidmat di-Sabah pada Hari Malaysia ada-lah di-lanjutkan tempoh perkhidmatan yang di-janjikan untok tempoh antara 4 hingga 10 tahun. Adalah menjadi tujuan utama dalam dasar Kerajaan hendak menggantikan pegawai[2] dagang dengan anak[2] Sabah memegang semua jawatan[2] dalam Perkhidmatan 'Awam sa-baik[2] sahaja boleh di-buat demikian. Oleh itu, dengan terta'alok kapada pelaksanaan tempoh perkhidmatan yang di-janjikan kapada pegawai[2] dagang, Kerajaan akan menjalankan semua langkah[2] bagi mengisi kekosongan jawatan[2] pentadbiran yang tinggi dengan pegawai[2] tempatan yang berkebolehan dan pengalaman yang sesuai. Berkaitan dengan perkara tersebut, Kerajaan telah mengikut dasar mengadakan jawatan[2] tambahsentara untok membolehkan pegawai[2] tempatan memangku jawatan[2] yang di-pegang oleh pegawai dagang dengan tujuan untok mengambil aleh jawatan[2] tersebut dengan sa-berapa segera yang boleh.

Prime Minister: According to the terms of the Inter-Governmental Committee Report 1962, European expatriate officials serving in Sabah on Malaysia Day are given a further guaranteed period of service ranging from 4 to 10 years. It is the major objective of policy of Government to "Sabahanise" all posts in the Public Service as soon as practicable subject therefore to the observance of the guaranteed period provided to the expatriate officials, Government will take all steps to fill the vacancies in the top posts of the administration with local officers of the right alibre and experience. In this connection, Government has adopted the policy of creating supernumerary posts in order that local officers may be made to understudy the expatriate officers with a view to taking over from them as soon as possible.

HUJONGAN KHAS KAPADA TITAH UCHAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG DALAM MAJLIS PEMBUKAAN PARLIMEN PADA HARI RABU, 14 HARIBULAN JUN, 1967

Kertas ini ia-lah Hujongan Khas kapada Titah Uchapan yang di-lafadzkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Majlis Pembukaan Parlimen pada hari Rabu, 14 haribulan Jun, 1967 yang mengandongi lain² penerangan yang lengkap

---

JABATAN PERDANA MENTERI

Bahasa Kebangsaan

Perkara 152 Perlembagaan menyatakan bahawa Bahasa Melayu ada-lah menjadi Bahasa Kebangsaan tetapi Bahasa Inggeris boleh di-gunakan di-dalam Parlimen, Dewan Undangan Negeri, Mahkamah² dan bagi segala urusan² yang rasmi sa-hingga 10 tahun sa-lepas Hari Merdeka dan sa-lepas itu, sa-hingga di-tentukan oleh Parlimen. Dalam masa 10 tahun yang lalu berbagai² galakan dan peluang telah di-beri supaya orang² 'awam, pegawai² Kerajaan dan murid² sekolah dapat mempelajari dan menggunakan Bahasa Kebangsaan sa-luas²-nya dan juga mengajar mereka berfikir sa-bagai bangsa Malaysia. Act Bahasa Kebangsaan telah pun di-luluskan oleh Parlimen mengikut kehendak Perkara 152 Perlembagaan.

2. Act ini yang berkuat-kuasa pada 1hb September, 1967, akan menjadikan Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal. Dalam pada itu Act ini juga memberi jaminan bahawa bahasa² asing di-negeri ini boleh di-gunakan dan di-pelajari dan membenarkan surat² rasmi di-terjemahkan atau di-sampaikan dalam bahasa asing jika Kerajaan memikirkan perlu untok kepentingan umum.

3. Kerajaan sedar bahawa walaupun pegawai² Kerajaan bukan Melayu dan orang² awam telah bersunggoh² mempelajari Bahasa Kebangsaan tetapi mereka maseh belum lagi chukup mahir dan faseh. Oleh yang demikian Bahasa Inggeris belum-lah lagi dapat di-ketepikan sama sekali. Dari itu Act ini memberi kesempatan supaya Bahasa Inggeris boleh di-gunakan dalam urusan rasmi di-tempat² yang di-fikirkan sesuai oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di-dalam Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dengan persetujuan pengerusi majlis itu dan di-Mahkamah². Berkenaan dengan undang² Persekutuan dan Negeri, Act ini menyatakan bahawa Act di-dalam Bahasa Kebangsaan ada-lah naskhah yang berkuat-kuasa, melainkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengishtiharkan sa-balek-nya.

TERJEMAHAN TAFSIR AL-QURAN

4. Satu Lembaga Penterjemah terdiri daripada pensharah[2] Kolej Islam dan ulama'[2] lain telah di-tubohkan untok menterjemahkan tafsir al-Quran. Sa-takat ini, Lembaga itu telah berjaya menterjemah dua juzu' berserta dengan huraian-nya dan satu juzu' dengan tiada huraian-nya.

MASJID NEGARA

5. Sejak pembukaan rasmi Masjid Negara pada 27hb Ogos, 1967, beberapa kemajuan telah di-chapai. Beberapa kegiatan telah di-adakan saperti mengadakan majlis pelajaran ugama pada tiap[2] minggu, kelas menghafaz Quran bagi penuntut[2] daripada beberapa buah negeri dalam Malaysia, kelas mengajar mukaddam dan Quran untok kanak[2] dan majlis perbinchangan (forum) pada tiap[2] bulan di-mana tokoh[2] ugama dan ahli[2] bijak pandai yang berkelulusan tinggi di-jemput mengambil bahagian.

6. Masjid Negara senantiasa di-lawati oleh pelawat[2] dan orang[2] kenamaan tempatan dan luar negeri.

7. Satu perpustakaan telah di-tubohkan. Masjid Negara sangat-lah berterima kaseh kapada negara[2] sahabat saperti Saudi Arabia, Republik Arab Bersatu, India, Tunisia, Jepun, Libia dan Indonesia di-atas hadiah buku daripada mereka.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR

8. Di-dalam ranchangan lawatan sambil belajar Kerajaan akan menitek beratkan lawatan[2] ka-Negara[2] Tenggara Asia. Pegawai[2] Kerajaan telah di-beri peluang untok membuat lawatan[2] ka-Malaysia Timor dan sa-balek-nya supaya mereka dapat mengetahui dan memahami keadaan[2] pentadbiran yang ada di-tempat masing[2]. Dengan pengetahuan itu ada-lah di-harapkan bahawa jentera pentadbiran negara akan dapat di-baiki lagi.

TUGU PERINGATAN NEGARA

9. Tugu Peringatan Negara di-Bukit Perwira telah di-kunjongi oleh ramai pelawat[2] dari dalam dan luar negeri. Antara beberapa pelawat[2] kenamaan ia-lah Dr Adam Malik, Menteri Luar Indonesia, Dr Zakir Hussain, sa-masa itu Naib Presiden India, Tuan Etsusaburo Shiima, Menteri Luar Jepun, Tuan Lyndon B. Johnson, Presiden Amerika Sharikat dan Tuan Heinrich Luebke, Presiden Republik German Barat.

PERHUBONGAN DENGAN MALAYSIA TIMOR

10. Satu kajian telah di-jalankan untok mengetahui sa-takat mana Jabatan[2] Persekutuan di-Malaysia Timor sudah di-satukan mengikut susunan yang ada di-Malaysia Barat. Kajian ini menunjokkan bahawa kebanyakkan Kementerian[2] Persekutuan telah berjaya membuat penyatuan itu. Tetapi ada juga Kementerian[2] yang melaporkan kesulitan[2] yang di-alami bagi menguruskan penyatuan tersebut dan juga bagi melaksanakan perbekalan[2] dalam Penyata Jawatan-kuasa Antara Kerajaan itu. Kesulitan[2] ini telah di-siasat dan langkah[2] sedang di-ambil untok mengatasi-nya.

11. Chadangan untok menggunakan waktu Malaysia Barat sa-bagai waktu piawai bagi seluroh Malaysia ada-lah di-tanggohkan buat sementara waktu.

12. Meshuarat di-antara pegawai[2] Kerajaan Persekutuan dan pegawai[2] Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah di-adakan dari masa ka-samasa bagi mengeratkan perhubongan dan mengatasi segala kesulitan[2].

KEMAJUAN PENTADBIRAN

13. Semenjak di-tubohkan pada pertengahan tahun 1966, Bahagian Kemajuan Pentadbiran telah menjalankan dua penyiasatan yang besar. Satu penyiasatan ia-lah atas kemudahan[2] melateh pegawai[2] Kerajaan dan yang lagi satu atas susunan Kementerian[2] dan Jabatan[2] Kerajaan. Tujuan utama menjalankan penyiasatan atas kemudahan[2] melateh itu ia-lah untok membuat ranchangan jangka pendek dan jangka panjang bagi membaiki lagi kemudahan[2] melateh pegawai[2] dan penyiasatan ini di-jangka siap pada bulan Ogos, 1967. Tujuan menjalankan penyiasatan yang kedua itu ia-lah untok menyusun sa-buah buku berkenaan dengan susunan semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan Pusat. Buku itu di-jangka dapat di-siapkan tiada lewat daripada bulan Jun, 1967.

14. Tugas yang ketiga ia-lah menubohkan sa-buah Pejabat Pusat Rekod Kakitangan. Kerja mengenai tugas ini maseh dalam peringkat permulaan.

15. Sa-lain daripada itu Bahagian Kemajuan Pentadbiran akan menjalankan tugas[2] saperti yang tersebut di-bawah ini:

(i) Dasar Kenaikan Pangkat—Satu kajian atas semua hal mengenai kenaikan pangkat dalam perkhidmatan 'awam untok menggubal satu dasar bagi kenaikan pangkat;

(ii) Ranchangan Diploma dalam Pentadbiran 'Awam—Bantuan kapada Universiti Malaya bagi menyediakan satu ranchangan pengajian bagi pegawai[2] Kerajaan untok mendapat diploma pentadbiran 'awam. Kursus itu akan di-kelolakan oleh Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya dan Dewan Latehan Pegawai Petaling Jaya;

(iii) Pemindahan Kuasa[2] Menaikan Pangkat dan Tata-Tertib daripada Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam kapada Kementerian[2] dan Jabatan[2]—Bantuan kapada Pejabat Perjawatan Persekutuan untok membuat peraturan[2] berkenaan dengan pemindahan itu;

(iv) Mengkaji Sistem[2]—Kajian[2] ini sedang di-jalankan saperti di-bawah ini:

(*a*) Sekim Kira[2] Ayer dalam Jabatan Kerja Raya, Kedah.

(*b*) Pertadbiran Setor Perubatan termasok menggunakan mesen dalam sistem kira-mengira di-Kementerian Kesihatan.

(*c*) Menggunakan mesen dalam sistem kira-mengira dalam Bahagian Perkhidmatan Gaji Angkatan[2] Bersenjata di-Kementerian Pertahanan.

(*d*) Menggunakan mesen dalam sistem pembayaran dan penerimaan di-Jabatan Pengangkutan Jalan Raya.

(*e*) Sistem Laporan Kemajuan mengenai lawatan ka-negeri[2] oleh Ketua[2] Kementerian dan Jabatan[2] dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

(v) Ulangkaji—Kajian[2] akan di-buat tiada lama lagi berkenaan dengan:

(*a*) Pertadbiran Belanjawan di-Malaysia.

(*b*) Sistem Pembelian Barang[2] sa-chara terkumpul oleh Kerajaan.

16. Bahagian Kemajuan Pentadbiran ada-lah juga menyediakan perkhidmatan penasihat pengurusan bagi semua Kementerian dan Jabatan.

OMBUDSMAN

17. Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menubohkan sistem yang sa-rupa dengan sistem "Ombudsmen" yang ada berjalan di-beberapa buah negeri.

PENGAJIAN PEMBANGUNAN

18. Malaysia telah menchapai kejayaan yang chemerlang dalam ranchangan pembangunan-nya. Kejayaan ini bukan sahaja memuaskan hati tetapi juga menemui pengesahan umum antara bangsa bahawa Malaysia mempunyai satu chara pelaksanaan pembangunan negara yang tersusun dan yang merupakan satu petua kejayaan yang boleh di-gunakan oleh negara[2] yang sedang maju dengan perubahan[2] yang tertentu. Pembangunan negara berkehendakkan buah fikiran baharu, rekaan[2] dan perubahan[2].

19. Dengan tujuan ini-lah Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia telah menganjorkan seminar-nya yang pertama dalam siri seminar[2]-nya bagi negara[2] Afro-Asia daripada 24hb Oktober, 1966 hingga 4hb November, 1966, yang telah di-hadhiri oleh 16 para perwakilan dari 13 buah negara Afrika dan Asia ia-itu Ceylon, Ethiopia, Indonesia, Kenya, Lesotho, Malawi, Philippines, Singapura, Somalia, Korea Selatan, Vietnam Selatan, Tanzania dan Thailand.

20. Dalam tahun 1967, Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia akan menganjorkan seminar yang kedua dan ketiga-nya. Seminar yang kedua berkenaan dengan pembangunan negara akan di-adakan daripada 22hb Jun hingga 30hb Jun, 1967, dan jemputan[2] telah di-keluarkan kapada 22 buah negara. Seminar yang ketiga mungkin di-adakan dalam bulan November tahun 1967.

21. Sebagai melanjutkan usaha[2] mengadakan satu foram di-mana pegawai[2] dari negara[2] yang sedang maju dapat bertukar[2] fikiran dan kaedah[2] pelaksanaan pembangunan negara, Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia berchadang mengeluarkan satu majallah yang di-namakan "The Development Forum". Majallah ini akan di-sebarkan ka-luar negeri dan akan mengandongi makallah[2] yang dapat di-gunakan oleh pegawai[2] pembangunan dalam usaha[2] mereka

PENUBOHAN PERKHIDMATAN DALAM DAN LUAR NEGERI

22. Semenjak tahun 1960, Kementerian Luar Negeri telah mengalami kesukaran bagi mendapatkan pegawai[2] kanan yang sesuai untok berkhidmat di-dalam Perkhidmatan Luar Negeri. Dengan ujud-nya Malaysia dan bertambah-nya kerja[2] di-Kementerian Luar Negeri masaelah memenohi jawatan yang maseh kosong dan menentukan bahawa wakil[2] Malaysia di-luar negeri ada-lah pegawai[2] yang berpengalaman menjadi satu kerumitan yang besar. Langkah meminjamkan

buat sementara pegawai² Perkhidmatan Tadbir Malaya kapada Perkhidmatan Luar Negeri di-dapati tidak memuaskan. Oleh yang demikian untok mengatasi masaelah ini, kedua² Perkhidmatan Tadbir Malaya dan Luar Negeri telah di-chantumkan. Penyatuan ini telah di-laksanakan dengan menghapuskan kedua² perkhidmatan itu dan di-gantikan dengan satu perkhidmatan yang baharu yang di-namakan Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri. Perkhidmatan baharu ini telah berjalan kuat-kuasa-nya pada 1hb Ogos, 1966. Pegawai² yang sedang berkhidmat di-dalam kedua² perkhidmatan yang dahulu itu telah di-masokkan ka-dalam perkhidmatan baharu ini dan dengan itu mereka boleh-lah di-arah berkhidmat di-dalam dan di-luar negeri. Ada-lah di-harapkan bahawa dengan ujud-nya perkhidmatan baharu ini kesulitan kedudokan pegawai² di-dalam Kementerian Luar Negeri akan dapat di-atasi.

Kelas² Bahasa Kebangsaan untok Pegawai² Kerajaan

23. Kelas² Bahasa Kebangsaan di-Kementerian² dan Jabatan² terus di-adakan. Ada-lah di-jangka bahawa semua pegawai² Kerajaan terutama sekali mereka² yang bukan dalam jabatan teknik akan dapat mengguna Bahasa Kebangsaan di-dalam tugas rasmi mereka mulai daripada bulan September, 1967.

Dasar Naik Pangkat dalam Bahagian I bagi Pangkat Peringkat-tinggi

24. Pejabat Perjawatan dan Bahagian Kemajuan Pentadbiran telah menyusun satu dasar naik pangkat dan dasar itu telah di-luluskan oleh Kerajaan.

Ketua² Jabatan menjalankan Kuasa² Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam Berkenaan dengan Naik Pangkat dan Tata-tertib

25. Dengan tujuan supaya Ketua² Jabatan boleh bertanggong-jawab dengan sa-penoh-nya pada menguruskan Jabatan² mereka dan dapat mengawal dengan lebeh sempurna lagi kakitangan² mereka supaya perkhidmatan 'awam akan menjadi bertambah sempurna dan chekap, maka Kerajaan telah meminda Perkara 144 Perlembagaan supaya kuasa² dan tugas² Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam yang di-tetapkan di-bawah Perkara 139, kechuali kuasa² melantek sa-saorang bagi kali yang pertama menjadi pegawai dalam perjawatan tetap atau berpenshen, boleh di-jalankan oleh sa-buah Lembaga yang di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong. Peratoran berkenaan dengan lantekan ahli² Lembaga Naik Pangkat dan Lembaga Tata-tertib dan atoran yang kena di-ikut oleh Lembaga² itu atau Lembaga² Rayuan telah di-sediakan oleh Pejabat Perjawatan dan telah pun di-perkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.

26. Peratoran ini akan berjalan kuat kuasa-nya pada 1hb Julai, 1967, dan sa-buah Bahagian yang baharu untok mentadbirkan kuasa² berkenaan dengan naik pangkat dan teta-tertib yang telah di-pindahkan daripada Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam itu telah di-tubohkan di-Pejabat Perjawatan.

Pangkat² Jawatan² Peringkat-tinggi dalam Bahagian I

27. Ulangkaji yang akhir sa-kali berkenaan dengan pangkat² jawatan² tingkatan-tinggi dalam Bahagian 1 telah di-buat lebeh tiga belas tahun dahulu. Dengan berubah-nya dasar Kerajaan dan peranan berbagai² Kementerian dan Jabatan

sa-lepas Merdeka pada 31hb Ogos, 1957, maka telah di-dapati mustahak di-ulangkaji pangkat[2] jawatan[2] ini dan menentukan pangkat[2] jawatan[2] itu mengikut tugas[2] dan tanggong-jawab[2]-nya pada masa ini. Dengan hal yang demikian Kerajaan telah melantek sa-buah jawatan-kuasa khas yang terdiri daripada pegawai[2] untok mengulangkaji pangkat[2] itu dan mengeshorkan kapada Kerajaan pangkat[2] yang patut bagi jawatan[2] tingkatan-tinggi itu, ia-itu baik yang dalam Kerajaan Persekutuan mahu pun dalam Kerajaan Negeri di-Malaysia Barat.

Mengulangkaji Dasar hendak Menyatu[2]kan Kementerian[2]

28. Oleh kerana Kerajaan sedang menjalankan dasar hendak menambah kechekapan pentadbiran 'awam negeri ini supaya dapat Kerajaan mengadakan perkhidmatan[2], bantuan[2] dan kehendak[2] yang di-harapkan oleh ra'ayat negeri ini, maka telah di-dapati mustahak di-ulangkaji dasar hendak menyatu[2]kan berbagai[2] Kementerian yang telah di-putuskan dalam tahun 1959 itu dan di-buat beberapa lagi perubahan[2] pentadbiran dalam susunan sa-sabuah Kementerian dengan tujuan supaya berbagai[2] ranchangan pembangunan yang di-jalankan oleh sa-sabuah Kementerian dapat di-laksanakan dengan lebeh sempurna dan memberi bekas. Dengan hal yang demikian Kerajaan telah melantek sa-buah jawatan-kuasa yang terdiri daripada pegawai[2] untok memereksa dan mengulangkaji dasar itu dan juga kemajuan usaha hendak menyatu[2]kan Kementerian[2] itu dan juga mengeshorkan perubahan[2], jika ada, pada chorak penyatuan itu dan juga mengeshorkan ranchangan bagi masa hadapan untok menyatu[2]kan Kementerian[2] yang belum lagi di-satukan.

Mengulangkaji Perentah[2] 'Am

29. Dengan tujuan supaya peruntokan[2] dalam Perentah[2] 'Am chukup lengkap dan supaya sejajar pula dengan kehendak[2] negeri ini sa-lepas Merdeka, maka Pejabat Perjawatan telah menjalankan kerja menyemak sa-mula Perentah[2] 'Am itu. Ada-lah di-jangka deraf Perentah[2] 'Am itu akan siap untok di-timbangkan oleh Kerajaan pada penghujong tahun ini.

Ranchangan Colombo dan Bantuan Commonwealth yang di-beri oleh Malaysia

30. Bagi tahun 1967, permintaan bagi biasiswa dan kursus[2] latehan telah di-terima daripada Indonesia, Thailand, Nepal, Philippines, Ceylon dan Pulau[2] Maldive. Sa-lain daripada permintaan[2] ini, Kerajaan telah juga membuat beberapa tawaran latehan kapada Negeri[2] Afrika di-bawah Ranchangan Khas Bantuan kapada Negeri[2] Afrika Commonwealth saperti Nigeria, Ghana, Seria Leone, Tanzania, Zambia, Kenya, Uganda, Gambia, Melawi, Trinidad dan Tobago. Kursus[2] yang di-tawarkan ada-lah serupa dengan yang di-berikan di-bawah Ranchangan Colombo ia-itu kursus[2] yang membolehkan penuntut[2] mendapat ijazah[2] universiti, diploma[2] kolej dan latehan jabatan sa-masa berkhidmat.

Menilai Ijazah[2] Asing

31. Jawatan-kuasa Tetap bagi menilai ijazah[2] asing yang di-tugaskan untok menilai kelulusan[2] asing bagi maksud perkhidmatan Kerajaan telah selesai mengkaji kelulusan[2] daripada Negeri[2] Amerika, Australia dan New Zealand dan

sekarang sedang mengkaji kelulusan² daripada universiti² India, Pakistan, Ceylon, Republic Arab Bersatu dan Canada. Kelulusan² daripada kira² 1,500 universiti² di-Amerika Sharikat dan kebanyakan daripada universiti² di-Australia dan New Zealand sudah pun di-ikhtirafkan. Berkenaan dengan ijazah daripada Negeri Canada, satu Jawatan-kuasa Tetap telah mengkaji dan mengikhtiraf kebanyakan ijazah² kejuruteraan. Sa-lain daripada memereksa kelulusan² daripada satu² negeri pada keselurohan-nya Jawatan-kuasa itu telah juga menilai kelulusan sa-chara "ad-hoc" bila satu² kelulusan itu di-kehendaki di-nilaikan dengan segera. Di-antara kelulusan² tersebut ia-lah Ijazah Perikanan daripada Universiti Tokyo dan Ijazah Kejuruteraan daripada "German Technological Universities". Ijazah² ini sudah pun di-ikhtirafkan.

Pindaan kapada Sekim² Perkhidmatan Berpandu kapada Dasar Kerajaan hendak menjadikan Bahasa Melayu, Bahasa Resmi yang Tunggal

32. Oleh kerana Bahasa Melayu akan menjadi bahasa resmi yang tunggal mulaï daripada 1hb September, 1967, sekim² perkhidmatan sedang di-kaji sa-mula supaya pegawai² yang di-ambil berkhidmat dengan Kerajaan boleh menjalankan tugas² mereka dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuntutan dari Pehak Pekerja

33. Ada-lah dengan bangga-nya di-laporkan bahawa banyak kemajuan telah terchapai di-dalam tempoh yang di-kaji ini di-dalam menyelesaikan tuntutan² yang di-terima daripada Pehak Pekerja melaluï rundingan "ad-hoc". Dengan chara demikian masaelah² dapat di-selesaikan dengan lebeh chepat lagi.

Pertukaran Pegawai²

34. Ranchangan menukarkan pegawai² di-antara Malaysia Timor dan Malaysia Barat telah di-dapati sangat memuaskan dan memberi faedah kapada kedua² pehak dan telah berjalan dengan lichin-nya. Ada-lah sekarang di-chadangkan supaya ranchangan tersebut di-lanjutkan kapada pegawai² ahliman.

Pinjaman Pegawai² Malaysia Barat Ka-Malaysia Timor

35. Masaelah mendapatkan pegawai² yang chukup untok mengambil aleh jawatan² yang penting yang telah di-kosongkan oleh pegawai² dagang yang telah bersara di-bawah sharat² ganti-rugi ada-lah sangat penting. Sa-bagai penyelesaian jangka pendek, pegawai² daripada Malaysia Barat ada-lah di-hantar ka-Malaysia Timor dengan chara pinjaman sementara untok memenohi jawatan² yang bersangkutan sa-hingga pegawai² Malaysia Timor yang layak dan chukup berpengalaman dapat di-lantek untok mengambil aleh tugas pegawai² tersebut. Sunggoh pun demikian, sa-takat mana yang boleh pegawai² tempatan Malaysia Timor ada-lah di-naikkan pangkat untok mengambil aleh tempat yang penting apabila pegawai² dagang meninggalkan jawatan mereka.

Latehan Pegawai²

36. Beberapa latehan pentadbiran dan latehan khas bertempat di-Dewan Latehan Pegawai² Kerajaan, Petaling Jaya telah di-adakan untok pegawai² kanan

Kerajaan. Sementara itu, di-pusat[2] latehan yang lain pula, Kerajaan telah juga mengatorkan beberapa latehan kerani[2] dalam segala bentok, dari latehan permulaan bagi kerani[2] yang baharu memegang jawatan sa-hingga kursus[2] khas bagi penyeliaan kerani[2] rendah.

37. Kerajaan berazam akan terus menjalankan latehan[2] yang sa-umpama ini untok memberi peluang kapada pegawai[2] Kerajaan dari semua peringkat mengetahui perinsip[2] pentadbiran dan perkhidmatan dengan lebeh mendalam lagi, bagi memainkan peranan mereka sekarang. Untok menchapai keazaman ini, satu penyelidekan mengenai kehendak[2] latehan untok masa akan datang sedang di-adakan supaya satu ranchangan latehan yang lengkap dapat disediakan untok menepati kehendak[2] latehan.

Keadaan Ekonomi Dalam Tahun 1966

38. Kemajuan ekonomi yang telah di-chapai dalam tahun 1966, ia-itu tahun yang pertama bagi Ranchangan Malaysia Yang Pertama, ada-lah memuaskan walau pun nisbah kos impot-eksepot terus merosot dan bantuan luar kurang di-dapati.

39. Anggaran jumlah nilai barang[2] dan perkhidmatan[2] yang di-keluarkan di-Malaysia mengikut harga sa-masa (ia-itu, keluaran kasar dalam negeri) ia-lah $9,451 juta dalam tahun 1966, ia-itu $442 juta atau 4.9 peratus lebeh daripada tahun 1965. Dalam kadar tambahan keluaran ini, keluaran bagi kegunaan dalam negeri di-anggarkan bertambah sa-banyak 8.0 peratus. Sa-balek-nya keluaran bagi eksepot bertambah 1 peratus sahaja. Tambahan yang sadikit bagi nilai eksepot dalam tahun 1966 ia-lah terutama-nya kerana harga getah jatoh.

40. Ada-lah menjadi dasar Kerajaan hendak menaikkan keluaran barang[2] dan perkhidmatan bagi tiap[2] sa-orang dalam negeri ini dan mengambil segala langkah yang mustahak untok memelihara darjah hidup per kapita daripada kesan[2] harga yang tiada baik yang di-dapati oleh eksepot[2] besar negeri ini. Pada menjalankan dasar ini Kerajaan telah melaksanakan ranchangan[2] pembangunan yang terator.

41. Dalam tahun 1966, pengiaksanaan Ranchangan Pembangunan Lima-Tahun Malaysia Yang Pertama ada-lah pada 'am-nya memuaskan hati. Matalamat[2] Ranchangan itu, ia-itu hendak menambah keluaran dan pendapatan sa-orang bagi tahun yang pertama itu, telah di-chapai. Tanaman modal persendirian dan Kerajaan untok menambah keupayaan ekonomi Malaysia mengeluarkan lebeh banyak lagi barang[2] dan perkhidmatan[2], menyokong darjah hidup ra'ayat Malaysia dan mengadakan peluang[2] guna-tenaga bagi ra'ayat Malaysia, telah di-kekalkan pada peringkat yang tinggi. Walau bagaimana pun tanaman modal Kerajaan mungkin sampai ka-peringkat yang lebeh tinggi daripada yang di-chapai pada tahun 1966 sekira-nya bantuan teknik dan modal yang di-dapati menchapai jumlah tanaman modal yang di-tetapkan dalam Ranchangan Pembangunan itu.

Harapan[2] Bagi Ekonomi Dalam Tahun 1967

42. Sa-bagaimana yang di-jangka dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama, faktor[2] besar yang di-dapati dalam tahun 1966 akan terus berada dalam tahun

1967. Oleh itu, daya penarek yang utama bagi perkembangan keluaran kasar dalam negeri ia-lah keluaran bagi pasaran dalam negeri. Ini akan datang daripada penanaman modal yang di-jalankan pada masa yang sudah[2] dalam beberapa bahagian ekonomi saperti pertanian, perusahaan, pengangkutan dan nilai[2]-faedah. Satu perkara besar yang tiada dapat di-taksir, dan yang telah mengganggu usaha pembangunan Malaysia, ia-lah harga yang akan di-dapati bagi hampir[2] sa-paroh keluaran Malaysia yang hendak di-eksepot.

43. Sunggoh pun penanaman modal persendirian akan terus bertambah dengan dinamis, kemajuan daripada pehak Kerajaan di-jangka akan berlebehan lagi dalam tahun 1967 daripada tahun 1966. Usaha[2] yang di-jalankan oleh Kerajaan baharu[2] ini untok menggerakkan puncha[2] keluaran dalam negeri akan menjadi bantuan yang besar bagi memudahkan pelaksanaan ranchangan[2] Malaysia dalam tahun 1967. Ada-lah juga di-harapkan bahawa bantuan dari luar akan memainkan peranan yang lebeh berguna dan penting bagi melaksanakan Ranchangan Malaysia Yang Pertama bagi tahun yang kedua. Kerajaan telah pun membuat persediaan yang besar bagi menyenangkan kemasokan bantuan dari luar dengan banyak-nya.

44. Oleh kerana harga barang[2] saperti getah dan bijeh sedang jatoh maka terpaksa-lah Malaysia memperbagaikan asas ekonomi-nya dengan sa-berapa segera-nya. Harapan bagi menchapai tujuan ini bergantong sa-mata[2] dengan pelaksanaan Ranchangan Malaysia Yang Pertama dengan chepat. Ranchangan ini mustahak-lah juga di-laksanakan dengan jaya-nya jika hendak di-adakan pekerjaan yang chukup bagi pekerja[2] yang sedang bertambah banyak bilangan-nya.

45. Dengan hal yang demikian ada-lah satu perkara yang menggalakkan bahawa penggantian impot telah maju dengan chepat-nya dalam ekonomi Malaysia sa-masa 5 tahun yang sudah terutama sa-kali dalam lapangan[2] saperti gula halus, barang[2] yang di-perbuat daripada petroleum, simen, barang[2] yang di-perbuat daripada tembakau, minuman[2] keras dan tepong. Sa-lain daripada chontoh[2] penggantian impot yang tersebut beberapa banyak barang[2] kechil keluaran dalam negeri—barang[2] pertanian dan juga barang[2] yang di-perbuat—telah bertambah dengan banyak-nya. Ini telah membantu lagi penyimpanan wang asing dan membolehkan modal daripada luar sentiasa bertambah banyak dengan chepat-nya walau pun eksepot bertambah dengan perlahan[2] dalam beberapa tahun yang lalu ini.

46. Beberapa kemajuan lagi dalam lapangan bahan[2] mengganti impot telah terchapai, saperti beras, baja, daging dan barang[2] ternakan serta beberapa jenis bahan kimia, yang telah berjaya di-usahakan oleh Kerajaan dan/atau beberapa buah sharikat yang besar[2]. Bagaimana pun, kejayaan jangka-panjang dalam perkara bahan[2] pengganti impot/pengembangan eksepot ada-lah bergantong di-atas usaha[2] beberapa pengusaha yang kechil[2] untok memula serta membanyak-kan lagi eksepot berbagai[2] jenis barang[2] yang menjadi benda[2] yang paling banyak dalam bil impot, tetapi maseh tiada nampak lagi dalam senarai eksepot. Dengan hal yang demikian, Kerajaan akan sentiasa memberi perhatian bukan sahaja tentang memberi perangsang sa-chara langsong saperti mengechualikan chukai dan mengembalikan chukai pelindong, bahkan juga mengenai seluroh

perkara dasar belanjawan, dasar kewangan dan dasar perdagangan yang ada hubongan serta mempengarohi keadaan penanaman modal.

BANTUAN PEMBANGUNAN

47. Pada tahun yang lalu ahli[2] Kumpulan Perundingan Memberi Bantuan kapada Malaysia telah di-beritahu tentang chorak bantuan yang di-kehendaki oleh Malaysia. Beberapa buah negeri termasok Canada, Jepun, Negeri Belanda dan Amerika Sharikat telah menawarkan bantuan wang kapada Malaysia. Kerajaan berharap ia-itu sa-lepas projek[2] dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama itu mendapat tawaran antara-bangsa, maka dapat-lah Kerajaan menggunakan tawaran[2] bantuan yang dermawan itu. Bantuan hadiah telah juga ditawarkan oleh beberapa buah negeri, termasok lebeh kurang M$10 juta daripada Australia untok membena sa-buah jalan raya dari timor ka-barat Sabah, yang akan menghubongkan Jesselton dengan Sandakan.

48. Ada juga beberapa buah projek yang besar[2] dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama itu yang hendak di-jalankan dengan bantuan Bank Dunia, dan bantuan[2] telah pun di-persetujui atau akan di-putuskan tiada lama lagi, saperti projek[2] untok kuasa letrik, projek[2] tali-ayer dan parit Muda dan Kemubu. Mudah[2]an ranchangan[2] yang lain saperti pembukaan tanah, pelajaran, perbekalan ayer dan talikom akan dapat juga di-jalankan pada masa hadapan dengan bantuan Bank Dunia.

49. Sa-lain daripada pinjaman[2] modal dan bantuan[2] modal, Malaysia berkehendakkan juga bantuan[2] teknik bagi menjalankan beberapa projek pembangunan dalam Ranchangan itu. Ranchangan Pembangunan Pertubohan Bangsa[2] Bersatu ada-lah menjadi satu puncha yang besar bagi mendapat bantuan pakar[2], terutama sa-kali bagi pembenaan bangunan pertubohan dan kajian[2] sa-belum penanaman modal. Perkhidmatan[2] sukarela, khas-nya Pasokan[2] Sukarela Amerika Sharikat, ada-lah juga memainkan peranan penting dalam mengurangkan kesulitan tentang tenaga manusia yang chekap di-pehak Kerajaan.

50. Kerajaan menguchapkan berbanyak[2] terima kaseh atas semua bantuan yang telah di-terima-nya. Bantuan[2] itu sangat-lah berguna dalam meranchang dan menjalankan projek[2] pembangunan. Walau bagaimana pun banyak lagi kerja[2] yang hendak di-buat dan Kerajaan berharap bahawa permintaan[2] bagi mendapat tambahan bantuan akan mendapat pertimbangan yang saksama dan di-selenggarakan dengan segera.

PERANCHANG KAWASAN DAN BAHAGIAN

51. Oleh kerana sa-makin bertambah banyak permintaan bagi pembangunan dan mustahak-nya tenaga di-gunakan dengan sa-habis baik, maka lebeh banyak lagi perhatian akan di-tumpukan terhadap peranchangan kawasan dan bahagian yang lebeh teliti. Satu penyiasatan pengangkutan yang besar meliputi seluroh negeri ini dan semua jenis pengangkutan akan di-mulakan dalam bulan Julai, 1967 dengan bantuan Ranchangan Pembangunan Pertubohan Bangsa[2] Bersatu. Tujuan[2] penyiasatan itu ia-lah supaya dapat di-tubohkan satu sistem pengangku an yang bersatu dan yang sa-imbang dengan tujuan[2] pembangunan kawasan dan bahagian. Di-antra lain[2] penyiasatan pengangkutan itu akan menghasilkan

satu ranchangan penanaman modal dalam pengangkutan yang lengkap dan bersatu bagi tahun² 1968-75 dan satu ranchangan penyusunan bagi satu masa yang lebeh panjang hingga sampai tahun 1985.

52. Chawangan pengangkutan akan menjadi chawangan pertama dalam lapangan ekonomi yang akan di-kenakan kapada peranchang pembangunan ini. Peranchang pengangkutan ada-lah kerja yang mesti di-jalankan terus-menerus dan pada masa penyiasatan itu di-jalankan banyak kemajuan di-jangka akan di-chapai dalam menubohkan satu peranchang pengangkutan yang kuat dalam Kementerian² dan sharikat² pengangkutan yang berkenaan.

53. Satu langkah yang penting ka-arah peranchang kawasan ia-lah usaha menyediakan satu "master plan" bagi kawasan Trengganu. Langkah ini sedang di-jalankan dengan bantuan pakar daripada Kerajaan Belanda. Kajian sa-umpama itu telah pun di-jalankan di-Lembah Labuk di-Sabah oleh Ranchangan Pembangunan Pertubohan Bangsa² Bersatu dan beberapa projek yang di-shorkan di-beri keutamaan akan di-timbangkan untok di-masokkan ka-dalam Ranchangan itu.

Chara Menguruskan Projek

54. Dua jalan telah di-ambil untok menentukan supaya faedah yang besar boleh di-dapati daripada projek² pembangunan dengan belanja yang kurang. Sa-buah Jawatan-kuasa Kechil Belanja dan Piawai dalam Jawatan-kuasa Peranchang Pembangunan Negara telah pun di-tubohkan untok menchari jalan mengurangkan belanja bagi kemudahan² yang di-adakan bagi orang ramai. Chara menjimatkan wang itu ada-lah di-buat dengan jalan menurunkan piawai ka-suatu peringkat keadaan yang sesuai dengan tugas yang di-jalankan itu. Banyak wang telah pun dapat di-selamatkan dengan chara ini. Satu chara lagi ia-lah dengan mengadakan piawai² bagi menguruskan projek² dengan lebeh berkesan. Langkah ini akan memberi faedah di-dalam jangka yang panjang. Bahagian Peranchang Ekonomi, dengan kerjasama lain² Jabatan dan dengan menggunakan pengalaman² yang di-dapati dari negeri lain, telah menyusun satu Panduan Perchubaan Piawai (Tentative Standards) bagi Meranchang Projek². Pada tahun hadapan piawai² ini akan di-kenakan kapada beberapa buah projek besar.

55. Satu daripada projek² itu ia-lah Projek Sungai Muda. Kerja² membena tali-ayer telah pun di-mulakan. Piawai² telah di-pakai untok meranchangkan beberapa kegiatan Kerajaan di-dalam projek ini. Kegiatan² itu termasok-lah perkhidmatan² lanjutan pertanian, pemasaran dan kemudahan² pinjam meminjam. Penggunaan piawai² untok meranchangkan kegiatan² ini akan dapat menentukan faedah yang lebeh besar yang boleh di-dapati daripada tali-ayer dengan tiada menambah belanja lagi. Jika piawai² ini di-gunakan bagi semua projek² oleh Jabatan² yang berkenaan proses peranchangan projek akan dapat di-chepatkan lagi dan bantuan luar mudah di-dapati.

Penyiasatan² Bahan Asli

56. Dalam tahun lalu banyak kerja² yang telah di-buat bagi menyiasat dan menilai bahan² asli di-Malaysia. Satu penyiasatan dengan chara mengambil gambar² dari udara telah pun selesai di-jalankan di-Malaysia Barat dengan

bantuan Kerajaan Canada. Penyiasatan[2] rupabumi, galian[2], baja tanah dan hutan telah di-perluaskan lagi. Satu ranchangan penyama pemetaan tanah telah di-jalankan di-Malaysia Barat. Ranchangan ini termasok-lah penyiasatan atas penggunaan tanah sekarang ini. Penyiasatan ini di-dasarkan daripada tafsiran yang di-buat kapada gambar[2] dari udara yang telah di-ambil baharu[2] ini. Daripada chatatan mengenaï bahan asli dan kegunaan tanah yang di-kumpulkan menerusi ranchangan ini dapat-lah di-bandingkan kemungkinan[2] bahan asli dengan chara[2] penggunaan tanah yang ada sekarang dengan lebeh luas lagi.

57. Ranchangan Penyama Pemetaan Tanah ini telah selesai di-laksanakan bagi Negeri Pahang yang meliputi 25 peratus kawasan Malaysia Barat. Kajian[2] permulaan telah juga di-mulakan di-dalam Negeri Johor dan Negeri Melaka. Satu kajian yang khas telah di-buat berkenaan dengan peluang[2] untok meluaskan lagi kawasan tanah yang di-tanami di-Malaysia Barat, dengan menumpukan perhatian ka-atas kawasan[2] yang luas yang sesuai untok ranchangan pembangunan pada masa akan datang saperti yang di-jalankan di-ranchangan Jengka. Satu kajian yang lengkap berkenaan dengan bahan[2] asli dan faedah ekonomi dari Ranchangan Jengka itu telah pun di-laksanakan dengan menyusun satu "Master Plan" yang di-buat oleh pakar[2]. "Master Plan" ini akan menjadi panduan bagi pembangunan masa hadapan bagi kawasan yang luas dan yang banyak hasil-nya ini.

58. Di-Malaysia Timor persediaan[2] telah juga di-buat untok menjalankan kajian berkenaan dengan penyama pemetaan tanah sa-bagaimana yang telah di-jalankan di-Malaysia Barat, dan penyama pemetaan tanah permulaan telah siap di-buat bagi dua kawasan yang luas di-dalam Negeri Sabah.

Perangkaan

59. Dengan bantuan sa-orang pakar chontoh dari Pertubohan Bangsa[2] Bersatu kerja mengenaï satu Penyiasatan Padi yang lengkap di-Malaysia Barat bagi musim tahun 1965-1966 telah siap. Dengan penyiasatan ini dapat-lah di-ketahuï kelak anggaran[2] hasil padi yang betul dan yang sangat di-kehendaki. Satu Penyiasatan Padi yang di-satukan bagi Negeri Sabah telah juga di-lancharkan pada penghujong tahun 1966 dan kerja itu akan terus di-jalankan hingga penengahan tahun 1967. Tujuan penyiasatan ini ia-lah hendak menaksir berapa luas-nya kawasan sawah dan banyak hasil yang di-dapati daripada-nya supaya anggaran pengeluaran padi boleh di-ketahuï.

60. Kajian[2] permulaan berthabit dengan Penyiasatan Penggunaan Tanah di-Malaysia Barat telah di-lancharkan dalam tahun 1966. Kajian permulaan dalam Negeri Selangor telah siap. Sa-lepas itu penyiasatan[2] pemandu telah di-lancharkan di-Melaka, Johor dan Pulau Pinang dan persediaan[2] sudah di-buat bagi penyiasatan di-Kedah. Kerja luar pejabat di-Melaka telah siap dan di-negeri[2] lain banyak kerja yang telah siap. Tujuan Penyiasatan Penggunaan Tanah yang di-chadangkan itu ia-lah hendak mengetahuï anggaran yang betul pada sa-tahun berapa luas-nya tanah yang di-tanam dengan tanaman utama, khas-nya kebun[2] kechil.

61. Penyata Teknik mengenaï Penyiasatan Tenaga Manusia di-Malaysia Barat yang di-jalankan di-bawah panduan sa-orang pakar dari Pertubohan Bangsa[2]

Bersatu dalam tahun 1965 telah di-terbitkan dalam tahun 1966. Satu penyiasatan untok mengetahuï orang² yang bekerja/menganggor dalam lima buah bandar besar di-Malaysia Barat telah siap pada penghujong tahun 1966.

62. Tugas besar mengumpulkan satu keterangan yang lengkap mengenaï sa-suatu keluarga bagi Malaysia Barat telah siap. Keterangan ini akan menyenang-kan kerja² menyiasat jenis² keluarga dan juga sangat berguna untok kerja membanchi pendudok² dalam tahun 1970 kelak.

63. Peringkat pertama dalam penyiasatan yang lengkap untok mendapat keterangan mengenaï sikap, pengetahuan dan amalan² berhubong dengan Peranchang Keluarga telah di-siapkan. Projek ini telah di-jalankan dengan bantuan satu kumpulan pakar² dari Yayasan Ford.

64. Seminar latehan yang telah di-jalankan pada tahun 1965 dengan kerjasama Surohanjaya Ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh telah tamat pada tahun 1966. Dalam Seminar itu, Perangkawan² dari jabatan ini telah berpeluang mengambil bahagian dalam perbinchangan² dan sharahan² bagi beberapa perkara yang telah di-sampaikan oleh pakar² dari badan² saperti ECAFE, FAO, ILO, WHO dan lain².

65. Pada pertengahan tahun lalu, Jabatan ini telah bernasib baik mendapat dua orang Penasihat Perangkaan Bangsa² Bersatu untok berkhidmat sa-orang di-Sarawak dan sa-orang di-Sabah.

66. Jabatan ini telah mula menggunakan "electronic computer" pada hujong tahun lalu. Ada-lah di-chadangkan pegawai² di-hantar berlateh di-luar negeri supaya dapat di-lantek kemudian menjadi "System Analyst." Dengan ada-nya computer ini maka dapat-lah Jabatan ini meluaskan lagi kerja² memperoses keterangan. Dengan demikian dapat-lah juga Jabatan ini mengadakan kemudahan memperoses keterangan bagi Jabatan² lain.

67. Sa-orang Penasihat Ranchangan Colombo berkenaan dengan pembahagian perangkaan perdagangan telah berkhidmat dalam Jabatan ini dengan ekhsan Kerajaan Australia. Kerja² permulaan telah di-jalankan untok membuat penyiasatan permulaan berkenaan dengan perniagaan ronchit dan borong memborong pada awal tahun 1967. Hasil penyiasatan ini akan menjadi satu bantuan yang besar kapada Badan Menganalisa Kira² dan Ekonomi Negara. Ini-lah pertama kali-nya pungutan keterangan perangkaan yang berupa banchi di-buat berkenaan dengan pembahagian perdagangan.

68. Dalam tahun 1967 Jabatan ini bersama² dengan Kementerian Buroh akan melancharkan satu penyiasatan chontoh yang lengkap yang bertujuan hendak mendapat keterangan mengenaï orang yang bekerja/mengganggor bagi Malaysia Barat. Penyiasatan bagi mengetahuï kadar pengeluaran padi akan di-ulangi lagi. Sa-lain daripada itu ada-lah di-harapkan bahawa Penyiasatan Panduan Kegunaan Tanah akan dapat di-siapkan pada akhir tahun ini. Penyiasatan Panduan ini di-jalankan di-negeri Selangor, Melaka, Johor, Pulau Pinang dan Kedah. Sa-lain daripada itu kerja² akan juga di-jalankan untok membuat Penyiasatan Penggunaan Tanah yang lengkap dalam tahun 1968 yang akan di-jalankan di-seluroh Malaysia Barat.

69. Dalam tahun 1967 Jabatan ini akan menjalankan satu banchi yang pertama berkenaan dengan pembahagian perdagangan (borong, ronchit dan perniagaan[2] yang berkaitan dengan-nya) yang akan di-jalankan di-Malaysia. Banchi itu akan memberi keterangan yang lengkap mengenai jenis, besar dan tempat perniagaan[2], jualan, pekerjaan dan lain[2] perkara yang berkaitan. Banchi itu akan menjadi asas bagi penyiasatan chontoh pada masa hadapan untok menyukat turun naik perniagaan dalam jangka yang pendek.

70. Persediaan[2] akan di-mulakan untok menjalankan Banchi Pertanian dan Pendudok[2] bagi tahun 1970. Pakar[2] bagi pekerjaan ini akan di-chari dan pegawai[2] Malaysia akan di-hantar ka-luar negeri untok di-lateh.

Arkib

71. Kemajuan yang utama yang telah di-chapai oleh Arkib Negara dalam tahun 1966 ia-lah penguatkuasaan Undang[2] Arkib Negara dalam bulan Ogos. Ini-lah undang[2] yang pertama sa-jenis ini yang ada di-negeri ini. Undang[2] ini memberi kuasa dan mengator tugas[2] Arkib Negara saperti yang di-dapati di-arkib[2] negeri[2] merdeka dan maju yang lain.

72. Bangunan Pusat Urusan Rekod telah di-buka dengan resmi-nya dalam bulan Disember oleh Timbalan Perdana Menteri. Bangunan yang berharga $373,000 ini dan yang di-lengkapkan dengan sifat[2] khas yang mustahak dan moden yang termasok rak besi bergerak yang boleh menyimpan rekod[2] sebanyak 15,000 kaki panjang-nya terkenal sa-bagai satu daripada bangunan moden sa-jenis-nya di-dalam dunia. Bangunan ini sudah di-gunakan sa-penoh-nya untok menyimpan rekod[2] Kerajaan yang tidak di-pakai hari[2] sementara menunggu keputusan sama ada patut di-simpan buat sa-lama[2] sa-bagai arkib atau di-musnahkan kerana tidak ada nilaian[2] negara atau sejarah.

73. Arkib Negara telah mengusolkan kapada negara[2] ASA satu chadangan menubohkan satu Chawangan Majlis Arkib Antara Bangsa bagi Wilayah Tenggara Asia. Usol ini telah menerima sokongan bersemangat dan Malaysia telah di-minta untok mengambil langkah pertama mengadakan sa-buah Secretariat.

74. Dalam tahun 1966 kemudahan[2] yang di-beri oleh Arkib Negara telah bertambah di-gunakan oleh pejabat[2] Kerajaan dan orang[2] ramai jua. 26 Jabatan Kerajaan (Persekutuan dan Negeri) telah memindahkan rekod[2] yang tidak di-pakai mereka.

Perpustakaan

75. Jawatan-kuasa Perpustakaan Negara yang di-lantek oleh Kerajaan terus menchapai kemajuan di-dalam meranchangkan penubohan Perpustakaan Negara Malaysia yang di-chadangkan itu. Teras-nya yang ada di-Arkib Negara telah di-kuatkan dengan perlantekan sa-orang Pegawai Perpustakaan yang berkelayakan dan Kerajaan sedang menchari satu tapak yang sesuai untok bangunan yang di-chadangkan itu.

KEMENTERIAN BUROH

76. Dalam tahun lalu beberapa kejayaan yang besar telah di-chapai dan banyak kerja² permulaan telah di-jalankan dalam usaha hendak menambahkan gera-kerja² yang ada kena-mengena dengan buroh dan menyusunkan-nya supaya lebeh berkesan lagi.

PERHUBONGAN PERUSAHAAN

77. Berkenaan dengan perhubongan majikan—pekerja ada terdapat ketegangan dan juga kemesraan. Rekod pertikaian perusahaan bagi tahun lalu ada-lah jauh lebeh baik dari rekod bagi tahun terdahulu daripada-nya. Dari pertikaian² yang berlaku, sa-banyak enam puloh berlangsong dengan mogok yang melibat-kan 14,673 orang pekerja, dan menyebabkan kerugian 108,599 hari bekerja.

78. Sa-banyak empat puloh delapan perjanjian bersama antara Kesatuan² Sa-kerja dengan majikan² telah di-laksanakan dalam tahun itu.

79. Kemudahan² pengadilan timbangtara yang ada dan senang di-dapati di-dalam Badan Pengadilan Timbangtara Perusahaan itu ada-lah menjadi satu pengaroh yang menimbulkan sikap sederhana dalam perhubongan perusahaan dan juga tuntutan² gaji dan perundingan². Dengan yang demikian pertikaian² dalam beberapa lapangan penting dalam ekonomi telah terhalang daripada merebak menjadi mogok atau "tutup pintu" yang boleh merosakkan nama baik negeri ini dan ekonomi-nya sa-lain daripada menjadi satu gangguan kapada perkembangan perusahaan yang sa-makin bertambah. Semenjak Badan itu di-tubohkan ia-telah membicharakan tujoh belas pertikaian yang telah di-rujok kapada-nya dan delapan pertikaian lagi maseh menanti penyelesaian-nya.

80. Satu lagi perkara yang menarek perhatian dalam lapangan perusahaan ia-lah perkembangan pertubohan kesatuan sa-kerja dalam bidang² baharu ekonomi, terutama sa-kali dalam perusahaan² membuat barang². Banyak masaelah telah di-hadapi dalam penubohan dan gerakerja kesatuan² sa-kerja itu. Walau bagaimana pun ada tanda² yang menggalakkan bahawa perhubongan² majikan—pekerja yang elok sedang tumboh dalam bidang² baharu ini dan bentok² gaji pada 'am-nya telah mulai munchul. Walau bagaimana pun dalam bidang² yang telah kukoh kedudokan-nya, perhubongan² antara satu pehak dengan yang lain terus menerus baik pada 'am-nya.

81. Di-pehak majikan juga terdapat tanda² yang menggalakkan. Pertubohan² majikan dalam perusahaan perladangan telah di-susun sa-mula untok memberi peluang kapada lebeh banyak lagi pehak perladangan menghantar wakil² mereka, dan Persatuan Perunding Majikan² Sa-Malaya dan dua lagi pertubohan majikan² dalam bidang perdagangan sedang berusaha menambah ahli dan gerakerja mereka.

82. Pada akhir tahun 1966 dan awal tahun 1967 banyak perhatian di-beri ka-pada masaelah terlalu banyak kesatuan sa-kerja. Kerajaan, sa-lain daripada mengemukakan kapada Kongres Kesatuan Sa-kerja Malaysia satu ranchangan yang lengkap bagi membentok dengan lebeh saksama pertubohan² kesatuan sa-kerja, juga telah memulakan tindakan² bagi menjalankan kuatkuasa

peruntokan[2] dalam Act Kesatuan Sa-kerja tahun 1965 bagi mengurangkan bilangan kesatuan[2] sa-kerja dalam sa-suatu jenis perniagaan atau perusahaan. Kesatuan[2] sa-kerja juga telah mengambil berat mengenai masaelah itu dan sedang berusaha menyelesaikan-nya sendiri. Jelas-lah bahawa kesatuan[2] sa-kerja kena-lah mengambil berat soal ini supaya pergerakan kesatuan sa-kerja pada masa yang akan datang boleh menjadi kuat dan sentiasa maju.

83. Sistem dan amalan perhubongan perusahaan juga di-kaji dengan teliti dalam tahun itu dan satu Rang Undang[2] bagi meminda peruntokan[2] undang[2] yang ada sekarang dan menyatukan pengalaman yang di-dapati dalam menjalankan undang[2] tersebut di-seluroh Malaysia ada-lah di-bentangkan dalam penggal Parlimen ini.

Undang[2] Buroh

84. Undang[2] mengenai keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja[2] dalam kilang juga sedang di-pinda dan satu Rang Undang[2] berkenaan dengan-nya sekarang ini sedang di-binchangkan dalam Majlis Penasihat Perburohan Bersama Kebangsaan.

85. Berbagai-bagai pindaan penting kapada Undang[2] Pekerjaan tahun 1965, bagi menambahkan kuatkuasa-nya ada-lah juga di-bentangkan dalam penggal ini.

86. Beberapa undang[2] buroh Malaysia Barat telah di-pakai di-Malaysia Timor dalam tahun lalu dan perbinchangan[2] sedang berjalan bagi menyelesaikan kerja berkenaan dengan hal ini pada tahun ini.

Pekerja[2] bagi Sabah

87. Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia telah di-lancharkan pada akhir tahun lalu sa-bagai satu ranchangan bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untok mengator kerja memindah buroh ka-Sabah kerana negeri itu sangat kekurangan buroh, terutama sa-kali dalam bidang pertanian. Hingga bulan Mei, 1967, 400 orang pekerja dan 264 orang tanggongan mereka telah di-tempatkan oleh Lembaga itu di-beberapa jenis ladang di-Sabah dan sekarang ranchangan[2] sedang di-susun untok menghantar pekerja[2] bagi kebun[2] kechil getah di-sana. Dalam tahun ini kira[2] 1,200 orang pekerja di-jangka akan di-hantar ka-Sabah dari Malaysia Barat dan lebeh banyak lagi daripada itu akan di-hantar dalam tahun 1968.

Latehan dan Pekerjaan Perusahaan

88. Tiga orang daripada satu kumpulan enam orang pakar Pertubohan Buroh Antara Bangsa yang di-untokkan kapada Jabatan Pekerjaan dan Latehan yang baharu dalam Kementerian Buroh telah pun memulakan kerja mereka di-Kuala Lumpur dan tiga orang lagi itu di-jangka akan datang menjalankan kerja mereka di-sini sadikit masa lagi. Ada-lah di-jangkakan bahawa kerja[2] yang akan di-jalankan dalam Jabatan baharu ini akan memberi sumbangan yang besar bagi menambahkan lagi daya Kerajaan membuat ranchangan tenaga manusia dan menjalankan-nya dan juga bagi memperbaiki dan menggiatkan lagi perkhidmatan[2] latehan perusahaan, penyelidekan buroh dan menukar pekerjaan dalam

Kementerian Buroh. Ranchangan[2] sedang di-usahakan bagi menambahkan lagi kemudahan[2] latehan yang ada sekarang ini di-Pusat Latehan Perusahaan di-Kuala Lumpur dengan memulakan latehan dalam bidang[2] perniagaan baharu dan juga melancharkan ranchangan latehan belia yang di-perchepatkan kerana ranchangan melateh pelateh[2] dengan sendiri-nya tidak mungkin akan dapat mengeluarkan pekerja[2] yang terlateh sa-banyak yang di-kehendaki negara. Ada-lah di-jangkakan bahawa apabila tambahan kemudahan[2] bengkel dan asrama telah siap nanti lebeh daripada 1,200 orang akan dapat di-terima masok menjadi pelateh. Kerja[2] sedang di-buat bagi mendirikan sa-buah lagi Pusat Latehan Perusahaan di-Utara Malaya. Ada-lah di-harapkan bahawa dengan tambahan ini hasil latehan daripada kedua-dua buah Pusat ini akan lebeh dari 2,500 orang sa-tahun. Kerajaan telah meminta bantuan daripada negara[2] sahabat bagi mendapat alat[2] mustahak bagi bengkel dan juga jurulateh[2] yang pakar untok Pusat Latehan yang baharu itu.

Insuran Kebajikan Pekerja (Social Insurance)

89. Dalam tahun ini Kerajaan akan melancharkan satu ranchangan Insuran Kebajikan Pekerja yang akan meliputi segala kemungkinan berkenaan dengan kechederaan pekerjaan (employment injury), penyakit pekerjaan (occupational diseases) dan kechachatan (invalidity) dari sebab[2] yang lain daripada kechederaan pekerjaan. Kerja[2] mengkaji dan menyediakan ranchangan itu telah banyak di-buat dan undang[2] mengenai-nya di-jangka akan di-bentangkan dalam Parlimen tidak lama lagi. Ranchangan meliputi kechachatan itu di-jangka akan melindongi lebeh kurang 800,000 orang pekerja di-seluroh Malaysia Barat, dan ranchangan kechederaan sa-masa bekerja di-chadang akan di-mulakan buat sementara di-empat atau lima buah bandar[2] yang besar dan kemudian-nya di-adakan di-pusat[2] yang lain pula. Dalam peringkat pertama, lebeh kurang 150,000 orang pekerja mungkin mendapat faedah daripada ranchangan Insuran Kebajikan Pekerja ini dan faedah-nya ia-itu wang yang di-terima ada-lah sa-kali ganda yang di-terima sekarang kerana kechachatan kekal dan kematian penyara-hidup di-bawah Undang[2] Pampasan Pekerja yang akan di-gantikan oleh Insuran Kebajikan Pekerja itu. Penasihat Keselamatan Masharakat di-bawah Ranchangan Colombo telah juga di-minta menyampaikan kapada Kerajaan Ranchangan[2] Insuran Kebajikan Pekerja meliputi orang[2] sakit dan orang[2] bersalin.

Majlis Penetapan Gaji

90. Dalam tahun lalu kerja[2] yang di-jalankan mengenai Majlis Penetapan Gaji ada-lah lebeh banyak daripada yang biasa. Sa-buah Majlis Penetapan Gaji bagi pekerja[2] dalam Perusahaan Panggong Wayang telah di-tubohkan dan satu Perentah Peratoran Gaji bagi pekerja[2] punggah-memunggah di-Pulau Pinang telah di-kuatkuasakan sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh ranchangan pendaftaran pekerja[2] pelabohan yang baharu sahaja di-tubohkan di-bawah Lembaga Perburohan Pelabohan. Shor[2] Peratoran Gaji yang pertama bagi Majlis Penetapan Gaji Untok Perusahaan Penjualan Makanan dan Hotel telah juga di-pinda dan Shor[2] Peratoran Gaji yang baharu juga di-jangka akan di-terima dari Majlis Penetapan Gaji Pembantu Kedai. Kuasa Majlis Penetapan Gaji Pembantu Kedai itu telah juga di-tambah untok meliputi 26 buah bandar[2] besar di-Malaysia

Barat, dan pegawai[2] Kementerian ini telah memereksa lebeh daripada enam puloh peratus jumlah kedai yang ada dalam sembilan buah bandar yang terkena dengan Perentah Peratoran Gaji yang ada sekarang.

91. Pendek kata dalam tahun lalu banyak kejayaan yang telah di-chapai dalam hal[2] mengenai buroh dan ada-lah di-jangkakan bahawa lebeh banyak lagi kejayaan akan di-chapai dalam tahun hadapan. Kerajaan akan terus bekerja untok mengelokkan lagi keadaan hidup pekerja[2] negeri ini dengan membuat undang[2] dan dengan jalan[2] lain; menambahkan harapan untok mendapat pekerjaan yang lebeh berfaedah kapada orang[2] yang baharu hendak masok bekerja dengan mengadakan perkhidmatan latehan yang lebeh giat dan menempatkan pekerja[2]. Kerajaan juga akan terus berusaha mengelokkan lagi kerja[2] menyatukan usaha[2] pekerja dengan chita[2] dan gerakerja[2] pembangunan negara dengan menggalakkan perhubongan[2] yang lebeh baik antara majikan dengan pekerja.

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Faham Komiunis dan Gerakan Sabersif

92. Faham Komiunis dan gerakan sabersif maseh menjadi anchaman yang besar.

93. Di-Malaysia Timor ada-lah jelas bahawa Pertubohan Komiunis Sarawak yang berpedoman kapada Peking telah dapat mempengarohi sa-bahagian besar masharakat Sarawak dan telah membuat persediaan yang lengkap untok peperangan gerila yang berpanjangan. Keadaan di-Negeri ini, dalam beberapa perkara, ada-lah sa-makin hampir sama dengan keadaan di-Malaya pada awal tahun 1948.

94. Di-Malaysia Barat kegiatan Barisan Bersatu Komiunis telah bertukar chorak menjadi ganas dan mahu berlawan dan di-arah serta di-susun terus oleh Parti Komiunis Malaya bertempat di-sempadan Malaysia/Thai.

95. Kerajaan amat-lah sedar tentang anchaman ini kapada keselamatan negara dan sedang berusaha bersunggoh-sunggoh menghalang anchaman itu dari merebak dan untok menghapuskan-nya.

Pasokan Polis Di-Raja Malaysia

96. Pasokan Polis Di-Raja Malaysia terkenal baik di-luar negeri. Pasokan[2] Polis dari negara[2] tetangga seringkali menggunakan kemudahan[2] latehan tempatan dan ini ada-lah menjadi bukti bahawa latehan[2] yang di-sediakan itu ada-lah tinggi mutu-nya dan di-akui oleh negara[2] asing.

97. Oleh kerana keadaan berubah-ubah mengikut perkembangan kemajuan negara, maka mustahak-lah Pasokan Polis Di-Raja Malaysia di-lengkapkan mengikut keadaan masa supaya ia dapat menjalankan tugas[2]-nya dengan

sempurna. Alat² kelengkapan-nya yang lama sedang di-tukar dengan yang baharu dan di-tambah bilangan-nya dan dengan tamat-nya konferantasi latehan² di-dalam dan di-luar negeri sedang di-perhebatkan. Perhatian khas di-beri kapada kebajikan dan semangat anggota Pasokan dan bagi menchapai tujuan ini di-tugas khas dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama perkara mendirikan rumah² tempat tinggal yang sesuai bagi pegawai² rendah dan mata² biasa.

98. Pasokan Polis Di-Raja Malaysia pada 'am-nya telah menjalankan tugas dan kewajipan-nya yang berat dalam menjaga keamanan dan ketenteraman dengan terpuji. Dengan bertambah-nya berlaku kesalahan jenayah baharu² ini bukan-lah menandakan bahawa pehak Polis tiada mengambil berat menjalankan kewajipan-nya atau pun tidak chekap. Sa-bagaimana di-ketahuï di-dalam negeri² yang sedang maju bertambah-nya kesalahan jenayah biasa-nya mengikuti perkembangan pembangunan dan di-Malaysia, hal ini ada-lah nyata dengan ada-nya kegiatan² kumpulan haram dan samseng². Pehak Polis tidak-lah dapat dengan sendiri-nya sahaja menyelesaikan masa'elah ini. Ada-lah menggembirakan apabila di-dapati bahawa semangat tata-negara telah meningkat maju di-kalangan orang² 'awam dan kerana kemajuan ini-lah pehak Polis telah menchapai banyak kejayaan. Ada-lah di-harapkan bahawa banyak lagi kerjasama dari orang 'awam akan di-dapati di-masa hadapan.

99. Usaha mengganti pegawai² dagang dengan pegawai² Malaysia dalam Pasokan Polis Di-Raja Malaysia sedang berjalan terus mengikut dasar Kerajaan dan Pasokan ini sekarang ada-lah di-bawah arahan dan kawalan sa-orang pegawai Malaysia yang menjadi Ketua Polis Negara.

Senoi Pra'aq

100. Sa-bagai menghargaï jasa² pasokan sementara ini sa-masa Dharurat dan peranan-nya dalam gerakan² yang di-jalankan sekarang di-kawasan keselamatan sempadan di-Utara Malaya, Kerajaan telah mengambil keputusan untok mengekalkan Pasokan ini dengan menyatukan-nya di-bawah Pasokan Polis Di-Raja Malaysia. Perchantuman ini akan di-usahakan di-masa yang sesuai.

Pasokan Kawalan

101. Pasokan Kawalan telah di-tubohkan bagi menjalankan tugas² tertentu dalam masa konferantasi. Dengan tamat-nya konferantasi pertubohan ini tidak mustahak lagi. Kerajaan telah mengambil keputusan bahawa Pasokan ini patut di-bubarkan.

Jabatan Kimia

102. Dalam penyata tahun lalu ada di-sebut tujuan dan peranan Jabatan ini.

103. Memandang kapada permintaan² bagi mendapat perkhidmatan analisa Jabatan ini sa-makin bertambah banyak, maka ada-lah menjadi dasar Kerajaan hendak menubohkan ma'amal² kawasan. Bagi menchapai maksud itu, chawangan² akan di-tubohkan di-Kuala Trengganu dan Johor di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama.

JABATAN PENCHETAK KERAJAAN

104. Untok menjalankan tugas-nya menchetak semua perchetakan Kerajaan usaha untok melengkapkan Jabatan ini termasok segala chawangan[2]-nya, dengan meshen[2] tertentu dan kakitangan[2] yang terlateh telah di-tugaskan.

105. Dalam tahun 1966, dua orang pegawai telah tamat menjalankan latehan sa-lama dua tahun dalam teknik perchetakan di-"London College of Printing". Lapan orang telah bertolak untok mengikuti kursus di-United Kingdom, Australia, New Zealand, India dan Jepun untok mendapat latehan dalam pentadbiran perchetakan (printing administration), "litho-offset, typographic layout, bookbinding, letterpress printing and offset printing". Daripada lapan orang pegawai ini, empat telah tamat di-dalam kursus mereka dan pulang ka-Tanah Ayer.

JABATAN PENJARA

106. Memandang kapada perkembangan[2] baharu dalam chara mengurus orang[2] salah maka mustahak-lah pegawai[2] penjara di-hantar lagi ka-luar negeri untok berlateh supaya chara[2] mengurus orang salah dalam penjara[2] kita dapat di-samakan dengan chara[2] dalam negeri[2] yang lebeh maju. Pada tahun 1966, empat orang pegawai penjara telah menjalani kursus sa-lama tiga bulan yang di-adakan di-"United Nations, Asia and Far East Institute for the Prevention of Crime and Treatment of Offenders, Fuchu, Tokyo".

107. Latehan tiap[2] tahun juga di-adakan di-Sekolah Latehan Pegawai[2] Penjara, Taiping untok pegawai[2] dan wadar[2].

108. Perkara yang di-utamakan dalam ranchangan Jabatan ini di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama ia-lah membena bangunan[2] penjara dan rumah[2] tempat tinggal.

JABATAN PENCHEGAH RASUAH

109. Dalam penyata tahun lalu ada di-sebut mengenai perlantekan satu Jawatan-kuasa Kabinet bagi mengkaji susunan[2] Jabatan ini. Jawatan-kuasa tersebut telah pun tamat membuat kajian-nya dan Jabatan ini di-jangka akan di-susun sa-mula tidak lama lagi. Satu Bill untok meminda "Prevention of Corruption Act 1961" akan di-bentang semasa sidang Parlimen ini.

110. Kerajaan ada-lah berazam hendak menghapuskan rasuah dalam per-khidmatan 'awam dan sedang mengambil langkah[2] yang mustahak untok menchapai tujuan ini.

JABATAN IMIGERESEN

111. Tanggong-jawab bagi menjalankan dasar Kerajaan hendak mengganti orang[2] dagang dalam perniagaan dan perusahaan dengan orang[2] Malaysia maseh di-pikul oleh Pejabat Setia-usaha Mengganti Orang[2] Dagang dengan Orang[2] Malaysia yang bekerja di-bawah arahan Pengawal Imigeresen Negara. Keputusan Kerajaan mengenai ranchangan hendak mengganti orang[2] dagang dengan orang[2] Malaysia dalam 323 buah sharikat perniagaan sedang di-laksanakan.

112. Bangunan pejabat imigeresen di-Tambak Johor bagi menguruskan kawalan perjalanan di-antara Singapura dengan Malaysia Barat akan siap di-bena tidak lama lagi dan ada-lah di-harapkan bahawa kawalan imigeresen yang lengkap terhadap orang² dari Singapura akan di-mulakan dari 1 haribulan Julai tahun ini.

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

113. Dasar kerajaan hendak menyamakan sistem pendaftaran di-Sarawak dan Sabah dengan sistem di-negeri² di-Malaya sedang di-jalankan dengan sa-chepat mungkin.

Pendaftaran Negara—Di-Malaysia Barat 241,227 kad pengenalan dari-pada beberapa jenis itu telah di-keluarkan dalam tahun 1966 dan jabatan ini telah menyalut sa-banyak 304,948 kad untok Sarawak dan 21,966 kad untok Sabah.

Pendaftaran Warga Negara—Dalam tahun 1966, 68,014 sijil telah di-keluarkan untok Malaysia Barat, 11,853 sijil untok Sarawak dan 4,723 sijil untok Sabah.

LEMBAGA MENAPIS FILEM

114. Sa-telah Singapura berpisah sahaja dengan Malaysia, Kerajaan telah menubohkan Lembaga Menapis Filem-nya sendiri yang mula menjalankan tugas-nya pada 1 haribulan Julai, 1966. Sa-belum daripada itu filem² untok di-tayangkan di-Malaya telah di-tapis oleh Badan Menapis Filem Seluroh Malaya bertempat di-Singapura.

115. Dalam tahun 1966 Lembaga ini telah menguruskan 1,327 filem² karangan (feature) dan beberapa filem² pendek 'iklan, filem² berita, filem Penerangan, filem² talivishen dan filem² kepunyaan Perwakilan² negeri luar.

KEMENTERIAN HAL EHWAL SABAH DAN PERTAHANAN 'AWAM

116. Oleh kerana konferantasi telah tamat, maka kerja² Kementerian ini telah di-kurangkan dan dengan demikian anggaran perbelanjaan tahun 1967, telah di-potong sa-banyak 56 peratus.

117. Kementerian ini sedang menyusun sa-mula Pertahanan 'Awan mengikut keperluan masa aman. Ahli² Pasokan Pertahanan 'Awam telah di-kurangkan tetapi ahli²-nya yang chekap maseh bertugas di-bandar² yang besar di-Malaysia. Kementerian ini telah mengeluarkan satu perentah kapada Pasokan² Pertahanan 'Awam meminta ia menjalankan kerja² bagi mengurangkan kesusahan orang² yang di-timpa mala petaka saperti kerja menolong orang² yang kesusahan kerana banjir.

118. Oleh kerana kesusahan wang pada masa ini, maka Kementerian ini telah mengambil langkah² yang tersebut di-bawah ini:

(i) Ranchangan Amaran Serangan Udara untok Malaysia Barat dan Malaysia Timor telah di-berhentikan sementara sa-hingga arahan baharu di-keluarkan.

(ii) Berbagai² jenis kereta² yang berlebehan bagi kegunaan Pertahanan 'Awam sedang di-pindahkan kapada Kementerian² dan Jabatan² lain sa-bagaimana yang di-arahkan oleh pehak Perbendaharaan.

(iii) Hampir² sa-tengah daripada jumlah pegawai/kakitangan Kementerian ini yang di-ambil bekerja sa-chara sementara telah di-berhentikan.

119. Jumlah ahli² Pasokan Pertahanan 'Awam ia-lah 3,600 orang dan mereka sedang berlateh saperti biasa. Jawatan-kuasa Penyama Pertahanan 'Awam (Co-ordinating Committee) di-perengkat² Negeri dan Bahagian maseh berjalan saperti yang sudah².

KEMENTERIAN TANAH DAN GALIAN

120. Bijeh timah, barang galian yang utama sa-kali di-Malaysia ini, maseh menjadi satu daripada tulang belakang ekonomi negara ini. Pengeluaran sa-banyak 68,886 tan dalam tahun 1966, ia-lah yang terbanyak sa-kali semenjak tahun 1941 dan 5,210 tan lebeh banyak daripada rekod yang dahulu ia-itu 63,670 tan dalam tahun 1965. Rekod ini telah terchapai oleh kerana harga bijeh timah tinggi dan dengan hal yang demikian kawasan² galian yang kechil telah banyak di-lombong dan juga tanah² yang mengandongi bijeh yang tidak berapa banyak di-kerjakan dengan memberi keuntongan. Pengeluaran dalam tahun 1967 ada-lah di-jangka akan kurang sadikit daripada pengeluaran tahun 1966. Ini tidak dapat di-elakkan oleh kerana harga bijeh timah sa-makin turun menyebabkan beberapa buah lombong yang tidak berapa banyak bijeh timah-nya di-tutup. Sunggoh pun kawasan bijeh timah yang besar² tiada di-dapati, tetapi pekerjaan mencharigali sentiasa di-galakkan. Beberapa kawasan yang besar², terutama-nya di-Perak, yang dahulu tiada di-benarkan di-jalankan usaha mencharigali dan melombong, telah di-buka dan pada masa ini telah mendapat sambutan yang baik.

121. Sunggoh pun sa-banyak tiga puloh satu buah lombong di-usahakan pada hujong tahun 1966, jika di-bandingkan dengan dua puloh tujoh buah sahaja pada penghujong tahun 1965 tetapi pengeluaran bijeh besi dalam tahun 1966, sa-banyak 5.7 juta tan ia-lah 17.8 peratus kurang daripada pengeluaran pada tahun 1965, ia-itu berjumlah 6.9 juta tan. Hal ini ia-lah di-sebabkan oleh pengeluaran beberapa buah lombong telah merosot oleh kerana bijeh besi yang tinggal sa-makin kurang. Keadaan ini akan terus berlaku dan oleh sebab itu ada-lah di-jangka pengeluaran bijeh besi pada tahun 1967 akan merosot lagi.

122. Pengeluaran bijeh bauxite dalam tahun 1966 telah bertambah daripada 843,172 tan dalam tahun 1965 menjadi 940,447 tan dalam tahun 1966. Sebab²-nya pengeluaran yang besar ia-lah pembeli² luar negeri berkehendakkan lebeh banyak lagi. Pengeluaran sa-banyak itu di-jangka tidak dapat di-kekalkan dalam tahun 1967, oleh kerana sa-buah daripada lombong² yang besar sudah beransor-ansor habis bijeh-nya. Walau bagaimana pun bijeh bauxite Malaysia maseh ada chukup lagi untok di-keluarkan lebeh kurang 500,000 tan tiap² tahun bagi beberapa tahun yang akan datang.

123. Pengeluaran minyak mentah daripada kawasan minyak Miri di-Sarawak makin kurang. Dalam tahun 1966, 345,654 tong Amerika Sharikat telah di-keluarkan berbanding dengan pengeluaran sa-banyak 351,298 tong Amerika Sharikat pada tahun 1965. Minyak yang belum di-keluarkan di-kawasan ini makin sa-tahun sa-makin kurang tetapi di-harap dengan ada-nya usaha charigali minyak di-kawasan perayeran yang berdekatan dan usaha ini pula nampak-nya akan berjaya maka minyak yang belum di-keluarkan akan bertambah.

124. Pekerjaan mencharigali bijeh timah sa-chara kasar dalam Kawasan[2] Simpanan Melayu telah terus di-jalankan. Dalam tahun 1966, kebanyakan kerja[2] ini telah di-jalankan di-Perak. Ranchangan ini akan di-lanjutkan lagi dalam tahun 1967. Sa-hingga ini 48 kawasan simpanan Melayu telah di-charigali. Lapan belas daripada-nya di-fikirkan ada kemungkinan mengandongi bijeh timah dan orang[2], sharikat[2] dan sharikat[2] kerjasama Melayu ada-lah di-beri galakan untok menyiasat kawasan[2] ini dengan teliti dengan tujuan supaya lebeh ramai lagi orang[2] Melayu mengambil bahagian dalam perusahaan melombong. Peruntokan telah juga di-buat dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama untok membantu pemilek[2] tanah Melayu di-dalam kawasan[2] yang terpileh dalam kawasan simpanan Melayu, mengusahakan tanah mereka untok di-lombong.

125. Pengusaha[2] telah sa-makin chenderong kapada kawasan perayeran di-Malaysia bagi mengeluarkan bijeh timah dan minyak. Dalam tahun 1966, Continental Shelf Act dan Petroleum Mining Act telah di-luluskan oleh Parlimen. Dengan Undang[2] ini boleh-lah di-jalankan pekerjaan mencharigali dan melombong bahan[2] galian dalam kawasan perayeran dan permohonan yang telah banyak di-terima untok mencharigali bijeh timah dan minyak dalam kawasan[2] perayeran ini ada-lah sedang di-timbangkan dengan bersunggoh-sunggoh.

126. Usaha charigali geo-chemical yang di-jalankan dengan bantuan Bangsa[2] Bersatu telah berjumpa dengan kawasan[2] mengandongi tembaga di-Sabah. Jabatan Kajibumi, Wilayah Borneo, telah melanjutkan lagi pekerjaan charigali ini, termasok juga mencharigali intan. Hasil[2] usaha mencharigali ini menunjokkan bahawa kawasan[2] ini boleh di-usahakan dengan memberi keuntongan. Atas nasihat sa-orang pakar Bangsa[2] Bersatu pengusaha[2] antara bangsa telah di-pelawa membuat permohonan untok menyiasat kawasan[2] ini dengan sa-chukup-nya dengan tujuan untok di-usahakan kemudian kelak.

Pejabat Pesurohjaya Tanah

127. Dalam tahun 1966 Kanun Tanah Negara, ia-itu satu Undang2 Tanah Persekutuan yang boleh di-pakai dalam semua Negeri di-Malaysia Barat telah di-kuat-kuasakan. Walau bagaimana pun, sa-bagaimana yang lazim dengan mana[2] undang[2] baharu, timbul-lah kerumitan apabila undang[2] itu hendak di-tadbirkan dan apabila atoran[2] kena di-sesuaikan kerana undang[2] telah berubah itu. Untok mengatasi segala kerumitan ini, Pesurohjaya Tanah, Negeri[2] Tanah Melayu telah mengadakan beberapa kursus di-perengkat Negeri. Ia dan Timbalan-nya telah melawat semua Negeri menemui Pesurohjaya[2] Tanah dan Galian Negeri, Pemungut[2] Hasil Tanah dan Penolong[2] mereka dan menerangkan peruntokan

Kanun Tanah Negara kapada mereka. Perbinchangan[2] dalam kursus[2] itu di-dapati berfaedah kapada pegawai[2] tanah, dan Kerajaan[2] Negeri telah memberi kerjasama dengan membenarkan sa-berapa banyak pegawai yang terdapat untok menyertai kursus[2] ini. Pejabat[2] Tanah akan dapat kerap di-lawat supaya usaha[2] dapat di-jalankan bagi mengikut dengan betul peruntokan[2] dan atoran[2] yang tersebut dalam Kanun itu.

128. Oleh sebab Kanun Tanah Negara itu ia-lah satu Undang[2] Persekutuan yang tujuan-nya sa-mata-mata hendak menyatukan sistem tanah dan hak milek tanah dalam semua Negeri di-Tanah Melayu, maka Pejabat Pesurohjaya Tanah, Negeri[2] Tanah Melayu telah menjadi sa-buah Pejabat perundingan dan tempat mendapat nasihat mengenai tafsiran yang betul berthabit dengan peruntokan[2] Kanun ini. Lama kelamaan sa-telah pegawai[2] tanah biasa menggunakan Kanun baharu ini dalam kerja mereka tiap[2] hari, maka ada-lah di-harapkan yang kerumitan pada permulaan itu dapat di-selesaikan. Untok mengatasi kerumitan[2] ini, pegawai[2] tanah semua Negeri di-Tanah Melayu di-kehendaki menghadziri kursus pentadbiran tanah di-Dewan Latehan, Petaling Jaya, Kuala Lumpur. Dalam tahun 1966, dua kursus telah di-adakan dan sa-banyak empat puloh lapan orang pegawai tanah telah menghadziri kursus[2] tersebut. Ada-lah di-persetujui bahawa kursus[2] saperti itu akan di-adakan empat kali sa-tahun pada tiap[2] tahun mulai tahun 1967. Dalam tahun 1966, dua puloh Pejabat Tanah telah di-lawati oleh Pesurohjaya Tanah, Negeri[2] Tanah Melayu dan Penolong-nya dan salinan[2] laporan lawatan itu telah di-hantar kapada Kerajaan Negeri dan Pejabat[2] yang berkenaan.

129. Pesurohjaya Tanah, Negeri[2] Tanah Melayu maseh lagi menjalankan dua tugas-nya, ia-itu sa-bagai penasehat hal[2] tanah kapada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan[2] Negeri dan Pehak[2] Berkuasa 'Awam (Public Authorities) apabila nasihat-nya di-minta, dan mengikut Undang[2] "Federal Land Commissioner Ordinance, 1957", berkenaan dengan semua harta Persekutuan yang tiada boleh di-ubah pindah termasok-lah tanah[2] Keretapi.

130. Buku daftar tanah harta Persekutuan yang di-bawah kuasa Pesurohjaya Tanah Persekutuan ada di-selenggarakan di-Pejabat Pesurohjaya Tanah. Pada Penghujong tahun lalu 1,745 lot tanah bergeran dan 2,060 lot tanah rezab Persekutuan telah di-chatetkan ka-dalam buku daftar tanah ini. Kerja menye-lenggarakan daftar ini telah berjalan dengan baik dan ada-lah di-jangka kerja ini akan siap dalam masa lima tahun lagi.

131. Sekim Penyelesaian Tanah, Kelantan dan Sekim Pentadbiran Tanah, Perlis yang betul[2] di-bawah kawalan Pesurohjaya Tanah, Negeri[2] Tanah Melayu ada-lah berjalan dengan terator mengikut ranchangan masing[2]. Berkenaan dengan Sekim Pentadbiran Tanah Perlis, Kerajaan Negeri telah meluluskan satu undang[2] saperti Sekim Penyelesaian Tanah, Kelantan.

132. Sekim Penyelesaian Tanah, Kelantan sedang menjalankan kerja[2] di-Daerah Kota Bharu dan akan berpindah ka-Tumpat pada tahun hadapan. Pada penghujong tahun 1966, 104,268 keping tanah dalam Daerah itu telah di-siasat dan 69,005 suratan hakmilek telah di-keluarkan.

133. Sekim Pentadbiran Tanah di-Perlis hingga masa ini telah menyiasat 9,034 keping tanah dan telah mengeluarkan 5,597 suratan hakmilek.

LEMBAGA PEMULEHAN DAN PENYATUAN TANAH NEGARA

134. Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara telah di-tubohkan dalam tahun 1966 di-bawah Undang² (Perbadanan) Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara (No. 22 tahun 1966). Undang² ini telah di-kuatkuasakan mulaï 1 haribulan April, 1966. Sadikit pindaan yang kechil pada Undang² ini telah di-buat pada 12 haribulan Mei, 1966. Kuatkuasa Undang² ini ia-lah chuma di-dalam Negeri² Tanah Melayu sahaja.

135. Lembaga ini terdiri dari sa-orang Pengerusi dan sa-belas orang ahli² yang lain dengan tiga orang daripada mereka telah di-lantek oleh Majlis Tanah Negara untok mewakili Kerajaan Negeri² Tanah Melayu. Lembaga ini telah memulakan tugas-nya pada 1 haribulan Oktober, 1966 dan kakitangan² Lembaga mula di-ambil pada hujong tahun 1966 dan mulaï bertugas pada 1 haribulan Januari, 1967.

136. Mengikut sekshen 4 Undang² ini tugas Lembaga ini ia-lah memulehkan dan memajukan:

(*a*) sa-barang tanah Kerajaan Negeri (termasok-lah tanah² di-dalam Kumpulan Penempatan) sama ada dengan chadangan Lembaga sendiri dan mendapat kebenaran dari Pehak Berkuasa Negeri atau pun atas permintaan dari Pehak Berkuasa Negeri; dan

(*b*) sa-barang tanah milek dengan permintaan tuan yang empunya tanah dan dengan sharat² yang di-persetujuï oleh tuan yang empunya tanah dan Lembaga.

Di-samping itu, Lembaga ini boleh menyatukan tanah² yang tidak ekonomik atau tanah² kechil di-dalam Negeri² Tanah Melayu yang berselerak dengan persetujuan tuan yang empunya tanah atau dengan membeli tanah² itu. Tetapi sa-belum sa-barang pekerjaan penyatuan di-mulakan, satu penyiasatan yang teliti perlu di-jalankan ka-atas tanah² milek terutama sa-kali tanah² padi, yang ada terdapat masa'elah sewa menyewa supaya satu jalan yang baik boleh di-dapati bagi mengatasi masa'elah² berkaitan dengan penyatuan tanah dan juga satu pelan yang sesuai dapat di-sediakan bagi menjalankan segala pekerjaan penyatuan tanah itu.

137. Lembaga ini akan menumpukan tenaga-nya kapada Ranchangan Tanah Pinggir dan Ranchangan Tanaman Petakan Baharu (New Block Planting). Pada tahun 1967 Lembaga ini telah berchadang untok memulakan pemulehan tanah sa-bagai projek perintis di-tiga atau empat Ranchangan Tanah Pinggir di-bawah penyeliaan L.K.T.P. Lembaga telah memileh projek perintis yang berikut untok pemulehan Ranchangan Tanah Pinggir dalam tahun 1967:

Nama Ranchangan	Tempat dan Negeri	Luas-nya
(1) Ranchangan Tanah Pinggir Gong	Temerloh, Pahang	936 ekar
(2) Ranchangan Tanah Pinggir Rasau	Slim River, Perak	568 „
(3) Ranchangan Tanah Pinggir Ayer Hitam	Kuala Pilah, Negeri Sembilan	1,761 „

Chara[2] Lembaga ini memulehkan Ranchangan[2] Tanah Pinggir ia-lah dengan sa-chara konterek sa-hingga di-satu masa kelak apabila Lembaga akan menyerahkan ranchangan tersebut kapada peserta[2] jika di-fikirkan ranchangan[2] ini boleh selamat. Tetapi sa-takat mana yang boleh, konterekter akan mengambil buroh[2]-nya dari peserta[2] untok bekerja dalam ranchangan[2] itu.

138. Saperti L.K.T.P., segala perbelanjaan kemajuan akan di-kira sa-bagai pinjaman kapada peserta[2] dan perbelanjaan pentadbiran akan di-kira sa-bagai pemberian perchuma dari Kerajaan Pusat.

139. Kenyataan[2] tender Ranchangan Tanah Pinggir Gong telah di-keluarkan. Kerja[2] pemulehan ada-lah di-jangka akan di-mulakan sama ada dalam bulan April atau Mei, 1967. Untok dua Ranchangan yang lain kerja pemulehan akan di-mulakan di-dalam bulan Mei atau Jun 1967. Sa-telah memperoleh pengalaman dari projek panduan ini dan sa-telah pegawai[2] luar di-lateh oleh L.K.T.P., Lembaga ini akan memulehkan beberapa Ranchangan Tanah Pinggir dalam tahun 1968. Dengan kerjasama dan pertolongan yang sa-penoh-nya dari L.K.T.P. dan Kerajaan Negeri, Lembaga ini mempunyai harapan dapat menyelamatkan beberapa Ranchangan[2] Tanah Pinggir yang tidak memuaskan.

Jabatan Hutan

140. Sa-telah melaksanakan dua ranchangan pembangunan dengan jaya-nya Jabatan Hutan telah membentangkan empat belas projek pembangunan dalam Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama. Kerja[2] bagi menjalankan projek[2] ini sedang berjalan dengan baik. Satu daripada projek[2] itu ia-lah membuka sa-buah ladang pemandu di-tanam dengan pokok[2] jenis yang chepat tumboh. Jabatan Hutan dalam sa-puloh tahun yang lalu telah membuat perchubaan[2] menanam berbagai[2] jenis pokok pine dalam kawasan[2] kechil di-beberapa tempat dalam Negeri ini. Daripada perchubaan[2] itu di-dapati ada beberapa jenis pokok pine yang sesuai di-tanam di-negeri ini. Sekarang ini ada-lah di-ranchangkan hendak meneruskan perchubaan[2] itu dengan menanam jenis[2] itu dalam ladang[2]. Tujuan projek ini ia-lah hendak mengadakan chukup kayu[2] yang sesuai bagi di-buat pulpa dan kertas.

141. Sa-lain daripada projek ini ada beberapa projek penyelidekan yang sedang di-jalankan di-Ma'mal Penyelidekan Kayu (Timber Research Laboratory). Dalam penyelidekan ini perchubaan[2] di-buat bagi mengkaji sama ada kayu kayan dari beberapa jenis[2] yang di-dapati dalam negeri ini dan juga dari luar negeri itu sesuai bagi di-buat pulpa.

142. Satu pasokan Pegawai[2] Hutan sedang menjalankan kerja berkenaan dengan Pemetaan Tinjauan Hutan untok negeri ini, bersama[2] dengan bahagian Pemetaan Jenis Tanah, Jabatan Perdana Menteri. Dalam tahun lalu, kerja membuat peta ini telah selesai di-jalankan bagi sa-bahagian Negeri Johor, Negeri Sembilan dan Pahang.

143. Pengeluaran kayu[2] balak dan hutan[2] dalam Negeri[2] Tanah Melayu dalam tahun 1966 ada-lah terbanyak sa-kali daripada yang pernah di-keluarkan dalam tahun[2] yang lalu, ia-itu sa-banyak 2,691,360 tan. Jumlah ini ia-lah 413,660 tan

lebeh daripada banyak yang di-keluarkan dalam tahun 1965. Jumlah chukai yang di-pungut dari kayu kayan yang di-keluarkan dalam tahun lalu ia-lah lebeh kurang tiga puloh satu juta ringgit.

144. Oleh kerana kayu kayan yang di-keluarkan dalam tahun lalu itu banyak dan di-dapati lebeh daripada yang di-kehendaki oleh kilang[2] papan maka orang[2] yang mempunyai surat kebenaran atau lesen dengan tempoh yang panjang telah di-beri kebenaran mengeksepot kayu kayan itu. Langkah melonggarkan sekatan mengenai mengeksepot kayu kayan ini di-ambil ia-lah kerana hendak membantu pembalak[2] yang mengeluarkan kayu balak berlebeh[2]an, menjual kayu balak mereka supaya tidak menjadi bertimbun[2] di-pasar tempatan.

145. Dalam perkara kayu yang telah di-gergaji pula, perdagangan mengeksepot kayu[2] ini telah juga meningkat maju. Dalam tahun lalu sa-banyak 338,274 tan yang telah di-gergaji telah di-eksepot ka-tiga puloh sembilan buah negeri; ini berma'ana-lah yang wang luar negeri telah di-bawa masok ka-negeri ini.

146. Bilangan kakitangan dalam Jabatan Hutan maseh lagi amat kurang. Pada penghujong tahun 1966 empat orang siswazah dari Universiti Australia telah balek memegang jawatan dalam Jabatan Hutan. Tambahan ini sa-patut-nya dapat mengurangkan kekurangan pegawai[2] kanan, tetapi malang-nya tiga orang Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Jabatan itu telah berhenti kerja kerana hendak masok bekerja dengan MARA dan Sharikat Guthrie.

147. Dalam bulan September, 1966 Jabatan Hutan telah mengadakan Persidangan Perhutanan Seluroh Malaysia Yang Pertama yang di-sambut dengan baik-nya oleh semua Pegawai[2] Hutan di-Malaysia Timor dan juga di-Malaysia Barat. Sa-banyak sa-ratus lima puloh orang wakil telah turut serta dalam Persidangan itu. Dalam bulan November, satu Persidangan Pembenaan Kayu dan Pameran Kayu Kayan telah di-adakan yang juga menchapai kejayaan yang gemilang.

148. Bilangan Bumiputra yang menyertai dalam perusahaan dan perdagangan kayu kayan di-dapati sa-makin bertambah. Dalam tahun 1965 jumlah lesen dan permit yang di-keluarkan kapada mereka ia-lah sa-banyak 612 dan pada penghujong tahun 1966 jumlah ini bertambah menjadi 682. Kemajuan ini amatlah menggalakkan tetapi penyertaan mereka dalam menjalankan kerja[2] perusahaan dan perdagangan itu belum lagi nyata. Sunggoh pun lesen dan permit bagi mereka itu telah bertambah, lebeh daripada jumlah dalam tahun 1965, tetapi belum jelas yang mereka chergas menyertai dalam bidang ini. Di-antara sebab[2]-nya ia-lah kekurangan modal dan pengetahuan dalam selok belok perniagaan kayu kayan. Walau bagaimana pun lama kelamaan Bumiputra itu akan mendapat pengalaman dan akan meningkat maju bersama-sama dengan orang[2] lain.

149. Sa-buah Pusat Penyelidekan Kegunaan Pengeluaran Hutan akan di-tubohkan di-Malaysia untok memperhebatkan kerja[2] yang di-jalankan mengenai keluaran[2] hutan supaya kegunaan lebeh banyak lagi hasil[2] hutan yang luas itu dapat di-maju dan di-tambah dengan chekap-nya.

150. Satu perwakilan pakar² dari Ibu Pejabat Pertubohan Bangsa² Bersatu di-jangka akan mengkaji sama ada berfaedah atau tiada penubohan Pusat itu; serta mengkaji dapat atau tiada menggunakan wang dari Kumpulan Wang Khas Bangsa² Bersatu bagi melancharkan-nya.

Jabatan Ukor

151. Beberapa kemajuan dalam perkara pemetaan rupabumi telah di-chapai dalam tahun 1966; sa-banyak 1,637,729 keping peta telah di-terbitkan; kerja² pemetaan Malaysia Barat dengan sekil satu inchi bagi satu batu telah selesai sa-paroh, dan kerja² pemetaan Malaysia Timor pula telah selesai tiga puloh peratus. Sayugia di-ingatkan ia-itu pemetaan kawasan Malaysia Timor ada-lah untok menentukan dengan betul-nya dalam peta akan sempadan antara-bangsa dengan Indonesia buat kali pertama-nya dalam sejarah. Kejayaan ini di-antara lain telah terchapai dengan kerjasama pegawai² dan kakitangan serta dengan sokongan yang telah di-beri oleh wakil² pemetaan British.

152. Tahun 1966 akan di-ingati sa-bagai tahun yang bersejarah bagi Jabatan Ukor kerana dalam tahun ini Malaysia Barat telah dapat di-gambar dari udara dengan satu sekil yang sama dan dalam masa yang singkat. Pekerjaan ini telah di-siapkan sa-telah di-jalankan penerbangan sa-jauh 24,000 batu dan di-terbit-kan sa-banyak 150,000 keping gambar dan telah di-jalankan dengan kerjasama Kerajaan Canada yang telah membiayai sa-bahagian besar perbelanjaan itu di-bawah Bantuan Ranchangan Colombo. Gambar² ini bukan sahaja berguna besar kapada Jabatan Ukor bahkan kapada pakar² kehutanan, pertanian, peranchangan dan lain².

153. Perpustakaan Peta Negara telah di-tubohkan supaya dapat di-sediakan gambar² udara dan ma'alumat² ukor yang di-jangka sa-makin bertambah banyak di-kehendaki. Perpustakaan ini boleh di-gunakan oleh jabatan² Kerajaan dan orang ramai dan akan menjadi satu lagi tempat yang penting bagi rekod² kebangsaan Malaysia.

154. Kerja di-luar telah di-tumpukan untok menyiapkan penyambongan alataras jodesi dengan Negeri Thai, mengadakan ukoran tarekan di-Sarawak dan pada umum-nya menguatkan kawalan ukor di-Malaysia Timor. Di-samping ini, pegawai² penghitong di-pejabat dengan sokongan yang kuat dari pegawai² penghitong yang menggunakan penghitong letronik di-Amerika Sharikat, telah menyempurnakan pelarasan penigasudutan bagi Malaysia Barat bagi pertama kali-nya.

155. Menurut sa-bagaimana yang di-kehendaki bagi Ranchangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar sa-banyak 46,875 lot tanah telah di-ukor. Pada me-nyempurnakan kerja ini usaha² telah di-jalankan untok mengukor dari udara (reconnaissance surveys) dan menandakan pembarisan jalan² bagi Ranchangan² Pembangunan dengan menggunakan alat theodolite sa-jauh lebeh daripada sa-puloh ribu batu. Sunggoh pun lot yang di-ukor itu kurang daripada tahun yang lalu tetapi lot² yang belum lagi di-ukor atau di-tandakan sempadan-nya dan lot² yang belum di-uruskan oleh pejabat telah nyata kurang.

156. Sunggoh pun sa-telah tamat konfrantasi tidak kurang juga orang berkehendakkan peta[2] rupabumi, tetapi ada-lah menjadi dasar Jabatan ini hendak bersunggoh-sunggoh menerbitkan peta[2], foto[2] udara dan ma'alumat[2] ukor bagi pembangunan negeri ini. Ranchangan pemetaan yang besar[2] telah pun siap bagi kawasan ranchangan Jengka Triangle, kajian pembangunan Negeri Terengganu, kajian menchegah banjir di-Malaysia Barat dan beberapa banyak ranchangan[2] pembangunan yang lain. Jabatan ini juga memberi sumbangan untok satu Peta Negara, kajian bumi dan tentang penggunaan peta[2] dan ilmu[2] khas yang lain.

157. Untok meninggikan mutu kawalan bagi pengarasan di-Malaysia, satu kajian sedang di-jalankan untok menempatkan steshen[2] tolak pasang-surut di-beberapa tempat di-tepi pantai. Sa-lain daripada menyediakan bahan[2] bagi pengkajian saintifik ka-atas negeri ini, steshen[2] ini akan menyediakan ma'alumat[2] bagi pengkajian menchegah banjir dan lain[2] projek yang sa-umpama itu.

158. Ada-lah di-chadangkan hendak meminta bantuan Kerajaan Canada untok mengambil gambar seluroh Negeri Sabah dari udara sa-bagai satu chara hendak menchepatkan kerja[2] ukor dan lain[2] kajian kawasan itu. Projek ini ada-lah sama saperti yang telah di-jalankan di-Malaysia Barat dan akan berguna bagi pembangunan kawasan itu.

159. Oleh sebab kerja[2] pemetaan Malaysia Barat telah berjalan dengan pesat-nya dengan ada-nya foto udara yang baik dan oleh kerana kawalan di-darat telah siap maka kena-lah di-buat ranchangan jangka-panjang bagi memberhentikan pekerja[2] I.M.G.

160. Dalam hal ukor geran, Jabatan Ukor akan terus menerus menjalankan kerja mengukor kawasan[2] Ranchangan Kemajuan Tanah. Harus-lah mustahak mengupah Juru[2] Ukor Berlesen untok membuat beberapa banyak kerja[2] yang akan di-hantarkan ka-Pejabat ini, terutama-nya dari Negeri Pahang.

161. Semua pegawai[2] di-dalam Jabatan ini terdiri daripada anak-negeri, melainkan sa-orang sahaja yang berpangkat tingkatan-biasa.

Jabatan Kajibumi

MALAYSIA BARAT

162. Dalam tahun lalu, rombongan[2] kerja luar Jabatan Kajibumi telah giat melaksanakan projek jangka-panjang membuat satu peta sa-chara terator dengan ukoran 1″-1 batu untok seluroh negara. Sa-masa itu juga Pegawai Kajibumi telah di-tugaskan menyiasat projek[2] jangka-pendek yang penting dan berkaitan dengan kemajuan ekonomi yang di-ranchangkan bagi Malaysia Barat. Penyiasatan Kajibumi bagi sekim pembekalan ayer Kuala Lumpur untok memenohi permintaan ayer yang bertambah-tambah banyak-nya bagi keperluan urusan rumah tangga dan perusahaan telah pun selesai. Pemetaan tanah pada asas-nya bagi projek Kemajuan Tanah Jengka Triangle yang penting itu pun telah juga selesai. Sa-lain daripada itu nasihat Kajibumi kapada kaum pelombong, kajian

bagi kejadian[2] bijeh, bantuan dalam kerja memaju, membahagi[2] dan menyelidek ayer bawah tanah, dan kajian rupa bumi bagi tapak[2] pembenaan kejuruteraan telah pun di-uruskan. Chara[2] baharu dan yang chepat dalam menganalisa di-ma'mal[2] khusus-nya dalam teknik analisa X-ray telah pun di-siasat dan di-gunakan dengan jaya-nya.

163. Dasar[2] masa hadapan Jabatan Kajibumi tidak bertukar. Dasar[2] ini ia-lah hendak menyelesaikan pemetaan tanah seluroh Malaysia Barat yang akan menjadi asas bagi mendapat satu anggaran yang boleh di-pakai mengenai galian[2] yang ada dalam negeri ini, menjalankan penyiasatan yang lengkap bagi kejadian[2] galian apabila membuat peta kawasan[2] bergalian itu, dan mengkaji keadaan rupa bumi timbunan[2] ekonomik supaya dapat di-buat satu asas untok menchari dan menentukan tempat timbunan[2] galian di-masa hadapan. Jabatan Kajibumi akan terus membantu Kerajaan mengenai dasar[2] kegunaan-tanah, menggali galian dalam kawasan[2] yang di-tandakan untok di-majukan, membuat kajian geohydrological saperti bekalan ayer bawah-tanah dan menyiasat tapak[2] ampang haidero-letrik, dan mengembangkan dan memajukan chara[2] analisa galian dan kimia bagi faedah ra'ayat. Kerja memungut pengetahuan mengenai rupa bumi dan menyemak-nya bersama-sama dengan pengetahuan asas rupa bumi akan lama-kelamaan membawa kita memahami rupa bumi Malaysia Barat yang amat penting bagi pembangunan dan kemajuan susunan sosial dan ekonomi Malaysia.

KAWASAN BORNEO

164. Kejayaan Pejabat Kajibumi di-Malaysia Timor yang istimewa dalam masa tahun yang lalu ia-lah penyiapan kerja kajibumi dan charigali di-kawasan Charigali Tembaga Mamut yang bergunong ganang dekat Gunong Kinabalu. Banyak sharikat lombong tembaga telah tertarek hati dengan hasil kerja itu, dan permohonan[2] daripada beberapa buah sharikat yang besar[2] hendak melombong kawasan Mamut sedang di-timbangkan oleh Kerajaan Sabah.

165. Pejabat Kajibumi terus memberi nasihat kapada Kerajaan Sarawak dan Sabah mengenai perkara minyak dan melombong. Perundingan khas untok mengeluarkan dan menukar lesen charigali minyak di-laut telah di-selesaikan bagi kira[2] tujoh ribu batu persegi kawasan perayeran menjadikan jumlah yang berlesen tujoh puloh ribu batu persegi dan di-agak perbelanjaan Sharikat[2] minyak bagi penyelidekan di-Malaysia Timor akan bertambah hingga tiga puloh juta ringgit dalam tahun 1967.

166. Kerja mengukor yang biasa dan menerbitkan buku[2] terus di-buat oleh Pejabat Kajibumi, Bahagian Borneo, dengan sa-chepat mungkin yang terdaya oleh kakitangan-nya yang sadikit. Kerja membuat peta bumi bagi tiga kawasan telah siap dan peta[2] dan penyata[2] sedang di-sediakan untok di-chetak. Di-Sarawak, kerja[2] baharu yang di-jalankan ia-lah membuat peta tanah liat (kaolonitic) dan mencharigali tembaga chara geochemical di-Bahagian Kedua, sedangkan di-Sabah bumi Semenanjong Sandakan sedang di-buat peta-nya dengan lengkap dan kerja telah di-mulakan bagi menyiasat bumi dan geochemical bagi kawasan sa-luas tiga ribu batu persegi di-Lembah Segama.

JABATAN MERGESTUA

167. Tugas Jabatan Mergestua yang utama ia-lah memelihara, melindongi serta mengawal binatang[2] liar. Dalam hal memelihara binatang[2] liar dalam Jabatan ini ada sa-orang pakar Ranchangan Colombo yang mula bertugas pada bulan Oktober, 1966. Pakar ini. Dr. W. E. Stevens berijazah Ph. D, pada masa ini membuat penyelidekan berkenaan dengan Kawasan[2] Perlindongan Mergestua yang telah sedia ada dan ia akan membuat ranchangan untok mengadakan lebeh banyak lagi Kawasan[2] Perlindongan Mergestua sa-bagaimana yang di-tetapkan dalam dasar Kerajaan fasal menggunakan tanah.

168. Oleh kerana tempat[2] tinggal dan kemudahan[2] lain di-Taman Negara di-tambah maka pada tahun yang lalu bertambah-tambah ramai-lah pelanchong[2] dari luar dan dalam negeri melawat ka-Taman Negara. Hasil yang di-pungut pada tahun 1966 ia-lah sa-banyak $26,233.35, ia-itu lebeh banyak daripada hasil tahun 1965 yang berjumlah $18,705.89. Usaha[2] memelihara mergestua dan tumbohan[2] di-Taman Negara itu ada-lah untok faedah semua orang.

169. Wang sa-banyak $200,000 akan di-belanjakan untok menambah tempat[2] tinggal dan lain[2] kemudahan di-Taman Negara supaya chukup untok kegunaan orang yang sa-makin banyak datang melawat ka-sana. Rumah[2] kakitangan di-Taman Negara akan juga di-perelokkan lagi pada tahun ini.

JABATAN ORANG ASLI

170. Ranchangan Pembangunan Luar Bandar untok Orang[2] Asli dalam tahun 1966 telah berjaya. Sembilan ranchangan perumahan telah di-siapkan dan dengan yang demikian lebeh kurang 1,200 Orang Asli telah mendapat rumah di-beberapa tempat. Sa-lain daripada itu beberapa projek pertanian yang kechil[2] telah di-jalankan. Projek[2] ini termasok-lah pemberian binatang[2] ternakan, beneh[2] tanaman dan mengorek kolam[2] ikan.

171. Dalam tahun lalu tiga buah sekolah telah di-bena untok kanak[2] Orang Asli yang tinggal jauh dari masharakat[2] lain. Sekarang ini ada 78 buah sekolah khas saperti itu. Lebeh daripada empat ribu orang kanak[2] sedang menuntut di-sekolah[2] yang di-selenggara oleh Jabatan ini atau di-sekolah[2] biasa. Kelas[2] dewasa juga sedang di-adakan di-balai[2] raya yang di-bena oleh Jabatan ini dalam beberapa kampong Orang Asli dan lebeh kurang 3,500 Orang Asli sedang menuntut di-kelas[2] ini.

172. Perkhidmatan perubatan kapada Orang Asli ada-lah tersusun dengan baik-nya. Sa-hingga hujong tahun lalu, 18,340 Orang Asli telah di-rawat di-Pos[2] Perubatan di-dalam hutan. 808 orang telah di-rawat di-dua buah Rumah Sakit Orang Asli, ia-itu di-Gombak dan di-Kuala Lipis. Di-hitong panjang sa-ramai 195 Orang Asli telah di-rawat di-Rumah Sakit Gombak tiap[2] hari, dan bilangan beranak sa-makin bertambah banyak daripada yang mati. Dari I haribulan Julai hingga 30 haribulan September tahun lalu 1,730 Orang Asli telah di-rawat dengan X-ray. Maka nampak benar yang usaha[2] Jabatan ini hendak memberi kemudahan[2] perubatan kapada Orang Asli ada-lah berjaya.

173. Kerajaan akan terus berusaha meninggikan lagi taraf sosial dan ekonomi Orang Asli dengan memperhebatkan lagi ranchangan[2] kemajuan luar bandar, pelajaran dan kesihatan. Banyak lagi projek[2] saperti ini di-ranchang untok di-jalankan dalam tahun ini, sa-bagaimana yang tersebut dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Tidak shak lagi usaha[2] pembangunan ini akan meninggikan lagi taraf hidup Orang Asli dan dengan yang demikian lama kelamaan mereka akan dapat hidup bersama-sama dengan lain[2] ra'ayat negara.

KEMENTERIAN KE'ADILAN

174. Jabatan ini telah mengalami kesulitan oleh kerana kekurangan kakitangan semenjak dasar memenohi jawatan[2] dengan orang[2] Malaysia di-mulakan. Suatu ranchangan sa-chara segera telah di-jalankan untok mengatasi kekurangan itu. Sa-banyak lima belas biasiswa untok pelajaran menuntut 'ilmu undang[2] telah di-beri dalam tahun 1966 dan sa-banyak itu juga akan di-beri pada tiap[2] tahun bagi tahun 1967 dan tahun 1968. Apabila penuntut[2] ini kembali kelak maka masaelah tentang kakitangan jabatan ini dapat-lah di-selesaikan.

175. Pekerjaan menterjemahkan undang[2] ka-dalam Bahasa Kebangsaan ada-lah berjalan dengan maju-nya tetapi pekerjaan ini tidak dapat di-jalankan dengan chepat oleh kerana kesukaran mendapat penterjemah[2] undang[2] yang berpengalaman. Sa-tengah[2] Rang Undang[2] yang di-bentangkan dalam Parlimen sekarang ini ada-lah di-gubal dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Kebangsaan. Berikutan dengan terkanun-nya Act Bahasa Kebangsaan, 1967, langkah[2] sedang di-jalankan untok menambah bilangan kakitangan supaya jabatan ini boleh menjalankan kerja[2] yang sa-makin bertambah di-sebabkan oleh Act Bahasa Kebangsaan itu.

176. Undang[2] bagi Negeri[2] Malaysia Timor yang telah di-ishtiharkan sa-bagai Undang[2] Persekutuan kebanyakan-nya telah di-chetak sa-mula dan naskhah[2]-nya yang berjilid telah dapat di-adakan untok 'awam. Pekerjaan pengubahan telah hampir selesai. Undang[2] Persekutuan yang telah di-jalankan kuat-kuasa-nya di-Negeri[2] Malaysia Timor dalam tahun yang lalu termasok-lah undang[2] berkenaan dengan Pemegang Amanah 'Awam, Pendaftaran Negara, Loteri Kebajikan Masharakat dan Pilehanraya. Dengan Undang[2] Pilehanraya itu berjalan kuat-kuasa-nya di-Negeri[2] itu maka dapat-lah di-adakan pilehanraya sa-chara langsong di-Negeri[2] itu. Kerja sedang di-jalankan sekarang ini untok mengeluarkan chetakan[2] sa-mula bagi undang[2] Persekutuan itu yang naskhah[2]-nya kekurangan sekarang ini.

177. Dalam tempoh yang di-kaji ini, kemajuan yang di-perolehi oleh Jabatan Kehakiman ada-lah saperti berikut:

(*a*) Sa-orang Hakim dagang Mahkamah Persekutuan telah bersara dan tiga orang ra'ayat Malaysia, ia-itu dua daripada-nya dari Perkhidmatan Perundangan Persekutuan dan sa-orang lagi dari Peguam[2] tempatan (local Bar) telah di-lantek menjadi Hakim.

(*b*) Tiga orang pegawai yang sedang berkhidmat telah di-beri biasiswa bagi tahun 1966 untok menuntut 'ilmu undang² di-United Kingdom dengan tujuan untok di-panggil ka-English Bar. Dalam tempoh ini dua orang penuntut biasiswa kehakiman telah kembali dari United Kingdom sa-telah tamat Pepereksaan Bar Final, dan mereka itu telah di-lantek untok berkhidmat dalam Perkhidmatan Perundangan Persekutuan.

(*c*) Pembenaan sa-buah bangunan Mahkamah baharu. di-Jesselton maseh di-jalankan dan bangunan ini di-jangka siap pada hujong tahun 1967. Bangunan Mahkamah baharu, Kuala Selangor yang mula di-bena pada bulan Februari, 1967, akan siap pada hujong tahun ini.

178. Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Muflis telah di-susun sa-mula menjadi dua Jabatan yang berasingan mulai daripada 1hb November, 1966. Jabatan Pemegang Amanah Raya, ada-lah sekarang ini di-ketuai oleh Pemegang Amanah Raya, Malaysia.

179. Jabatan Pemegang Amanah Raya itu sudah pun sekarang bertanggong-jawab bagi seluroh Malaysia. Undang² Pemegang Amanah tahun 1949 telah di-jalankan kuat-kuasa-nya di-Negeri² Borneo dalam bulan Jun, 1965 oleh undang² "Trustee Investment Act tahun 1965". Undang² "Public Trustee Ordinance, 1950" bersama² dengan undang² tambahan (Subsidiary Legislations) yang di-perbuat di-bawah-nya telah di-jalankan kuat-kuasa-nya di-Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dalam bulan Mach, 1966 oleh Perentah yang di-namakan Modification of Laws (Extension to Borneo State) Order 1966. Tindakan sedang di-ambil untok menjalankan kuat-kuasa Undang² Wasiat dan Pentadbiran, 1959 (Probate and Administration Ordinance, 1959), mula² di-Negeri Sabah pada tahun ini dan kemudian di-Negeri Sarawak.

180. Dua Chawangan Pejabat bagi Jabatan itu telah di-buka di-Malaysia Timor, sa-buah di-Jesselton dan yang sa-buah lagi di-Kuching. Ra'ayat dua buah Negeri ini yang menggunakan perkhidmatan Pejabat Chawangan itu banyak juga dan tidak shak lagi pada masa yang akan datang bertambah² banyak lagi ra'ayat akan datang untok menggunakan perkhidmatan Jabatan itu dalam pentadbiran amanah dan pesaka.

181. Di-Malaysia Barat, usaha memperbesarkan Jabatan Pemegang Amanah Raya ada-lah berjalan dengan giat-nya. Kerja mengadakan sa-buah Chawangan Pejabat di-Seremban untok ra'ayat Negri Sembilan telah di-ator dan di-harap sa-buah Chawangan Pejabat lagi dapat di-adakan tiada berapa lama lagi di-Kangar untok Negeri Perlis. Apabila siap Chawangan Pejabat di-Kangar itu tiap² 13 buah Negeri Malaysia akan mempunyai Chawangan Pejabat Jabatan Amanah Raya.

182. Kerja dalam Jabatan Pemegang Amanah Raya makin bertambah banyak. Bertambah banyak ra'ayat datang menggunakan perkhidmatan yang di-beri oleh Jabatan itu dalam mentadbirkan amanah dan pesaka dan juga membuat Surat² Wasiat. Jabatan Pemegang Amanah Raya yang termasok Pentadbir Pesaka, dalam menjalankan kerja-nya, ada-lah memberi pertolongan yang besar kapada

ra'ayat dalam hal kemasharakatan dan perundangan. Tujuan Pemegang Amanah Raya pada masa yang lalu dan juga pada masa yang akan datang, ia-lah hendak menyamakan tugas-nya dengan tugas pemegang amanah bersendirian.

183. Dalam susunan yang baharu ini pekerjaan Pegawai Muflis ada-lah untok Negeri[2] Tanah Melayu sahaja. Sekarang tindakan sedang di-ambil untok mengadakan Undang[2] Muflis dan Peratoran[2] Muflis (Bankruptcy Act and Bankruptcy Rules) yang sama bagi seluroh Malaysia, supaya undang[2] muflis Negeri Sabah dan Negeri Sarawak di-mansokhkan. Undang[2] dan Peratoran[2] yang di-chadangkan itu telah di-buat deraf-nya dan sedang di-timbangkan oleh Peguam Negara.

184. Menurut Undang[2] Sharikat, 1965 Pegawai Muflis. Tanah Melayu juga bertugas sa-bagai Pegawai Penerima hingga Federal Bankruptcy Act berjalan kuat-kuasa-nya. Peratoran[2] Pembubaran Sharikat[2] (Companies Winding-up Rules), Malaysia yang baharu telah di-buat deraf-nya dan sedang di-timbangkan oleh Jawatan-kuasa Peratoran[2] (Rules Committee).

185. Pada tahun ini sa-buah Chawangan Pejabat akan di-buka di-Kota Bharu di-ketuai oleh sa-orang Pegawai bagi menjalankan kerja muflis di-Pantai Timor Malaysia Barat ia-itu sampai ka-Kuala Trengganu dan Kuantan. Pada masa ini kerja bagi Pantai Timor Malaya itu di-buat dengan kesusahan oleh Ibu Pejabat di-Kuala Lumpur.

KEMENTERIAN KEBAJIKAN 'AM

186. Kerajaan akan terus mengembang dan mengokohkan perkhidmatan[2] kebejikan supaya mereka yang serba kekurangan, chachat, miskin, kanak[2] yang perlukan didekan dan perkhidmatan dan budak[2] nakal dapat merasai ne'mat hidup yang lebeh sempurna.

187. Dalam sa-tahun yang lalu, kerja mengembang dan meluaskan perkhidmatan[2] untok orang[2] chachat chedera telah banyak di-jalankan. Satu kempen penerangan telah di-lancharkan dengan jaya-nya pada tahun yang lepas untok menyedarkan orang ramai akan kebolehan orang[2] chachat, ia-itu jika mereka di-beri latehan yang sesuai dan di-didek menyesuaikan diri, mereka boleh bekerja dengan sa-penoh tenaga dan menchari nafkah sendiri. Sa-buah Badan Pemasaran yang menjadi sa-bahagian yang penting dalam perkhidmatan pemulehan bagi orang[2] chachat akan di-lancharkan pada tahun ini untok menolong pekerja[2] di-rumah dan dalam wokshop[2] yang di-lindongi untok menjual barang[2] buatan mereka.

188. Perkhidmatan[2] pemulehan bagi budak[2] nakal telah di-luaskan lagi sa-telah di-adakan perkhidmatan akhlak di-Sabah dan Sarawak dan sa-telah siap sa-buah Rumah Tahanan/Asrama yang baharu di-Pulau Pinang pada awal tahun yang lepas untok budak[2] nakal. Sa-buah lagi Rumah Tahanan/Asrama sedang di-ranchangkan untok Negeri Sabah pada tahun ini.

189. Perkhidmatan[2] yayasan bagi pengemis[2] dan kuturayau[2] akan terus di-perluaskan lagi pada tahun ini. Kerja membena sa-buah Rumah baharu di-Johor untok orang[2] tua dan yang melarat, termasok kuturayau[2], akan di-mulakan dalam tahun ini, dan sa-lain daripada itu sa-tengah daripada Rumah[2] yang ada sekarang akan di-besarkan untok mengambil masok lagi pengemis[2] dan kuturayau[2] sa-telah di-adakan Undang[2] Kuturayau dahulu.

190. Perkhidmatan[2] bagi perempuan[2] dan gadis[2] yang terdedah kapada bahaya keruntohan akhlak akan juga terus mendapat perhatian Kerajaan. Kerja mem-bena sa-buah Rumah Perlindongan di-Terengganu bagi pemulehan perempuan[2] yang sa-umpama itu akan di-mulaï dalam tahun ini.

191. Perkhidmatan bagi kanak[2] yang perlukan didekan dan perlindongan akan juga di-perluaskan. Peranchangan awal untok membena sa-buah Rumah Kanak[2] yang baharu sedang giat di-usahakan untok menerima kanak[2] yang datang daripada Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

192. Perkhidmatan bagi orang[2] sakit melarat yang di-usahakan bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan juga mendapat perhatian yang khas. Kerja membuat ranchangan awal telah banyak di-siapkan dan ranchangan ini akan di-jalankan sa-takat mana yang termampu.

193. Ranchangan[2] yang merata untok membaiki dan meninggikan taraf hidup ra'ayat saperti yang terkandong di-dalam Ranchangan Gerakan Maju sedang di-beri keutamaan. Pekerja[2] kebajikan akan di-minta menyertaï ranchangan ini dan mereka akan memainkan peranan yang lebeh besar pada menggerakkan kumpulan[2] masharakat supaya mempunyaï hasrat dan chita[2] yang lebeh tinggi, semangat menolong diri sendiri dan menggalakkan ra'ayat mengambil bahagian dalam Ranchangan Gerakan Maju.

194. Latehan sambil bekerja bagi kakitangan akan di-perluaskan dan kerja membena sa-buah Pusat Latehan Berasrama akan di-mulakan pada awal tahun ini sa-kira-nya wang di-sediakan.

195. Bantuan akan terus di-beri kapada tanggongan orang[2] tahanan. Ranchangan pemulehan bagi mangsa[2] banjir yang menanggong penderitaan dan kerugian akibat ayer bah yang berlaku awal tahun ini akan terus mendapat pandangan Kerajaan dalam tahun ini.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SOKAN

'Am

196. Pada penghujong tahun 1966 Kementerian ini mula mempunyaï beberapa orang pegawai[2]-nya sendiri di-perengkat negeri dan daerah tetapi hampir sa-panjang tahun itu Kementerian ini terpaksa mengharapkan pertolongan daripada pegawai[2] Jabatan Kebajikan Masharakat menjalankan kerja[2]-nya di-perengkat negeri dan daerah. Ada-lah di-harapkan bahawa dalam tahun 1967 Kementerian ini akan mempunyaï pegawai[2]-nya sendiri di-perengkat negeri dan juga di-perengkat daerah supaya kerja[2] dan tugas[2] Kementerian dapat di-jalankan dengan lebeh tegas lagi.

197. Pada tahun 1966 dua ranchangan baharu telah di-laksanakan oleh Kementerian ini di-bawah Ranchangan Pembangunan Malaysia Pertama, ia-itu pembenaan pusat² pelbagai-guna dan penubohan Angkatan Belia Pelupor Negara.

198. Dalam tahun yang tersebut Kementerian ini telah mendapat tanah² untok tapak pusat² tersebut di-beberapa buah negeri termasok-lah negeri² di-Malaysia Timor. Di-harapkan dalam tahun 1967 Kementerian ini dapat membena pusat² pelbagai-guna itu sa-kurang²-nya dalam tiga buah negeri.

199. Angkatan Belia Pelupor Negara telah di-tubohkan pada tahun 1966 bertempat di-Dusun Tua. Semenjak tertuboh-nya dalam bulan Jun, 1966, Angkatan itu telah mempunyai 175 orang peserta² dan mereka telah di-tempatkan di-dalam berbagai² jurusan latehan yang di-dapati di-Pusat itu.

Kebudayaan

200. Dalam tahun 1966 Kementerian ini telah di-beri tugas mengadakan pertunjokan² kebudayaan di-majlis² resmi saperti perayaan² Pertabalan Duli² Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan lawatan² orang² kenamaan dari luar negeri.

201. Sa-lain daripada mengadakan kursus² drama dan tarian di-Pusat Latehan Belia Kebangsaan, Peretak, Kuala Kubu Bharu, Kementerian ini telah juga mengadakan satu kursus tarian bagi orang ramai di-Dewan Belia Kampong Pandan dan sambutan dari orang ramai ada-lah memuaskan hati.

202. Dalam tahun itu Kementerian ini telah mengatorkan lawatan² kebudayaan ka-negeri² di-Utara Malaysia Barat, ka-Sabah dan Sarawak dan ka-Bangkok sa-bagai mengambil sempena temasha Sokan Asia yang Kelima.

203. Balai Seni Lukis Negara dan Angkatan Seni Lukis Semenanjong telah mengadakan beberapa pameran² lukisan dalam tahun itu. Berkenaan dengan chadangan hendak membena sa-buah bangunan baharu untok Balai Seni Lukis Negara tidak ada apa² kemajuan yang di-buat kerana kekurangan wang.

204. Kementerian ini telah mula mengeluarkan filem berkenaan "Kebudayaan" dengan kerjasama pehak Filem Negara Malaysia. Ia juga telah mengadakan ranchangan² kebudayaan di-Talivishen Malaysia dalam tahun itu.

Belia

205. Dalam tahun 1966, 61 buah kelab belia telah di-tubohkan, menjadikan berjumlah sa-banyak 1,183 buah kelab di-Malaysia Barat sahaja. Berapa banyak telah di-tubohkan di-Negeri² di-Malaysia Timor tiada dapat di-ketahui kerana Kementerian ini maseh lagi kekurangan pegawai²-nya sendiri untok mengumpol angka kelab² belia di-sana.

206. Sa-jumlah 38 kursus telah di-adakan di-Pusat Latehan Belia Kebangsaan, Peretak, Kuala Kubu Bharu dan sa-ramai 775 orang belia telah hadzir dalam kursus² itu. Kursus utama yang di-adakan ia-lah Kursus Pimpinan. Kursus² yang

lain ia-lah Pertukangan, Jahitan, Seni Foto, Drama, Urusan Rumah Tangga dan Perkhemahan Kerja. Kementerian ini berharap dapat menambah lagi bilangan kursus[2] dalam tahun 1967 supaya ramai lagi belia[2] dapat mengambil kursus[2] itu.

207. Dalam tahun 1966 itu telah tertuboh sa-buah badan gerakan belia—Gerakan 4-B Malaysia. Pertubohan ini ada-lah merupakan sa-buah daripada Pertubohan Belia Kebangsaan Malaysia, dan di-tubohkan bagi belia yang chenderong dalam perkara[2] pertanian.

208. Dalam tahun itu kebanyakan daripada kelab[2] belia di-seluroh Negeri telah menuruskan berbagai[2] kegiatan dalam hal ekonomi, kemasharakatan dan kebudayaan.

Sokan

209. Pertubohan[2] sokan telah terus menjalankan usaha[2] untok mengadakan pertandingan dan kegiatan[2]-nya yang biasa. Sa-bilangan Pertubohan[2] Sokan Kebangsaan dan lain[2] badan sokan telah mendapat bantuan daripada Kementerian ini.

210. Temasha sokan yang istimewa dalam tahun 1966 ia-lah Sokan Asia yang Kelima yang di-adakan di-Bangkok. Malaysia telah mendapat tempat yang keempat antara negeri[2] yang mengambil bahagian.

211. Di-dalam pertandingan pusingan Piala Thomas bagi kawasan Barat Asia pasokan badminton Malaysia telah mengalahkan India dengan 8 perlawanan bebalas satu dan mengalahkan Pakistan dengan mata yang sama.

Muzium

212. Muzium Negara terus menjadi tempat kunjongan yang di-sukai oleh pelawat[2] ka-Kuala Lumpur. Jumlah pelawat[2] dalam tahun 1966 ia-lah 780,150 orang termasok 37,201 orang murid[2] sekolah, ia-itu lebeh sa-banyak 67,645 orang daripada tahun 1965.

213. Lapan pameran yang besar[2] telah di-adakan dalam tahun 1966, termasok dua pameran yang istimewa; satu mempertunjokkan bentok[2] duit shiling baharu yang di-adakan oleh Bank Negara dan yang satu lagi di-anjorkan oleh Universiti Malaya berhubong dengan International Association of Tamil Research Conference yang di-adakan di-Kuala Lumpur.

214. Tiga buah "Travelling Exhibition" telah di-hantarkan ka-Muzium Negeri Pulau Pinang dan Muzium Negeri Perak di-Taiping. Pameran[2] ini ia-lah berkenaan dengan "Dongson's Influence in Malaya", "Ajanta Cave Paintings" dan "Life and Work of Vincent Van Gogh".

215. Kerja pembenaan di-bilek pameran di-tingkat dua Muzium Negara untok pameran "zoological" telah di-siapkan dalam bulan September tahun itu. Pameran itu sedang di-sediakan dan di-harap bilek pameran itu akan di-buka kapada orang ramai pada penghujong tahun ini. Ini akan menjadikan Muzium Negara lebeh di-sukai lagi oleh orang ramai.

216. Muzium Negara ada-lah berhubong rapat dengan badan[2] pelajaran dan sain tempatan dan luar negeri. Pertukaran penerbitan-nya, ia-itu "Federation Museums Journal" dengan penerbitan 93 buah badan di-luar negeri telah di-uruskan.

217. Dalam tahun itu sa-banyak 240 benda[2] telah di-perolehi dan 38 daripada-nya ia-lah hadiah daripada orang awam.

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

Kerajaan Tempatan

218. Perjalanan pentadbiran Kerajaan Tempatan di-Malaysia Barat pada 'am-nya maseh tiada memuaskan hati. Apabila keluar kelak pendapat[2] dan shor[2] Surohanjaya Penyiasat di-Raja yang di-tubohkan untok menyiasat perjalanan Penguasa Tempatan itu di-harap Penguasa[2] Tempatan akan lebeh baik mutu-nya dan lebeh sempurna perjalanan-nya.

219. Majlis Bandaran Seremban, yang ahli[2]-nya di-dapati oleh sa-buah Surohanjaya Penyiasat[2] melakukan pentadbiran dan perbuatan[2] yang tiada mengikut peratoran, maseh di-tadbirkan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan.

220. Semenjak 1 haribulan Julai, 1966 Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil aleh pentadbiran Majlis Bandar Raya Pulau Pinang dan sa-buah Surohanjaya Penyiasat yang di-tubohkan di-bawah Undang[2] Surohanjaya Penyiasat Tahun 1950 untok menyiasat tudohan[2] bahawa ahli[2] Majlis Bandar Raya itu melakukan pentadbiran dan perbuatan[2] yang tiada mengikut peratoran dan melanggar undang[2], telah menamatkan penyiasatan-nya dan pada masa ini sedang menyediakan laporan-nya. Oleh kerana sebab[2] yang sa-umpama itu juga Majlis Bandaran Johor Bahru telah di-ambil aleh oleh Kerajaan Negeri Johor dan sa-buah Surohanjaya Penyiasat di-bawah Undang[2] Surohanjaya Penyiasat Tahun 1950 telah di-tubohkan dan akan mula menjalankan penyiasatan-nya tiada lama lagi. Majlis Bandaran Melaka dan Majlis Bandaran Batu Pahat telah di-ambil aleh oleh Kerajaan Negeri masing[2] kerana kedua[2]-nya tiada dapat hendak menunaikan kewajipan[2] dan tugas-nya oleh kerana sebab[2] yang berthabit dengan hal[2] kewangan. Tidak-lah ada lain jalan melainkan Kerajaan Negeri kena-lah mengambil aleh kedua[2] buah Majlis itu jika tidak maka terganggu-lah perkhidmatan[2] yang mustahak dan dengan yang demikian pembayar[2] chukai akan menderita.

221. Kerajaan Persekutuan terus membantu Penguasa[2] Tempatan untok kemajuan kawasan[2]-nya dengan memberi peruntokan[2] wang bagi melaksanakan projek[2] kemajuan. Projek[2] ini biasa-nya projek membena jalan raya dan jambatan, parit dan pembetong, menyedia dan menyambongkan bekalan letrik, mendirikan pasar dan gerai, mengelokkan lagi kemudahan[2] kesihatan, kemudahan[2] permainan dan rehat, bekalan ayer, mendirikan balai raya dan lain[2] bagi memperbaiki keadaan bandar.

222. Satu usaha yang besar ia-lah usaha Majlis Bandaran Kota Bharu membena sa-buah pasar baharu di-Kota Bharu. Kementerian ini telah memberi wang sa-banyak $420,000 dan meminjamkan wang sa-banyak $300,000 untok usaha itu. Pasar ini telah di-buka dengan resmi-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan pada 17 haribulan Mach, 1966.

Ibu Kota Persekutuan

223. Sa-bagaimana tahun[2] yang lepas, usaha[2] telah di-tumpukan bagi memperelokkan Ibu Kota Persekutuan supaya menjadi kemegahan Negara.

224. Jalan[2] raya telah banyak di-perbaiki dan di-tambah supaya lalu lintas dalam Ibu Kota ini lebeh sempurna dan selamat. Kerja membena jalan[2] raya baharu telah di-usahakan oleh Pentadbiran Ibu Kota dan Jabatan Kerja Raya. Dalam kawasan tengah sahaja, lebeh kurang sa-juta ringgit telah di-belanjakan bagi melebarkan jalan raya, menambah dan memperbaiki lampu[2] dan mengadakan jalan jalan-kaki. Kerja membuat ranchangan bagi menggunakan satu sistem lalu lintas yang baharu ia-itu sistem berputar (gyratory system) di-kawasan tengah Kuala Lumpur yang akan di-kawal dengan lampu[2] isharat lalu lintas yang di-tukar[2] serentak warna-nya oleh suatu pesawat besar telah banyak di-jalankan. Usaha itu juga di-jalankan bagi memperbaiki lagi parit dan saloran najis supaya pendudok[2] bandar itu dudok dalam keadaan dan kawasan yang lebeh berseh.

225. Pentadbiran Ibu Kota terus berusaha mengadakan rumah[2] murah bagi pendudok[2] yang berpendapatan kechil dan setinggan[2] (squatters) dalam dan di-sekeliling Kuala Lumpur. Perihal ranchangan rumah murah di-Kuala Lumpur ada di-sebutkan di-bawah tajok "Perumahan".

226. Dalam hal kesihatan, tidak ada kejadian wabak penyakit di-Kuala Lumpur. Perkhidmatan bagi ibu bersalin dan kesihatan kanak[2] sa-makin bertambah banyak dan baik dalam masa beberapa tahun ini.

Perumahan

227. Kemajuan yang di-perolehi dalam hal rumah murah dalam tahun yang mula[2] di-laksanakan Ranchangan Malaysia ia-itu tahun 1966 hanya boleh di-katakan memuaskan hati sahaja. Ini ia-lah kerana tanah tiada boleh di-dapati, kelambatan menyediakan tapak, kechorangan yang di-dapati dalam menjalankan piling dalam sa-buah ranchangan perumahan dan juga beberapa faktor yang lain termasok-lah hujan lebat dan banjir yang berlaku pada penghujong tahun itu. Sunggoh pun begitu pada penghujong tahun 1966 ada terdapat kemajuan yang lebeh chepat lagi. Daripada peruntokan yang di-beri sa-banyak $20 juta bagi tahun 1966 hanya kira[2] $9 juta sahaja telah di-belanjakan bagi ranchangan rumah murah. Perbelanjaan ini tidak-lah termasok perbelanjaan daripada pinjaman orang ramai sa-banyak $10 juta yang di-usahakan oleh pehak Ibu Kota Persekutuan dalam tahun 1964 untok ranchangan perumahan di-Jalan Pekeliling. Daripada peruntokan yang di-sediakan untok ranchangan rumah murah, sa-banyak $3 juta telah di-pinjamkan kapada Sharikat Kerjasama

Perumahan Pegawai² Kerajaan Malaysia dalam tahun itu dan sa-banyak $5.5 juta lagi telah di-pinjamkan kapada-nya pada 31 haribulan Disember, 1966; sa-banyak $2.5 juta telah di-pinjamkan kapada Sharikat Kerjasama Perumahan Angkatan Bersenjata menjadikan $11 juta semua-nya telah di-pinjamkan kapada kedua² buah Sharikat itu.

228. Dalam tahun 1966 dan pada awal tahun 1967, rumah² murah yang telah siap di-bena berjumlah 1,550 buah ia-itu dengan menggunakan wang Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi bukan-lah sa-banyak itu sahaja rumah murah yang di-dirikan dengan usaha Kerajaan. Jika di-kira rumah yang di-dirikan dengan perbelanjaan Kerajaan sa-chara langsong atau tidak langsong melaluï Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Lembaga Letrik Negara, Jabatan Kerja Raya dan sa-bagai-nya, maka banyak-nya semua sa-kali hampir² lapan ribu buah. Maka dalam masa itu telah di-dirikan sa-banyak itu boleh-lah di-katakan kemajuan yang munasabah. Patut juga di-jelaskan di-sini bahawa bagi ranchangan yang besar² di-bandar² besar (umpama-nya ranchangan² rumah bertingkat-tingkat dan ranchangan² rumah yang menggunakan teknik perumahan perusahaan), tidak dapat tiada tentu-lah ada lat antara masa meranchang dengan masa membena rumah itu dan dengan masa menyiapkan-nya. Walau pun begitu, kebanyakan ranchangan² yang besar ini di-jangka akan dapat di-siapkan pada penghujong tempoh Ranchangan Malaysia itu.

229. Sa-bagaimana yang telah di-nyatakan dalam hujongan Titah Uchapan di-Raja tahun lalu, kebanyakan ranchangan rumah murah itu di-jalankan di-bandar Kuala Lumpur dan di-bandar² besar sahaja. Di-Ibu Kota Persekutuan, ranchangan perumahan di-Sungai Besi, di-Bangsar dan di-Jalan Pekeliling ia-itu sa-banyak 3,169 buah rumah ada-lah sedang dalam pembenaan. Kerja melaksanakan ranchangan perumahan di-jalan Shaw yang telah terbantut oleh kerana konterek yang menjalankan kerja piling tidak mematohi sharat konterek-nya telah di-jalankan sa-mula. Konterek itu sekarang ini membetulkan kerja² piling itu dan pembenaan "super-structure"-nya akan di-mulakan sa-lepas sahaja kerja piling itu siap. Lagi sa-buah ranchangan ia-itu Ranchangan Perumahan bagi peringkat keempat di-Jalan Loke Yew yang mengandongi 400 buah rumah dan yang di-chadangkan untok mereka yang tinggal di-atas tanah² haram telah pun di-mulakan baharu² ini dengan menjalankan kerja menanam piling-nya. Kerja² meranchang ranchangan² yang tersebut di-bawah ini sedang berjalan dengan baik:

Jalan Cheras	(3,000 buah rumah)
Jalan San Peng	(200 buah rumah)
Wardieburn Estate	(1,250 buah rumah)

Baharu² ini sa-buah lagi ranchangan perumahan yang besar dan yang mengandongi 2,768 buah rumah pangsa telah di-luluskan dan rumah² ini akan di-bena di-sekshen 90 bersempadan dengan Jalan Peel dan Jalan Cheras.

230. Memandang kahadapan, Kerajaan telah juga meluluskan chadangan hendak mengambil milek tanah sa-luas 900 ekar di-Seaport Estate bagi ranchangan perumahan pada masa akan datang. Urusan mengambil milek tanah itu hampir² selesai.

231. Ibu Kota Persekutuan telah juga melancharkan peringkat pertama ranchangan perumahan bagi kakitangan-nya di-Gombak. Ranchangan ini mengandongi 84 buah rumah berkembar dan 120 buah rumah berderet. Kerja membena rumah[2] itu telah pun di-mulakan. Semua-nya ada 419 buah rumah untok kakitangan-nya dalam ranchangan itu.

232. Satu lagi tempat yang ada ranchangan rumah murah yang agak besar juga ia-lah Pulau Pinang. Beberapa buah ranchangan telah pun di-luluskan bagi negeri itu untok membena rumah[2] berderet, rumah[2] pangsa empat tingkat dan rumah[2] pangsa banyak tingkat. Ranchangan[2] yang besar di-negeri itu ia-lah ranchangan[2] di-kawasan perusahaan Mak Mandin (mengandongi 240 buah rumah—rumah pangsa empat tingkat), di-Jalan Chain Ferry (mengandongi 672 buah rumah—rumah pangsa empat tingkat) dan Ranchangan Perumahan Rifle Range (mengandongi 3,743 buah rumah). Ranchangan[2] perumahan di-Mak Mandin dan di-Jalan Chain Ferry itu ada-lah di-chadangkan untok pekerja[2] di-kawasan Perusahaan di-Mak Mandin dan juga bagi mereka yang tinggal di-atas tanah[2] haram dan terlibat dengan pembenaan jalan raya yang baharu itu. Ranchangan di-Rifle Range itu ada-lah ranchangan pemandu yang kedua menggunakan teknik pembenaan perusahaan dan akan memakan belanja lebeh $20 juta. Kilang-nya sedang di-bena dalam kawasan ranchangan itu dan kelengkapan[2] rumah di-jangka akan mulai di-keluarkan dalam bulan Mei, 1967.

233. Sa-lain daripada ranchangan[2] perumahan di-bandar[2] besar itu, ada lagi ranchangan[2] perumahan yang telah di-luluskan untok pekan[2] kechil dan daerah-di-Malaysia Barat dan Timor. Rumah[2] yang akan di-bena atau yang sedang di-bena itu ia-lah rumah[2] papan yang rengkas pembenaan-nya, rumah[2] berderet dan rumah[2] pangsa saperti yang di-bena di-Johor Bahru dan Melaka. Dasar Kementerian ini ia-lah hendak mengadakan ranchangan rumah murah di-tiap[2] pekan. Oleh yang demikian beberapa buah ranchangan, tiap[2] satu-nya mengandongi daripada 30 hingga 100 buah rumah telah pun di-lancharkan di-pekan[2] kechil.

234. Kementerian itu sedang giat mengkaji chadangan hendak menubohkan sa-buah Pehak Berkuasa Perumahan dan Kemajuan Negara dan juga menimbang kemungkinan memasokkan dalam rang undang[2] yang akan menubohkan Pehak Berkuasa itu sharat[2] yang sesuai supaya wang pehak[2] bukan Kerajaan boleh di-gunakan untok membena rumah untok orang ramai. Sa-bagaimana yang telah di-ketahui, di-Amerika Sharikat dan juga di-lain[2] negara yang telah maju saudagar[2] dan sharikat[2] perniagaan ada memainkan peranan mereka dalam ranchangan perumahan Kerajaan.

Peranchang Bandar dan Kampong

235. Jabatan Peranchang Bandar dan Kampong memberi perkhidmatan-nya kapada kawasan[2] bandar dan juga kawasan[2] kampong. Ada-lah di-harapkan yang pada masa yang akan datang Pelan[2] Kemajuan Negeri akan di-sediakan bagi tiap[2] negeri supaya segala usaha pembangunan dari pehak kerajaan dan persendirian di-jalankan mengikut chara dan segi yang sa-habis baik.

236. Dalam Pembangunan Luar Bandar, Jabatan itu terus memberi perkhidmatan-nya ia-itu menyediakan semua pelan kampong dalam ranchangan[2] Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dengan kerjasama Jawatan-kuasa Peranchang Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Perhubongan yang rapat telah di-pelihara dengan Pakar[2] Ranchangan Jengka Triangle pada masa mereka menjalankan tugas[2] mereka supaya kerja meranchang pembenaan kampong[2] dan bandar[2] itu dapat terus di-jalankan dengan sempurna-nya.

237. Suatu rangka Pelan Besar (Master Plan) untok Ibu Kota Persekutuan telah siap untok menggantikan Pelan Majlis Bandaran Kuala Lumpur yang telah di-luluskan dalam tahun 1939. Pelan baharu ini yang berdasarkan kapada anggaran pendudok[2] Ibu Kota dalam masa dua puloh tahun yang akan datang ia-itu sa-banyak 1,300,000 orang (pendudok[2] di-dalam kawasan Majlis Perbandaran Kuala Lumpur sekarang ini ia-lah antara 600,000 dengan 700,000 orang) ada-lah suatu pelan yang elok kerana dalam-nya ada kawasan[2] sekolah, kawasan[2] perdagangan dan perusahaan dan sa-bagai-nya. Pelan itu juga menggunakan pelan pakar Lalu-lintas sa-bagai asas untok sistem "neighbourhood unit". Pelan baharu ini telah di-pamirkan kapada orang ramai untok di-kaji dan orang ramai ada-lah di-minta memberi pendapat mereka sa-belum pelan itu di-hantar kapada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Undang[2] Peranchangan Bandar sekarang ini.

238. Sa-telah mengkaji bersunggoh[2] mengenai perundangan peranchangan, maka Jabatan itu telah membuat satu rang Undang[2] Peranchangan yang baharu dan rang Undang[2] itu sekarang ini sedang di-kaji dengan teliti-nya oleh Jabatan Peguam Negara. Undang[2] ini sangat-lah mustahak bagi melancharkan Pelan Besar tersebut dan dalam-nya ada peruntokan[2] mengenai ranchangan pembangunan dan penggunaan tanah di-kawasan[2] bandar dan kampong di-seluroh Malaysia Barat, memelihara dan mengelokkan lagi segala kemudahan, memberi kebenaran untok memajukan tanah, memberi tambah kuasa kapada Kerajaan mengenai mengambil milek tanah dan memajukan tanah untok kegunaan orang ramai dan mengenakan chukai pembangunan dan lain[2] perkara yang berthabit dengan-nya.

239. Berkenaan dengan ranchangan rumah murah, Jabatan itu terus memberi kerjasama-nya kapada Kementerian dalam usaha memileh dan menilai tapak[2] perumahan, menyediakan pelan[2] tapak dan menetapkan bentok ranchangan rumah murah yang hendak di-bena di-Malaysia Barat dan Timor.

Perkhidmatan Bomba

240. Sa-laras dengan dasar Kerajaan hendak meninggikan lagi mutu perkhidmatan bomba di-Malaysia supaya kerugian kerana kebakaran dapat di-kurangkan menjadi sa-habis sadikit maka Jabatan Pemereksa Perkhidmatan Bomba telah mengambil langkah[2] untok menambahkan lagi kechekapan dalam chara latehan dan menyediakan kemudahan[2] yang lebeh baik lagi bagi sekolah Pusat Latehan Bomba. Sa-orang pegawai kanan sekolah tersebut baharu[2] ini telah tamat menjalani satu kursus yang lengkap di-seberang laut mengenai menguruskan pentabiran[2] saperti itu. Sekolah tersebut memberi latehan kapada kakitangan

perkhidmatan bomba dari semua negeri dan perkhidmatan[2] bomba penguasa tempatan di-seluroh Malaysia. Ia juga memberikan latehan mengenaï menchegah kebakaran kapada pekerja[2] perusahaan. Dalam tahun 1966 sa-ramai 220 orang telah mendapat latehan di-sekolah itu.

241. Bahagian Penchegah Kebakaran dalam Jabatan Pemereksa Perkhidmatan Bomba telah terus menjalankan kerja memereksa bangunan[2] Kerajaan Persekutuan untok menchegah kebakaran. Sa-banyak 1,272 pemereksaan telah pun di-jalankan dan alat[2] pemadam api yang sesuai di-sediakan di-tempat[2] yang di-fikirkan mustahak. Sa-banyak 121 buah Khemah Angkatan Bersenjata telah juga di-pereksa dalam tahun 1966 dan laporan[2] mengenaï langkah[2] menchegah kebakaran telah pun di-hantar kapada Pehak[2] Berkuasa Tentera yang berkenaan. Jabatan itu juga telah terus memberi nasihat mengenaï langkah[2] menchegah kebakaran apabila membuat pelan[2] bangunan baharu. Sukachita di-nyatakan bahawa dalam tahun 1966 tidak ada sa-barang kebakaran besar yang berlaku mengenaï harta Kerajaan Persekutuan.

242. Memandang kapada betapa mustahak-nya suatu perkhidmatan bomba yang chekap bagi seluroh negeri ini di-adakan maka Kerajaan Persekutuan baharu[2] ini telah mendapat perkhidmatan sa-orang pakar melaluï Ranchangan Colombo. Tugas[2] utama pakar itu ia-lah menchari jalan untok memperbaiki chara[2] latehan dan juga mengkaji undang[2] dan peratoran[2] yang ada sekarang ini mengenaï menchegah kebakaran dan kebiasaan mengenaï-nya dan membuat shor[2] yang sesuai supaya satu undang[2] yang tegas mengenaï menchegah kebakaran itu dapat di-adakan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA POS DAN TALIKOM

Jabatan Kerja Raya

243. Di-dalam tahun 1966 Jabatan Kerja Raya telah menjalankan ranchangan mengukohkan jalan[2] yang telah di-bena di-bawah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar Yang Kedua itu, sa-lain daripada membena jalan[2] baharu.

244. Empangan Juru di-Seberang Prai telah siap di-bena. Jambatan Muar telah siap di-bena dan di-buka pada 15hb April, 1967, dan kerja membena jambatan Batu Pahat berjalan dengan baik.

245. Jalan terus baharu di-Kuala Lumpur yang baharu sa-paroh sahaja siap itu telah mengurangkan sadikit sesak di-atas jalan[2] raya di-Kuala Lumpur.

246. Ranchangan[2] Bekalan Ayer Linggi untok membekalkan ayer ka-Seremban dan Port Dickson dalam Negri Sembilan, Ranchangan[2] Bekalan Ayer Muar, Parit Raja, Jementah dan Layang[2] di-Johor, dan juga Ranchangan[2] Bekalan Ayer Jerantut, Rompin, Karak, dan Tras di-Negeri Pahang telah siap di-bena dalam tahun 1966.

247. Sa-lain daripada itu bekalan[2] ayer bagi projek[2] Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan di-Bukit Rokan, Lenga, Kemelah dan Sungai

Tekam telah juga di-bena. Dengan siap-nya bekalan[2] ayer yang tersebut serta juga bekalan[2] ayer yang di-bena di-luar bandar di-merata negeri ini, maka di-anggarkan sa-jumlah 200,000 orang yang mendapat faedah daripada projek[2] itu.

248. 191 unit tempat tinggal telah di-bena untok pekerja[2] perusahaan dan buroh kasar dan 373 buah rumah bagi pegawai[2] lain telah juga di-bena. Enam buah bangunan pejabat telah juga siap di-bena di-Kuala Lumpur.

249. Bagi tahun 1967 pula, di-antara beberapa ranchangan jalan raya yang besar ia-lah benaan jambatan[2] bagi menggantikan jambatan[2] kayu di-Negeri Trengganu, benaan Jambatan Batu Pekaka di-Negeri Kedah, dan juga meluruskan jalan antara Kuantan dengan Maran di-Negeri Pahang.

250. Ranchangan[2] jalan yang terta'alok kapada Wang Pinjaman hanya akan dapat di-tetapkan sa-telah di-timbangkan oleh Kajian Pengangkutan Kebangsaan yang akan di-mulakan pada pertengahan tahun 1967 ini.

251. Wang sa-banyak $12.6 juta telah di-peruntokkan bagi tahun 1967 di-bawah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar untok menjalankan ranchangan[2] jalan raya.

252. Wang sa-banyak $2 juta telah juga di-peruntokkan bagi ranchangan tahun 1967 untok membena dan memperbaiki rumah[2] pekerja. Enam buah bangunan pejabat akan di-dirikan di-Kuala Lumpur.

253. Bagi menjayakan tujuan Kerajaan hendak memberi bekalan ayer kapada semua pendudok negeri ini, pinjaman wang dari luar negeri sedang di-uruskan untok membena ranchangan[2] bekalan ayer di-Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Sungai Petani, Kota Bharu, Melaka, Dungun dan Kemaman.

Jabatan Perkhidmatan Pos

254. Pada tahun lalu, Jabatan Perkhidmatan Pos telah membuka enam buah Pejabat Pos baharu ia-itu di-Johol, Negri Sembilan, di-Bota dan Manong, Perak, di-Kemaman, Trengganu, di-Masjid Tanah, Melaka dan di-Sungai Buloh, Selangor. Dua buah bangunan Pejabat Pos ia-itu di-Kuala Trengganu dan di-Kuala Perlis yang di-bena dalam tahun 1966 sekarang ini telah di-buka. Sa-buah bangunan telah di-beli di-Petaling Jaya pada penghujong tahun 1966 untok di-jadikan sa-buah Pejabat Pos. Kerja[2] membena Pejabat[2] Pos baharu di-Klang Utara dan Kapar dalam Negeri Selangor, di-Sungai Petani, Kedah, di-Bukit Mertajam, Pulau Pinang dan di-Ulu Tiram, Negeri Johor maseh berjalan terus.

255. Dua puloh sembilan Perwakilan Pos telah di-buka dalam tahun 1966 di-merata pelusok negeri ini. Empat buah Pejabat Pos Berkereta telah juga di-beli untok berkhidmat di-kawasan[2] luar bandar.

256. Dalam tahun 1967 Jabatan Perkhidmatan Pos telah meranchang untok memulakan kerja membena bangunan[2] Pejabat Pos baharu di-Batu Arang, Jinjang dan Jalan Pantai Bharu, Kuala Lumpur, Selangor, di-Enggor, Perak, di-Yen, Kedah, di-Cha'ah, Johor, sa-buah Pejabat Iseh di-Butterworth, Pulau Pinang dan asas bangunan untok Pejabat Besar Pos dan Ibu Pejabat Bahagian yang baharu

di-Seremban. Sa-banyak tiga puloh lagi Perwakilan Pos telah di-ranchangkan di-merata[2] tempat. Oleh itu, Jabatan Perkhidmatan Pos sentiasa menyediakan kemudahan[2] pos sa-bagaimana yang di-kehendaki dalam negeri ini.

JABATAN TALIKOM

257. Pada keselurohan-nya Perkhidmatan Talikom telah bertambah maju di-Malaysia Barat dan di-Malaysia Timor. Terutama sa-kali di-Ibu Kota di-mana permintaan[2] perkhidmatan talipon tersangat banyak dan kerja bagi menyediakan empat buah ibusawat di-pinggir Ibu Kota ini sedang berjalan dengan pesat-nya.

258. Pada tahun yang lalu telah di-nyatakan kemajuan rentangan Kebel SEACOM ka-Pulau Guam di-Lautan Pacific. Dengan siap-nya kebel ini pada tahun lalu Malaysia telah dapat mengadakan litar[2] talipon, taligerap dan telex sa-chara terus ka-London, San Francisco, Tokyo dan Manila.

259. Dalam masa itu juga radio ulangan kerap (high-frequency Radio) terus telah di-adakan di-antara Kuala Lumpur dengan Sydney.

260. Dengan siap-nya peringkat akhir Projek Kebel SEACOM ka-Cairn di-Australia dalam bulan April tahun ini, litar[2] radio ulangan kerap (high-frequency radio) di-ganti dengan litar[2] Kebel SEACOM yang bermutu tinggi.

261. Dengan tamat-nya konferantasi, perhubongan talipon sa-chara radio ulangan kerap (high-frequency radio) telah di-adakan pada akhir tahun 1966 di-antara Kuala Lumpur dengan Djakarta dan juga antara Kuala Lumpur dengan Medan.

262. Satu lagi, perhubongan talipon, taligerap dan telex sa-chara radio ulangan kerap (high-frequency radio) telah di-adakan pada bulan April tahun lalu di-antara Kuala Lumpur dengan Bangkok.

263. Pada 1hb Januari, 1967, Kerajaan telah mengambil aleh segala perkhid-matan perhubongan talikom yang di-jalankan oleh Sharikat Kebel dan Wireless di-Jesselton. Dengan ini maka segala perhubongan talikom ka-luar negeri ada-lah di-bawah kawalan Kerajaan.

264. Ada-lah memang dasar Kerajaan hendak memperbaiki lagi perkhidmatan talikom dalam negeri ini. Kerja bagi mengadakan perhubongan sistem gelombang mikero di-antara Kuala Lumpur dengan Kuantan sudah pun di-mulakan. Kerja menukar ibusawat beropereter kapada ibusawat otomatik di-Kuala Trengganu telah di-mulakan. Sistem Radio Berserak (Scatter) di-antara Kuching, Sarawak dengan Malaysia Barat akan di-adakan sa-lain daripada kerja[2] mengelokkan lagi ibusawat[2] kechil saperti di-Kuching, Jesselton, Tawau, Lahad Datu dan di-tempat[2] lain. Kerja sedang berjalan bagi membaiki perhubongan[2] di-antara pekan[2] dalam Sabah dan Sarawak.

265. Peruntokan telah pun di-sediakan oleh Kerajaan bagi menjalankan kajian awal bagi membena suatu sistem gelombang mikero di-antara Jesselton dengan Kuching dan ada-lah dasar Kerajaan hendak mengadakan sistem ini di-masa hadapan.

D. Perkhidmatan Pos dan Talikom, Malaysia Timor

PERKHIDMATAN POS, SABAH

266. Dua belas buah Perwakilan Pos telah di-buka dalam tahun yang lalu dan dengan ini Perwakilan Pos di-kawasan[2] luar bandar berjumlah sa-banyak 44 buah. Perundingan maseh berjalan terus untok membuka banyak lagi Perwakilan[2] Pos untok memenohi kehendak orang ramai. Tujuan Jabatan Pos ialah hendak menambahkan lagi perkhidmatan pos di-luar[2] bandar di-mana sahaja yang boleh.

267. Sa-buah chawangan Pejabat Pos telah di-buka di-Tanjong Aru, Jesselton, dalam bulan Jun, 1966. Ini telah mengurangkan sadikit keadaan yang sesak di-Ibu Pejabat Pos Besar di-Jesselton.

